

**TRADISI KEILMUAN DALAM TAMADUN ISLAM
(132-654H/749-1256M): PENDEKATAN, FAKTOR
DAN KESAN**

MOHD TAJUDDIN BIN ABD RAZAK

**SARJANA SAINS
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

2021

Tesis ini telah diterima oleh Senat Universiti Malaysia Terengganu sebagai memenuhi syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Sains.

Asyraf bin Haji Ab. Rahman,
Ph.D
Professor, **Dekan Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan**
Universiti Malaysia Terengganu

Tarikh:

DEKLARASI

Saya dengan ini mengisytiharkan bahawa tesis ini berdasarkan kerja asal saya kecuali petikan dan rujukan yang telah diakui dengan sewajarnya. Saya juga mengisytiharkan bahawa tidak pernah sebelum ini atau sekarang ini diserahkan serentak untuk ijazah lain di UMT atau institusi lain.

MOHD TAJUDDIN BIN ABD RAZAK

Tarikh:

SENARAI KANDUNGAN

	Page
DEDIKASI	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
KELULUSAN	viii
BORANG DEKLARASI	x
SENARAI JADUAL	xiii
TRANSLITERASI	xiv
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.1.1 Lahirnya Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M)	5
1.1.2 Perkembangan Tradisi Keilmuan Kerajaan Abbasiyyah	9
1.2 Penyataan Masalah	20
1.3 Persoalan Kajian	25
1.4 Objektif Kajian	26
1.5 Kepentingan Kajian	27
1.6 Skop dan Batasan Kajian	27
1.6.1 Struktur Penulisan	29
1.7 Definisi Konsep Kajian	30
1.8 Kesimpulan	34
2 SOROTAN KAJIAN	37
2.1 Pengenalan	37
2.2 Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M)	38
2.3 Pendekatan Tradisi Keilmuan	46
2.4 Faktor Kejayaan Tradisi Keilmuan	54
2.5 Kesan Tradisi Keilmuan ke Atas Eropah	58
2.3 Kesimpulan	65
3 KAEDAH KAJIAN	68
3.1 Pengenalan	68
3.2 Rekabentuk Kajian	71
3.2.1 Kaedah Kepustakaan	71
3.3 Kaedah Pengumpulan Data	74
3.3.1 Sumber Sekunder	75

3.3.2	Temubual Tidak Berstruktur	76
3.4	Kaedah Analisis Data	77
3.4.1	Induktif	78
3.5	Kesimpulan	79
4	PENDEKATAN TRADISI KEILMUAN KERAJAAN ABBASIYYAH	81
4.1	Pengenalan	81
4.2	Pendekatan Tradisi Keilmuan Kerajaan Abbasiyyah	83
4.2.1	Prasarana dan Institusi Pembelajaran	92
4.2.2	Standard Sistem Pendidikan, Kurikulum dan Kaedah Pendidikan	118
4.3	Faktor Kejayaan Tradisi Keilmuan Kerajaan Abbasiyyah	134
4.3.1	Islam sebagai Pemacu Perubahan Pendidikan	135
4.3.2	Peranan Pemerintah dan Sumbangan Ulama terhadap Pendidikan	138
4.3.3	Sokongan masyarakat terhadap perkembangan aktiviti keilmuan	143
4.3.4	Bahasa Arab sebagai bahasa ilmu	145
4.3.5	Aktiviti Penterjemahan dan Penulisan Ilmiah	147
4.3.6	Kestabilan politik dan dasar hubungan diplomatik	152
4.3.7	Ekonomi dan kewangan mengukuhkan sektor pendidikan	153
4.4	Kesan Perkembangan Ilmu Terhadap Eropah	157
4.4.1	Sarjana Muslim pencetus peradaban Eropah	158
4.4.2	Pencapaian Sarjana Muslim merubah Kurikulum di Eropah	174
4.4.3	Pengaruh Falsafah Islam terhadap pemikiran Sarjana Eropah	176
4.4.4	<i>Renaissance</i> dan Kebangkitan Eropah	179
4.5	Kesimpulan	183
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	186
5.1	Pengenalan	186
5.2	Rumusan	187
5.3	Cadangan	189
	RUJUKAN	192
	BIODATA	206

SENARAI JADUAL

Table		Page
1.1	Senarai nama Khalifah Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M)	6
5.1	Senarai tokoh-tokoh Sarjana Islam sepanjang Pemerintahan Abbasiyyah	172

JADUAL TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Roman	Arab	Versi Roman
مِ	'	مِائَة	<i>mi'ah</i>
ك	b	كَتَبَ	<i>kataba</i>
ت	t	تَنْزِيلُ	<i>tanzilu</i>
ث	th	ثَوْرَة	<i>thawrah</i>
ج	j	جَمَال	<i>jamal</i>
ق	h	قَبِيح	<i>qabuha</i>
خ	kh	خَالِد	<i>khalid</i>
د	d	دِمَشْق	<i>dimashq</i>
ذ	dh	ذَهَب	<i>dhahab</i>
ر	r	رَحْمَن	<i>rahman</i>
ز	z	زَمَزَم	<i>zamzam</i>
س	s	سُورَة	<i>surah</i>
ش	sh	شَجَرَة	<i>shajara</i>

ص	s	صَبْر	<i>sabr</i>
ض	d	ضَمِير	<i>damir</i>
ط	t	طَوَّرَ	<i>tawwara</i>
ظ	Z	ظَهَرَ	<i>zuhr</i>
ع	‘	عَبْد	<i>‘abd</i>
غ	gh	غَيَّرَ	<i>ghayyara</i>
ف	f	فَرِحَ	<i>fariha</i>
ق	q	قَبِحَ	<i>qabuha</i>
ك	k	كَثَّرَ	<i>kathara</i>
ل	l	لَاكَ	<i>laka</i>
م	m	مَكَّة	<i>makkah</i>
ن	n	نَبِي	<i>nabiyy</i>
ه	h	هَبَطَ	<i>habata</i>
و	w	وَعَدَ	<i>wa’ada</i>
ي	y	يَسَّرَ	<i>yasar</i>

Vokal Pendek			
اَ	a	كَتَبَ	<i>kataba</i>
اِ	i	قَوَسَ	<i>qawisa</i>
اُ	u	وُلِدَ	<i>wulida</i>

Vokal Panjang			
اَ + اُ	a	قَادِنٌ , قَادَا	<i>qadin, qada</i>
اِ + اِي	i	قِيلَ	<i>qila</i>
اُ + اُو	u	مُؤْمِنُونَ	<i>mu'minun</i>

Diftong			
اَوْ	aw	يَوْمٌ	<i>yawm</i>
اَيُّ	ay	خَيْرٌ	<i>khayr</i>
اِيَّ	iyy/i	رَجَعِي	<i>raj'iyy / raj'i</i>

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Kajian ini dijalankan berlatar belakang pendekatan tradisi keilmuan semasa era kegemilangan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) yang dikenali dengan Zaman Keemasan Ketamadunan Ilmu, *The Golden Age Era* suatu waktu dahulu. Apabila disebut tentang tradisi keilmuan acuan Islam, literasi kependidikan ini bermula semenjak zaman Rasullullah S.A.W (570-633M) lagi, diteruskan oleh zaman *Khulafa ar-Rasyidin* (632-661M), Kerajaan Umayyah (661-750M) di Timur termasuk pemerintahan di Sepanyol dan seterusnya hinggalah kepada Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M).

Kajian ini akan membincangkan bagaimana kaedah dan pendekatan yang telah digunakan dalam melahirkan para pelajar yang baik dari segi ilmu duniawi, atau *ulum aqliyyah* dan ilmu ukhrawi atau *ulum naqliyyah*, selain mencari keseimbangan di antara kedua dua ilmu, dalam menghasilkan pelajar aliran *ulum aqliyyah* yang menguasai juga *ulum naqliyyah*.

Perbincangan turut meliputi faktor-faktor dan kesan pendidikan melingkari Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) yang mempengaruhi perubahan-perubahan positif sama ada kepada umat Islam bahkan mencetus kebangkitan Eropah khususnya dan kepada dunia amnya. Pendekatan kajian ini adalah berdasarkan sejarah, diperoleh dari sumber yang sahih. Sejarah Islam merupakan salah satu bidang yang menarik minat para sarjana dan pengkaji baik dalam kalangan umat Islam sendiri mahupun bukan Islam, kerana banyaknya manfaat yang dapat diperoleh dari kajian tersebut. Dengan mengkaji sejarah dan peristiwanya, pemahaman tentang biografi sesuatu aspek, jejak yang ditinggalkan termasuk kebijaksanaan bangsa terdahulu dalam menyelesaikan tatacara kehidupan mereka dengan baik akan turut dikupas.

Melalui kajian sejarah tradisi keilmuan Islam, ianya memberi harapan dan gagasan kebanggaan tentang suatu episod kejayaan yang pernah dikecapi. Ini memberikan rasa keyakinan dan kepercayaan diri yang tinggi setelah mengetahui Islam menumbuhkan peradaban selama beratus tahun. Demikian sebaliknya, mengetahui episod kejatuhan, pertelingkahan yang tiada kesudahan, kemunduran pemikiran dan cintakan dunia berlebihan, ketidaksiagaan dalam memperkukuhkan pertahanan diri dan struktur masyarakat amat menyedarkan untuk menambah baik keadaan diri dan tampil semula memperbaiki dan mengembalikan kegemilangan yang lalu.

Sebagai contoh, salah satu faktor melonjaknya peradaban pendidikan adalah hasil terjemahan karya-karya tamadun luar seperti buku-buku Yunani ini, umat Islam telah menunjukkan kesungguhan untuk mendalami, meneroka serta menambah nilai ilmu-ilmu dan pengetahuan baru sejajar dengan kerangka Islam. Pengkaji berpendapat ilmu Yunani ini hanya bersifat luaran, tetapi apabila diasimilasikan dengan acuan akademik Islam, ianya telah membawa ke arah suatu peradaban yang baru, menumbuhkan suatu anjakan paradigma yang lebih jitu tanpa meninggalkan kaedah pembelajaran asuhan Rasulullah S.A.W yang menjadikan Al-Quran sebagai buku teks dan *Sunnah* sebagai praktikal di dalam kehidupan sehari-hari.

Hasil terjemahan karya-karya Yunani di bidang falsafah, perubatan dan matematik, karya-karya sarjana India di bidang astronomi, bukan setakat mendorong umat Islam untuk mempelajari, mengambil hal-hal yang sesuai dengan ajaran Islam, bahkan para sarjana Barat turut mengambil peluang dengan mempelajari ilmu-ilmu ini. Ironinya, perkembangan dan kemajuan dari aspek ujian dan eksperimen dikembangkan oleh umat Islam sendiri sehinggakan menjadi karya-karya asli umat Islam, termasuk banyak teori-teori yang diperbetulkan semula dan menerbitkan teori-teori baru (Harun Asrohah, 1999). Sebagai contoh, subjek falsafah dari Yunani tidak bersandar kepada Islam, lalu para sarjana Islam mengadaptasi karya-karya tersebut dengan memberi nilai tambah, mengasimilasi mengikut acuan Islam lalu memberi sumbangan besar ke dalam pemikiran falsafah dan ilmiah.

Di antara beberapa karya pemikiran dan falsafah Yunani yang diterjemahkan ke dalam Bahasa Arab antara lain ialah dari sarjana mereka seperti Plato, Aristotle, Galen, Hippokrates dan Dioscorides. (C.A. Qadir, 1988). Setakat penelitian pengkaji, judul asal buku-buku ini di dalam Bahasa Yunani belum dijumpai oleh pengkaji. Judul-judul seperti *The Republic*, *Timaeus* dan *The Laws* karya Plato, *Categories*, *Physics*, dan *Magna Moralia* karya Aristoteles, karya-karya Galen sekitar 20 000 halaman, karya-karya Hippokrates yang berjudul *Aphorisme*, dan *Mata Pelajarana Medica* karya Dioscorides adalah di dalam Bahasa Inggeris iaitu setelah diterjemahkan dari buku Bahasa Arab ke Bahasa Latin dan kemudian diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris.

Ilmu-ilmu Islam sebahagiannya diubah dan dikembangkan perbincangannya serta diluaskan ruang perbahasan dan aliran pemikirannya, dan diasimilasikan. Asimilasi bermaksud percampuran di antara kedua dua ilmu dari luar di adun serta diadaptasi mengikut acuan dan kerangka Islam lalu melahirkan nilai tambah yang meninggikan ilmu itu sendiri. Bagi pengkaji, literasi pendidikan baik dari segi kaedah dan sistematik pedagogi pula adalah dari model Rasulullah S.A.W (570-633M) lagi, diteruskan acuan dan disesuaikan sejak zaman Kerajaan Umayyah (661-750M) seterusnya sehinggalah ke era masa kini.

Islam bukan sekadar apa yang difahami kebanyakan manusia sebagai agama ibadah semata - mata, malah ia memacu ketamadunan manusia ke peringkat yang lebih baik, sebagai penanda aras yang boleh dijadikan sebagai halatuju (*role model* atau *benchmarking*) dan panduan dalam membina kejayaan sesebuah ketamadunan. Literasi dan asimilasi pendidikan yang bermula daripada cara, kaedah dan teori pelaksanaan pada zaman Rasulullah S.A.W (570-633M) sehinggalah kepada kejayaan dan kemuncak pendidikan pada zaman pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M), terutamanya pada zaman pemerintahan Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M) dan diteruskan dengan kelangsungan pemerintahan anaknya Khalifah al-Ma'mun (813-833M) sehingga menjadi pusat kecemerlangan ilmu (Thomas Davidson, 1990).

Thus, from about the middle of the ninth century to the beginning of the twelfth, the great center of learning in the world were the Muslim schools of Iraq.

(Thomas Davidson, 1990:137)

Tujuan penelitian kajian ini adalah untuk menjelaskan kepada umum bagaimana pendekatan, kaedah termasuk pedagogi yang berlaku pada zaman tersebut mampu dijadikan sebagai penanda aras, bagaimana membentuk murid dan pelajar yang menguasai *ulum aqliyyah* iaitu ilmu yang bersifat kepentingan keduniaan dan *ulum naqliyyah*. Tema pembahagian *ulum al-aqliyyah* dan *ulum al-naqliyyah* telahpun dikarang oleh Ibnu Khaldun (2002) di dalam *Muqaddimah*.

Pengkaji berpendapat kajian ilmiah terhadap sesuatu bentuk ilmu adalah bersifat dinamik, iaitu proses yang berterusan yang tiada terhenti sifatnya dan perlu direview semula mengikut tahap perkembangan semasa masyarakat dan perubahan corak pendidikan dunia, diiringi oleh kesan dan natijah peristiwa dan dapatan dari kisah sejarah. Proses ini tidak berlaku secara *literal, one touch and go* dan perlu dikaji secara menyeluruh meliputi segala aspek yang berkaitan dengan perubahan zaman tanpa

meninggalkan acuan kejayaan zaman terdahulu demi menjadi panduan untuk masa hadapan.

1.1.1 Lahirnya Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M)

Menurut Ibnu Kathir (2005), pelantikan Abu al-Abbas al-Saffah (749-753M) sebagai khalifah pertama di dalam legasi pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) diadakan di Kufah pada Hari Jumaat 12 Rabiul Awwal. Manakala menurut Imam al-Sayuti (2015) di dalam *Tarikh al-Khulafa'*, Abu al-Abbas (749-753M) iaitu pengasas kerajaan Bani Abbasiyyah dilahirkan di daerah *Al-Hamimah* dari Jalur *Al-Balqa* yang merupakan sebuah kota di Jordan.

Imam al-Sayuti menyebut, terdapat khilaf perbezaan di antara ulama sejarah tentang tarikh kelahiran Abu al-Abbas (749-753M). Ada yang berpendapat pada tahun 104H (721M) manakala sebahagian yang lain mengatakan pada tahun 108H (725M). Beliau menambah perkataan Ibnu Jarir al-Tabariy (838-923M) yang berkata ketika Rasulullah S.A.W (570-633M) memberitahu kepada bapa saudaranya iaitu Abu al-Abbas (749-753M) bahawa kekhalifahan Bani Abbas akan kembali kepada anaknya. Bermula dari itu cita-cita untuk menguasai pemerintahan tidak pudar dan merasakan pemerintahan adalah milik mereka. Faktor perkaitan dari sudut *nasab* dengan Rasulullah S.A.W menjadikan antara sebab yang kukuh bagi Bani Abbas merasakan lebih layak dan lebih dekat dengan Rasulullah S.A.W (570-633M) berbanding Bani Umayyah.

Mengikut susunan daripada 2 sumber rujukan utama pengkaji seperti yang dinyatakan di atas, terdapat perbezaan di antara pembahagian masa pemerintahan khilafah dengan jangka masa sepanjang Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) memerintah. Kajian yang dijalankan oleh Abbas M.Shariff (2010) pula membahagikan jangka masa

pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) kepada beberapa tempoh iaitu tempoh pertama pada 750-847M, tempoh lanjutan atau Turki Pertama pada 847M-945M, seterusnya tempoh Buwaihi atau pengaruh Parsi Kedua pada 945M-1055M, tempoh Dinasti Saljukiyah atau pengaruh Turki kedua pada 1055M-1194M dan yang terakhir tempoh bebas dari pengaruh lain iaitu pada 1194-1258M.

Seperti sumber-sumber yang tercatat pada buku Ibnu Jarir al-Tabariy (1970) yang bertajuk *Tarikh ar-Rasul wa al-Muluk*, kitab karangan Imam al-Sayuti (2015) bertajuk *Tarikh al-Khulafa'* dan Ibnu Kathir (2005) iaitu *Al-Bidayah wa al-Nihayah*, pengkaji menyenaraikan senarai nama *khilafah*, tahun memulakan pemerintahan dan tahun berakhir pemerintahan, jangka masa pemerintahan dan jangka masa berakhirnya pemerintahan, serta umur sewaktu para *khalifah* ini menaiki takhta seperti yang tercatat di dalam jadual di bawah.

Jadual 1.1: Senarai nama Khalifah Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M)

Bil	Nama Khalifah	Mula Memerintah	Berakhir memerintah	Jangka Masa	Umur
1	Abu Abu al-Abbas As-Saffah	132H/750M	136H/754M	4 tahun	33 tahun
2	Al-Mansur Abu Ja'far Abdillah	136H/754M	158H/775M	22 tahun	63 tahun
3	Al-Mahdi Abu Abdillah b Al-Mansur	158H/775M	169H/785M	10 tahun	43 tahun
4	Al-Hadi Abu Muhammad Musa b Al-Mahdi	169H/785M	170H/786M	1 tahun 3 bulan	62 tahun
5	Harun Abu Ja'far b Al-Mahdi (Ar-Rasyid)	170H/786M	193H/809M	23 tahun 2 bulan	47 tahun
6	Al-Amin Muhammad Abi Abdillah	193H/809M	198H/813M	4 tahun 8 bulan	28 tahun

7	Al-Ma'mun Abdullah Abu Abu al-Abbas	198H/813M	218H/833M	20 tahun	48 tahun
8	Al-Mu'tasim Billah Abu Ishaq	218H/833M	227H/842M	8 tahun 8 bulan	38 tahun
9	Al-Watsiq Billah Harun	227H/842M	232H/847M	5 tahun 9 bulan	32 tahun
10	Al-Mutawakkil Alallah Ja'far	232H/847M	247H/861M	14 tahun 9 bulan	40 tahun
11	Al-Muntashir Billah Muhammad	247H/861M	248H/862M	6 bulan	26 tahun
12	Al-Musta'in Billah Abu Abu al-Abbas	248H/862M	252H/866M	3 tahun 9 bulan	31 tahun
13	Al-Mu'tazz Billah Muhammad	252H/866M	255H/868M	3 tahun 7 bulan	24 tahun
14	Al-Muhtadi Billah bin Al-Watsiq	255H/868M	256H/869M	11 bulan	38 tahun
15	Al-Mu'tamid Alallah Abu Abu al-Abbas	256H/869M	279H/892M	23 tahun 6 bulan	50 tahun
16	Al-Mu'tadhid Billah Ahmad bin Al- Muwaffiq	279H/892M	289H/902M	9 tahun 9 bulan	47 tahun
17	Al-Muktafi Billah Abu Muhammad bin Mu'tadhid	289H/902M	295H/908M	6 tahun 9 bulan	33 tahun
18	Al-Muqatdir Billah Abu Al-Fadhl bin Al- Mu'tadhid	295H/908M	319H/938M	25 tahun	38 tahun
19	Al-Qahir Billah Abu Mansur bin Al- Mu'tadhid	319H/938M	322H/934M	1 tahun 5 bulan	35 tahun
20	Ar-Radhi Billah Abu Abu al-Abbas bin Al- Muqtadir	322H/934M	329H/940M	6 tahun	32 tahun
21	Al-Muttaqi Lillah Abu Ishaq bin Al- Muqtadir	329H/940M	333H/944M	4 tahun	60 tahun
22	Al-Mustakfi Billah Abu Al-Qasim bin Al-Muktafi	333H/944M	334H/945M	1 tahun 4 bulan	42 tahun
23	Al-Muthi'llah Abu Al-Qasim bin Al- Muqtadir	334H/945M	363H/973M	29 tahun 5 bulan	63 tahun
24	At-Thai'lillah Abu Babkar in Al-Muthi'	363H/973M	393H/991M	17 tahun 8 bulan	76 tahun

25	Al-Qadir Billah Abu Abu al-Abbas bin Ishaq	393H/991M	422H/1031M	41 tahun 1 bulan	86 tahun
26	Al-Qa'im Biamrillah Abu Ja'far bin Al-Qadir	422H/1031M	467H/1074M	45 tahun	76 tahun
27	Al-Muqtadi Biamrillah bin Muhammad	467H/1074M	487H/1094M	19 tahun 8 bulan	38 tahun
28	Al-Mustazhir bin Al-Muqtadi	487H/1094M	512H/1118M	25 tahun	41 tahun
29	Al-Mustarsyid Billah Abu Mansur bin Al-Mustazhir	512H/1118M	529H/1134M	17 tahun 7 bulan	43 tahun
30	Ar-Rashid Billah Abu Jaafar bin Al-Mustarsyid	529H/1135M	530H/1160M	24 tahun	66 tahun
31	Al-Muqtafi bin Liamrillah Abu Abdillah bin Al-Mustazhir	530H/1134M	555H/1135M	11 bulan	40 tahun
32	Al-Mustanjid Billah Abu Al-Muzaffar bin Al-Muqtafi	555H/1160M	556H/1170M	11 tahun	48 tahun
33	Al-Mustadi Biamrillah Al-Hassan bin Al-Mustanjid	556H/1170M	575H/1179M	9 tahun	39 tahun
34	An-Nashir Lidinillah Ahmad bin Al-Mustadi	575H/1179M	622H/1225M	46 tahun 11 bulan	70 tahun
35	Az-Zahir Biamrillah Abu Nashir bin An-Nasir	622H/1225M	623H/1226M	9 bulan	53 tahun
36	Al-Mustanshir Billah Abu Jafar bin Az-Zahir	623H/1226M	649H/1243M	18 tahun	52 tahun
37	Al-Muta'sim Billah Abu Ahmad bin Al-Mustanshir Billah	640H/1243M	659H/1257M	16 tahun	50 tahun

Semasa pemerintahan Kerajaan Umayyah (661-750M), pusat pentadbiran berada di Damsyik sebagai ibukota kerajaan. Apabila berlaku perubahan pentadbiran, pusat pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) telah dipindahkan daripada Damsyik ke Baghdad di atas beberapa sebab seperti soal politik, ekonomi dan sosial, dan bukan semata-mata faktor geografi sahaja. Baghdad telah dijadikan ibukota dan pusat pentadbiran bagi kerajaan ini sepanjang pemerintahan. Baghdad diberi jolokan sebagai ibu kota intelektual Islam kerana peranan yang dimainkan dalam bidang keilmuan dan pendidikan yang melonjakkan nama dan fungsi Baghdad berbanding dengan ibukota yang lain.

Among the cities of the world, Baghdad stands out as the professor of the community of Islam.

(Philip K.Hitty, 1973: 85)

Ketika pemerintahan Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M) dan Khalifah al-Ma'mun (813-833M) memerintah, Baghdad berada di dalam keadaan terbaik dan penuh kejayaan bukan sahaja di tanah Arab tetapi juga seluruh wilayah umat Islam. Baik dari segi keuntungan politik, kekayaan khazanah negara termasuk aktiviti keintelektualan yang berlaku (Philip K.Hitty, 1973).

1.1.2 Perkembangan Tradisi Keilmuan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M)

Seiring dengan kemunculan Islam, aspek keilmuan dan pendidikan telah diberi penekanan dan berkembang pesat berbanding sebelumnya. Kalam Rasullullah S.A.W (570-633M) seperti kewajipan menuntut ilmu ke atas orang Islam baik lelaki mahupun perempuan dan seumpamanya sudah cukup memperindah laluan dan suruhan serta

kepentingannya yang perlu diambil berat. Hasilnya umat Islam berjaya mempamerkan keunggulan dan kecemerlangan dalam pelbagai bidang.

Institusi terawal di dalam sejarah peradaban tradisi keilmuan adalah rumah Rasulullah S.A.W sendiri. Inilah tempat pertama sebuah institusi yang dijadikan ruang permulaan sebuah pendidikan agung. Manakala di rumah sahabatnya, Al-Arqam bin Abi al-Arqam adalah institusi sekolah pertama yang menjadi saksi pendidikan Islam diterapkan dan disebarkan yang dikenali sebagai *Dar Al-Arqam*. Pernyataan ini turut diakui oleh Fadzlullah Hj Shuib (1995), yang mengatakan rumah Rasulullah S.A.W ialah sekolah pertama Rasulullah S.A.W sebagai guru dan pendidik umat Islam dan dikenali sebagai institusi pengajaran dan pembelajaran akidah di peringkat awal Islam.

Tradisi keilmuan bermula dengan ajaran *Tauhid*, yakni mengesakan Allah. Kenyataan ini disokong oleh Philip K.Hitty (1973) yang mengatakan bahawa sesi pembelajaran awal masyarakat Islam adalah bermula di rumah. Setiap ibu bapa mengajarkan anak mereka dengan kalimah tauhid, *LA ILAHA ILLALLAH*. Beliau menegaskan pengamalan yang bermula dari rumah ini merupakan permulaan pendidikan formal bagi kanak-kanak seusia 6 tahun. Faktor kurikulum agama yang diterapkan seawal umur kepada murid, akan menjadikan jati diri dan kekuatan integriti membentengi mereka dari melakukan sesuatu diluar batasan dan kewarasan.

Sejarah awal tradisi keilmuan warisan Islam bermula dari Allah kepada manusia pertama, Nabi Adam A.S yang mengajar tentang nama dan benda-benda. Ini menunjukkan konsep pendidikan yang bermula secara langsung dari Allah Tuhan Semesta Alam (Al-Quran, Al- Baqarah: 31) sehinggalah tradisi keilmuan pada zaman para rasul utusan Allah dan sehingga zaman Abbasiyyah. Pecahan *ulum naqliyyah* seperti perbincangan tajuk tesis merujuk kepada ilmu-ilmu keagamaan atau ukhrawi yang berorientasikan Al-Quran dan As-Sunnah, meliputi ilmu tafsir Al-Quran, ilmu Hadith, *nahu* dan tatabahasa, *ulum Feqah*, *Tauhid*, *Tasawuf* dan sebagainya. Manakala *ulum aqliyyah* dimaksudkan ialah ilmu akal

dan rasional atau ilmu duniawi seperti ilmu falsafah, matematik, perubatan, metafizik, logik, geografi, astronomi, sains gunaan seperti kimia dan fizik serta biologi, geologi, muzik dan sebagainya.

Sejarah perjalanan ketamadunan pemerintahan *Khilafah* Islam telah meninggalkan suatu episod kejayaan yang sangat membanggakan terutamanya dari sudut tradisi keilmuan. Tinggalan sejarah memperlihatkan bahawa tradisi keilmuan pada zaman Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) adalah zaman kemuncak tamadun keilmuan dunia, jauh mengatasi ketamadunan yang sedia ada sebelum itu. Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) adalah empayar Islam ketiga menaiki takhta pemerintahan pada tahun 749M selepas mereka berjaya mengalahkan tentera Kerajaan Umaiyah (661-750M) dalam medan peperangan di antara Kerajaan Umaiyah (661-750M) dan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M). Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) berkembang selama lima abad tetapi secara perlahan-lahan mengalami zaman kejatuhan selepas kebangkitan tentera Turki dan akhirnya berakhir pada tahun 1258M selepas Hulagu Khan (1217-1265M) iaitu seorang panglima tentera Mongol menyerang Baghdad.

Sepanjang pemerintahan *Khulafa ar-Rasyidin* (632-661M), pemerintahan Kerajaan Umaiyah (661-750M) sehingga ke Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) memerintah, ia dipandu oleh saranan wahyu dan hasil didikan Rasulullah S.A.W dalam membentuk sistem, kaedah dan pendekatan yang terbaik melalui acuan Islam yang *syumul* terutamanya berkenaan pendidikan. Islam meletakkan pendidikan di tahap yang tinggi, satu elemen yang sangat penting di dalam Islam. Ini dibuktikan dengan penurunan ayat pertama Al-Quran yang berkait rapat dengan gerakan wahyu berorientasikan pendidikan di awal permulaan kenabian Rasulullah S.A.W (Surah Al A`laq 1-5). Wahyu pertama yang diturunkan ini penuh dengan keberkatan yang menunjukkan bahawa Allah menyayangi hamba-hambaNya, dengan termeteri proses kejadian manusia dari segumpal darah. Allah mengajarkan kepada manusia apa yang tidak diketahuinya, malah memuliakan dan membezakan manusia ialah dengan keilmuan yang dimiliki (Ibnu Kathir, 2005a).

Melalui ilmu, manusia belajar mengenal Tuhan, fenomena alam dapat difahami serta menjalani kehidupan dengan aturan dan tingkah laku yang baik berdasarkan akidah yang jelas, halatuju yang bermanfaat serta dihiasi dengan amal yang mulia. 3 aspek ini mendasari prinsip dan pegangan tradisi keilmuan di dalam Islam. Sorotan sejarah menyingkap bagaimana kaedah Rasulullah S.A.W (570-633M) di permulaan perjalanan dakwah, pembinaan institusi dan prasarana pendidikan dan seterusnya pembinaan modal insan diterapkan dan dijadikan contoh. Menurut Ibnu Khaldun (2002), mengetahui sejarah akan membuatkan kita faham akan hal ehwal sesuatu bangsa yang terdahulu kerana ia tercermin melalui perilaku mereka. Melalui sejarah, kita dapat mengetahui biografi Rasulullah S.A.W, sesebuah kerajaan dan dasar raja-raja seterusnya.

Dalam kalangan pengkaji Barat yang mengkaji tentang Empayar Islam Abbasiyyah (749-1256M), mereka menyebutkan tentang *The Golden Age Era*, yang menggambarkan bahawa zaman tersebut adalah zaman terbaik yang pernah dicapai oleh tamadun pendidikan, melibatkan tahap keagungan ilmu yang diletak di peringkat tertinggi hasil daripada asimilasi pendidikan yang diterap dan diserap oleh pemerintahan berpaksikan Islam. *The golden age* bermaksud zaman keemasan dalam perkembangan intelektual yang menjadikan Baghdad sebagai pusat yang dinamik dari aspek keintelektualan Muslim pada masanya, di mana dalam jangka masa tersebut orang-orang Muslim memenuhi rasa keinginan terhadap belajar yang tinggi dan memenuhi rasa ingin tahu pada ilmu-ilmu yang belum pernah diketahui oleh mereka sebelumnya (C.A. Qadir, 1988). Peradaban Islam menunjukkan ketinggian pencapaian dan kejayaan orang-orang Muslim menjadi pencetus keilmuan baru hasil asimilasi dan penerokaan percambahan pemikiran, falsafah dan ilmu pengetahuan samada ilmu berdasarkan keagamaan atau *ulum naqliyyah* dan juga ilmu berdasarkan duniawi, logik dan eksperimen atau *ulum aqliyyah*.

Maksud dari kejayaan intelektual pada masa Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) dibincangkan di dalam tiga bidang kegiatan, iaitu penyusunan buku-buku ilmiah, pengaturan kembali ilmu-ilmu Islam, dan aktiviti penterjemahan dari bahasa asing ke Bahasa Arab (Harun Asrohah, 1999). Pembangunan prasarana *Bait Al-Hikmah* tahun 830

Masehi sebagai pusat penterjemahan karya ketamadunan luar menjadi perangsang gerakan penterjemahan besar-besaran buku-buku bahasa asing, khususnya dari Yunani ke Bahasa Arab. Penggunaan Bahasa Arab sebagai bahasa keilmuan sewaktu perluasan kuasa dan tanah jajahan, urusan pentadbiran dan karya keilmuan yang diterjemah ke dalam Bahasa Arab diterima sebagai bahasa pertuturan dan komunikasi terbesar pada waktu itu.

Geografi pertuturan Bahasa Arab pada zaman *Khilafah Abbasiyyah (749-1256M)* (749-1256M) menunjukkan Bahasa Arab bermula sebagai dialek Arab di bahagian Barat, tetapi dengan kebangkitan Islam dan perluasan penaklukan di abad ke 7, ia menjadi bahasa empayar Islam, dari Barat India hingga ke Sepanyol. Empayar Parsi selepas era Islam sehinggalah ke Bangsa Ghuriah (637-1212M) telah ditawan, dan Empayar Byzantine atau Rom Timur beribu negara di Constantinople (330-1204M) telah dikurangkan saiz tanah jajahan dan kuasa mereka (Glen M.Cooper, 1997). Di awal pemerintahan Kerajaan Umayyah (661-750M), beberapa kawasan masih lagi berkomunikasi menggunakan Bahasa Yunani dan Pahlavi ketika mentadbir kawasan-kawasan yang baru diteroka.

Sewaktu pengambilalihan pemerintahan kepada Khalifah Abd Al-Malik (685-705M) menaiki takhta, Kerajaan Umayyah (661-750M) telah memusatkan kuasa dan menjadikan Bahasa Arab sebagai bahasa rasmi termasuk aspek matawang dan ekonomi, perniagaan menggunakan sistem timbang dan sukat. Bahasa Arab secara beransur-ansur tersebar, seperti Latin di Barat. Sepanjang peradaban berlaku di Andalus juga didapati Bahasa Arab dituturkan sepanjang pemerintahan di Sepanyol, menjadi bahasa wacana intelektual, agama, dan undang-undang bagi penduduk tempatan sepanjang dominasi Islam (Philip K.Hitty, 1973). C.A. Qadir (1988) mengatakan bahawa perkembangan sains dalam ketamadunan Islam, adalah terhasil daripada interaksi dan integrasi mantap antara sumber agung ajaran Islam dan adaptasi sumber keilmuan asing.

Kesan dari penaklukan juga menjadikan Bahasa Arab dipertuturkan oleh orang Greek, dan Parsi. Semasa Kerajaan Umayyah (661-750M) memerintah, kawasan tanah

jajahan meliputi Hijjaz, Yaman, Tunisia, Aljazair Maroko dan Sepanyol. Setelah diambil alih oleh pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M), perluasan kuasa semakin melebar sehingga ke Parsi, Armenia, sekitar laut Kaspia, sebahagian Barat India, Asia Tengah dan wilayah perbatasan Cina di sebelah Barat. Berdasarkan era transformasi Islam itu, blok Barat termasuk sebahagian Eropah masih lagi jauh ketinggalan sehingga dikenali *The Dark Ages* (1350-1450M) atau zaman kegelapan. Zaman kegelapan Eropah berakhir pada akhir abad ke 8 (Thomas Davidson, 1900).

Pengkaji lebih cenderung dengan sumber yang mengatakan zaman kegelapan Eropah mula berakhir di abad ke 14 selepas tercetusnya revolusi di Itali serta gerakan besar-besaran yang dikenali *Renaissance*¹. Sumber sejarah menunjukkan bahawa hampir tiada kejayaan, keagungan ketamadunan yang mereka capai sehinggalah berlakunya revolusi industri setelah hampir ratusan tahun hidup dalam zaman kegelapan. Malah secara literalnya, pembawaan kecemerlangan pendidikan pada zaman Islamlah yang membangkitkan Eropah bergerak ke arah peradaban. Sejarah mencatatkan bagaimana negara Itali yang mula bangkit seawal abad ke 14 selepas kejatuhan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) di pertengahan abad ke 12 akibat serangan Tentera Mongul.

Perubahan iklim tradisi keilmuan yang *syumul* ini *mentransformasikan* aliran keabsahan proses tersebut sehingga menghasilkan beberapa perbincangan dapatan dalam kajian ini. Sudah tentu proses ini melalui beberapa fasa dan nilai kematangan yang memerlukan suatu falsafah, gerak kerja secara bersistematik *hairaki*² termasuk struktur organisasi pentadbiran dan pengurusan, corak pemikiran dan kemahuan pemerintah yang jelas, serta agenda membangunkan ummah dititik beratkan sehinggalah ia berjalan seiring

¹ Kamus Merriam Webster menghuraikan maksud *Renaissance* dengan 3 pembahagian iaitu a: *the transitional movement in Europe between medieval and modern times beginning in the 14th century in Italy, lasting into the 17th century, and marked by a humanistic revival of classical influence expressed in a flowering of the arts and literature and by the beginnings of modern science*, b: *the period of the Renaissance* dan c: *the neoclassical style of architecture prevailing during the Renaissance*.

² Kamus dewan edisi keempat mendefinisikan *hairaki* sebagai susunan atau kedudukan tinggi rendah (dalam organisasi, masyarakat, dsb) berdasarkan taraf atau kekuasaan; syarat kemasukan ke dalam – syarikat dan peluang untuk mencapai kedudukan tinggi sebahagian besarnya ditentukan oleh tingkat pendidikan; Rujuk seterusnya di <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=hierarki>

dengan percambahan keilmuan. Bagi umat Islam, sejarah telah menunjukkan bahawa peradaban ketamadunan yang berlaku membuktikan Islam pernah menakluki sehingga dua pertiga dunia, menguasai pelbagai bidang keilmuan selama beratus ratus tahun, mencetus dan menerbitkan rasa percaya diri, kebanggaan dan keyakinan buat penganutnya.

Merujuk kepada perkembangan ilmu keagamaan, cabang-cabang dari perbincangan ilmu tersebut menjadi luas dan perbezaan pandangan antara para ulama seperti yang disebutkan menjadi rahmat buat umat. Seperti juga dengan ilmu *aqliyyah* ini, dapatan yang diambil dari luar lantas diasimilasikan dengan garapan Islam menyebabkan ruang perbincangan lebih luas, lebih padu dan eksplorasi ilmu menjadi lebih baik hasil panduan yang digariskan Islam. Pendekatan utama tradisi keilmuan adalah merujuk kepada seni pengajaran dan pembelajaran AlQuran itu sendiri. Al-Quran adalah mata pelajaran utama yang diajar Rasulullah S.A.W (570-633M) pada permulaan dakwah sehingga kepada zaman keemasan Islam, Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M).

Kenyataan ini disokong oleh Alias Azhar (2001) memetik Syed Hussin Nasr yang menyebut bahawa aspek ketamadunan Islam adalah berpaksikan kepada peradaban keilmuan Islam di mana dalam masa yang sama turut menerima, mengadaptasi dan mengasimilasikan ilmu daripada ketamadunan asing yang tidak bercanggah dengan kehendak syarak. Beliau turut menyenaraikan 2 faktor penting pemangkin kepada ketamadunan Islam iaitu kekuatan ajaran Islam yang bersumberkan Al-Quran dan As-Sunnah Rasulullah S.A.W dan yang kedua adalah sumber-sumber dari tamadun-tamadun yang membangun sejajar dengan perkembangan Islam tetapi tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip Islam.

Begitu juga dengan kenyataan yang disokong oleh Lawrence I.Conrade *et.al* (2012) yang memetik pernyataan dari Gil'Adi. Beliau menjelaskan bahawa di peringkat awal persekolahan yang bermula di zaman Rasulullah S.A.W (570-633M) lagi, Al-Quran

adalah asas kepada pelajaran di sekolah. Murid dikehendaki untuk menghafal Al-Quran, tatabahasa, *aritmetik*³ dan lain-lain, termasuk mempelajari Hadith serta feqah. Dapatan kajian beliau turut menyatakan di Basra, di mana terdapat sekolah dari Bani Sakun untuk latihan pemidato atau pengkhutbah. Tradisi keilmuan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) menjelaskan tentang naungan politik para pemerintah yang cenderung terhadap keilmuan dan kesuburan perkembangan intelektual. Rangsangan yang maksima para pemerintah Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) mempengaruhi pencapaian dan kemajuan terutama di bidang pendidikan. Kelangsungan tradisi keilmuan ini membawa kepada kebangkitan intelektual umat Islam yang turut memberi kesan kepada kelangsungan politik dan kestabilan negara.

Titik terbesar bermulanya kehebatan dan kecemerlangan pendidikan negara diasaskan oleh Khalifah Abu Jaafar Al-Mansur (754-775M) dengan mengambil buku-buku falsafah Yunani dan buku-buku *aqliyyah* seperti sains ke *Bait Al-Hikmah* untuk diterjemahkan (Muhammadullah Khalil, 2005). Pengkaji berpendapat terdapat perselisihan fakta berkenaan dengan pendapat yang dikemukakan oleh Muhammadullah Khalil (2005) berkenaan dengan *Bait Al-Hikmah* ketika era Khalifah Abu Jaafar Al-Mansur (754-775M). Terdapat sumber yang lebih kuat mengatakan *Bait Al-Hikmah* ditubuhkan sama ada pada zaman Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M) manakala Khalifah al-Ma'mun (813-833M) mengembangkan lagi kepelbagaian fungsinya. Semenjak itu, ilmu logik, falsafah dan pelbagai bidang *aqliyyah* telah diasimilasikan mengikut acuan dan penambahan kerangka Islam yang menjadi *value added* buat ilmu tersebut dan melahirkan ramai tokoh-tokoh ilmuan ilmu *aqliyyah* yang pada masa sama menguasai *ulum naqliyyah*.

³ Kamus Merriam Webster memberi maksud aritmetik sebagai a branch of mathematics that deals usually with the nonnegative real numbers including sometimes the transfinite cardinals and with the application of the operations of addition, subtraction, multiplication, and division to them. Salah satu cabang dari matapelajaran Matematik yang diajar di peringkat sekolah rendah. Bacaan selanjutnya di Children in Islam: Concepts of Childhood in Medieval Muslim Society

Kebangkitan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) mempercepat proses perkembangan ilmu *naqliyyah* di samping ilmu *aqliyyah* turut diberi penekanan. Ini dibuktikan dengan kepesatan perkembangan bidang penterjemahan menyebabkan proses penyerapan budaya ilmu asing ke dalam ilmu Islam telah mendapat tempat di hati masyarakat Islam. Walzer (1962) dan Lindberg (1978) mengakui bahawa antara sebab cepatnya perkembangan pendidikan turut diiringi oleh aspek perluasan kuasa dan tanah jajahan. Penaklukan ke atas beberapa pusat penyebaran ilmu wilayah jajahan ketika era ketamadunan *Hellenistik* menyebabkan berlakunya pertembungan antara budaya keilmuan Islam. Melalui kegiatan perluasan kuasa, umat Islam mampu menguasai ekonomi perdagangan dengan lebih berkesan. Kawasan pusat kegiatan ekonomi umat Islam berkembang ke pelosok Timur dan Barat. Di sebelah kawasan Barat, pedagang Islam telah menjalankan aktiviti perdagangan hingga ke Sepanyol, selatan Perancis, Armenia dan kawasan selatan gurun Sahara di benua Afrika. Dari segi kebudayaan, orang Islam mempengaruhi perkembangan pendidikan di sana.

Menurut sarjana tentang keberadaan dan tingkatan tradisi keilmuan Islam ketika era Pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah, Naji Maaruf (1969), permulaan era pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) telah melalui 3 tahap iaitu sejak zaman pemerintahan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur (754-775M) hingga Khalifah al-Amin (136-198 H/753-818 M). Yang kedua pada zaman Khalifah al-Ma'mun (813-833M) (198 H/813M hingga 300H/912M) dan yang ketiga dari tahun 300 H/912 M hingga kejatuhan Baghdad pada tahun 646 H/1258 M.

Menurut al-Tawil (1968), naungan politik terhadap kegiatan intelektual dalam era Pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) merangkumi 3 peringkat iaitu pada era pemerintahan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur hingga berakhirnya pemerintahan Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M) (136-198 H/752-818 M). Yang kedua semasa era Pemerintahan Khalifah al-Ma'mun (813-833M) hingga kematian Habish al-A'sam (198 H/813 M hingga 300 H/912 M) dan yang ketiga sejak tahun 300 H/912 M hingga

pertengahan abad keempat yang dianggap era penghasilan karya asli di kalangan cendekiawan Muslim.

Pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) yang bermula dari Khalifah Abu Ja'far al-Mansur (754-775M) sehinggalah kepada pemerintahan Khalifah al-Wathiq (163-232 H/754-847 M) adalah era pencetus kepada kebangkitan intelektual Islam. Ahmad Shalabi (1945) menyokong pernyataan ini dengan menyebut bahawa para khalifah, *wazir* dan gabenor merupakan tonggak dan penaung kepada kegiatan intelektual. Pertembungan antara tamadun Yunani dan pengaruh politik para pemerintah Abbasiyyah (749-1256M) mencetuskan kebangkitan intelektual. Linberg (1978) mengatakan pertalian rapat Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) dengan kaum Nestorian dan Parsi turut mempunyai kaitan rapat dengan kebangkitan pendidikan dan keintelektualan Islam.

Antara perintis kepada usaha menaungi dan mempelopori kegiatan intelektual adalah Khalifah Abu Ja'far al-Mansur (754-775M). O'leary (1954) mengatakan bahawa perpindahan ibu kota dari Kufah ke Baghdad menampakkan usaha dan komitmen pemerintah yang gigih menaikkan hasrat sebagai peneraju kecemerlangan tradisi keilmuan. Pendekatan yang dibawa mula menghasilkan penterjemahan-penterjemahan karya-karya luar dengan begitu pesat. Imam al-Sayuti (1969) menjelaskan pada zaman Khalifah Abu Ja'far al-Mansur (754-775M), ramai ulama-ulama hebat telah dilahirkan yang menerajui bidang masing-masing. Perkembangan pesat penulisan dan penyusunan Hadith, pembukuan hukum-hakam feqah malah penulisan tafsir al-Quran begitu giat dilaksanakan.

Menurut Naji Maaruf (1969), semasa era pemerintahan Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M), mengatakan bahawa Baghdad menjadi pusat tumpuan kepada mereka yang dahagakan ilmu pengetahuan. Para penuntut ilmu datang berduyun-duyun ingin menimba ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang. Pernyataan ini turut disokong oleh al-Khudri (1970). Beliau mengatakan Baghdad merupakan pusat pergerakan ilmiah terpenting di

dunia pada zaman pemerintahan Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M) ini. Imam al-Sayuti (1969) turut berpendapat Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M) merupakan penaung bagi kegiatan keilmuan, gemar berdampingan dengan para ulama dan tokoh-tokoh cendekiawan. Manakala Ahmad Shalabi (1945) dan Hasan (1980) menyifatkan Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M) adalah pencetus kepada kebangkitan intelektual Islam dan pengasas kepada *Bayt al-Hikmah* di Baghdad.

Legasi pemerintahan *khilafah* yang mementingkan keilmuan diteruskan oleh anak Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M) iaitu Khalifah al-Ma'mun (813-833M). Pada zaman ini, penerusan dan naungan serta keprihatinan Khalifah al-Ma'mun (813-833M) begitu menyerlah. Al-Tawil (1968) menggambarkan kehidupan intelektual amat cemerlang ketika ini bukan sekadar berkaitan ilmu al-Quran, al-Sunnah, Bahasa Arab serta sejarah bahkan meliputi matematik, fizik dan logik. Keprihatinan dan minat yang mendalam terhadap falsafah terutamanya, mendorong untuk memberi naungan politik yang terarah terus kepada pendidikan. Gerakan penterjemahan secara besar-besaran dan bersistematik berlaku. Lanjutan dari pemerintahan datuk dan bapanya, Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M), Khalifah al-Ma'mun (813-833M) meneruskan kelangsungan *Bayt al-Hikmah* sebagai peneraju dan pusat aktiviti yang mempelopori bidang pendidikan.

Al-Tawil (1968) menyebut beberapa pendapat para orientalis Barat seperti Metz, William Durant dan Goerge Sarton yang memperakui ketinggian kedudukan para ilmuan di dunia Islam. Perakuan ini menunjukkan bahawa pengukuhan pembudayaan ilmu berlaku dan mengabsahkan bahawa peranan pemerintah terhadap pendidikan turut disanjung. Lindberg (1978) dan Walzer (1962) memuji keprihatinan dan pentadbiran Khalifah al-Ma'mun (813-833M) yang menonjolkan budaya keilmuan dan memberi pemerhatian serius terhadap mengilmukan masyarakat sebagai budaya ummat Islam. Pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) telah meletakkan asas bagi kemunculan para ilmuan, failasuf dan saintis Muslim (Demombynes, 1961).

Di awal pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) ini sekurang-kurangnya telah melahirkan sarjana Islam seperti Jabir bin Hayyan, pengasas ilmu kimia (103-200 H/721-815 M), Muhammad al-Khawarizmi (m. 249 H/863 M) dikenali sebagai pengasas algebra dan algorithm dan Abu Yusuf al-Kindi (185-260 H/801-873 M) yang dikenali sebagai tokoh falsafah dan saintis Muslim yang unggul (Syed Hussin Nasr 1968; Desmond S. 1968). Dengan kemunculan para tokoh sarjana Islam yang dihasilkan, ianya memacu pertumbuhan pendidikan membuktikan ilmu-ilmu *aqliyyah* mendapat tempat dan perhatian oleh para pemerintah dan golongan ilmuan. Tradisi keilmuan ini turut berkembang ke serata pelusuk dunia terutamanya di Eropah sehingga *Renaissance* berlaku.

1.2 Penyataan Masalah

Disiplin tradisi keilmuan Islam telah meninggalkan suatu sintesis terpenting dalam sejarah peradaban insan. Perkembangan pesat ketamadunan Islam terbukti telah menyaingi tamadun-tamadun lain yang terdahulu dan yang terkemudian. Ini terhasil daripada kekuatan dalaman umat Islam yang berpaksi kepada Al-Quran dan al-Sunnah dan kegiatan intelektual Islam yang dinamis dan kreatif. Umat Islam juga turut menyerapi, mengasimilasi dan seterusnya menyaring warisan keilmuan daripada ketamadunan terdahulu (Philip K. Hitty, 1973). Kejayaan ini di antara aspek kecenderungan yang menjadi sebab pertelingkahan di antara tamadun lain lalu mengakibatkan peperangan.

Natijahnya, ruang persengketaan melebar dan kebangkitan pengetahuan dan pendidikan terjejas oleh sebab salah faham di dalam tuntutan sebenar. Demi melihat dasar perkauman dan fahaman, aliran seperti *Syiah* dan *Khawarij* dan beberapa kelompok lain sering kali mencetuskan suasana ketidakamanan sepanjang sejarah peradaban Islam. Mereka cenderung mempertahankan pemimpin mereka dan beriktikad bahawa jawatan khalifah hanya layak disandang oleh pemimpin dan kaum mereka sahaja (Mustafa

Suhaimi, 1993). Perkembangan pendidikan yang melatari sejarah peradaban Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) ini turut terpalit dengan beberapa masalah yang memerlukan pencerahan terutama isu akidah yang merencatkan dan meresapi pendidikan terhadap rakyat khususnya.

Kecelaruan yang bersifat salah faham terhadap kefahaman falsafah dan metafizik keagamaan akibat keterbukaan aliran falsafah Yunani yang meresap hasil penterjemahan karya-karya logikal menimbulkan polemik yang berpanjangan. Bahkan, akibat dari kemasukan pelbagai karya-karya luar seperti Yunani yang membicarakan ilmu logik, metafizik dan hukum akal membawa kepada pertembungan dari sisi logik akal dan teologi Islam itu sendiri. Walaupun ketamadunan Islam berpaksikan peradaban tradisi keilmuan Islam, ia dalam masa yang sama turut menerima, mengadaptasi dan mengasimilasi ilmu daripada ketamadunan asing yang tidak bercanggah dengannya (Syed Hussin Nasr, 1968).

Situasi politik Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) yang membenarkan persaingan di dalam bidang keilmuan dan keintelektualan subur memungkinkan kemunculan pelbagai aliran dan mazhab saling bersaing. Menurut Ahmad Amin (1969), beberapa contoh kelompok seperti *Fatimiyyah* mendokong aliran *Syiah Imamiyyah*, Bani Buwayh mendokong aliran *Syiah Ismailiyyah* dan Bani Saljuk yang mendokong teologi *Ash'ariyyah*, *Ayyubiyyah* menjadi penaung kepada *mazhab* Syafii menunjukkan kepelbagaian pandangan dan perbezaan *manhaj* dan *ijtihad* dipayungi oleh para pemerintah.

Perdebatan ilmu kalam yang berlaku terhasil daripada perbezaan penafsiran terhadap nas al-Quran dan al-Sunnah yang berkisar dan menyentuh tentang bab akidah. Namun, menurut Madkur (1954), ilmu kalam lebih banyak ditentukan oleh penggunaan kaedah rasional dan falsafah yang dipengaruhi secara meluas ketika zaman pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M). Perkembangan drastik ilmu kalam dan perbahasannya akibat daripada pertelagahan politik serta pertembungan umat Islam

dengan falsafah asing menyebabkan ruang penerimaan dan pengukuhan bertambah pesat. Pernyataan ini disokong oleh Isam al-Din (1994) yang menyebut, golongan ahli kalam seperti *Muktazilah* muncul dengan tujuan untuk menangkis serangan dari agama Pagan, Kristian dan Yahudi terhadap ajaran Agama Islam. Beliau menambah bahawa penggunaan kaedah *mantik* dan rasional serta logik akal mendesak golongan *mutakallimin* untuk mendalami falsafah Yunani.

Kefahaman *Ahli Al-Sunnah Wal-Jamaah* pada landasan dan mengutamakan dalil-dalil Al-Quran dan Al-Hadith serta menggabungkannya dengan pertimbangan akal dan fikiran, berbeza dengan pendekatan aliran *Muktazilah* yang mengutamakan akal dan fikiran serta falsafah yang berasal dari Yunani dalam membicarakan *usul Al-din* (Fadzlullah Hj. Shuib, 1995). Kaedah penaakulan terhadap *nas* yang berlebihan melebihi saranan wahyu menjerumuskan golongan *Muktazilah* sebagai komuniti intelektual Islam yang melampau di dalam menguruskan aspek logikal dari saranan nas dan wahyu (Fadzlullah Hj. Shuib, 1995). Dapatan kajian Ziauddin Sardar (1980) turut menyokong pernyataan ini dengan menyebutkan bahawa konflik permasalahan dan pertembungan epistemologi dan aspek metafizik serta teologi di antara *Muktazilah* dengan aliran *Asyairah* mengundang suasana yang tidak aman dalam kalangan komuniti Islam.

Pencerahan berkaitan fenomena serta situasi kemunduran perbahasan ini dikuatkan dengan dapatan oleh Hairuddin Harun (1992) yang mengatakan bahawa terdapat dua natijah kelesuan yang membelenggu ummat pada waktu tersebut iaitu berbentuk dalaman, *internal* dan luaran, *external*. Daripada aspek dalaman ini terbahagi pula kepada dua iaitu *teologikal* dan *epistemologikal*. Apa yang cuba disampaikan oleh beliau ialah cetusan polemik yang membezakan di antara teologi dan epistemologi ini akhirnya memisahkan ummat kepada dua golongan. Golongan pertama berpegang kepada falsafah dan sains menjauhkan diri kepada Allah, dan pada sisi pandangan kedua menjurus kepada perbahasan ilmiah yang mencetuskan sikap pragmatis terhadap perubahan logikal dan sains itu sendiri. Dapatan kajian Musa (1968) mendapati Imam Al-Ghazali (1058-

1111M) berjaya membuktikan beberapa asas sesuatu teori sains metafizik bercanggah dengan aliran metafizik Islam.

Natijah daripada pembentukan dua aliran luaran ini, ianya menjadikan satu halangan kepada dua penyatuan aliran pendidikan dengan memisahkan pendidikan ilmu *aqliyyah* dan ilmu *naqliyyah*. Pemisahan ini turut mempengaruhi budaya penuntut ilmu dan kedudukan subjek pelajaran. Malah, Hairuddin Harun (1992) melanjutkan dapatannya dengan mengatakan pemisahan ilmu *aqliyyah* seperti Bahasa Arab dan Sastera serta ilmu *naqliyyah* seperti ilmu falsafah, kimia, fizik perubatan, astronomi, meteorologi sebagai ilmu asing. Pembawaan pemikiran dan doktrin ini melesukan kewibawaan sains Islam dan sekolah-sekolah mula memberi penekanan terhadap ilmu *naqliyyah*.

Pembentukan polemik dan kewujudan konflik tentang pemisahan agama dan sains dalam konteks *epistemologi* Islam adalah jauh berbeza berbanding dengan *epistemologi* Barat (Sulaiman Noordin, 1992). Perbezaan aspek *epistemologi* ini berlaku kerana tunjang dan akar kepada punca pemikiran Islam meletakkan Allah sebagai asas kepada segalanya berbanding pemilihan Barat yang tertakluk kepada saranan akal semata-mata. Kesan daripada cengkaman ini menyebabkan kemunculan istilah-istilah seperti ilmu dunia atau ilmu sekular, ilmu akhirat, ilmu syariat dan bukan syariat serta paling ketara ilmu wahyu dan ilmu akal (Fadzlullah Hj. Shuib, 1995). Pengkelasan bidang ilmu yang berasaskan perbezaan istilah berjaya mempengaruhi pemikiran umat Islam. Ia telah mewujudkan jurang pemisahan nyata antara sains daripada kurikulum pengajian Islam. Ini sekaligus menjejaskan kecemerlangan budaya keilmuan Islam. Pemisahan dua monumen utama tersebut menzahirkan pemikiran bahawa fahaman dan paradigma Islam tidak dapat disesuaikan dengan perkembangan semasa (Syed Hussin Nasr, 1994).

Pendapat dan kefahaman yang berlainan dalam kalangan ahli yang dipandang tinggi dalam masyarakat turut mengundang sisi pemisahan dan jurang pemikiran. Ada di antara ahli sarjana Islam sendiri melahirkan pandangan dan spekulasi negatif terhadap

saintis Islam. Perbezaan pandangan ini mewujudkan situasi konflik zahir di antara agama dan sains itu sendiri (Ziauddin Sardar, 1991). Pengkaji berpendapat kewujudan budaya pemisahan di antara keduanya ini mempengaruhi keberadaan ilmu, atau mensekularkan ilmu *aqliyyah* dengan memisahkan agama daripada ilmu *naqliyyah*, kesepaduan yang terjalin dipinggirkan menatijahkan pemisahan di antara keduanya. Dalam konteks ini, Osman Bakar (1994) turut berpandangan bahawa pemisahan antara kedua-dua bidang keilmuan ini tidak seharusnya berlaku.

Begitu juga halnya dengan intelektual bukan Islam. Mereka turut sama memainkan peranan menyembunyikan autoriti dan wibawa sarjana Muslim dengan memperkecil-kecilkan sumbangan Sarjana Islam. Sedari ini, penyelewengan sejarah mendominasi agenda utama intelektual Barat dalam usaha menafikan kegemilangan dan kecemerlangan sains dan teknologi Islam (Glynn Ford, 1991). Kedua-dua golongan intelektual sama ada Islam atau bukan Islam juga telah memainkan peranan masing-masing dalam usaha cuba melemahkan saintis Muslim sama ada secara sengaja atau tidak sengaja, tanpa mereka sedari akan akibatnya kredibiliti dan autoriti pengajian sains dalam sistem pendidikan Islam tergugat (Ziauddin Sardar, 1980). Realitinya, sumber pengetahuan dan pengajian Islam ialah bersumberkan sumber primer iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah, tetapi penggunaan akal atau kaedah berfikir merupakan satu bentuk pengolahan gagasan ilmu yang memantapkan tradisi keilmuan Islam dengan mengutamakan saranan wahyu melebihi penaakulan.

Perkara terpenting di sini ialah konfrontasi ini berperanan sebagai faktor dalaman yang berjaya menggugat kedudukan sains dan teknologi dalam silibus pengajian Islam dan kesannya dapat dirasai hingga ke hari ini. Secara mendalam, aspek dan hal ehwal teks dan konteks Al-Quran tidak dijadikan sebagai wadah utama di peringkat rendah lagi, sama ada Al-Quran itu dijadikan subjek teras mata pelajaran, huraian berdasarkan sains dan amali malahan untuk dihayati isi kandung dengan sesi pengajaran dan pembelajaran serta penghafalan di peringkat usia yang masih muda.

Menurut Ibrahim Mamat (2001), bawaan dan prestasi pelajaran berpaksikan Pendidikan Islam yang diaplikasikan di sekolah masih belum mencapai tahap yang memuaskan dalam kalangan murid-murid. Kegagalan ini bukan hanya disebabkan oleh faktor kelemahan pengajaran guru sahaja tetapi juga disebabkan oleh faktor lain seperti masalah murid, sekolah, ibu bapa dan persekitaran. Begitu juga dengan amalan *Sunnah* Rasulullah S.A.W yang tidak dijadikan rujukan keutamaan di peringkat rendah. Keserasian serta keseimbangan wahyu dan akal membentuk halatuju ketamadunan terbaik yang di istilahkan sebagai *muqaddas* yang diertikan sebagai suci atau kudus (Osman Bakar, 1994). Pengkaji berpandangan bahawa ajaran Islam yang syumul menjadi pemangkin memajukan pelbagai bidang ilmu pengetahuan *aqliyyah* dan memurnikan dasar pelaksanaan kurikulum bersepadu melibatkan antara wahyu dan penggunaan akal.

Kebangkitan Barat berlaku selepas era kejatuhan kepimpinan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) yang beransur-ansur menurun puncak kejayaan. Kejatuhan pemerintahan Islam turut berlaku akibat peperangan di antara kuasa besar dunia ketika itu. Aspek luaran ini menatijahkan kemunduran ummat yang bukan sedikit. Para sarjana seperti C.A. Qadir (1988), Farukh (1972), Hasan Langgulung (1991) menukikan serangan Monggol ke atas Baghdad adalah satu di antara beberapa punca kemelesatan dan kejatuhan kerajaan Islam Abbasiyyah selepas wujud kerencatan tradisi kecemerlangan keilmuan Islam sehinggakan pencapaian intelektual umat Islam menjadi mengecil dan akhirnya sedikit demi sedikit dilenyapkan.

1.3 Persoalan Kajian

1. Bagaimanakah bentuk pendekatan tradisi keilmuan yang digunakan semasa era kegemilangan pendidikan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) di dalam menghasilkan pelajar aliran *aqliyyah* yang seimbang dengan aliran *naqliyyah*?

2. Apakah faktor-faktor yang membawa kejayaan kepada sistem tradisi keilmuan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M)?
3. Bagaimanakah kejayaan tradisi keilmuan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) memberi kesan terhadap pengaliran dan perkembangan peradaban, kurikulum, pemikiran dan *Renaissance* di Eropah?

1.4 Objektif Kajian

1. Menilai pendekatan tradisi keilmuan yang telah digunakan semasa era pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) dalam menghasilkan insaniah aliran *aqliyyah* yang menguasai ulum *naqliyyah*.
2. Memahami faktor-faktor yang membawa kejayaan kepada sistem tradisi keilmuan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M).
3. Menganalisis kesan pengaliran dan perkembangan tradisi keilmuan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) terhadap peradaban, kurikulum, pemikiran dan *Renaissance* di Eropah.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi memahami bagaimana Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) melalui pendekatan tradisi keilmuan yang dijalankan, telah menghasilkan pelajar yang menguasai *ulum aqliyyah* yang seimbang dengan *ulum naqliyyah*, faktor-faktor dan kesan kejayaan tradisi keilmuan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) yang boleh diambil manfaat dan pengajaran darinya. Oleh yang demikian, kajian ini diharapkan dapat memberi ruang dan peluang untuk membuka minda dan dijadikan sumber rujukan khususnya kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Jabatan Pendidikan Islam di kementerian selaras dengan pembentukan kurikulum yang efektif melalui tradisi keilmuan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M).

Usaha ini juga diharapkan dapat melahirkan paradigma, konsep dan halatuju pendidikan negara dalam melahirkan tenaga profesional yang menguasai dan menghayati kedua dua disiplin ilmu dengan baik. Kajian ini penting dalam menambahkan lagi khazanah keilmuan tentang bagaimana pendekatan dalam membangunkan acuan pendidikan mengikut acuan yang telah ditunjukkan oleh Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) sehingga berjaya disebut sebagai puncak ketamadunan ilmu. Mengambil faedah dari pendidikan lalu dan menggabungjalinkan dengan kemajuan ilmu dan teknologi moden serta beberapa aspek positif dari pendidikan kini dapat memperkembangkan corak kehidupan bersandarkan kepada asas ilmu dan keimanan yang mantap.

1.6 Skop dan Batasan Kajian

Kajian yang melibatkan sesebuah kerajaan masa lampau atau sejarah adalah sangat luas dari segi skop dan dapatan. Zaman keagungan ketamadunan Islam (749-1256M) selama 507 tahun merupakan suatu jangka masa yang sangat lama untuk dinilai, diekstrak

segala maklumat dan dapatan. Penulisan tesis ini memberi tumpuan kepada pendekatan tradisi keilmuan pada zaman keemasan pemerintahan delegasi Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) terutamanya sewaktu pemerintahan Khalifah Jaafar al-Mansur (754-775M), diteruskan dengan Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M) sehingga Khalifah al-Ma'mun (813-833M). Era *khilafah* ini merupakan zaman terbaik mercu jayanya sehingga dikenali dengan *Golden Era of Education*. Namun, sepanjang garis masa pemerintahan Bani Abbasiyyah ini mencatatkan kelahiran ramai sarjana Islam di sepanjang masa pemerintahan, bukan hanya pada masa 3 *khilafah* ini sahaja.

Oleh sebab pemerintahan *khilafah* ini merangkumi tanah jajahan dan penaklukan negara-negara lain yang luas, fokus pengkaji tertumpu hanya di Baghdad secara keseluruhan dan di Andalus sebagai pemangkin pencetus revolusi kebangkitan Eropah. Baghdad di zaman Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) merupakan ibu kota kepada pusat pendidikan. Kenyataan ini turut disebut oleh Philip K.Hitti (1970) yang menukilkan kata-kata Henry W. Longfellow⁴ di dalam buku *History of Arabs Islam* memuji tentang Baghdad. Beliau menggambarkan Baghdad sebagai sebuah kota keilmuan dan pusat intelektual Islam yang penting pada masa tersebut serta bandar utama Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) yang dijadikan ibu negeri dan pusat pemerintahan yang dialih dari Kufah.

Baghdad the Winding City on the Tigris, metropolis of the world of Islam, capital of its most celebrated and longestlived caliphate, scene of many Arabian Nights, home of Moslem theology and jurisprudence, Arab science and philosophy, was for centuries the intellectual center of Islam and for a time of the world.

(Philip K.Hitti, 1970: 109)

⁴ Henry W. Longfellow, dilahirkan di Portland, Amerika Syarikat, 27 Februari 1807, meninggal di Cambridge, 24 Mac 1882 pada umur 75 tahun. Seorang penyair Amerika Syarikat. Rujuk seterusnya *History of Arabs Islam*.

Pada bab 4 dan 5 yang merupakan bahagian dapatan dan perbincangan, pecahan dapatan dibahagikan kepada kurikulum, institusi-institusi pendidikan yang dibangunkan, dan pendekatan atau kaedah tradisi keilmuan yang dijalankan. Episod kejayaan ini tidak lengkap jika tidak dikaji apakah faktor-faktor yang mempengaruhi sistem serta kesan-kesannya dan pengaruh terhadap negara luar hasil dari sistem tradisi keilmuan Ketamadunan Islam (749-1256M). Justeru, perbincangan lain yang melibatkan intipati diluar tradisi keilmuan seperti pegangan mazhab pemerintah, sistem *monarki* pemerintahan, malahan sistem pentadbiran seperti ekonomi, krisis dan selain yang tersebut di atas tidak akan dibincangkan secara panjang lebar dalam perbincangan ini kecuali pada pernyataan masalah dan bahagian-bahagian lain yang difikirkan berkaitan sahaja.

1.6.1 Struktur Penulisan

Pada bab 1, pengkaji menerangkan beberapa perkara asas di dalam penulisan ilmiah seperti pengenalan kajian, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, skop dan batasan kajian, definisi konsep kajian dan kesimpulan dari keseluruhan bab satu. Percambahan maklumat pada latar belakang kajian dipanjangkan perbincangannya kepada beberapa perkara sehinggalah kelahiran Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) yang menjadi fokus penulisan ini.

Pada bab 2, pengkaji menghuraikan berkenaan dengan sorotan kajian-kajian lepas berkenaan tajuk penulisan. Oleh sebab penumpuan kepada pendidikan yang berlaku pada zaman Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M), sorotan kajian terarah kepada tema-tema yang telah ditentukan hasil penelitian berdasarkan fokus utama tersebut. Beberapa tema telah dikenal pasti iaitu berkenaan dengan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) itu sendiri, bagaimana tradisi keilmuan pada zaman Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) berlaku, pendekatan pendidikan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M), sorotan kajian tentang faktor

kejayaan pendidikan serta kajian tentang kesan kejayaan tradisi keilmuan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M).

Pada bab 3, penulisan terarah kepada kaedah kajian. Kaedah kajian ini adalah sebagai pemandu kepada perjalanan penulisan agar selari dengan kehendak dan amalan penulisan ilmiah. Pada bab ke 4 dan bab ke 5, adalah bab dapatan dan perbincangan yang dianggap bab yang penting yang menjadi nadi penulisan ini. Pengkaji turut menyentuh dari sudut bagaimana acuan pendidikan pada waktu itu menghasilkan tokoh-tokoh aliran *aqliyyah* yang juga menguasai *ulum naqliyyah*. Melalui kajian ini, pengkaji dapat mengetahui dan mengkaji pendekatan bagaimana ianya berjalan dan sifatnya, kaedah pelaksanaan dan pendekatan yang diguna pakai sehingga diiktiraf sebagai kemuncak ketamadunan keilmuan, sebagai zaman melahirkan pelajar yang mantap agamanya sebelum melangkah ke alam pendidikan seterusnya.

Huraian berkenaan dengan pendekatan tradisi keilmuan institusi-institusi pembelajaran turut dijalankan. Ini termasuk sistem pendidikan yang merangkumi kurikulum pendidikan peringkat rendah, peringkat menengah serta peringkat tinggi. Perbincangan berkenaan faktor-faktor serta kesan daripada sistem tradisi keilmuan juga turut disentuh. Pada bab ke enam atau bab terakhir penulisan ini, pengkaji membincangkan rumusan dan cadangan bagi menggambarkan keseluruhan penulisan.

1.7 Definisi Konsep Kajian

1.7.1 Tradisi Keilmuan

Tradisi merupakan suatu proses atau aktiviti yang membawa perubahan kepada seseorang mengikut norma dan nilai sesebuah masyarakat. Berdasarkan kepada penulisan yang menyentuh sistem dan kurikulum yang melatari pendidikan sepanjang pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) menekankan unsur *Rabbani*. Proses asimilasi menatijahkan pendidikan yang dinamik dan berterusan memainkan peranan yang luas dan membentuk arah tuju yang jelas iaitu melestarikan kehidupan dan keseimbangan kehidupan duniawi dan ukhrawi. Tradisi keilmuan pula menzahirkan pertalian yang tidak terputus dari permulaan sehingga sekarang, bagaimana sesuatu itu telah dijalankan pada suatu waktu lalu berterusan sehingga kini. Pengkaji meletakkan maksud ini dengan kesinambungan pembelajaran ilmu-ilmu yang diteruskan hingga ke suatu waktu. Ini dibuktikan dengan kelahiran pelbagai olahan bidang manuskrip serta pembukuan kitab ilmiah yang bukan sahaja dari aspek keagamaan, tetapi merangkumi ilmu-ilmu sains perubatan, ilmu kejuruteraan samada dari segi *robotik*, *mekanikal* serta *hidraulik*, ilmu sains angkasa dan sebagainya.

Tradisi keilmuan yang diterapkan berasaskan kepada pendekatan pendidikan yang digariskan dengan mengutamakan Al-Quran sebagai teras pengajaran dan pembelajaran, di samping berasimilasi dengan ilmu duniawi pada waktu itu dengan bawaan ilmu ketuhanan. Natiujahnya, Islam tidak menolak sama sekali ilmu duniawi, bahkan meletakkannya tempat yang tinggi. Bahawasanya nilai ketamadunan pendidikan itu membawa kesinambungan sehingga ke hari ini bertujuan untuk mempertingkatkan lebih kecemerlangan pendidikan dengan frasa yang telah disebutkan iaitu mengikut acuan yang telah diterapkan pemerintah Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M). Asas binaan ketamadunan yang telah ditunjukkan itu mesti terus diterjemahkan untuk melonjak ke tahap yang lebih baik.

1.7.2 Tamadun Islam (749-1256M)

Tamadun dapat diertikan sebagai hidup bermasyarakat yang mempunyai sistem, kemajuan dan bersistematik dari beberapa sudut. Perbincangan mengenai maksud, takrif serta aspek ketamadunan banyak dibincangkan dan diperdebatkan oleh para sarjana. Kajian Ibnu Khaldun tentang tamadun ini membuka ruang dan dimensi yang menetapkan ciri dan halatuju sesebuah ketamadunan sebagaimana difahami hari ini. Penulisan tesis pengkaji terfokus kepada pemerintahan yang membina peradaban seperti waktu pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah. Kerajaan adalah satu kumpulan rasmi yang menguasai sesuatu negeri atau negara⁵. Era ketamadunan sepanjang garis masa ini terfokus kepada Kerajaan Abbasiyyah yang susur galur keturunan bapa saudara Rasullullah S.A.W (570-633M) iaitu Abu al-Abbas dari suku kaum Bani Hashim. Pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) berlangsung selama hampir 507 tahun atau 5 abad 7 tahun bermula pada tanggal 132H (749M) sehingga 654H (1256M).

1.7.3 Pendekatan

Definisi pendekatan ialah sebagai perihal sesuatu perbuatan, cara memahami atau tertarik kepada sesuatu, mendekati atau mendekatkan, termasuk tentang kaedah dan cara, langkah-langkah yang diambil bagi memulakan dan melaksanakan tugas untuk mengatasi masalah dalam beberapa aspek, terpaksa berbalik semula kepada yang terlebih dahulu digunakan atau ketika mereka mula berusaha meningkatkan pembangunan dan kemajuan negara mereka⁶.

⁵ Cambridge Advanced Learner's Dictionary (2008) 3rd Edition, Cambridge University Press memberi kefahaman berkenaan dengan kerajaan ialah sesuatu kumpulan yang mentadbir dan menguasai sesuatu negeri dan negara. Rujuk halaman 624.

⁶ Ekamus kelolaan Dewan Bahasa dan Pustaka menyimpulkan pendekatan sebagaimana yang dijelaskan di atas. Rujuk maksud tersebut di pautan <http://ekamus.dbp.gov.my/>

Perkataan kaedah, cara dan langkah-langkah adalah lebih tepat. Dalam konteks hubung kait dengan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M), pengkaji ingin melihat sudut kaedah bagaimana kejayaan pendidikan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) berjaya menghasilkan pelajar aliran *aqliyyah* yang menguasai *ulum naqliyyah*, serta langkah-langkah yang memberi kesan serta faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan sistem pendidikan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) terhadap beberapa kriteria-kriteria yang telah pengkaji jelaskan.

1.7.4 Faktor

Frasa atau kata nama faktor sebagai medium untuk mengetahui sebab-sebab kejayaan sistem pendidikan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M). Maksud faktor ialah sebab atau unsur yang menyumbang kepada sesuatu hasil⁷. Penulisan ini mencari faktor-faktor tertentu yang menjuruskan kepada kejayaan pendidikan ketika itu.

1.7.5 Kesan

Terdapat 3 pemahaman yang berbeza mengenai makna kesan⁸. Antaranya ialah tanda yang ditinggalkan oleh sesuatu bekas, kedua ialah sesuatu yang timbul daripada sesuatu kejadian, kesudahan daripada sesuatu, manakala ketiga ialah pengaruh yang timbul akibat menyaksikan sesuatu.

⁷ Maksud faktor berdasarkan penulisan ini ialah sebab-sebab yang menyumbang kepada kejayaan pendidikan Kerajaan Abbasiyyah. Rujuk seterusnya http://ekamus.dbp.gov.my/kamus_dewan_edisi_keempat.

⁸ http://ekamus.dbp.gov.my/kamus_dewan_edisi_keempat. Di akses pada 21/8/2018

Mengikut kesesuaian dengan penulisan tesis, pengkaji menggunakan kenyataan pengaruh yang timbul akibat daripada menyaksikan sesuatu. Dalam konteks kejayaan pendidikan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M), sudah semestinya kesan yang terbesar ialah pengaruh tradisi keilmuan itu yang mempengaruhi individu, masyarakat seterusnya negara dalam mencorak dan membina aspek-aspek kejayaan berdasarkan kriteria-kriteria yang digariskan pemerintah. Aspek-aspek ini memberi ruang untuk individu sebagai rakyat, masyarakat sebagai penggerak memacu visi dan misi dasar perlembagaan pendidikan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M).

1.8 Kesimpulan

Kajian ini mencari pendekatan, faktor dan kesan tradisi keilmuan pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M). Kewujudan sebuah kerajaan Islam yang memberi penekanan pendidikan keagamaan dan pendidikan keduniaan yang berpusat di Baghdad berjaya menghasilkan tokoh-tokoh yang mempunyai kekuatan dalam kedua-dua cabang ilmu iaitu ilmu duniawi dan ukhrawi. Nilai ketamadunan dahulu yang telah dibawa arus perubahan masa tidak bersifat merubah, *unchangeable* menjadikan penghasilan sebegini rupa adalah hasil dari Islamisasi pendidikan dan berkesinambungan tradisi keilmuan sepanjang pemerintahan.

Demi memastikan kelangsungan tradisi keilmuan terus kekal relevan, pelbagai usaha dan inisiatif perlu digembeling untuk memastikan ianya mencapai standard dan kapasiti yang memenuhi ruang kelompangan di segenap aspek ketirisan. Namun, isu yang melingkari wahana ini perlu diselaraskan dengan mengambil sikap kecaknaan yang tinggi dengan usaha yang semaksima mungkin. Kekuatan tradisi keilmuan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) yang berpaksikan al-Quran dan Al-Sunnah ternyata mengimbangi penghasilan pelajar aliran *ulum aqliyyah* yang turut menguasai *ulum naqliyyah*.

Pendekatan ini boleh diaplikasi kepada struktur kurikulum moden yang perlu meletakkan asas sesuatu sistem pendidikan berdasarkan paksi ini.

Kemunculan kelompok dan aliran semasa pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) turut menggugat keharmonian dan tatasusila kenegaraan termasuk aspek pendidikan. Faktor ini menjadi tegar akibat salah faham tuntutan sebenar pendidikan di dalam Islam yang menekankan persaudaraan, saling memahami, bersikap berlapang dada serta mengelakkan permusuhan sesama Muslim. Peranan pemerintah perlu menguatkuasakan pendapat yang *rajih* dan menjadikan pendapat ulama yang paling dekat sandarannya kepada kemahuan agama dan kesesuaian pandangan majoriti dapat meminimumkan jurang persengketaan dan ketegangan. Pengurusan samada dari sudut sendiri, sesama puak dan bangsa hatta pemerintah perlu digembeling bersama demi mengelakkan mudarat yang lebih besar. Kelompok rakyat, para pemimpin di kalangan masyarakat dan negara perlu menjadikan sejarah sebagai panduan dan keperluan mengeksploitasi isu-isu sensitif menjadi sebab kepada kemurnian dan bukannya perpecahan. Kawalan di luar keterbatasan dan kemampuan sesuatu kelompok harus diredakan untuk mengelakkan perebutan kuasa.

Bagi mengelak runtuhnya delegasi Islamisasi kependidikan ini, para ulama bersama-sama merangka strategi pembangunan insan melalui tradisi keilmuan Islam dan membuat *tajdid* kepada pendidikan. Subjek dan matapelajaran harus disertakan sudut pandang para ulama supaya jurang perbincangan di antara 2 naratif keilmuan di minimumkan keberadaannya. Pemisahan di antara 2 aliran *aqliyyah* dari aliran *naqliyyah* membawa unsur kepentingan peribadi serta justifikasi terhadap sebahagian golongan yang tidak sealiran. Perbincangan aliran falsafah dari ketamadunan luar yang tidak berpijak kepada metafizik yang betul mencambahkan aliran dan ideologi songsang lalu berperanan memacu masyarakat ke lembah persengketaan.

Isu ini perlu ditangani dengan berhemah dengan menguatkuasakan peranan pemerintah yang bersikap adil dan saksama. Sesi pengajaran dan pembelajaran yang betul dapat mencegah dan membendung dari perluasan jurang pemikiran yang *extreme*. Sikap berlapang dada seharusnya menjadi tunjang jatidiri bagi setiap Muslim dengan mengambil kira pendapat yang masih dalam pegangan Ahli Sunnah wal Jamaah. Pengamalan yang sihat ini dapat menghindari perbezaan penafsiran, isu-isu akidah serta pertelagahan politik dapat dielakkan.

Selain itu, peranan Sarjana Barat dalam menyembunyikan kejayaan, autoriti dan keilmuan Sarjana Islam menjadi sebab masyarakat Islam memandang enteng terhadap kejayaan Islam. Sering dimomokkan dengan ketinggalan, lemah pemikiran, kongkongan agama serta *zuhud* kepada duniawi yang berlebihan di tanam dan tersemat kukuh di ruang kognitif mengakibatkan bangsa dan umat Islam terus ketinggalan. Kesannya, umat Islam memandang Barat sebagai panduan dan memandang tinggi peradaban mereka. Antara usaha kecil penulisan ini ialah mengembalikan keyakinan masyarakat agar berpaut kepada asal, berpijak kepada bumi yang nyata menjadi asbab kepada sekurang-kurangnya perubahan penilaian dan pemerhatian. Kesepakatan, kesefahaman mencari titik perbezaan akan mengecilkan ruang dan peluang *kekhilafan* melebar sekaligus membendung sikap melampau lantas menghasilkan sikap kekitaan, mengeratkan persaudaraan sesama masyarakat Islam dan mengelak mudharat yang lebih besar.

BAB DUA

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Bab ini memaparkan tentang penyelidikan, perbincangan yang telah dikaji oleh para pengkaji lepas yang mendasari tajuk kajian. Untuk lebih mudah difahami dan menjelaskan maksud serta isi kandungan kajian yang dijalankan, maka kajian lepas, hasil penyelidikan dan penemuan yang sesuai dengan penyelidikan, perbincangan serta masalah kajian penulisan ini dirujuk dan difahami. Sorotan kajian ini dihasilkan melalui buku-buku, jurnal-jurnal dan kertas kerja yang mempunyai perkaitan langsung dengan kajian ini.

Kajian-kajian lepas memberi impak kepada penulisan tesis dalam mengetahui permasalahan dengan lebih mendalam. Apabila permasalahan dapat diketahui, maka langkah selanjutnya adalah merumuskan masalah kajian serta keperluan kepada kajian-kajian baharu. Dari aspek ini, kesimpulan penelitian dapat dikembangkan untuk

mendalami landasan kajian yang berkaitan masalah kajian. Keutuhan kajian bergantung kepada keupayaan pengkaji mendalami kelebihan dan kekurangan kajian-kajian lalu untuk mencari kelompangan dan data yang jitu ketepatannya.

Tidak banyak hasil carian menjurus secara terus perkaitan dengan maksud penulisan. Ini kerana kurangnya kajian yang dijalankan terutamanya dari sudut pendidikan pada zaman Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) yang dilakukan. Namun, tinjauan kajian lepas akan dibincangkan untuk membantu menyokong hujah-hujah yang dikemukakan.

2.2 Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M)

Abu Jaafar Muhammad bin Jarir At-Tabariy (839-923M) di dalam bukunya *Tarikh al-Rusul wa al-Muluk* (1987) juga dikenali dengan nama Sejarah At-Tabariy, antara karya sejarah terpenting dan terawal di dalam Islam khususnya berkaitan dengan penulisan tesis ini. Imam al-Tabariy (839-923M) menulis buku ini ketika beliau masih hidup pada zaman Khalifah al-Mu'tasim (833-842M), Khalifah Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) ke 8, memaparkan kisah-kisah sejarah. Kerja-kerja *monumental*⁹ Imam al-Tabariy (839-923M) di dalam buku ini memberi ruang dimensi yang besar kepada umat di dalam memahami perjalanan sejarah. Pengarang meneroka sejarah kuno bangsa-bangsa, dengan penekanan khusus kepada umat Rasullullah S.A.W (570-633M), termasuk sejarah legenda dan Iran purba, juga menulis sebahagian besar tentang kebangkitan Islam, kehidupan Rasullullah S.A.W (570-633M) serta sejarah dunia Islam sehingga tahun 915M.

⁹ Kamus Merriam Webster memberi maksud perkataan monumental ialah berkhidmat sebagai atau menyerupai monumen, sangat penting yang memenuhi kehendak, daripada atau berkaitan dengan *monumen* serta sangat bagus. Penulis cuba menggambarkan bahawa karya sejarah ini adalah sangat lengkap, diiktiraf oleh badan-badan bertauliah dan sumbangan besarnya kepada sejarah dunia. Rujuk <https://www.merriam-webster.com/dictionary/monumental>.

Karya agung ini diiktiraf oleh UNESCO sebagai bahan sejarah penting untuk umat sejagat. Kaedah penulisan pengarang ialah dengan memetik kata-kata dan jejak sumbernya, *isnad* yang bersambung sehingga sumber asal dalam menyampaikan maksud dan isi kandung perjalanan sesuatu sejarah yang dikarang pengarang. Pengkaji menggunakan beberapa jilid daripada 38 jilid karya keseluruhan. Karya Imam al-Tabariy ini menjadi landasan kepada pengkaji untuk mencari dapatan data yang diperlukan.

Dapatan kajian pada jilid 27 menjelaskan tentang pemerintahan Khilafah Umayyah, seterusnya revolusi yang dilakukan oleh Bani Abbasiyyah di dalam mencorakkan sebuah kerajaan baru, sehinggalah kepada penubuhan secara rasmi dinasti empayar baru. Imam al-Tabariy memasukkan fakta geografi dari sudut peluasan kuasa Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) yang berjaya meluaskan tanah jajahan mengatasi peluasan autonomi Khilafah Umayyah. Menjelang tahun 735 Masihi, sebuah empayar Arab membentang dari Aries dan Avignon di selatan Perancis ke Sungai Indus dan Asia Tengah, dan tamadun muda sedang berakar. Hasil dapatan pengkaji banyak pertengkaran yang berlaku, pemberontakan suku dan agama yang secara jelas menunjukkan peralihan kuasa mengambil alih Damsyik dan mula memulihkan kekuasaan sehinggalah revolusi yang dicetuskan mengakibatkan takhta baru dinobatkan.

Pada jilid 28 menyebut tentang tahun-tahun awal pemerintahan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur (754-775M) di antara tahun 126 Hijrah sehingga 145 Hijrah bersamaan dengan 744-763 Masihi. Imam al-Tabariy menjelaskan pemerintahan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur (754-775M) yang menzahirkan ciri-ciri dan cabaran besar kepada *hegemoni*¹⁰ Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) yang baru mengambil alih pemerintahan dari Bani Umayyah sekitar 4 tahun selepas Khalifah Abu Abbas Al-Saffah (749-753M)

¹⁰ Kamus Merriam Webster memberi maksud perkataan hegemoni kepada dua maksud iaitu 1: preponderant influence or authority over others: domination, battled for hegemony in Asia 2 : the social, cultural, ideological, or economic influence exerted by a dominant group. Penulis mengambil pendekatan dengan memberi kefahaman sebagai kerajaan yang berkuasa atau berpengaruh di dalam pemerintahan walaupun masih baru. Pandangan penulis berikutan kaitan nasab kepada Rasulullah S.A.W memberi kelebihan yang besar kepada Bani Abbasiyyah meneruskan legasi pemerintahan dari Kerajaan Umayyah sebelum ini.

memerintah, dan hasilnya perlakuan konfrontasi merupakan tumpuan utama dari bahagian dapatan ini.

Hasil yang diperoleh dari dapatan ini relevan dengan isi kandungan penulisan kerana struktur peralihan kuasa memberi gambaran yang jelas di dalam memahami Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M), ancaman-ancaman dan menangani serangan serta pemberontakan. Gambaran ini menjelaskan keanjalan serta daya tahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) di dalam mempertahankan pemerintahan. Malah sejarah pertempuran, krisis serta serangan demi serangan adalah aktiviti-aktiviti yang berlaku di dalam rentas sejarahnya. Imam al-Tabariy menyelitkan perbincangan selingan naratif yang menggambarkan pemilihan tapak dan pembinaan awal pencapaian yang paling terkenal oleh Khalifah Abu Ja'far al-Mansur (754-775M) berkenaan kota ilmu, Baghdad.

Pada jilid 29, Imam al-Tabariy menulis berkenaan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur (754-775M) dan Khalifah al-Mahdi (775-785M). Khalifah Abu Ja'far al-Mansur (754-775M) adalah Khalifah Bani Abbasiyyah yang kedua selepas pengasas dan khalifah pertama Bani Abbasiyyah iaitu Khalifah Abu Abbas As-Saffah (749-753M). Manakala al-Mahdi merujuk kepada Khalifah al-Mahdi bin al-Mansur (775-785M) iaitu Khalifah Abbasiyyah yang ke 3, menjadi pengganti kepada Khalifah Abu Ja'far al-Mansur (754-775M). Dapatan kajian memberi kefahaman secara lebih jelas dari sudut perhubungan antara negara, sempadan dan geografi negara-negara, melibatkan aspek perhubungan antarabangsa seperti perhubungan dengan Byzantin serta Khurasan. Gambaran biografi kedua-dua tokoh khalifah ini merangkumi asal-usul, latar belakang kekeluargaan dan peristiwa yang melingkari sepanjang kehidupan, pemerintahan dan sejarah mereka.

Hasil dapatan di dalam jilid ke 30 memfokuskan tentang masa yang meliputi hampir seperempat abad, secara ringkas memfokuskan kepada kisah pemerintahan dan corak kekhalifahan Khalifah al-Hadi bin al-Mahdi (785-786M) iaitu ayah kepada Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M). Secara umumnya, kajian Imam al-Tabariy terarah dan fokus

utamanya lebih kepada Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M). Hasil dapatan kajian, pengarang mendapati bahawa sela masa dari tahun-tahun di bawah pengurusan negara yang diterajui Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M) berada di dalam keadaan seimbang, tenteram dan tidak banyak pergolakan yang berlaku seperti faktor hubungan antarabangsa dengan negara-negara musuh seperti Kristian Byzantium agak tenang. Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M) juga berjaya meredakan beberapa konflik sesama Muslim dan dihormati oleh masyarakat Islam. Kuasa-kuasa besar di Timur aman di bawah pemerintahan, manakala sempadan-sempadan Kaukasia dan Asia Tengah telah ditangani dengan bijaksana dengan memberi tekanan yang lebih dari arah Negara Turki.

Terdapat juga tekanan dari dalam negara terutama dari golongan *Syiah* dan pemberontakan oleh *Kawarij* yang radikal sering kali menimbulkan kegelisahan dan kekacauan. Walaupun begitu, tidak ada yang serius sehingga menjejaskan kestabilan dasar Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M). Imam al-Tabariy menyebutkan Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M) telah memperoleh pengiktirafan sebagai zaman keemasan budaya Islam dan surat-surat penghargaan yang datang dari para ahli seni dan ahli sains. Ini semua berpunca dari sikap khalifah di dalam menguruskan sebuah negara dan empayar Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M). Ciri-ciri dramatik empayar Islam Abbasiyyah khususnya berkaitan Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M) sendiri sejak permulaan menaiki takhta pemerintahan, sehingga persiapan anak-anaknya untuk memimpin Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) disentuh dengan begitu jelas. Turut disebutkan bagaimana Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M) menyumbang faktor motivasi yang mendorong umat Islam zaman pertengahan mencari, meneroka serta mencorak halatuju kehidupan yang lebih baik.

Kajian Imam al-Tabariy di dalam jilid ke 32 iaitu tentang pemerintahan Khalifah al-Ma'mun (813-833M) selama 20 tahun. Di awal pemerintahannya dikategorikan sebagai tempoh yang tidak stabil dalam sejarah Timur Tengah selepas pemerintahan yang agak tenteram dari bapanya, Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M). Kajian ini menelusuri kekejaman peperangan sivil di Iraq dan Arab, termasuk perang saudara yang melibatkan anak-anak lelaki Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M) sendiri iaitu Khalifah al-Ma'mun

(813-833M) dan abangnya Khalifah al-Amin (809-813M) yang bersaing dan merebut untuk memerintah di antara dua wilayah Timur dan wilayah Barat ditambah dengan pemberontakan di antara kerajaan-kerajaan kecil di bawah naungan *khilafah* serta sentimen kaum-kaum untuk berkuasa.

Imam al-Tabariy turut menyentuh tentang keamanan yang telah diperolehi dan penyatuan antara tanah-tanah jajahan semasa proses pemerintahan Khalifah al-Ma'mun (813-833M). Khalifah al-Ma'mun (813-833M) sendiri adalah seorang pemerintah yang mempunyai rasa ingin tahu dan mempunyai rasa dan daya keintelektualan yang tinggi. Baginda menyibukkan dirinya terhadap pendidikan terutamanya di dalam bidang sains praktikal, astronomi dan matematik serta penterjemahan besar-besaran karya-karya luar walau pengarang tidak menyentuh secara spesifik dan objektif kepada sektor pendidikan ketika itu.

Pemerintahan Khalifah al-Ma'mun (813-833M) memaparkan salah satu ciri pemerintahan terbaik, paling menarik dan inovatif daripada *khilafah* zaman pertengahan. Selanjutnya Imam al-Tabariy menyifatkan bagaimana peranan khalifah yang sering menggalakkan penterjemahan falsafah Yunani, kerja saintifik dan perubahan dari Greek dan Syria ke Arab dan terlibat dalam kontroversi teologi di mana teknik *dialektik*¹¹ para pemikir Yunani digabungselia seterusnya memberi nilai tambah kepada perkembangan masyarakat.

Kajian Imam al-Tabariy ini secara jelas menggambarkan pemerhatian politik dan sejarah Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) secara umum, struktur dan pentadbiran ketenteraan Khalifah al-Ma'mun (813-833M) secara khusus. Gaya dan karakter kasar dan

¹¹ Kamus Merriam Webster memberi maksud perkataan dialektik dengan pelbagai maksud. Di antara maksud yang sesuai dengan maksud yang ingin penulis sampaikan di perenggan di atas ialah pada maksud yang ke dua iaitu *discussion and reasoning by dialogue as a method of intellectual investigation*. Pemahaman yang ingin penulis sampaikan ialah satu bentuk pendekatan perbincangan berdasarkan dialog yang dilakukan di antara para sarjana sebagai asas kaedah mencari penyelesaian secara bijaksana terhadap sesuatu permasalahan.

terangnya, termasuk banyak perbualan dan dokumen *verbatim* yang terkandung di dalam buku ini memberi gambaran yang sangat jelas tentang pemerintahan khalifah secara keseluruhan. Keseluruhan kajian Imam al-Tabariy di dalam *Tarikh ar-Rusul wa al-Muluk* menjadi sandaran dan penetapan penulisan pengkaji di dalam mengambil dapatan data berkenaan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M).

Abu Al-Fida' Al-Hafiz Ismail Ibnu Kathir (1301-1373M) atau Imam Ibnu Kathir menulis sebuah buku sejarah dan susur galur peradaban Islam yang bertajuk *al-Bidayah wa al-Nihayah*. Buku ini adalah bahan kajian penting di sepanjang proses penulisan, pembelajaran dan antara rujukan utama di dalam mencari data-data berkenaan terutamanya Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M). Melalui buku ini, Imam Ibnu Kathir diangkat sebagai penulis agung kerana kandungan isi serta *materialnya* membahaskan bagaimana bermulanya penciptaan alam semesta, langit dan bumi, malaikat, manusia pertama, kemudian kisah para Rasulullah S.A.W dan umat-umat terdahulu hingga Rasulullah S.A.W, kemudian tokoh-tokoh, dinasti kekhilafahan dan *Daulah* Islamiyyah, dan peristiwa-peristiwa yang terjadi pada abad-abad yang dilalui dalam masa Islam hingga ke zaman Imam Ibnu Kathir, kemudian diikuti dengan peristiwa yang akan terjadi di akhir zaman seperti tanda-tanda datangnya kiamat, perjalanan di alam barzakh, kebangkitan kembali hingga akhirat, Syurga dan Neraka yang kisahnya diambil berdasarkan dari hadits Rasulullah S.A.W. Keseluruhan kisah diceritakan dengan baik melalui penafsiran Al-Quran dan juga Hadith-Hadith Rasulullah S.A.W.

Pengkaji menggunakan jilid ke 17 kerana naratif dan isi kandungan jilid ini meliputi data pemerintahan pemerintah dalam kalangan Bani Abbasiyyah. Secara khususnya, kronologi terperinci tentang peristiwa yang berlaku bermula dari kisah Khalifah al-Walid Ibnu Yazid Ibnu Abd al-Malik (125-126H) pada Dinasti Umayyah sehinggalah kepada Khalifah Muhammad al-Muntashir Billah Ibnu al-Mutawakkil (247-248H) yang memerintah Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M). Hasil kajian Imam Ibnu Kathir membantu pengkaji mengenal pasti aktiviti-aktiviti semasa khilafah zaman

tersebut, perlakuan dan pentadbiran kerajaan, memahami perjalanan dan sistem kekhalifahan menurut sudut pandang Imam Ibnu Kathir.

Dalam kajian Abdullah bin al-Kamal Abu Bakar (840M) atau Imam Jalaluddin al-Sayuti bertajuk *Tarikh al-Khulafa'* (2015), pengarang menaratifkan secara terperinci kronologi yang berlaku dari *Khulafa ar-Rasyidin*, pemerintahan Bani Umayyah dan seterusnya pemerintahan Bani Abbasiyyah sehingga ke Khalifah al-Mutawakkil Alallah Abu Al-Izz bin Yaqub (884-903M). Dapatan pengarang menghuraikan berkenaan dengan *Daulah* Umawiyah di Andalusia, Kerajaan-kerajaan kecil seperti *Daulah* al-Ubaidillah, *Daulah* Bani Thaba al-Alawiyyah al-Hasaniyyah serta *Daulah* Bani Thabaristani.

Kaedah penulisan Imam al-Sayuti di dalam menghasilkan penulisan buku ini memberi inspirasi dalam mengembangkan dapatan berkenaan dengan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) walaupun pengarang turut menjelaskan kerajaan selainnya. Rujukan dan referensi Imam al-Sayuti ialah dengan meneliti dan menjadikan interpretasi terhadap karya-karya sejarah terdahulu seperti penulisan Imam al-Zahabi di dalam buku *Tarikh az-Zahabi* (700H) dan buku *Tarikh Ibnu Kathir* (738H), *al-Masalik* dan *Dzail Tarikh Baghdad* (639H) serta *Anba' al-Ghamar* karya Ibnu Hajar (850H). Kajian ini menjelaskan bahawa kekukuhan maklumat menjadi landasan dan peluang yang amat signifikan di dalam penulisan. Huraian pengarang berdasarkan *terminologi*¹² dan *isnad* Hadith menjelaskan kefahaman yang mendalam tentang watak-watak khilafah terutamanya *khilafah* Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M). Huraian yang padat pada setiap gerak geri *khilafah* dan penceritaan yang berlaku pada setiap proses pemerintahan membuka ruang dan aspek penilaian yang jitu dalam mendapatkan data-data yang diperlukan.

¹² Kamus Merriam Webster menghuraikan definisi terminologi sebagai *the act or process or an instance of naming, as a field of study*. Rujuk <https://www.merriam-webster.com/dictionary/terminology>

Kajian dilaksanakan oleh Tayeb al-Hebri¹³ (1999) dalam *Reinterpreting Islamic Histiography, Harun Ar-Rasyid and The Narrative of The Abbasid Caliphate* berkenaan salasilah keluarga Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M), kedua-dua anaknya iaitu Khalifah al-Amin (809-813M) dan Khalifah al-Ma'mun (813-833M) manakala Khalifah al-Mutawakkil (847-861M) sebagai penutup bab. Penghuraian kajian dinyatakan berkenaan dengan struktur-struktur peperangan saudara yang berlaku akibat perebutan kuasa untuk memerintah dengan tragedi-tragedi yang berlaku sekitar pemerintahan Khalifah al-Mutawakkil (847-861M).

Pengkaji mengambil manfaat berdasarkan fokus penulisan pengarang yang menjurus kepada Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M) serta anaknya yang dikenali sebagai khalifah yang amat mementingkan kesepaduan ilmu, mengagumi bidang keilmuan. Maklumat dan dapatan ini secara langsung mengukuhkan dapatan dari segi corak pemerintahan khalifah terhadap situasi Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M). Ianya mencerminkan struktur sosial berkisar Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M), fisiologi, kebudayaan yang diamalkan, institusi kekeluargaan dan struktur masyarakat setempat semasa era pemerintahan mereka. Namun, kajian yang sedang pengkaji jalankan masih belum disentuh dengan lebih mendalam. Oleh hal yang demikian, pengkaji melihat dari aspek sektor pendidikan secara keseluruhan yang dijalankan pemerintah. Corak kesepaduan ilmu, mengagihan dan kesamarataan di dalam ruang lingkup pendidikan tidak disentuh manakala pentadbiran terhadap pendidikan tidak dijelaskan.

Thomas W. Arnold (1927) merupakan seorang professor kesusasteraan Arab di Universiti London di dalam kajiannya *The Cambridge Medieval History* diterbitkan oleh The Cambridge University Press, membahaskan tentang Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) dari sudut karakter, struktur dan latar belakang sehingga kepada kejatuhan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M). Keterangan tentang dominasi golongan *Buwaihid* di

¹³ Tayeb al-Hibri profesor pengajian Bahasa Arab University of Massachusetts, Amherst. Beliau memperoleh BA dalam Sejarah dari Stanford University (1986) dan Ph.D. dalam sejarah Islam dari Columbia University (1994).

dalam kerajaan tidak diambil cakna, kerajaan Saljuk yang mempengaruhi pemerintahan hingga kepada serangan, pertempuran dan penaklukan oleh tentera Mongol.

Kajian dilanjutkan kepada beberapa aspek lagi termasuk teori politik pemerintahan khalifah, organisasi pengurusan termasuk sistem, penapisan moral, perdagangan dan toleransi di dalam kehidupan dan suasana ketika itu. Pengarang menyebut berkenaan bidang pendidikan pula terdapat unsur kesusasteraan di sepanjang penguasaan mereka, *obsesi* pemerintah menaikkan sektor pendidikan terutama bidang falsafah dan pertembungan falsafah, aspek kesihatan rakyat dengan memberi penekanan di bidang pendidikan perubatan, matematik dan ilmu-ilmu astrologi.

Kajian ini turut memberi penerangan dan kefahaman pada beberapa bidang utama seperti cara pemerintahan, membina asas pendidikan yang baik dan faktor serta kesan yang mempengaruhi Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M). Namun, pengkaji memerlukan dapatan bersifat khusus seperti pendekatan pendidikan itu sendiri, dan tidak bersifat umum. Kajian Thomas W. Arnold kurang menyentuh aspek dan penekanan terhadap kurikulum pendidikan. Oleh hal yang demikian pengkaji memerlukan ruang yang lebih luas dan mendalam untuk penulisan berkesan.

2.3 Pendekatan Tradisi Keilmuan

Maurice Gaudenfroy¹⁴ *et.al* (1950) menerusi kajian bertajuk *Muslim Institutions* menegaskan bahawa Baghdad pada separuh kedua abad kesebelas didominasi oleh perdana menteri berketurunan Saljuk bernama Nizam al-Mulk (1018-1092M), seorang tokoh pemimpin yang banyak menempa nama sebagai pembangun institusi-institusi

¹⁴ Keturunan Arab Perancis, pakar dalam Islam dan sejarah agama. Kajian sejarah dan keagamaannya mengenai institusi-institusi Haji dan Islam. Profesor di École Nationale des Langues Orientales Vivantes (INALCO).

pembelajaran. Nama Nizam al-Mulk (1018-1092M) adalah sinonim dengan nama yang dikaitkan dengan rangkaian institusi yang luas yang diasaskan olehnya di seluruh tanah jajahan di Timur Arab. Paling terkenal di kalangan mereka ialah institusi di Baghdad, yang diasaskan pada 457H/1065M dan dirasmikan pada 459H/1067M. Berikutan penubuhan pemerintahan Bani Seljuk, tanah-tanah Muslim mengalami peningkatan besar dalam bilangan institusi ilmiah, yang sebahagian besarnya ditaja oleh golongan elit yang berkuasa dan kaya.

Pengarang mengatakan bahawa Imam Al-Ghazali (1058-1111M) mengajar di madrasah yang dikenali Al-Nizamiyya, Baghdad. Nizam al-Mulk (1018-1092M) mengasaskan sistem Madrasah di Baghdad, kemudian bertanggungjawab untuk penyebaran institusi tersebut ke bahagian Timur Dunia Muslim. Menurut pengarang lagi, sekolah yang diasaskan oleh Nizam al-Mulk (1018-1092M) sangat terkenal di seluruh dunia. Tiada kampung tunggal yang tidak mempunyai sekolah ini. Sisi penting penglibatan struktur pemerintah ke dalam perihal pendidikan dapat dilihat apabila pemerintah negara menjalankan beberapa pengawasan terhadap pengajaran, seperti mana di institusi Nizamiyyah, di mana keizinan khalifah perlu diperoleh sebelum jawatan mengajar diberi dan diberi tauliah untuk mengajar.

Kajian ini jelas menunjukkan bahawa pelbagai institusi yang dibangunkan menjadi mercu tanda pendekatan pendidikan yang diinspirasikan oleh Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) di dalam menaikkan pendidikan ke suatu tahap yang lebih baik. Prasarana yang baik, lengkap dan wibawa para khalifah menjadikan pendidikan sebagai sektor utama memacu perubahan masyarakat dan negara melonjakkan Baghdad ke arah pusat tamadun ilmu yang baru menyebabkan pelbagai latar belakang manusia berhijrah ke sini untuk menuntut ilmu. Namun, kajian yang sedang pengkaji jalankan ini belum menyentuh dengan lebih mendalam dari beberapa aspek. Oleh itu, pengkaji akan mencari dapatan berdasarkan sumber sekunder yang lain seperti peralihan pemikiran masyarakat terhadap keilmuan, standard kurikulum dan sistem penguasaan pemerintah terhadap golongan pengajar samada berstruktur atau tidak.

Lawrence I. Conrad¹⁵, et.al (2012) menerusi kajian di dalam *The Information of the Classical Islamic World* menghimpunkan 48 siri buku yang kesemuanya membincangkan berkenaan dengan zaman klasikal Islam iaitu zaman pertengahan yang menjadi subjek kepada penulisan tesis ini. Secara asasnya, kajian Lawrence menjurus serta membentangkan gambaran luas mengenai permulaan dan evolusi pendidikan dan pembelajaran di dunia Islam.

Rujukan pengkaji ialah siri 43 berkenaan dengan pendidikan dan pembelajaran pada zaman awal Islam bertajuk *Education and Learning in The Early Islamic World*. Jilid ini disusun di bawah lima tajuk iaitu, *Pedagogical Tradition, Scholarship and Attestation, Orality and Literacy, Authorship and Transmission* dan bahagian terakhir ialah *Libraries*. Di bawah tajuk *Pedagogical Tradition*, antara bahagian yang ditekankan oleh pengarang ialah berkenaan dengan *The Etiquette of Learning in the Early Islamic Study Circle, Muslim Education, Some Aspects of the Education of Princes at the 'Abbasid Court, The Age Structure of Medieval Islamic Education* serta *Advice for Teachers: The 9th Century Muslim Scholars Ibnu Sahnun and Al-Jahiz on Pedagogy and Didactics*.

Pada bahagian kedua di bawah tajuk utama *Scholarship and Attestation*, bahagian yang ditekankan ialah *The Islamic Preacher Waiz, Mudhakkir, Qaiz, The Scholarly Formation of Al-Farabi, The Human Element between Text and Reader: The Ijaza in The Arabic Manuscripts*. Bahagian ketiga bertajuk *Orality and Literacy*, bahagian berkenaan dengan *The Oral Transmission of Knowledge in Traditional Islam* serta *The Office of the Mustamli in Arabic Scholarship*. Kajian bahagian ke empat, bertajuk *Authorship and Transmission*, berkenaan dengan *The Use of Writing for the Preservation of Ancient Arabic Poetry, Authorship and Transmission in Unauthored Literature: The Akhbar Attributed to Al-Haytham Ibnu 'Adi* oleh Stefan Leder, *On the Legacy of the Classics in the Islamic World*, serta *On the Transmission of Bukhari's Collection of Traditions*.

¹⁵ Ahli sejarah dan pensyarah di University College, London. PhD dari Universiti Princeton. Pelbagai kajian dilakukan mengenai sejarah sosial di Timur Tengah, bahasa Arab dan perubatan Islam, Yunani dan Syria. Menerusi buku-buku ini, beliau adalah editor utama menghimpunkan 48 jilid keseluruhan yang bertajuk *The Information of The Classical Islamic World*.

Berdasarkan rujukan ini, fokus kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa aspek seperti pendekatan dan faktor yang menjadi keutamaan pengkaji terdapat hampir di setiap tajuk yang dinyatakan dan bersesuaian dengan dapatan penulisan pengkaji. Namun begitu, kajian yang sedang pengkaji jalankan masih belum disentuh oleh beberapa penulis di atas dengan lebih mendalam dari beberapa sudut. Oleh hal yang demikian, pengkaji akan melihat dari aspek kesan kejayaan dan sumbangan yang membawa kepada pengaliran ilmu terhadap Eropah, standard yang menjadi kayu ukur bagi Eropah di dalam menjadikan kejayaan pendidikan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) sebagai batu loncatan memacu perubahan ketamadunan mereka.

Abu Zayd Abd Ar-Rahman Ibnu Muhammad Ibnu Khaldun Al-Hadrami atau Ibnu Khaldun, dilahirkan pada 27 Mei 1332 dan meninggal sekitar 17 Mac 1406 telah mengarang sebuah karya yang menjadi rujukan dunia Timur dan Barat iaitu *Mukaddimah*. Antara intipati dan kupasan Ibnu Khaldun banyak memfokus dan menjelaskan tentang sejarah, falsafah sejarah termasuk sejarah budaya bangsa-bangsa tertentu atau *historiografi*, penerangan tentang sains sosial, sosiologi serta *demografi*. *Muqaddimah* juga menghuraikan berkaitan dengan teologi Islam termasuk psikologi Islam, Hadith, feqah Islam dan *syariah*.

Selanjutnya kajian Ibnu Khaldun menyentuh berkenaan ekonomi, teori politik, ekologi, sains biologi dan kimia di samping menjelaskan kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran. Perbincangan Ibnu Khaldun membantu pengkaji di dalam membincangkan bab sains sosial yang berkaitan penilaian ketamadunan dan pemerintahan berkaitan pendidikan seperti yang direkodkan Ibnu Khaldun berkenaan garis panduan dan kaedah Khalifah Islam Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) iaitu Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M). Ibnu Khaldun turut menyebut tentang ilmu Yunani yang diterjemahkan semasa era pemerintahan Khalifah al-Ma'mun (813-833M). Beberapa aspek ketamaduan Arab, Parsi, Yahudi serta negara Afrika memberi gambaran yang jelas kepada pengkaji di dalam menghuraikan *demografi*, geografi serta kebudayaan setempat terutamanya aspek pendidikan bangsa yang bertamadun.

Di dalam pernyataan masalah kajian, *Muqaddimah* menawarkan suatu dapatan yang membolehkan pengkaji melebarkan kefahaman untuk membahas serta merangkumkan perkembangan sejarah ilmu falsafah dan pelbagai pemikiran Islam yang berbeza, terutamanya aliran-aliran *Muktazilah* dan aliran *Ashairah*. Seperti yang diketahui, Ibnu Khaldun merupakan pengikut aliran *Ashairah*, mengkritik pandangan aliran *Muktazilah*, dan mendasarkan kritiknya menerusi pandangan Abu Al-Hasan Al-Ashari, di mana Ibnu Khaldun menggambarkan sebagai aliran yang berbeza dari segi pendekatan di dalam falsafah serta merungkaikan aliran-aliran falsafah Islam.

Kajian Ibnu Khaldun merangkumi perkembangan sejarah falsafah dan logik dalam konteks teologi kerana pertembungan aliran pemikiran. Selain itu, huraian ayat-ayat dari Al-Quran dan huraian pengarang tentang mata pelajaran termasuk kaedah Islam di dalam menyampaikan ilmu pengetahuan serta psikologi di dalam menghadapi pendidikan turut diterangkan secara panjang lebar. Namun, huraian matapelajaran dan pedagogi yang dibincangkan menurut sisi pandang Ibnu Khaldun semata dengan menggunakan kaedah pemerhatian semasa zaman Ibnu Khaldun sendiri dan kelompok masyarakat setempat di zaman Ibnu Khaldun masih hidup. Oleh yang demikian, pengkaji merasakan perlunya menambah dapatan daripada rujukan yang menyentuh aspek pengajaran dan pembelajaran sewaktu zaman Khilafah Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M).

Goerge A. Makdisi¹⁶ (1981) dalam kajiannya bertajuk *The Rise of Colleges Institutions of Learning In Islam and the West* diterbitkan oleh Edinburgh Universiti Press menghuraikan berkenaan dengan infrastruktur pada zaman pertengahan dan pusat pembelajaran di dalam Islam, organisasi dan kaedah bagaimana orang-orang Islam belajar. Kebanyakan masa terfokus kepada abad ke 11 dan terlebih arah kepada ibu negara Baghdad ketika itu. Walaupun begitu, pengarang juga menyelitkan sela masa yang

¹⁶ Mengajar di Universiti Michigan, Universiti Harward dan Universiti Pennsylvania. Profesor Emeritus Pengajian Arab dan Islam di Universiti Pennsylvania di Philadelphia, Amerika Syarikat. didalam bukunya *The Rise Of Colleges, Institutions of Learning in Islam and the West* yang diterbitkan oleh Edinburgh Universiti Press

bersesuaian selain abad ke 11 dan negara-negara Umat Islam lain seperti Damascus dan Cairo.

Dapatan kajian pengarang menghuraikan sekolah undang-undang Islam iaitu *feqah* dan *syariah* Islam, perihal harta *wakaf*, serta institusi-institusi yang lain. Pada bab yang ke-2, pengarang membincangkan pembahagian mata pelajaran dan bidang-bidang pembelajaran, organisasi dan kaedah pembelajaran. Pada bab ke 3 pula pengarang lebih memfokuskan kepada perbincangan berkaitan tenaga pengajar dan pelajar-pelajar di setiap posisi dan tingkatan pembelajaran, pekerjaan dan perkara yang berkaitan dengan masyarakat yang berkait dengan ilmu dan keserjanaan. Untuk bab 4 dan terakhir beliau menyebut tentang sistem pendidikan di dalam Islam dan organisasi Barat.

Menariknya, kajian Goerge A. Makdisi turut membuat perbandingan antara masyarakat Kristian di Barat dengan orang Islam di Timur. Maklumat ini memberi *input* yang berguna bagi menghuraikan kesan pengambilan ilmu ke dalam dunia Eropah akibat perluasan skop pendidikan di negara-negara Islam. Selanjutnya, definisi berkaitan institusi-institusi, struktur organisasi, kaedah pengajaran dan pembelajaran serta perbandingan di antara pendidikan Islam dan Kristian turut ditekankan. Namun, perbincangan yang dibuat pengarang tidak memenuhi hasrat pengkaji di dalam mencari formula bagaimana pendekatan pendidikan yang menekankan aspek-aspek matapelajaran keduniaan dan keagamaan yang diselaraskan. Untuk itu pengkaji perlu memenuhi beberapa ruang yang tiada ini dengan mencari dapatan yang lain.

Kajian Guy Le Strange¹⁷ (1924) menerusi *Baghdad during Abbasid Caliphates* membincangkan berkaitan infrastruktur institusi-institusi di Baghdad. Pengarang merencanakan bab pertama dengan menetapkan konteks untuk Timur Tengah pada masa itu dan peristiwa yang membawa kepada penubuhan Baghdad sebagai ibukota Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) yang baru setelah berpindah dari Kufah atas beberapa faktor.

¹⁷ Berpendidikan di Clifton College dan Royal Agricultural College, Cirencester, pada tahun 1913. M.A. dari Universiti Cambridge.

Perbincangan berkaitan sejarah kuno Baghdad, terkait dengan pemerintahan dahulu termasuk *etimologi*¹⁸ dan sudut bahasa.

Peralihan ibukota ini ketika Khalifah Abu Ja'far al-Mansur (754-775M) dipengaruhi oleh perbincangan-perbincangan sejarah lalu termasuk kondisi tentang tempat, bebas dari nyamuk dan menikmati malam musim panas yang sejuk dan menyenangkan. Pengarang turut membincangkan berkenaan dengan percanggahan identiti, kawasan dan jajahan Baghdad berdasarkan bukti *arkilografik* dan identiti yang dikenakan oleh kumpulan bangsa Parsi yang mempengaruhi pemerintah Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) ketika itu.

Bab-bab berikut memberi tumpuan kepada rekabentuk bandar dan perkembangannya serta perubahan dalam pelbagai bidang, atau lebih khusus kawasan-kawasan yang diberikan kepada rombongan khalifah yang akhirnya berubah menjadi pinggir bandar yang sibuk. Pengarang menyebutkan lagi bahawa Imam Abu Hanifah (699-767M), ahli teologi Islam *Sunni* yang terkenal menyumbang kepada pembinaan bandar melalui teknik mengira jumlah bata yang diperlukan.

Guy Le Strange turut menjelaskan perihal seni bina khas Parsi berekabentuk bulat dan bangunan berprestij seperti Istana Emas, Masjid Mansur, makam, jambatan, terusan dan bangunan pentadbiran utama yang lain dengan peta beranotasi untuk menggambarkan susun atur sistematik, kehebatan bandar pusingan dan kesannya menjadi daya penarik kepada penduduk dan kemakmurannya. Turut diselitkan berlakunya peperangan di luar dan di dalam tembok Baghdad seperti pertikaian Khalifah Al-Amin dan Khalifah al-

¹⁸ Kamus Merriam Webster memberi maksud perkataan etimologi ialah *the history of a linguistic form (such as a word) shown by tracing its development since its earliest recorded occurrence in the language where it is found, by tracing its transmission from one language to another, by analyzing it into its component parts, by identifying its cognates in other languages, or by tracing it and its cognates to a common ancestral form in an ancestral language*. Penulis cuba menghuraikan di perenggan berkenaan tentang asal usul linguistik, peranan dan perkembangan serta proses. Rujuk <https://www.merriam-webster.com/dictionary/etymology>.

Ma'mun (813-833M) dan akhirnya jatuh ke Parsi, Turki, Mongol dan Uthmaniyyah, yang menjadikan Baghdad sebagai kota yang hampir lumpuh.

Namun, secara keseluruhannya kandungan yang berkaitan dengan perkara-perkara selain kota fizikal itu sendiri adalah ringkas tetapi memberi petunjuk yang tidak mencukupi untuk perbincangan penulisan dari sudut faktor penyeliaan pendidikan, penyelarasan institusi pendidikan, juga sama ada *demografi* kota dan kedudukan institusi, dinasti pemerintah yang mementingkan kesepaduan pendidikan. Oleh sebab ini, pengkaji perlu meneruskan kajian dengan mengambil kira dapatan lain dari penulisan Guy Le Strange ini.

Micheal Cooperson¹⁹ (2004) menulis biografi 5 tokoh berbangsa Arab termasuk Khalifah al-Ma'mun (813-833M) yang digunakan pengkaji bagi dapatan data. Menerusi buku ini, Micheal Cooperson meneroka asal-usul dan perkembangan biografi Arab klasik, di mana pengarang menunjukkan bagaimana ulama-ulama Islam menggunakan konsep kepemimpinan dan transmisi untuk mendokumentasikan aktiviti-aktiviti masyarakat secara politik, ilmiah dan keagamaan. Kajian pengarang turut menjelaskan bagaimana para sarjana Arab zaman pertengahan menggunakan biografi untuk membina semula kisah kehidupan tokoh-tokoh sejarah penting, meneroka kepelbagaian biografi sezaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun (813-833M), penelitian di kalangan tokoh-tokoh, menganalisis hubungan mereka dan tempat mereka dalam biografi yang lain.

M. J. L. Young, et. al (1990) menerusi kajian bertajuk *Religion, Learning and Science in the Abbasid Period* diterbitkan oleh *Cambridge History of Arabic Literature* membahas berkenaan kajian-kajian sarjana Barat mengenai mata pelajaran yang dipelajari dari zaman pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) bermula abad ke-8 hingga ke-13. Sela masa ini merupakan zaman keemasan kesusasteraan Arab. Dapatan pengarang

¹⁹ Buku bertajuk *Classical Arabic biography Heirs of the Prophet in the Age of Al-Ma'mun* diterbitkan oleh Cambridge University Press. Profesor Madya Bahasa Arab di University of California, Los Angeles.

berdasarkan kepelbagaian yang sangat luas, dari falsafah, teologi dan undang-undang, melalui tatabahasa dan *leksikografi*²⁰, matematik, astronomi serta perubatan. Ramai sarjana Barat yang terlibat di dalam kajian masing-masing yang turut dimuatkan di dalam buku ini. Pecahan bab-bab berasingan antaranya berkenaan penterjemahan dan perilaku serta perkembangan terjemahan dari Bahasa Yunani ke dalam Bahasa Arab, kesusasteraan Arab, Kristian dan Yahudi yang hidup sepanjang pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M).

Namun, perbincangan pengarang dalam kajian ini terdapat sedikit kelompangan kepada pengkaji apabila pengarang menjelaskan aspek pendidikan, mata pelajaran yang khusus merujuk kepada zaman pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) secara umum dan kurang menyeluruh berdasarkan aspek yang telah dijelaskan. Begitu juga dengan kehendak dan pendekatan pemerintah yang tidak menyentuh kepada pendidikan menyeluruh sebagaimana yang dihasratkan.

2.4 Faktor Kejayaan Tradisi Keilmuan

Philip K. Hitti²¹ (1970) dalam kajiannya *History of The Arabs* membincang dan memperincikan tentang Bangsa Arab pada zaman pertengahan. Kajian pengarang meliputi pelbagai bidang kajian termasuk ekonomi, pendidikan serta hubungan antarabangsa bangsa Arab ketika itu, kewibawaan terhadap masyarakat Arab dan Bahasa Arab adalah sumber informasi berharga. Kepelbagaian maklumat kajian olahan Philip K. Hitti sesuai untuk pengkaji secara ilmiah, membuka salah satu panorama yang paling kaya dan paling

²⁰ Kamus Merriam Webster memberi maksud perkataan leksikografi sebagai 1: *the editing or making of a dictionary*, 2: *the principles and practices of dictionary making*. Pada masa ini, mata pelajaran berkaitan buku dan pengikdeksan buku-buku turut diajar.

²¹ Berketurunan Kristian Arab, dilahirkan di Beirut. Beliau menerima Ijazah Sarjana Muda Universiti Amerika Beirut dan PhD dari Columbia University. Profesor Kesusasteraan Semitik di Universiti Princeton (1920-1954). Profesor Emiritus di Universiti Sao Paulo dan Harvard.

instruktif dalam sejarah, menceritakan kisah tentang kebangkitan Islam di zaman pertengahan, penaklukan, empayar dan perluasan kuasa pemerintahannya, masa kebangkitan dan kejatuhan.

Kajian ini secara jelas membolehkan ruang untuk mengetengahkan jurang di antara peradaban Arab Islam dan Barat dapat dikaji, amat penting untuk usaha yang berterusan bagi merapatkan jurang budaya Arab dan Barat kini. Namun, kajian yang sedang pengkaji jalankan masih belum disentuh dengan lebih mendalam. Oleh kerana itu, pengkaji akan melihat dari aspek pendidikan yang menjadi tumpuan utama tesis yang berkisar pada zaman pertengahan yang kurang disentuh oleh kajian pengarang, memandangkan ciri perbincangan dan huraianya lebih tertumpu kepada sifat dan sosiologi masyarakat Arab berserta sejarahnya yang panjang sedangkan pengkaji memerlukan data yang lebih spesifik berkaitan pendidikan.

Tamim Ansary²² (2009) dalam kajian bertajuk *Destiny Distrupted, History of The World Through Islamic Eyes* yang diterbitkan oleh *Public Affairs* berpusat di Amerika Syarikat membahaskan tentang sejarah dunia dari sudut kaca mata Islam, dari zaman permulaan Rasulullah S.A.W, Kerajaan Umayyah (661-750M) dan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) sehinggalah kepada Kerajaan Uthmaniyyah (1299-1922M). Pengarang menegaskan bahawa penceritaan dan perkongsian kejayaan dan berita yang benar dan baik daripada bersumber Islam di Barat agak disisihkan sebahagian besarnya oleh sarjana-sarjana Barat, di gelapkan sejarah silamnya dan terdapat penyelewengan fakta untuk menampakkan bahawa sejarah Islam yang lalu hanya sekadar indah khabar dari rupa.

Kajian Tamim Ansary telah merungkaikan bahawa sebahagian besar dapatan sarjana Barat cenderung memalsukan data daripada mencerminkan keseluruhan aspek ketamadunan yang betul, menyebabkan kekeliruan dan naratif yang sama sekali berbeza.

²² Seorang pengarang berkelahiran Afghan-Amerika. Menyambung pelajaran di Reed College di Portland, Oregon dengan Sarjana Kesusasteraan pada tahun 1970. Menghasilkan banyak karya-karya sejarah.

Pengarang menghuraikan mengapa Tamadun Islam semakin tidak menyedari usaha menutup fakta antara satu sama lain, apa yang berlaku ketika Barat menyembunyikan maklumat-maklumat dan bagaimana dunia Islam terpengaruh dengan pengiktirafan bahawa Eropah, suatu tempat yang dianggap sebagai primitif dan tidak teratur di waktu kemuncaknya peradaban Islam dahulu menatijahkan pertembungan yang melemahkan ketamadunan Islam itu sendiri.

Perbezaan penerimaan ini membantu pengkaji mencari beberapa fakta yang salah, diperiksa kesahihannya dan rujuk silang di antara data-data dan dapatan daripada buku-buku sarjana Barat. Jelas kajian ini membuka ruang pemikiran pengkaji untuk menyemak beberapa aspek catatan sejarah yang cuba dimanipulasi oleh *orientalis*. Walau bagaimanapun, pengkaji hanya menjadikan buku ini sebagai rujukan sisi pada masa penulisan ini berlangsung kerana kurang perkaitan dengan tema penulisan pengkaji. Namun nilai dan inti pengetahuan digunakan pada tema yang dinyatakan ada digunakan walau agak terbatas kerana pengisian kajian yang minima berbanding tema penulisan pengkaji.

Muhammad Akhtar dan Khalid Jamil Rawat²³ adalah pengarang bersama di dalam penulisan artikel yang merungkaikan dan menjelaskan tentang ciri-ciri utama, prinsip-prinsip yang digariskan dan faktor-faktor yang menyumbang terhadap sistem pendidikan pada zaman Umayyah (661-750M) dan Abbasiyyah (749-1256M). Keseluruhan dapatan adalah berkisar kepada sejarah dan kefahaman yang sebenar dari sejarah Islam yang disalah tafsir. Dengan erti lain, sumber-sumber yang digunakan dan intipati dapatan serta hasil penulisan adalah berdasarkan kepada sumber yang sahih dan tidak bercampur aduk dengan penyelewengan fakta dari sumber *orientalis* yang mengelirukan. Artikel ini meneroka ciri-ciri utama, prinsip yang digariskan dan faktor penyumbang sistem pendidikan umat Islam semasa tempoh Kerajaan Umayyah (661-750M) dan Kerajaan

²³ Muhammad Akhtar merupakan lulusan Ph.D Sarjana Penyelidikan di Hamdard University manakala Jamil Rawat Professor Madya di Iqra University di Karachi, India menulis artikel *A Historiography of the Educational System of the Muslims during the Umayyad's and the Abbasid's Period* jurnal *The Dialogue Volume IX Number 4*.

Abbasiyyah (749-1256M) memerintah.

Muhammad Akhtar dan Khalid Jamil Rawat menyatakan tujuan kajian adalah untuk memberi ruang pemahaman yang betul mengenai sejarah Islam mengatasi salah tafsir *ortodoks*, dan juga fikiran moden tentang Islam dan sistem pendidikannya. Kajian ini mengenal pasti, institusi yang mempunyai *endowmen* tetap, status sosial dan prestij guru, pendidikan dalam bahasa tempatan, pengumpulan dan penglibatan para ulama terbaik semasa proses pendidikan, dan beberapa faktor penentu di belakang kejayaan sistem.

Pengkaji masih mempunyai beberapa isu yang belum disentuh melalui kajian ini. Penerapan maklumat yang tepat tetapi ringkas dan padat pengisiannya dari sudut piawai pendidikan yang ditawarkan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) memudahkan membuat carian maklumat, namun maklumat yang dipaparkan tidak memenuhi kepelbagaian keperluan. Isi kandungan yang secara umumnya terarah kepada beberapa bahagian yang menjadi pemerhatian, namun tidak mencapai spesifikasi dan keperluan pengkaji pada artikel 17 muka surat ini.

2.5 Kesan Tradisi Keilmuan ke atas Eropah

Philip K. Hitti (1973) dalam kajiannya *Capital Cities of Arab Islam* yang diterbitkan oleh *Minnesota University*, menonjolkan perbincangan berkaitan pihak berkuasa yang terkenal di dunia Islam pada waktu keemasan. Melalui kajian tersebut, pengarang melihat peristiwa sejarah Arab berdasarkan di mana sesuatu peristiwa itu berlaku. Secara khususnya, pembahagian bab-bab ini memfokuskan kepada enam bandar-bandar utama kerajaan Islam suatu ketika dulu iaitu Mekah dengan gelaran ibukota agama, Madinah tempat berkumpulnya para khalifah, yang ketiga ialah Damsyik yang merupakan ibukota

Kerajaan Umayyah (661-750M), manakala Baghdad diberi jolokan bandar intelektual, seterusnya ialah Kaherah merupakan ibukota kepada kaum pembangkang dan yang terakhir ialah Cordova yang merupakan ibukota Eropah.

Kajian Philip K. Hitti ini menjurus kepada pendekatan sejarah dan bukannya keberadaan geografi terutama pada bab Baghdad sebagai ibukota intelektual. Faktor ini memberi kesan langsung kepada penulisan tesis memandangkan aturcara dan kerangka tesis ini memerlukan penjelasan yang lebih dari segi aktiviti, kesuburan institusi dan perjalanan ibukota Baghdad itu sendiri di dalam membawa nama Baghdad sebagai kota keilmuan dan pendidikan. Pemerhatian pengkaji mendapati bahawa kajian ini tertumpu lebih dari segi lakaran kehidupan kota-kota kajian berkait dengan fungsi dan peranan masing-masing.

Pengarang turut menggambarkan keadaan fizikal kota, pekerjaan utama rakyat, dan struktur *monumental* yang signifikan. Ini termasuk kaedah perbincangan sejarah moden seperti bandar yang relevan dengan cerita, tetapi penekanannya adalah pada zaman Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) hingga Kerajaan Uthmaniyyah (1299-1922M), iaitu abad ke tujuh hingga abad ketiga belas. Sebagai tambahan kepada sumber-sumber Arab, pengarang menyebutkan *deskripsi*²⁴ para sarjana Eropah yang terkenal waktu itu. Seperti yang dijelaskan pengarang, penerangan kepada enam bandar memberi faedah kepada pengkaji terutama dari sudut perhubungan di antara negeri dan pentadbiran, faktor penyumbang kepada satu negeri ke negeri yang lain dan pemilikan kuasa pemerintah di dalam menguruskan sebuah kuasa dan negara.

Namun, pengkaji merasakan sedikit kerugian kerana beliau tidak menyebut tentang keberadaan fasiliti dan lokaliti institusi-institusi pendidikan kerajaan untuk menampakkan kerancangan pertumbuhan sektor pendidikan yang berlaku. Pengarang

²⁴ Kamus Merriam Webster menyifatkan deskripsi bermaksud *presenting observations about the characteristics of someone or something : serving to describe*. Kefahaman pengkaji ialah karekter-karekter intelektual yang menyumbang atau memberi sumbangan kepada sesuatu perkembangan.

mengolah dapatan berkenaan sejarah Arab dan Muslim lain tetapi juga memasukkan fakta perkembangan tamadun pada umumnya.

Salim TS Hassani²⁵ et.al (2007) dan barisan para sarjana di dalam kajian ini mengumpulkan inovasi dan pencipta dari kalangan tokoh-tokoh Islam suatu ketika dahulu menerusi *1001 Inventions, Muslim Heritages in Our World* yang diterbitkan oleh *Foundation for Science, Technology and Civilization* adalah bukti dan hujah bahawa Islam tidak ketandusan tokoh-tokoh pencipta inovasi yang berdaya saing dan maju walaupun pada zaman pertengahan, zaman keemasan Islam.

Sidang pengarang meletakkan persoalan seperti di mana idea penerbangan Leonardo da Vinci berasal, siapa yang membuat selongsong untuk kapsul pil, dan di mana Fibonacci belajar untuk membengkokkan jari matematiknya sebagai satu objektif menggambarkan bahawa penemu cipta idea dan kisah tersebut adalah bersumber kepada tokoh-tokoh Islam yang berhasil memacu peradaban, lalu ditiru dan diinovasi semula oleh sarjana Barat. Kajian ini mewariskan pengetahuan tentang penciptaan Muslim di dunia hari ini dengan membentangkan gambaran yang sangat baik. Ini adalah pengenalan penting kepada zaman Tamadun Islam yang hebat memukau dan mentakrifkan lagi pandangan semasa tentang zaman pertengahan, sejarah dan akar mereka. Maklumat dan dapatan yang berguna ini membantu pengkaji mengakses kepada seribu tahun sejarah ketokohan Islam yang hilang, meliputi perubatan, teknologi, ekonomi, tamadun, alam sekitar, dan banyak lagi. Dari Sepanyol ke China, para sarjana dari pelbagai jenis jantina, budaya, dan pelbagai agama bekerja sama untuk membina pengetahuan tentang peradaban Muslim.

Kajian sekumpulan sarjana ini membantu dalam memberi keyakinan terhadap nilai kebenaran serta fakta-fakta yang dibentangkan dalam buku ini adalah dari sumber

²⁵ Profesor Emeritus Kejuruteraan Mekanikal dan seorang Felo Profesor Kehormat di Sekolah Bahasa, Linguistik dan Budaya, Fakulti Kemanusiaan, Universiti Manchester. Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah FSTC, Editor Ketua MuslimHeritage.com, dan pengasas 1001inventions.com

akademik yang paling dipercayai dan tidak berat sebelah. Namun, tidak banyak kupasan mengenai tahap pendidikan juga cara pengajaran dan pembelajaran termasuk institusi-institusi monumental tidak diketengahkan.

Liya Khaulah asy-Syaimaa' Hussain, Ahmad Faizuddin Ramli²⁶ (2017) dalam kajian menerusi artikel ini memperihalkan perkembangan peradaban Islam yang berjalan seiring dengan pembangunan fizik dan spiritual. Pengarang menyebut di awal zaman keemasan Islam telah mengalami perkembangan pengetahuan yang dikembangkan oleh para cendekiawan Muslim dalam berbagai disiplin keilmuan, termasuk matematik. Perbincangan dan kajian ilmiah para cendekiawan Muslim dalam ilmu matematik melibatkan berbagai nombor, huruf dan formula, yang digunakan sebagai instrumen untuk manifestasi mendekatkan diri kepada Allah.

Menurut pengarang, hasil dapatan kajian adalah Al-Quran menjadi sumber inspirasi kepada para sarjana Muslim dalam bidang matematik yang kemudian membentuk rumusan dalam disiplin ilmu pengetahuan ini seperti teori bilangan, aritmatik, aljabar, dan geometri. Dari sudut proses Islamisasi melalui gabungan ilmu pengetahuan, pengkaji bersetuju dengan pengarang bahawa proses Islamisasi pengetahuan dan kepentingannya menjadi suatu medium untuk menyelesaikan masalah pendidikan umat Islam dewasa ini.

Namun, penulisan kajian ini hanya memberi gambaran dari sudut matapelajaran Matematik termasuk sumbangan para cendekiawan Muslim terhadap perkembangan ilmu Matematik sahaja, oleh kerana yang ditekankan pengarang tanpa menyebut secara lanjut berkaitan latar belakang pendidikan sarjana matematik itu sendiri menampakkan sedikit kelompangan pada kejayaan tokoh-tokoh matematik tersebut. Berikutan itu, pengkaji

²⁶ Menulis artikel bertajuk Contributions of Islamic Civilization to The Mathematics Development. <https://www.researchgate.net/publication/32233098> Contributions of Islamic Civilization to The Mathematics Development.

perlu menggali lagi beberapa kajian yang mengaitkan dengan latar belakang pendidikan sarjana-sarjana Islam seperti yang disebutkan pengarang di atas.

George Sarton (1975) menerusi kajiannya *Introduction to the History of Science, Volume 2 from Rabbi Ben Ezra to Roger Bacon* membahagikan kajian penulisannya kepada beberapa bab-bab penting. Fokus penulisan pengarang adalah berkisar kepada pendidikan pada awal abad ke 13. Pengarang mengolah dapatan kajiannya dengan meletakkan tokoh-tokoh penting Islam, Kristian, Yahudi, China dan beberapa bangsa lagi berdasarkan bidang tertentu seperti falsafah dan budaya, matematik dan astronomi, fizik dan muzik, kimia, geografi, sejarah, perubatan, *historiografi*²⁷, *sosiologi*²⁸, undang-undang dan *pilologi*²⁹.

Kajian ini meletakkan setiap bidang pendidikan yang dibahagikan pengarang dengan menyebutkan tokoh-tokoh setiap latar belakang sejarah kaum dan agama mereka dengan pencapaian setiap bidang yang diceburi. Pengkaji mendapati bahawa tokoh-tokoh Islam khususnya telah menyumbang kepada dunia tidak kurang hebatnya berbanding dengan tokoh-tokoh lain. Walau bagaimanapun, bilangan tokoh-tokoh Islam di setiap bidang sedikit terhad dari segi bilangannya. Ini kerana penulisan pengkaji tertumpu pada keseluruhan abad pemerintahan Khilafah Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) yang berakhir sekitar 1256 Masihi melahirkan ramai sarjana Islam yang hebat di pelbagai bidang keilmuan.

²⁷ Menurut Kamus Merriam Webster, definisi *historiografi* dipecahkan kepada dua bahagian iaitu a: *the writing of history especially : the writing of history based on the critical examination of sources, the selection of particulars from the authentic materials, and the synthesis of particulars into a narrative that will stand the test of critical methods* manakala b: *the principles, theory, and history of historical writing*. Maksud di dalam tesis ini ialah sebagai penulisan sejarah. Rujuk <https://www.merriam-webster.com/dictionary/historiography>.

²⁸ Menurut Kamus Merriam Webster, definisi sosiologi terbahagi kepada dua iaitu 1: sains sosial, institusi sosial, dan hubungan sosial khusus: kajian sistematik mengenai pembangunan, struktur, interaksi, dan kelakuan kolektif kumpulan manusia yang teratur dan yang ke 2: analisis ilmiah institusi sosial sebagai keseluruhan berfungsi dan yang berkaitan dengan seluruh masyarakat.

²⁹ Menurut Kamus Merriam Webster, definisi pilologi ialah *the study of literature and of disciplines relevant to literature or to language as used in literature*. Rujuk <https://www.merriam-webster.com/dictionary/phyllology>.

Melalui kajiannya, George Sarton (1975) menjelaskan perkembangan sains dan intelektual pada abad 12 dan 13 Masihi di Eropah. Kajian ini membuka pengetahuan berkenaan perkembangan keilmuan yang berlaku pada zaman pertengahan terutama aktiviti penterjemahan di Andalus. Pengarang secara khusus membahagikan pertumbuhan dan perkembangan sains dan teknologi di dalam skop masa tertentu. Secara bertahap, George Sarton menggambarkan sela waktu aktiviti penterjemahan yang dilakukan. Kajian pengarang menyebutkan tahap-tahap waktu tertentu seperti tahap masa pertama dan kedua berlaku pada abad ke 12 Masihi, serta pada tahap masa pertama dan kedua abad ke 13 Masihi.

Pengarang memberi contoh berkenaan dengan penterjemahan dari Bahasa Arab ke Bahasa Latin oleh penterjemah berbangsa Inggeris iaitu Adelard of Bath yang menterjemah jadual astronomi karya al-Khwarizmi (770-840M) yang telah disemak semula oleh Maslama Ibnu Ahmad Al-Majriti. Namun, kekangan dapatan adalah berdasarkan faktor geografi, dimana penumpuan kajian George Sarton lebih kepada perluasan ilmu di Eropah menerusi Andalus dan beberapa daerah sekitar, tidak melebar kepada dapatan daerah dan wilayah Islam yang lain. Ini memerlukan pengkaji mencari sumber berlainan untuk mengisi kekosongan maklumat berkaitan.

Rene Taton³⁰ menerusi kajiannya bertajuk *History of Science Ancient and Medieval Science From the Beginnings to 1450* memperihal berkaitan ilmu-ilmu sains Islam yang bermula pada zaman pertengahan atau *Middle Ages*. Pengarang memperincikan dapatannya dengan mengatakan bahawa sains Islam mula subur dan berkembang semenjak abad ke 8 lagi meliputi kesemua bidang keilmuan, berdasarkan karya terjemahan Bahasa Yunani ke dalam Bahasa Arab. Pengarang turut mengakui bahawa Timur menjadi pusat kepada pendidikan dan menjadi tempat berkumpulnya para

³⁰ Professor kelahiran Perancis yang banyak menulis tentang sejarah diantaranya buku yang diterjemah oleh A.J. Pomerans pada tahun 1963 yang bertajuk *History of Science, Ancient and Medieval Science from The Beninnings to 1450* yang menjadi rujukan pengkaji.

sarjana dari pelbagai pelosok negara seperti Parsi, Mesir, Syria dan India berkumpul di Baghdad.

Menurut Rene Taton, apabila pengaruh Andalus semakin besar dan kuat, Andalus turut muncul sebagai pusat intelektual Islam di Eropah. Atas faktor ini, ilmu sains Islam mula mengalir ke Barat. Pengarang melanjutkan perbincangan dengan menjelaskan betapa zaman keemasan Islam pada abad ke 11 melahirkan saintis hebat Islam seperti ahli astronomi Ibnu Yunus, ahli fizik Ibnu al-Haitham, Ibnu Sina (981-1037M) dan al-Biruni. Perkembangan pengaliran ilmu ke Eropah bertambah subur dan menjadi pemangkin kebangkitan keintelektualan di Eropah sehinggalah Barat mencapai kemuncak kegemilangan.

Jelas dapatan pengarang amat signifikan dan membantu menguatkan fakta bahawa pencetus perabadian Barat dimulai oleh sarjana Islam. Walau bagaimanapun, pengkaji perlu meneroka dari aspek bagaimana sesuatu pemahaman pengaliran keilmuan berlaku samada daripada pendekatan dan faktor kejayaan pendidikan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) yang mengalir di antara negara dan bagaimana pengaliran ilmu ini menjadi jambatan di antara negara menjalinkan perhubungan. Adakah aspek ini memberi impak kepada pendidikan Eropah sebagaimana yang diwarwarkan?

A.C. Crombie³¹ (1952) menerusi *Augustine to Galileo, The History of Sciences A.D 400* yang diterbitkan di London oleh *William Heinemann LTD* menyebut tentang penerimaan sains moden di wilayah Barat Kristian pada abad ke 12M adalah berbentuk karya Bahasa Arab walaupun sumber asal ilmu-ilmu ini datangnya dari Yunani. Dapatan pengarang menjurus kepada sarjana Islam yang telah berusaha melakukan penterjemahan, penyaringan ilmu dan mengasimilasikan serta menambah baik ilmu-ilmu tersebut dengan gaya dan sudut pandang Islam.

³¹ Ahli sejarah sains di Australia. Crombie melakukan kajian pascasiswazah di Jesus College, University of Cambridge, menerima doktornya pada tahun 1942 dalam bidang dinamik penduduk.

Cara pemindahan ilmu ini juga berlaku melibatkan perdagangan di antara negara-negara Kristian dan Islam. Sejak dari abad ke 9 lagi wujudnya pertalian hubungan bandar-bandar di Sepanyol dengan jajahan Islam. A.C. Crombie mengatakan pada abad ke 11, St. Benedict Monte Cassino iaitu Constantine the African menemui karya Galen dan Hippocrates melalui *ensiklopedia* perubatan yang dihasilkan sarjana Islam, Doktor Haly Abbas. Pengarang juga menguatkan hujah dengan menyebut Andalus dan Sicily adalah pusat yang utama dan terpenting pengaliran ilmu Islam dan sains Yunani. Namun, pengkaji tidak dapat meneroka dengan lebih mendalam beberapa aspek seperti institusi di Timur kerana kesinambungan perubahan yang berlaku tidak dikaitkan dengan jelas menyebabkan olahan berkaitan institusi terlibat merencatkan kesinambungan pengaliran keilmuan. Pengkaji merasakan faktor ini menjadikan ruang kelompangan perbincangan mengenainya perlu diteruskan dengan mencari pada sumber-sumber lain.

Anwar G. Chejne³² (1974) menerusi kajiannya *Muslim Spain, Its History and Cultures* menyentuh aspek berkaitan perkembangan dan pertumbuhan Tamadun Islam yang berlaku di Andalus, Sepanyol. Naratif menyentuh tentang sejarah, budaya dan pencapaian dari sudut intelektual umat Islam di Sepanyol. Antaranya pada abad ke 10, Cordova sebagai salah satu negeri jajahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) muncul sebagai kota kosmopolitan dan maju. Insfrastuktur seperti masjid, budaya dan fesyen serta bangunan-bangunan istana yang didirikan begitu indah dan gemilang.

Selain Kota Cordova, pengarang menyebut tentang Kota Andalus yang mempunyai 1600 buah masjid, 900 tempat mandi awam, 213077 rumah kediaman awam, 60300 rumah bangsawan dan pegawai-pegawai tinggi kerajaan serta 80455 buah kedai. Kepesatan yang terdapat di Andalus menjadi begitu penting dan menghubungkan di antara dunia Timur dan Barat. Faktor ini juga menjadikan Andalus tumpuan para sarjana di

³² Dilahirkan pada 15 Ogos 1923 di Rahbe, Lubnan. Meneruskan pengajian di Colegio Del Rosario Bogotá, Colombia dari tahun 1939-1941, memperoleh B.A. dan Ph.D. dalam bahasa dan seni liberal. Dari 1948 hingga 1950, beliau mengikuti pengajian di Asean Institut of Columbia University New York. Memperolehi M.A dalam kajian dan sejarah Islam. Beliau dianugerahkan Ph.D. dari Universiti Pennsylvania dalam kajian Islam pada tahun 1954.

seluruh dunia datang untuk mendapatkan ilmu, mempelajari dan memahami budaya umat Islam. Aktiviti keilmuan, penterjemahan, pertukaran idea dan pengaliran ilmu menunjukkan bahawa kemunculan dan perkembangan intelektual di Eropah adalah permulaan kebangkitan buat mereka hasil usaha umat Islam melalui pendidikan.

Kajian ini jelas menunjukkan bahawa berlakunya penyelarasan dan keseragaman kependidikan hasil kerja umat Islam yang ditiru dan diambil oleh Barat. Walau bagaimanapun, kajian yang sedang pengkaji jalankan masih belum disentuh dengan lebih mendalam dari aspek integrasi keseimbangan ilmu yang diserap dan dibawa masuk ke Eropah termasuk titik tolak kejayaan pendidikan umat Islam yang mencetus gelombang *renaissance* di Eropah hingga menjadikan mereka memacu sebuah peradaban baharu.

2.6 Kesimpulan

Umumnya, kajian tentang Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) secara keseluruhannya tertumpu kepada bahan-bahan rujukan utama yang ditulis oleh penulis-penulis besar yang masyhur di dalam atmosfera penulisan sejarah Islam. Kajian tentang Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) ini bersifat sejarah yang dibincang oleh sarjana Islam seperti Imam al-Tabariy (839-923M), Imam Ibnu Kathir (1301-1373M) serta Imam al-Sayuti (840M). Ketiga-tiga buku utama ini merupakan diantara buku-buku asas yang begitu penting dan menjadi landasan rujukan utama pengkaji sepanjang penulisan tesis ini. Karya-karya ini merupakan bahan utama menggali pelbagai pemerolehan data-data berkaitan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) di dalam memahami, meneliti, mencorak idea serta mengembangkan isi kandungan tesis.

Sebahagian kajian lain berkaitan tajuk penulisan seperti Tayeb al-Hebri (1999) tertumpu kepada karakter Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M) sebagai fokus utama

naratif. Namun aspek pendidikan semasa pemerintahan khalifah tidak disentuh secara berfokus dalam penulisan beliau. Thomas W. Arnold (1927) menaratifkan sejarah umum pemerintahan *khilafah* Islam. Namun banyak perkara tentang pendidikan tidak disentuh secara lebih luas dan mendalam untuk memberi lebih ruang pemahaman berkesan. Berhubung dengan kajian pendidikan di zaman Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) pula, Maurice Gaudenfroy *et.al* (1950) ada menyentuh beberapa aspek terhadap ciri-ciri, rekabentuk dan fizikal institusi.

Walaupun bagaimanapun percambahan kajian menghadkan perbincangan pada sesebuah institusi tidak termasuk sesi pengajaran dan pembelajaran. Begitu juga dengan Lawrence I. Conrad, *et.al* (2012) melibatkan kaedah tradisi masyarakat dalam menimba ilmu pengetahuan seperti etika menuntut ilmu, pendidikan orang Islam termasuk pendidikan di istana. Isu yang dibincangkan pengarang tidak menyentuh secara langsung beberapa data penting penulisan seperti matapelajaran yang diajar secara konsisten. Ibnu Khaldun melalui *Mukaddimah* menyentuh berkaitan aktiviti penterjemahan karya Yunani ke dalam Bahasa Arab di mana aktiviti penterjemahan ini berlaku semasa pemerintahan Khalifah al-Ma'mun (813-833M). Namun, pengarang tidak banyak menyentuh tentang pendekatan semasa berlakunya pendidikan zaman Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) ketika itu kecuali kaedah, pedagogi serta matapelajaran yang dibahasakan menurut kacamata pengarang sendiri.

Pengkaji berpendapat bahawa dapatan kajian yang menjurus kepada fokus penulisan tempoh formatif Islam tidaklah begitu mudah kerana sumber-sumber agak terhad, memerlukan masa yang lama untuk dikaji dan memerlukan kaedah yang betul. Berdasarkan sebilangan kajian-kajian lepas dan menjadi rujukan tesis ini, kesemua pemilihan karya-karya di atas menyentuh pelbagai aspek dan sisi dapatan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) sebagai pusat kecemerlangan kejayaan tradisi keilmuan pada zaman keemasan Islam. Turut dikaji ialah faktor-faktor yang memainkan peranan di dalam mengangkat Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) sebagai kerajaan Islam yang membentuk nilai dan sistem tradisi keilmuan turut terdapat di dalam karya-karya yang disenaraikan.

Begitu juga dengan kesan-kesan yang mengagumkan yang ditinggalkan oleh sejarah Islam menjadi batu loncatan terhadap tamadun lain membina kekuatan mereka dengan menjadikan Islam sebagai rujukan.

Pelbagai lagi penulisan berkaitan sejarah Islam dan khusus pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) sama ada menerusi artikel dan tesis yang secara langsung dirujuk sepanjang menghasilkan penulisan. Beberapa kajian-kajian lepas sebagaimana rujukan penulisan menunjukkan dapatan data yang masih belum mencukupi. Oleh yang demikian, pengkaji membuat kesimpulan bahawa di antara kesemua sumber kajian yang menjadi bahan penerokaan dapatan, pengkaji perlu mencari dan meneroka sumber sekunder yang lain untuk memenuhi kehendak dan mencapai objektif penulisan tesis.

BAB TIGA

KAEDAH KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan kaedah³³ yang dilaksanakan di dalam mencari, mengumpul dan menganalisis data bagi mendapatkan hasil kajian seterusnya mencapai tujuan dan objektif kajian penulisan. Kaedah kajian yang betul akan membantu menghasilkan tujuan dan objektif tercapai dengan jaya. Noraini Idris (2013) yang memetik kenyataan Wierma yang menyebut kaedah kajian melibatkan konsep dan proses iaitu kaedah mencari, merumus dan mentafsir maklumat tentang masa dahulu.

Proses pengumpulan dan penilaian data yang berkaitan dengan masa lampau dapat membantu menerangkan peristiwa pada masa kini dan untuk meramal peristiwa masa

³³ Cambridge Advanced Learner's Dictionary (2008) 3rd Edition, Cambridge University Press, Singapore mendefinisikan *kaedah* sebagai *a particular way of doing something* manakala *methodology* ditakrifkan sebagai *a system of ways of doing, teaching or studying something*. Rujuk selanjutnya di halaman 897 manakala Merriam-Webster mendefinisikan sebagai *a procedure or process for attaining an object: such as a(1): a systematic procedure, technique, or mode of inquiry employed by or proper to a particular discipline or art (2): a systematic plan followed in presenting material for instruction, b(1): a way, technique, or process of or for doing something*. Rujuk seterusnya di <https://www.merriam-webster.com/dictionary/method>.

hadapan. Dengan erti kata lain, kaedah kajian adalah sebagai pemandu kepada perjalanan sesebuah penulisan yang dijalankan. Kaedah kajian yang betul akan membantu menghasilkan tujuan dan objektif tercapai dengan jayanya.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sebagai kaedah mendapatkan maklumat dan data kajian. Pendekatan kualitatif diaplikasikan di sepanjang proses penulisan kajian kerana secara khususnya kajian ini tidak melibatkan perangkaan, pengiraan dan penomboran. Sarjana Muslim terdahulu secara khususnya telah menggunakan pendekatan kualitatif di dalam kajian-kajian yang dijalankan. Terdapat persamaan yang ketara di antara penggunaan kaedah kualitatif ini oleh sarjana Muslim dahulu dengan kaedah terkini hari ini.

Sebagai contoh, Ibnu Khaldun dalam *Muqaddimah* menggunakan kaedah pemerhatian terhadap tingkahlaku, persekitaran dan situasi pada zaman tersebut³⁴. Sarjana-sarjana Muslim menyelesaikan permasalahan semasa berdasarkan pemerhatian dan kajian mereka terhadap realiti keadaan sosial masyarakat pada ketika itu (Mahdi Zahraa, 2003). Pematuhan etika penulisan tidak banyak berbeza dari awal dan kini dari sudut kaedah menerusi jenis kualitatif. Namun, penulisan berteraskan Islam perlu melalui proses yang ketat, piawaian dan kriteria tertentu. Pertama, kaedah kualitatif berteraskan Islam meletakkan keutamaan kepada sumber Al-Quran, Hadith dan kaedah *usul al-fiqh*. Kedua, penekanan yang ketat terhadap kaedah kajian yang mempunyai kredibiliti dan tidak boleh dipertikaikan. Ketiga, kaedah kajian terkini tidak diganggu dengan unsur etika dan perundangan syariah.

Kebersamaan kajian kualitatif ini di dalam memahami fenomena sesuatu permasalahan turut diaplikasi ulama silam dalam menyelesaikan pandangan dan ijtihad berdasarkan situasi dan pemahaman realiti masyarakat di zaman mereka (Mahmood

³⁴ Ibn Khaldun, *Mukadimah Ibn Khaldun*, terj. Dewan Bahasa dan Pustaka (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993), 176-177. Ibn Khaldun menggunakan kaedah pemerhatian untuk menganalisis situasi masyarakat pada ketika itu.

Zuhdi, 2001). Berdasarkan penulisan tesis ini, kajian kualitatif dipilih digunakan dibahagikan kepada tiga aspek penting. Pertama, bagaimanakah prosedur dan proses rekabentuk kajian. Pemilihan rekabentuk kajian menerusi kaedah kepustakaan melibatkan analisis dokumen bahan pensejarahan menjadi pilihan serta temubual tidak berstruktur untuk menambah dan mengukuhkan data-data. Bagi memastikan kesahan data, data berbentuk *verbatim* turut disertakan dengan sumbernya sebagai bukti berdasarkan pemilihan bahan-bahan dari analisis dokumen. Kaedah kajian ini akan menjelaskan bagaimanakah proses menganalisis data-data kualitatif tersebut dijalankan.

Setelah pemilihan rekabentuk kajian dikenalpasti, aspek kedua melibatkan tatacara pengumpulan data kajian. Tatacara pengumpulan data adalah melibatkan bahan sumber kedua atau sumber sekunder dan kaedah temubual tidak berstruktur dijalankan untuk memastikan kesahan data dan dapatan data seimbang dengan apa yang didapati melalui analisis dokumen. Ketiga, tatacara penganalisan data kajian dijalankan. Disini pengkaji mengambil pendekatan induktif dan komparatif. Daripada jenis-jenis dokumen yang dipilih, menurut Creswell (2009), bagi menjawab soalan-soalan kajian, proses ini menggambarkan kerjasama antara tema dan pangkalan data utama sehinggalah menetapkan satu set tema yang komprehensif. Pengkaji menghasilkan data-data sumber sekunder seperti buku-buku sejarah, petikan atau keseluruhan dokumen. Kajian kualitatif yang diamalkan berjalan serentak di antara pengumpulan data dan juga penganalisan data.

Pengkaji meneroka masa silam dengan mencari maklumat berkaitan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) dari sudut tradisi keilmuan dan perkembangannya selari dengan 3 objektif kajian tesis. Secara tidak langsung, pengkaji dapat memahami dengan lebih baik peristiwa-peristiwa dan tingkahlaku yang mempengaruhi situasi semasa. Menurut Cates Ward Mithcell (1990) penerokaan peristiwa lampau membantu pengkaji mengenalpasti sesuatu pola seperti tingkahlaku keadaan sekarang merupakan kesinambungan peristiwa lampau. Pemahaman situasi yang telah berlaku pada zaman Keemasan Islam Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) memerlukan pengkaji mengaplikasikan kaedah penyelidikan

berbentuk kualitatif melibatkan deskripsi yang menyeluruh serta pemahaman yang mendalam terhadap fenomena yang dikaji. Salah satu ciri-ciri kaedah kualitatif ialah:

The problems need to be explored to obtain a deep understanding.

(Cresswell, 2009:54)

3.2 Rekabentuk Kajian

Penulisan tesis ini berdasarkan kepada kaedah kepustakaan. Pengkaji menghadapi beberapa kesukaran untuk mendapatkan data-data berhubung dengan tajuk penulisan kerana sumber-sumber yang terhad. Penulisan ini mengambil langkah menggunakan sumber sekunder sebagai sumber dapatan data utama. Sumber sekunder meliputi buku-buku kajian atau penulisan, jurnal-jurnal dan bahan terbitan. Pengkaji menggunakan sumber sekunder untuk rujukan, perbandingan mahupun ungkapan bagi mengukuhkan pandangan serta penafsiran terhadap perkara yang dikaji. Penglibatan langsung pengkaji ke dalam data pengkajian memerlukan segenap komitmen untuk memenuhi kepentingan kajian dan mencapai objektif kajian.

3.2.1 Kaedah Kepustakaan

Pengkaji mencari bahan-bahan rujukan yang berkaitan dengan tajuk kajian di beberapa perpustakaan seperti di Perpustakaan Nur Zahirah Universiti Malaysia Terengganu, Perpustakaan UniSZA, Perpustakaan Awam Terengganu dan beberapa lagi

perpustakaan lain. Sumber arkib yang terdapat di laman sesawang turut digunakan untuk mencari tajuk-tajuk buku yang berkaitan. Kaedah penyelidikan yang dijalankan menepati aspek penyelidikan dari sumber yang betul, menyemak bahan-bahan yang dipilih serta menyusun dan mengembangkan dapatan. Berdasarkan tajuk kajian, penulisan tesis ini memerlukan kepada bahan-bahan rujukan yang banyak dan kajian-kajian lepas juga perlu diteliti bagi menyokong objektif kajian dan menjadikannya sebagai sumber rujukan.

Kajian-kajian lepas penting bagi menunjukkan bahawa kajian ini tidak mengulangi kajian-kajian lepas. Ia juga bertujuan untuk menghargai penulisan ilmiah para cendekiawan dalam bidang yang sama dengan kajian ini. Kebanyakan kajian-kajian lepas diambil daripada beberapa kajian yang dilakukan di dalam negara dan beberapa kajian juga diambil daripada luar negara. Setelah bahan-bahan rujukan yang diperlukan dicari dan dijumpai, pengkaji mula membaca dan meneliti setiap maklumat yang ada dalam rujukan-rujukan itu. Maklumat perlulah yang berkaitan dengan tajuk kajian.

Antara jenis-jenis maklumat yang perlu dicari oleh pengkaji ialah maklumat berkaitan sejarah kekhilafahan Islam, sistem pendidikan dari segi pendekatan yang dijalankan, faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan tradisi keilmuan dan pendidikan yang telah terhasil serta kesan-kesan yang berlaku akibat daripada kejayaan sistem dan standard tradisi keilmuan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M). Dengan itu, pengkaji perlu meneliti setiap sumber tersebut bagi mendapatkan maklumat yang tepat berkenaan kajian ini. Penulisan tesis yang berkait dengan sejarah perlu menekankan tentang kebenaran sejarah. Ini kerana kebenaran sejarah melambangkan kewibawaan sesebuah kajian yang dijalankan. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Yusof Ibrahim (1997) yang menyebut tentang kebenaran sejarah bergantung kepada sumber dapatan dan perolehan dapatan dan maklumat supaya kekukuhan hasil dan kebenaran penulisan yang dihasilkan tidak diragui dan mendatangkan manfaat yang jelas dan betul.

Noraini Idris (2000) pula berpendapat proses menyelidik peristiwa lalu dibantu dengan pelbagai sumber bahan bacaan melibatkan konsep dan proses iaitu kaedah mencari, merumus dan mentafsir maklumat tentang masa dahulu. Menurut beliau lagi, proses pengumpulan dan penilaian data yang berkaitan dengan masa lampau dapat membantu menerangkan peristiwa pada masa kini dan untuk meramal peristiwa masa hadapan. Sepanjang penelitian terhadap sumber yang dinyatakan, aspek pendidikan dan pendekatan yang berlaku adalah terlalu umum dan tidak menyeluruh menyebabkan pengkaji khuatir menggunakan dapatan yang tidak bertepatan. Setelah mengenalpasti bahan untuk dianalisis dari beberapa sumber-sumber, pengkaji melakukan pembacaan yang berfokus dan menanda frasa-frasa penting yang berkait dengan penulisan. Setiap isi-isi penting tersebut akan dicatat pada sebuah buku yang dibahagikan mengikut tema secara berturut-turut, telah disediakan terlebih dahulu. Catatan dengan penandaan isi penting ini diteliti faktanya samada bercanggah dengan dapatan dari sumber lain atau tidak. Penelitian ini dilakukan supaya segala isi yang di ambil adalah betul dan sah.

Kaedah yang menekankan aspek analisis teks digunakan sepenuhnya bagi mendapatkan data dan maklumat. Kaedah yang dijalankan ini adalah bersifat kualitatif yang merujuk kepada maksud yang pelbagai, konsep-konsep yang melingkari kajian, definisi, karakter-karakter kajian, simbol dan penghuraian tentang sesuatu. Ia lebih kepada sesuatu yang bersifat subjektif dan bukannya sesuatu dapatan yang bernombor secara tepat pengiraannya. Metode sejarah turut dilakukan dengan mempelajari dan memahami aspek-aspek yang berkaitan dengan sejarah, sesuatu perkara atau peristiwa yang telah berlaku dengan menggunakan kaedah semak dokumen atau *cross section information*.

Metode sejarah ini dilakukan kerana jika terdapat fakta yang mengelirukan terutamanya dari penulisan orientalis, maka pengkaji akan cuba membanding bezakan dengan data-data dari sumber Sarjana Islam yang menjadi teras penulisan ini. Seterusnya, dapatan data diolah dan disusun mengikut cara penulisan pengkaji tanpa menjejaskan kebenaran fakta sedia ada. Cara penulisan tesis ini mengambil kira kenyataan serupa yang dibincangkan oleh Nasution S. (1988). Menurutnya, untuk menguatkan dapatan data dan

maklumat, pengkaji perlu memasukkan keterangan bertulis berbentuk kata-kata asal, *verbatim* atau pendapat beberapa pengarang tertentu sebagai penguat dapatan dan hasil kajian yang menyakinkan. Tatacara ini mengambil kira pendapat yang diutarakan di sepanjang penulisan tesis.

3.3 Kaedah Pengumpulan Data

Di dalam kajian yang bersifat kualitatif ianya mempunyai ruang lingkup yang tidak bersempadan, besar dan kompleks. Oleh kerana itu, melalui prosedur pengumpulan data menerusi kaedah analisis teks, langkah-langkah yang diambil perlu mempunyai panduan khas untuk menghasilkan analisis yang tepat dan betul. Pengkaji menggunakan 3 peringkat serta pendekatan untuk menganalisis data kuantitatif dokumen sekunder sebagaimana berikut iaitu pertama melalui *Reading*, iaitu dengan membaca dan mempelajari kajian-kajian yang berkenaan dengan tema penelitian. Kesemua bahan sekunder yang telah disenaraikan sepertimana penjelasan di atas dibaca mengikut susunan tema yang telah dikenalpasti terlebih dahulu. Pembacaan diperlukan sebagai langkah pertama di dalam proses pengumpulan data.

Yang kedua ialah secara *Writing*, iaitu mencatat data yang berkenaan dengan penelitian. Setelah aktiviti pembacaan dilakukan, setiap isi yang penting dicatat, di highlight dan dilakukan penulisan dan catatan penting. Manakal yang ketiga ialah *Editing*, iaitu pemeriksaan data secara cermat dari aspek rujukan, erti dan makna, istilah atau ungkapan dan semua catatan data yang telah dihimpun. Di dalam kaedah pengumpulan data, langkah editing merupakan yang paling akhir di dalam membuat penyusunan data agar menepati penulisan.

3.3.1 Sumber Sekunder

Bagi pengumpulan data, kajian ini menggunakan sumber data sekunder. Data sekunder dikumpul daripada kajian-kajian berkaitan yang dilakukan sebelum ini oleh penyelidik lain sama ada dalam bentuk artikel, artikel jurnal, tesis, buku, majalah, kertas seminar dan sebagainya. Data dari sumber sekunder yang digunakan adalah hasil tulisan para ahli sejarawan terkenal sama ada dari kalangan Islam dan Barat. Antara kitab-kitab ahli sejarah yang sempat hidup semasa pemerintahan Khilafah Islamiyah Abbasiyyah (749-1256M) yang dijadikan rujukan utama adalah *Tarikh al-Rusul wa al-Muluk* yang dihasilkan oleh Ibnu Jarir al-Tabariy (838-923M).

Pengarang merupakan seorang ahli sejarah yang terkenal dan sempat hidup sewaktu pemerintahan Khalifah Al-Mu'tasim (833-842M), khalifah ke 8 Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) sehinggalah ke Khalifah al-Muqtadir (908-938M), khalifah ke-18 Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M). Karya ini ditulis semasa era pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) lagi dan telah diiktiraf oleh Unesco sebagai warisan sejarah yang perlu dilindungi kerana kepentingan nilai dan isi kandungan yang berharga.

Beberapa buah buku lagi karya ulama besar Islam ialah seperti *Tarikh al-Khulafa'* (2015) oleh Imam al-Sayuti (1445-1505M), *al-Bidayah wa al-Nihayah* (2005) karya Imam Ibnu Kathir (1301-1373M). Beberapa lagi buah buku yang berkaitan langsung dengan sejarah para *khilafah* bermula dari zaman *nubuwah* (570-633M), *Khulafa ar-Rasyidin* (632-661M), Khilafah Kerajaan Umayyah (661-750M) seterusnya ke Khilafah Abbasiyyah (749-1256M) (749-1256M). Sumber berkenaan mengikut kronologi pemimpin-pemimpin ini terangkum di dalam sumber yang sangat dipercayai kesahannya kerana pengarang diterima umum sebagai pakar dan selang masa ketika zaman Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) tidak jauh berlalu. Manakala para sarjana Barat yang menjadi rujukan penulisan ini adalah seperti Philip K. Hitti yang menulis *Capitals Cities Of Arabs Islam* dan *History of The Arabs*, M. J. L. Young, J. D. Latham, and R. B. Serjeant yang

menulis *Religion, Learning and Science in the Abbasid Period*, serta beberapa lagi penulis Barat seperti Lawrence I. Conrad, Goerge A. Makdisi serta Thomas Davidson.

Untuk mengelak daripada menggunakan sumber sekunder yang mungkin terdapat kekeliruan seperti ulasan para sarjana Barat yang cenderung untuk mengelirukan beberapa fakta, pengkaji telah mengadakan perbandingan dengan tulisan-tulisan para sarjana lain yang menghuraikan perkara yang sama. Dengan demikian pengkaji dapat mengenalpasti dapatan data yang betul serta halatuju penulisan terarah kepada penafsiran yang lebih baik dan tepat. Sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa di antara 3 sumber terpenting yang diguna pakai oleh pengkaji itulah yang menjadi landasan rujukan apabila melakukan kaedah perbandingan.

3.3.2 Temubual tidak Berstruktur

Pengkaji turut melakukan kaedah temubual tidak berstruktur sebagai cara interaksi dan komunikasi bagi mendapatkan maklumat dengan bertanya secara langsung kepada pakar bidang berkenaan sejarah dan ketamadunan Islam. Menurut Masri *et.al* (1995), temubual atau *interview* bermaksud suatu proses interaksi dan komunikasi yang berlaku di antara dua pihak atau lebih. Kaedah temubual tidak berstruktur ini tidak ditetapkan atau disediakan soalan seperti kaedah temubual berstruktur. Ianya suatu temubual yang santai, mengambilkira panduan utama dan garis besar permasalahan.

Soalan yang ditanya menjurus kepada aspek keseluruhan idea dan lebih menjurus kepada etnografi Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) terutama berkaitan pendekatan tradisi keilmuan dan pendidikan, tanpa disusun secara terperinci. Temubual tidak berstruktur ini dijadikan sebagai antara salah satu kaedah rekabentuk kajian pengkaji ialah kerana pemilihan responden yang tepat akan membantu mengukuhkan dapatan,

menambah baik maklumat sedia ada serta menguatkan hujah dan penulisan tesis ini. Temubual dijalankan bersama 2 orang responden pada 6 hingga 7 Disember 2019 bertempat di Fakulti Pengajian Kontemporari, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Terengganu mengambil masa 2 hingga 3 jam bagi setiap responden.

Pengkaji telah menemubual Profesor Madya Dr. Mohammad Zaidin bin Mat@Mohammad, Timbalan Dekan bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, Fakulti Pengajian Komtemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin. Pemilihan responden ini bertepatan kerana beliau merupakan pakar di dalam bidang sejarah dan Tamadun Islam. Beliau juga banyak menghasilkan penulisan ilmiah berkaitan akademik terutama kepakaran beliau berkenaan sejarah dan ketamadunan. Keilmuan beliau diiktiraf kerana sering membentangkan kertas kerja yang berkaitan kepakaran beliau. Seterusnya, pengkaji juga menemubual seorang lagi responden, iaitu Dr. Hanif Md Lateh yang merupakan Pengarah Penyelidik dan Pembangunan, Pusat Pengajian Teras, Universiti Sultan Zainal Abidin. Kepakaran beliau adalah dalam bidang kajian pensejarahan dan banyak melakukan tatacara dan kaedah kajian dalam bidang sejarah.

3.4 Kaedah Analisis Data

Proses menganalisis data kualitatif melibatkan proses sepertimana dicadangkan oleh Miles dan Huberman (1994). Proses menganalisis data kualitatif ini tidak semestinya dijalankan secara urutan sahaja malah kadangkala perlu dijalankan secara serentak dan berulang-ulang. Di peringkat awal kajian, pengkaji berhadapan dengan kekaburan dalam menganalisis data kualitatif. Masalah ini memerlukan penelitian secara aktif. Setelah segala data kualitatif berjaya diteliti dan diterokai dengan sempurna, maka segala kepentingan dan objektif kajian yang ingin dicapai semakin jelas (Hsiung, 2014).

Kaedah analisis data penulisan ini bermula dengan proses menilai sumber data dengan membaca sumber-sumber yang dinyatakan. Kemudian mengadakan penulisan setelah penelitian dibuat. Seterusnya membuat penafsiran dan mengemaskinikan dapatan serta menganalisisnya berdasarkan kaedah yang telah disebutkan. Tesis ini adalah penyelidikan berkaitan sejarah, kaedah perlu selari dengan cara dan pola yang telah ditetapkan kajian kualitatif berdasarkan analisis dokumen melalui amalan induktif, dan kaedah perbandingan atau komparatif.

Pengkaji menggunakan satu amalan daripada 3 amalan yang terdapat di dalam kaedah analisis dokumen untuk digunakan sepanjang proses analisis data dijalankan. Di antara ketiga-tiga amalan ini, pengkaji memilih menggunakan amalan induktif. Amalan induktif di dalam penulisan tesis ini digunakan pada beberapa tempat yang diperlukan. Secara amnya induktif bermaksud suatu pola berfikir untuk mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus menjurus kepada yang umum. Kaedah induktif ini menggabungkan kaedah yang dikenali juga sebagai induktif generatif di mana para penyelidik yang menggunakan kaedah ini perlu mengumpulkan maklumat secara berterusan bagi menjelaskan atau menghuraikan fenomena yang dikaji.

3.4.1 Induktif

Menurut Mathew B. Miles (1984) para penyelidik secara *generatif* mencari hubungan-hubungan antara fakta-fakta atau bukti-bukti yang terkumpul untuk merumuskan suatu gagasan fikiran yang baru. Berkait dengan penulisan ini, kaedah induktif turut digunakan pada pernyataan masalah dengan cara membentangkan huraian-huraian yang berhubung dengan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) meliputi aspek kependidikan dan masalah yang berlaku, pecahan fikrah dan pemikiran dalam membentuk halatuju pendidikan kerajaan.

Juga termasuk pada sudut geografi, kependudukan, kedudukan politik dan organisasi pentadbirannya. Daripada data-data yang bersifat khusus dikembangkan kepada beberapa kesimpulan dan rumusan di akhir bab. Pada bab 2, pendekatan induktif digunakan melibatkan huraian kajian-kajian lepas berkaitan pecahan pendidikan, sudut pendekatan pendidikan yang diambil kerajaan, faktor kejayaan dan kesan dasar pengaliran ilmu yang berlaku. Begitu juga pada bab 4 di mana pengkaji menghuraikan dapatan serta perbincangan mengenai pendekatan sistem pendidikan termasuk institusi-institusi pendidikan.

Kaedah induktif ini juga melibatkan huraian kesan pengaliran dan perkembangan ilmu Islam terhadap dunia Barat. Manakala Bab 5 membincangkan dapatan, cadangan serta rumusan kajian. Semua dapatan data menerusi sumber sekunder yang didapati dari kajian perpustakaan diteliti juga dengan kaedah perbandingan seperti tarikh-tarikh penting yang dimasukkan ke dalam penulisan, kejadian-kejadian semasa dan tokoh-tokoh yang terlibat dalam peristiwa yang dikaji.

3.5 Kesimpulan

Berdasarkan penjelasan dan perincian mengenai kaedah kajian kualitatif yang digunakan dalam kajian ini jelas menunjukkan bahawa kualiti diutamakan di dalam penulisan. Keutamaan kaedah kualitatif yang mementingkan pendekatan yang tersendiri dalam mengukuhkan kajian termasuklah dalam kriteria kebolehpercayaan dan kesahihan mengukuhkan kriteria kesahan dan kebolehpercayaan. Para sarjana Islam terutamanya di dalam bidang Hadith yang sangat mementingkan *isnad* dan *sanad* sepertimana buku utama rujukan pengkaji yang menetapkan kaedah yang jelas dan bukti yang kukuh. Selain itu, penjelasan di atas menunjukkan bahawa kaedah kualitatif mempunyai kemampuan dan kekuatan yang setanding dengan kaedah kuantitatif walaupun kedua-dua kaedah kajian ini mempunyai paradigma yang tersendiri.

Pengkaji memilih untuk menggunakan kaedah kajian kualitatif berdasarkan analisis dokumen dengan kaedah kajian kepustakaan menggunakan sumber sekunder atau kedua sebagai punca data-data bagi kajian ini. Data-data yang terdapat pada bahan bertulis sumber kedua yang telah dikenal pasti bersesuaian dengan kajian dikumpulkan isi-isi kandungan dan bentuk *verbatim* untuk digunakan di dalam penulisan tesis. Pengkaji memastikan data-data tersebut sah dan betul untuk tujuan menghuraikan data mengikut tertib yang telah dijelaskan dan juga interpretasi pengkaji sendiri.

Daripada isi-isi penting yang dibentangkan dalam bab ini, dapatlah disimpulkan bahawa kaedah yang digunakan dalam kajian ini memerlukan kepada penelitian dan penumpuan yang menyeluruh. Ini kerana bahan-bahan yang dijadikan sebagai sumber rujukan merangkumi kepelbagaian dapatan yang ingin difokuskan. Jadi, pengkaji perlu meneliti setiap rujukan untuk mendapatkan maklumat yang paling tepat dan sesuai dengan kajian. Langkah utama yang dilakukan pengkaji menerusi metodologi ini iaitu menjalankan kajian perpustakaan dengan menggunakan kaedah analisis dokumen bersumber sekunder, seterusnya mengumpul data dan seterusnya menganalisis data.

BAB EMPAT

PENDEKATAN TRADISI KEILMUAN KERAJAAN ABBASIYYAH

4.1 Pengenalan

Keseluruhan bab ini akan membincangkan berkenaan dengan pendekatan tradisi keilmuan, faktor yang membawa kejayaan tradisi keilmuan dan kesan pengaliran dan perkembangan tradisi keilmuan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M). Perbincangan pertama dari aspek pendekatan meliputi beberapa tema yang telah dikenalpasti iaitu prasarana dan institusi pembelajaran, standard sistem tradisi keilmuan yang diamalkan, kurikulum di sepanjang rentas masa pemerintahan termasuk kaedah yang digunakan di dalam mengaplikasikan pengajaran dan pembelajaran.

Perbincangan kedua meliputi aspek faktor yang membawa kepada kejayaan tradisi keilmuan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M). Sesi perbincangan ini akan meliputi aspek Islam sebagai pemacu perubahan, peranan pemerintah serta ulama, kesepaduan masyarakat terhadap ilmu, Bahasa Arab sebagai sumber ilmu, aktiviti penterjemahan dan

penulisan, kestabilan politik serta ekonomi yang menjadi antara faktor kekukuhan sektor keilmuan.

Manakala dari sudut kesan tradisi keilmuan terhadap Eropah, pengkaji akan menganalisis pengaliran dan perkembangan tradisi keilmuan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) kepada Eropah. Perbincangan akan dikembangkan kepada sarjana Islam sebagai pencetus kepada pemulihan Eropah, pencapaian sarjana Islam yang berjaya mengubah kurikulum, hasil falsafah sarjana Islam yang membuka ruang pemikiran sarjana Eropah dan gerakan Renaissance yang membangkitkan Eropah ke tahap yang lebih baik.

Kurikulum Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) adalah spesifik kepada matapelajaran tertentu mengikut umur, tahap dan bidang dan peringkat. Dominasi keilmuan seputar al-Quran dan Hadith menjadi fokus kurikulum pada semua peringkat yang disebutkan. Namun, seiring perkembangan semasa ianya berubah dengan ditambah beberapa kelahiran institusi baru dan matapelajaran baru terutamanya *ulum aqliyyah* yang giat diterjemah akibat pertembungan keilmuan dengan tamadun lain. Perkembangan keintelektualan dan perubahan kehidupan keagamaan dan percambahan perbincangan membuka ruang pengajaran dan pembelajaran semakin melebar. Ilmu-ilmu baru seperti matematik, astronomi, ilmu kedokteran dan farmasi, falsafah dan banyak lagi merubah keberadaan struktur kurikulum yang biasa diwarisi dari tradisi sebelumnya.

Pada waktu *Golden Age era*, matapelajaran bagi kurikulum sekolah rendah adalah Al-Qur'an dan persekitaran keagamaan, membaca, menulis, dan syair (Harun Asrohah, 1996). Manakala anak-anak pemerintah, kurikulum pada permulaan persekolahan berbeza kerana persiapan membentuk halatuju anak-anak ini menjadi seorang pegawai kerajaan dan pemimpin dengan penambahan matapelajaran dan pengajaran *khitabah*, ilmu sejarah, kisah perang, cara-cara pergaulan, disamping ilmu-ilmu pokok seperti Al-Qur'an, syair dan feqah. Penambahan ilmu-ilmu baru melonjakkan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M)

menjadi terkenal dan mencapai puncak kejayaan kerana turut didokong pemerintah yang cintakan ilmu pengetahuan.

4.2 Pendekatan Tradisi Keilmuan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M)

Pendekatan tradisi keilmuan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) membincangkan berkenaan dengan subjek teras yang menjadi keutamaan kurikulum iaitu al-Quran dan Hadith. Aspek perbincangan seterusnya ialah dengan meneliti prasarana dan institusi tradisi keilmuan yang terlibat. Seterusnya berkaitan dengan standard sistem tradisi keilmuan yang diaplikasikan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Disini aspek kajian lebih menekankan kepada kurikulum yang dijalankan samada di peringkat rendah, menengah dan termasuk di peringkat tertinggi. Pada bahagian akhir sub tajuk ini, pengkaji membincangkan bagaimana kaedah tradisi keilmuan yang digunakan di sepanjang garis masa pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) ini.

Secara umumnya institusi pembelajaran dibahagikan kepada dua peringkat pengajian utama iaitu rendah dan menengah, juga termasuk pengajian di peringkat paling tinggi. Di peringkat rendah, sejak zaman Dinasti Kerajaan Umayyah (661-750M) lagi, warisan tradisi keilmuan ini berkesinambungan dan menekankan tradisi keilmuan yang meletakkan *Ulum* Al-Quran sebagai kurikulum tertinggi sebagai asas baik di peringkat *kuttab* mahupun madrasah malahan di peringkat tertinggi pengajian. Ini termasuk kurikulum pembelajaran yang tertumpu pada perbincangan ilmu Al-Quran dan kurikulum agama seperti *Tauhid*. Pengkaji berpendapat bahawa kurikulum seperti ini menatijahkan pembawaan akhlak dan adab selari dengan peningkatan ilmu.

Asas penguasaan sesuatu mata pelajaran diwajibkan *khatam* terlebih dahulu untuk memastikan penguasaan terhadap sesuatu subjek. Kenyataan ini turut disokong oleh

kajian Goerge A.Makdisi (1973) yang menyebut bahawa para pelajar tidak dibenarkan untuk ke peringkat seterusnya sama ada dari segi umur atau tidak, malah perlu diakui oleh guru yang membimbing sama ada layak untuk meneruskan pengajian. Sepanjang garis masa pendidikan berjalan, terdapat juga beberapa perubahan terhadap mata pelajaran. Perubahan ini di dorong oleh faktor perluasan wilayah dan kuasa pemerintahan khilafah yang mana mata pelajaran ditambah dengan rangkaian kebudayaan, ketenteraan dan politik seiring peningkatan kehendak dan keperluan. Muhammadullah Khalil (2005) turut menyokong dan membincangkan berkenaan faktor-faktor perluasan kuasa merupakan antara sebab tradisi keilmuan berkembang dari semasa ke semasa.

Sebagai contoh, masyarakat dari Basra mempunyai majlis mereka sendiri yang mana para hadirin terdiri daripada penduduk setempat. Majlis ini digambarkan dengan sesi pengajaran dan soal jawab soalan-soalan berkaitan *teologi*³⁵ dan hukum hakam agama dijawab dan diberi penerangan. Sesi perbincangan dua hala ini memberi kelebihan kepada masyarakat menambah ilmu pengetahuan secara langsung manakala kepada penceramah pula melatih diri berhadapan dengan khalayak ramai. Sesi pertukaran atau proses pengalihan ilmu ini juga berlaku di rumah-rumah persendirian.

Pemerintahan yang berpaksikan kepada kehendak kependidikan dan bermatlamat untuk memberikan fasiliti keilmuan kepada rakyat telah ditunjukkan oleh *Khilafah Abbasiyyah (749-1256M)* secara terang dan nyata. Pendekatan ini dibuktikan dengan kandungan ucapan pengajaran, pembelajaran, pendidikan dan garis panduan oleh pemerintah sendiri yang memainkan peranannya sebagai ketua negara atau *Amir* umat Islam di dalam memenuhi kehendak pembentukan sahsiah dan perilaku insan dan terhadap pendidikan. Dokumen ucapan *verbatim* direkodkan oleh Ibnu Khaldun (1332-1406M) di dalam bukunya *Muqaddimah* menceritakan bahawa bagaimana ucapan Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M) yang menggariskan kaedah bagaimana mengajarkan pendidikan

³⁵ Teologi bermaksud sebagai *the study of religious faith, practice, and experience especially: the study of God and of God's relation to the world*. Di perenggan ini pengkaji cuba menghuraikan teologi sebagai perbualan intelektual berkaitan persoalan ketuhanan, falsafah dan permasalahannya. Bacaan selanjutnya di *Children in Islam: Concepts of Childhood in Medieval Muslim Society*.

yang terbaik kepada Khalaf bin Ahmar³⁶ (m.796M), iaitu guru kepada puteranya Muhammad Al-Amin³⁷ untuk diajarkan kepada anakandanya. Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M) berkata:

Oh Ahmar, pemerintah yang dipercayai telah dipertanggungjawabkan anaknya kepadamu, usia jiwanya dan yang terhasil daripada jiwanya. Berkeraslah dengannya dan pastikan dia mematuhiimu. Ajarilah padanya apa yang telah diajarkan oleh pemerintah yang dipercayai telah berikan padamu. Ajarilah dia bagaimana membaca Al-Quran. Didikan dia dalam sejarah. Biarkan dia meriwayatkan syair-syair dan ajari dia Sunnah-Sunnah Rasulullah S.A.W. Berilah dia wawasan bagaimana berbicara dan bagaimana memulai suatu perbincangan sebaik-baiknya dan wajar. Larang dia daripada tertawa, kecuali pada waktunya yang sesuai. Biasakan dia menghormati saudara maranya yang datang menemuinya dan ajar dia menghargai para pemuka tentera yang datang ke majlisnya. Jangan biarkan waktu berlalu begitu sahaja di mana kamu tidak menggunakannya untuk mengajarnya sesuatu yang berguna. Tetapi lakukan semuanya itu dengan tidak membuatnya berasa jemu, cara yang dapat mematikan fikirannya. Jangan pula terlalu berlemah lembut padanya atau dia berasa seronok dengan kehidupan yang santai. Seboleh mungkin, perbaiki dia dengan kasih sayang dan lemah lembut. Jika dia tidak berasa senang dengan cara itu, kamu harus menggunakan kekerasan dan kekasaran.

(Ibnu Khaldun, 2005: 778)

³⁶ Clement Huart (1903) menyebut tentang Khalaf bin Ahmar merupakan seorang penyair yang sangat tinggi kedudukan dan menguasai kesusasteraan Arab. Bacaan selanjutnya di dalam buku *A History of Arabic Literature* halaman 20.

³⁷ Abang kepada Khalifah Al-Ma'mun, anak kepada Khalifah Harun Ar-Rasyid. Menurut beberapa sumber utama rujukan pengkaji, perbezaan ibu (berlainan ibu) masing-masing menjadikan timbul persengketaan di antara mereka yang menyebabkan pertelingkahan dan akhirnya Khalifah Al-Amin terbunuh. Bacaan selanjutnya boleh dirujuk menerusi *Tarikh al-Khulafa'*.

Catatan di atas adalah ucapan Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M) kepada guru anaknya seperti mana yang dicatatkan oleh Ibnu Khaldun (1332-1406M). Kaedah penyampaian di dalam pengajaran dan pembelajaran yang dituturkan oleh Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M) mendasari corak dan didikan guru tersebut terhadap pembentukan sahsiah dan jati diri anaknya. Pengkaji berpandangan aspek-aspek dan dasar pengajaran ini turut menatari pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah pada waktu pemerintahan Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M) khususnya. Isi kandungan dari sudut terminologi, epistemologi³⁸ dan morfologi³⁹ pendidikan yang digarap Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M) ini memperlihatkan bahawa pendidikan yang diberikan menggariskan beberapa ciri serta kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan kehendaknya dan amalan pada zaman tersebut.

Teks ucapan Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M) menunjukkan beberapa kaedah pengajaran dan mata pelajaran yang wajib dalam pengajaran dan pembelajaran terutama pada usia awal. Perspektif khalifah ini mendasari keutamaan di dalam kemenjadian pelajar, membentuk identiti dan kemampuan pelajar yang baik berdasarkan kerangka keagamaan. Implikasinya ialah beberapa aspek kurikulum yang ditambah nilai kepada kerangka pendidikan agama secara langsung memberi kelebihan kepada kedua-dua aspek keilmuan *aqliyyah* dan *naqliyyah*.

Di dalam membentuk masa depan pelajar, kaedah dan subjek pengajaran ini merupakan formula yang mengiringi kejayaan falsafah pendidikan itu sendiri. Ucapan ini memberikan pandangan berguna dalam proses pendidikan yang terlibat dalam kemenjadian pelajar melalui arahan dan subjek semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Beberapa arahan pendidikan yang diucapkan Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M)

³⁸ Cambridge Advanced Learner's Dictionary (2008) 3rd Edition, Cambridge University Press, Singapore mencatatkan bahawa epistemologi bermaksud *the part of philosophy that is about the study of how we know things*. Pengkaji berpendapat dari keterangan dan maksud ialah cabang dari falsafah yang menyelidiki sumber-sumber serta kebenaran pengetahuan; teori pengetahuan-pengetahuan. Rujuk halaman 472

³⁹ Merriam Webster mendefinisikan dengan pelbagai maksud berkenaan morfologi ini. Berdasarkan perenggan di atas, maksud morfologi berdasarkan kamus ini bagi pengkaji ialah *a study of structure or form*, yang membentuk atau perkara yang menstruktur pendidikan di mana Khalifah Harun Ar-Rasyid mahu ianya dibentuk mengikut acumannya sendiri. Rujuk Muqaddimah halaman 778.

sebagai intipati arahan yang berkait dengan pendidikan serta kurikulum pembelajaran diolah berdasarkan pemahaman. Intipati dari ucapan tersebut, pengkaji dapat menyimpulkan beberapa matapelajaran dan olahan sebagaimana berikut. Yang pertama adalah mengajar Al-Quran. Asas kurikulum di peringkat awal pendidikan adalah datang dari *ulum Al-Quran*. Setiap ibu bapa atau guru perlu menitikberatkan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran kepada setiap anak-anak sedari kecil lagi. Apa jua bidang keilmuan yang berpaksikan kepada Al-Quran, akan memberi keyakinan bahawa Allah adalah Tuhan mereka dan ajaran dalam al-Quran merupakan firmanNya. Imam al-Sayuti mengatakan mengajarkan Al-Quran kepada anak-anak adalah asas-asas Islam sehingga mereka dapat tumbuh di atas fitrah (Muhammmad Nur, 2010).

Syar agama akan menerangi sejak awal demi memantapkan keimanan dan keyakinan. Al-Quran menjadi akar asas pengajaran yang menjadi faktor utama. Ibrahim bin Sa'd Al-Jauhari mengatakan, "Aku pernah melihat anak yang berusia empat tahun ke hadapan Khalifah al-Ma'mun (813-833M). Dia telah hafaz Al-Quran dan sudah dapat mengutarakan pendapat, padahal ketika lapar dia masih juga menangis". Begitu juga dengan Ibnu Sina (981-1037M) ketika berumur berusia sepuluh tahun juga telah berjaya menghafaz Al-Quran dan menekuninya. Khalifah al-Ma'mun (813-833M) juga merupakan seorang *hafiz* Al-Quran (Muhammmad Nur, 2010: 123).

Yang kedua adalah dari sudut psikologi di dalam mendidik. Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M) menggunakan perkataan lembut dan keras yang bermaksud guru perlu mempunyai ilmu mengurus emosi serta pandai mengatasi emosi diri dan pelajar, berdasarkan keadaan yang memungkinkan penggunaan pendekatan berkeras dan apabila masa berlembut diperlukan bersesuaian dengan keadaan semasa. Secara praktikalnya, kaedah-kaedah asas kejiwaan yang boleh mempengaruhi kanak-kanak sepanjang proses tumbesaran peribadi boleh dicapai dengan senantiasa menemani dan menjadi teman rapat bagi mereka. Tindakan seperti ini mempengaruhi jiwa lembut mereka iaitu antara guru dan murid dan boleh menanamkan keceriaan dan kebahagiaan ke dalam jiwa mereka.

Ketiga ialah mengajarkan tentang sejarah. Inspirasi sejarah memainkan peranan penting dalam mencorakkan masa depan, bukan bererti mempelajari sejarah membuatkan kita semakin ke belakang, tetapi membina langkah untuk membuat Persiapan menghadapi hari mendatang. Faktor ini dapat menarik minat dan perhatian, kesedaran fikiran dan akal. Rasulullah S.A.W (570-633M) biasanya menceritakan kisah di hadapan para sahabat baik yang tua mahupun yang muda. Mereka mendengar apa yang dikisahkan oleh Rasulullah S.A.W (570-633M) tentang pelbagai bentuk, panorama dan latar belakang persejarahan yang pernah berlaku dahulu dipandukan naratif Al-Quran. Bertepatan maksud firman Allah di dalam Al-Quran:

Semua kisah berkenaan rasul-rasul itu Kami ceritakan kepadamu untuk meneguhkan hatimu dengannya. Dan dalam surah ini telah datang kepadamu kebenaran serta pengajaran dan peringatan bagi orang-orang yang beriman.

Al-Quran, Surah Hud: 120

Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M) turut menyarankan syair-syair berserta ilmu berkaitan *nahu* dan kesusasteraan. Sesungguhnya Bahasa Arab adalah bahasa ilmu, bahasa Al-Quran dan bahasa penutur di syurga. Mengajari pelbagai elemen bahasa seperti *nahu* serta kesusasteraan mempunyai kelebihan. Sebagai contoh, kenyataan berkenaan penggunaan Bahasa Arab yang semakin hilang identiti akibat kemasukan golongan bukan Arab, perluasan kuasa dan wilayah yang menjadi penyebab kemerosotan penggunaan Bahasa Arab, Ahmad Shalabi (2003) menyatakan bahawa beliau menyokong dan memberi contoh Imam Syafie (767-819M) mengukuhkan penguasaan Bahasa Arabnya dengan mempelajari dan mendiami di kawasan salah satu kaum di padang pasir. Seperti yang dicontohkan oleh Imam Syafie (767-819M) ini, ibubapa memainkan peranan yang begitu hebat dengan menghantar sejak kecil Imam Syafie mempelajari Bahasa Arab dari pelbagai *kabilah* terutama yang tinggal di pendalaman yang mana bahasanya masih belum

tercemar dengan percampuran dengan kedatangan bahasa lain. Cara belajar bahasa ini dengan terlebih dahulu mempelajari asas dan dari aras yang paling ringan dan mudah dari kitab-kitab yang kecil.

Antara aspek terpenting di dalam teks ucapan adalah pengamalan sunnah Rasulullah S.A.W (570-633M). Sunnah Rasulullah S.A.W (570-633M) adalah daripada perbuatan Rasulullah S.A.W dalam melakukan aktiviti seharian. Banyak amalan-amalan Rasulullah S.A.W yang boleh dicontohi oleh umat Islam. Seperti saranan Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M), para guru dan ibubapa perlu mendidik anak-anak mengikut Sunnah Rasulullah S.A.W (570-633M) kerana Rasulullah S.A.W (570-633M) adalah sesempurna manusia dan berakhlak dengan Al-Quran. Sayugianya menjadi kewajiban Muslim meneladani Sunnah Rasulullah S.A.W (570-633M). Sunnah berperanan untuk memperbaiki diri anak-anak ke arah yang lebih baik. Mengidolakan Rasulullah S.A.W di dalam kehidupan untuk mencari redha Allah.

Seterusnya ialah kemahiran komunikasi. Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M) menyebut tentang bagaimana guru perlu mengajar kemahiran berkomunikasi seperti bagaimana memulakan percakapan, dan bagaimana interaksi personal yang baik. Proses komunikasi memainkan peranan yang amat penting di dalam kehidupan seharian kerana komunikasi yang baik mendatangkan kebaikan kepada si penutur. Senang bergaul, disenangi oleh orang lain dan dapat menyampaikan sesuatu mesej dengan jelas, berstruktur dan berkesan. Manakala komunikasi yang tidak baik akan memberi gambaran yang salah kepada si penutur walaupun si penutur tersebut adalah orang yang baik. Ini kerana komunikasi yang tidak berkesan akan membawa kepada salah faham, ketegangan di antara penutur dan pendengar.

Antara yang terakhir yang diutarakan ialah hormat dan menghormati. Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M) memasukkan adab dan hormat sebagai perkara asas yang perlu diberi penekanan kepada sesi pembelajaran kepada anak-anaknya. Di dalam sejarah

dan risalah Rasulullah S.A.W (570-633M), akhlak merupakan perkara yang paling penting kenapa Rasulullah S.A.W (570-633M) diutuskan. Rasulullah S.A.W (570-633M) juga banyak meneladani perihal adab-adab terhadap orang yang lebih berusia, ibu bapa atau guru. Banyak sekali riwayat yang sahih daripada Rasulullah S.A.W (570-633M) tentang menekuni amalan ini.

Dinilai dari sudut kedudukan para putera mahkota dan pembelajaran anak-anak pembesar di istana, keadaan pendidikannya sedikit berbeza dengan pendidikan yang umumnya diberikan kepada masyarakat. Pendidikan dasar ini diikuti dengan pendidikan peringkat menengah dan peringkat tinggi. Pelajaran yang paling asas adalah Al-Quran termasuk Hadith, juga pelajaran Bahasa Arab, kesusasteraan dan falsafah dan lain-lain. Pengajaran tersebut dilakukan oleh para sarjana pendidikan di masjid-masjid. Pada waktu ini telah berkembang ilmu pengetahuan agama, seperti ilmu Al-Quran, *qiraat*, Hadith, feqah, ilmu kalam, bahasa dan sastera.

Empat mazhab feqah tumbuh dan berkembang pada masa Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) tetapi 3 daripada imam *mujtahid* mazhab sempat hidup semasa Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) memerintah iaitu Imam Malik bin Anas (m.795M) pengasas mazhab Maliki, Muhammad bin Idris As-Syafie (m.819M) adalah pengasas mazhab Syafie dan Ahmad bin Hanbal pengasas mazhab Hanbali (m.855M). Goerge A. Makdisi (1981) menyatakan Imam Hanafi (150 H/677 M) membuka sekolah di Kufah, Imam Malik (179H/795M) di Madinah juga Imam Auzaie di Syria. Pada abad ke 4H, Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) telah membangunkan tujuh institusi⁴⁰ pendidikan penting iaitu yang pertama ialah Institusi Pendidikan Dasar (*Al-Kuttab*). Yang kedua institusi Pendidikan Masjid (*Al-Masjid*), yang ketiga kedai Pedagang Kitab (*Al-Bawanit Al-Waraqin*). Yang keempat adalah tempat tinggal para sarjana (*Manazil Al-Ulama*), yang kelima adalah rumah seni dan sastera. Yang keenam ialah Perpustakaan (*Daar Al-Kutub*

⁴⁰ Lawrence I. Conrade *et.al* menggunakan perkataan institusi yang merujuk kepada prasarana-prasarana pembelajaran. Rujuk seterusnya Muslim Learning Education halaman xxxi.

wa Daar Al-Ilm) dan yang ketujuh merupakan Institusi pendidikan sekolah (*Al-Madrasah*).

Di peringkat rendah, institusi pembelajaran dikenali sebagai *kuttab*. Kajian *Maktab* atau *Kuttab* adalah institusi pendidikan peringkat terendah di mana anak-anak mula mengenal dasar-dasar dan permulaan bagaimana memahami dan mempelajari cara bacaan, peringkat permulaan matematik dan tulisan dan tempat para remaja memahami dasar-dasar ilmu agama, seperti tafsir, Hadith, feqah dan bahasa. Para pelajar diajar membaca, menulis tatabahasa berdasarkan Al-Quran (Badri Yatim, 2013). Beberapa institusi pengajian telah berada dan digunakan sewaktu Nizam al-Mulk (1018-1092M) menjadi Perdana Menteri. Pendapat ini juga disokong oleh Lawrence I. Conrad (2012) yang menyamakan *madrasah* dengan kolej, tempat di mana para pelajar yang lebih remaja mempelajari ilmu di sini. Beberapa institusi lain seperti *kuttab*, masjid, majlis, dan *halaqah* dengan menggunakan kaedah bersajak, sains dan kesusteraan, serta di perpustakaan.

Struktur umur bagi pelajar yang mengikuti sistem pendidikan pada zaman ini begitu sukar untuk dipastikan ketepatannya samada di peringkat rendah, menengah mahupun di peringkat tinggi. Walaupun agak kabur tentang struktur dan mekanisma pelajar, dan terdapat alasan mengapa sebelum pengenalan kepada *madrasah* yang secara beransur-ansur menyerupai sistem matrikulasi, tamat pengajian, menetapkan kurikulum, had umur, darjah, serta kelayakan kemasukan tidak dapat dipastikan ketepatan dari segi umur kemasukan ke institusi (Richard W. Buliet, 2012).

4.2.1 Prasarana dan Institusi Pembelajaran

Pada bahagian ini, kajian tertumpu kepada institusi-institusi pengajaran dan pembelajaran seperti rumah ulama, masjid, istana, aktiviti di padang pasir, pasar dan kedai buku, *kuttab* dan *maktab*, perpustakaan, *madrasah*, hospital, sekolah perubatan, balai cerap dan rumah para sarjana Islam. Antara institusi-institusi yang terdapat pada masa ini, disebut juga sebagai tempat pertemuan para sarjana dan para budayawan, termasuk para budayawan yang memperoleh tahap tertinggi dari segi pengiktirafan masyarakat serta profesional menjadikan sekolah-sekolah di bawah kawalan kerajaan sebagai tempat pertemuan dan perbincangan sesama mereka (Goerge A.Makdisi, 1990). Di dalam bidang sosiologi, istilah institusi digunakan secara meluas bagi menggambarkan pola kegiatan suatu kelompok sosial dimana melalui kegiatan kelompok tersebut akan membentuk struktur sosial tertentu (Roucek dan Warren, 1986).

Nurazmallail *et.al* (2008) memetik pandangan Al-Abrashi⁴¹ yang menyifatkan sejarah perkembangan pelajaran dan pendidikan Islam serta penginstitusiannya sejak zaman Rasulullah S.A.W (570-633M) boleh dibahagikan kepada dua peringkat. Peringkat pertama berlaku sebelum wujudnya sistem persekolahan dan peringkat kedua berlaku selepas penubuhan sekolah yang lebih sistematik dan teratur. Hasan Langgulung (1991) membahagikan kepada dua bahagian, iaitu institusi dan yang kedua ialah asosiasi⁴². Beliau menekankan bahawa institusi adalah sistem atau peraturan yang bersifat abstrak seperti Institusi *Bayt Al-Hikmah* dan *Madrasah Nizamiyyah* atau organisasi simbolik. Manakala asosiasi menurut beliau adalah sekelompok manusia yang dibentuk secara sedar mahupun tidak untuk mencapai tujuan atau memenuhi fungsi tertentu.

Pada masa Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M), sektor pendidikan dan pembelajaran berkembang dengan sangat pesat sehingga masyarakat berlumba-lumba

⁴¹ Pandangan Al-Abrashi dipetik dari buku Nurazmallail Marni, Zulkifli Haron (2008), *Institusi Pengajian Syariah & Sains Era Kegemilangan Tamadun Islam*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

⁴² Organisasi yang mempunyai kepentingan bersama. Rujuk <https://www.merriamwebster.com/dictionary/>

dalam menuntut ilmu pengetahuan. Standard pendidikan yang diletakkan pemerintah sebagai satu wahana yang perlu masyarakat capai telah menaikkan kemuliaan dan ketinggiannya di suatu tempat yang strategik dari segi nilainya. Nilai pendidikan dan ilmu pengetahuan serta kepentingannya di dalam kehidupan berjaya ditonjolkan pemerintah, menyebabkan majoriti masyarakat meninggalkan kampung halaman mereka demi untuk mendapatkan ilmu pengetahuan di kota-kota besar turutamanya di Baghdad itu sendiri. Kenyataan ini disokong berdasarkan oleh indikator pertumbuhan prasarana dan kemunculan pesat institusi-institusi pengajaran dan pembelajaran pada zaman Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M).

Indikator ini selari dengan penambahan pelajar yang berpusu-pusu datang untuk menimba ilmu pengetahuan, keterujaan para pemerintah mengembangkan dasar pendidikan serta ingin melihat kemajuan dan obsesi keilmuan diletakkan di tempat yang tertinggi. Perkembangan pesat pendidikan ini ditandai dengan pertumbuhan institusi-institusi yang dibincangkan pada penulisan tesis ini. Sebelum kemunculan beberapa institusi-institusi baru, masjid sebagaimana yang diketahui adalah merupakan antara institusi terawal yang menyediakan pendidikan formal selain tempat ibadah. Kemunculan masjid ini dijadikan sarana dan fasiliti untuk pendidikan apabila sistem *suffah* diperkenalkan oleh Rasulullah S.A.W sendiri. Sedari awal institusi seperti masjid, ianya terus berkembang dan kepesatan seperti perbincangan di bawah.

4.2.1.1 Rumah-rumah Ulama *Naqliyyah* dan Rumah Sarjana *Aqliyyah*

Contoh awal yang boleh dikaitkan dengan rumah sebagai salah satu pusat pengajian ialah seperti di awal pembinaan negara kota Madinah iaitu sekolah untuk ahli *suffah*. Ubada bin Samit merupakan seorang penduduk Madinah dari suku Khazraj telah menjadi tenaga pengajar untuk mata pelajaran kesusasteraan Arab. *Dar al Qurra* juga telah diwujudkan dan menukikan bahawa seorang sepupu kepada Saiyidina Khadijah bin

Khuwailid (555-619M), Ibnu Umi Makhtum (m.636M) sampai di Madinah dari Mekah sewaktu penghijrahan telah berhenti rehat di *Dar Al-Qurra* iaitu sekolah atau rumah ahli-ahli Al-Quran yang dijadikan pusat pembacaan Al-Quran (Lawrence I. Conrade *et.al*, 2012)

Rumah para ulama juga memainkan peranan yang penting di kalangan para penuntut ilmu berbanding dengan tempat bengajar yang lain. Para ulama memberi arahan dari pintu rumah mereka dan juga dari kedai mereka. Tidak kira di mana sekalipun, rumah atau di kedai, para ulama menjadikan sesi pengaliran ilmu tetap berjalan. Faktor ini secara tidak langsung dapat memberi pelajaran dan adab kepada penuntut ilmu. Suasana ini menggambarkan bahawa persekitaran masyarakat yang dahagakan ilmu mencari di mana sahaja peluang, tidak kira tempat dan ketika mengambil peluang untuk mendatangi ilmu. Dudung Abdul Rahman (2002) menyokong kenyataan ini dengan mengatakan masyarakat mengambil cakna akan nilai sesuatu ilmu sehingga sanggup mencari ilmu. Beliau turut menyenaraikan di antara rumah ulama yang terkenal yang menjadi tempat belajar ialah seperti rumah Ibnu Sina (981-1037M), Ya'qub Ibnu Killis (930-991M) *wazir* Khalifah Al-Azizi Billahi Al-Fathimy, dan Ahmad Bin Ahmad Abu Tahir.

Di rumah-rumah ulama inilah pengajian secara tidak rasmi diadakan berdasarkan masa dan waktu kelapangan para ulama kerana ramai di antara mereka juga mengajar di lain-lain tempat seperti di masjid. Pengajian lebih tertumpu kepada pendidikan tidak formal dan jumlah yang kecil manakala dari segi mata pelajaran pula tidaklah ditetapkan. Para sarjana menjadikan rumah-rumah mereka sebagai tempat kajian yang tidak diajar di institusi akademik biasa. Para doktor perubatan menjadikan rumah-rumah mereka sebagai tempat untuk menjalankan uji kaji atau eksperimen yang tidak dilakukan di hospital. (Goerge A. Makdisi, 1981) Walaubagaimanapun, diperingkat permulaan tersebarnya ilmu pengetahuan terarah kepada ilmu wahyu. Kurikulum menekankan kepentingan akidah, syariah dan akhlak selain dari membaca, menghafal dan menulis (Mahayudin dan Ahmad Jelani, 1996).

Para ulama yang mengajarkan ilmunya di rumahnya antara lain adalah Al-Ghazali (1058-1111M) , Ali Muhammad Ibn al-Fashihi, Ya'kub, ibn Killis, *Wazir* Khalifah al-Aziz billah al-Fathimy. Para ulama menggunakan rumah mereka sebagai tempat pengajaran adalah karena dalam keadaan terpaksa dan darurat. Keadaan ini misalnya terjadi kepada Imam Al-Ghazali (1058-1111M) yang mana setelah tidak mengajar di Madrasah Nizhamiyah karena menjalani kehidupan *Sufi* sehingga pengajaran berlaku di rumahnya. Ini kerana ramai pelajar yang mencari dan dahagakan ilmu daripada Imam Al-Ghazali (1058-1111M). Begitu juga dengan Ali Ibn Muhammad al-Fashihi yang terpaksa melaksanakan pembelajarannya dirumahnya kerana dipecat dari Madrasah Nizhamiyah lantaran dituduh sebagai seorang Syi'ah. Namun, karena kebenaran dan kealimannya para murid tetap belajar di rumahnya (Ahmad Shalabi, 1954).

Di rumah para sarjana *aqliyyah* ini kebiasaannya berlaku secara tidak formal, dihadiri oleh golongan tertentu yang mempunyai persoalan yang memerlukan kepada jawapan segera. Walaupun begitu terdapat pengajian secara formal di rumah para sarjana ini di mana rumah-rumah ini telah diwakafkan sebagai sekolah perubatan. Menurut Ahmad Shalabi (1945), antara sebab rumah para sarjana dijadikan sebagai tempat pengajaran dan pembelajaran di malam hari adalah kerana faktor kesibukan seseorang sarjana itu di siang hari yang tidak memungkinkan sarjana tersebut mengajar sesuatu ilmu. Antara contoh yang jelas adalah rumah kediaman Ibnu Sina (981-1037M) di Hamadhan. Murid dan sahabat Ibnu Sina (981-1037M), Ab 'ubayd Al-Juzjani berkata bahawa mereka pada setiap malam berkumpul di rumah Ibnu Sina (981-1037M) belajar pelbagai ilmu bersama Ibnu Sina (981-1037M). Ibnu Sina (981-1037M) membuka ruang pengajian pada malam hari kerana beliau sibuk berkhidmat pada siangnya berkhidmat (Ibn Abi Usaybi'ah, t.th).

Disini, jelas berlaku kumpulan belajar secara tidak formal pada ketika itu. Perkataan tidak formal bermaksud pengajian yang diadakan pada malam hari kerana di waktu siang Ibnu Sina (981-1037M) sibuk berkhidmat (Nurazmallail, 2008). Menurut Abuddin Nata (2011) pula, di rumah Ibnu Sina (981-1037M) para penuntut ilmu membaca

kitab al-Syifa' manakala ada juga yang membaca kitab al-Qanun sambil dipantau oleh Ibnu Sina (981-1037M). Sesi perbincangan berlaku dan soaljawab di antara guru dan pelajar diamalkan. Jika diteliti naratif ini menggambarkan bahawa usaha mencari ilmu oleh para pelajar menunjukkan bahawa kesanggupan untuk mendatangi guru walau pada malam demi mencari ilmu pengetahuan. Guru juga setelah berpenat lelah sepanjang hari berkhidmat untuk rakyat, masih lagi membuka ruang dan waktu menyebarkan ilmu pengetahuan yang ada demi ummat.

Jika di imbui dari sejarah awal permulaan dakwah Rasulullah SAW juga, institusi pendidikan seperti rumah juga berlaku. Ini ditunjukkan oleh pelaksanaan kegiatan belajar di peringkat awal permulaan dakwah Baginda yang bermula di rumah salah seorang sahabat yang terawal memeluk Islam iaitu di rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam atau lebih dikenali dengan istilah *Dar al-Arqam*. Rumah ini merupakan di antara institusi awal dan terpenting di awal kemunculan Islam di mana Baginda mengajar dasar-dasar agama serta membacakan firman-firman Allah yang diturunkan.

4.2.1.2 Masjid dan Masjid *Jamek*

Masjid merupakan sebuah institusi pengajian agama yang paling masyhur dan pelbagai bentuk mata pelajaran diajar di sepanjang zaman. turut berpandangan bahawa masjid berperanan sebagai penyumbang utama terhadap perkembangan ilmu dan institusi pendidikan dengan memberi contoh bahawa Masjid al-Nabawi di Madinah telah dijadikan pusat pendidikan Islam kepada masyarakat Islam. Masjid Nabawi adalah pusat pembelajaran segala ilmu di mana Rasulullah S.A.W (570-633M) sendiri sebagai guru (Muhammadullah Khalil, 2005). Abdullah Ishak (1995) yang memetik kenyataan al-'Abdari menyatakan masjid menjadi tempat pertemuan umum semua lapisan masyarakat. Fungsi masjid bukan sekadar sebagai tempat untuk beribadah sahaja, malah turut

berfungsi sebagai pusat kegiatan pendidikan dan kemasyarakatan (Lawrence I. Conrade *et.al*, 2012).

Pada awal tradisi keilmuan dibentuk, pelaksanaan dijalankan secara tidak formal. Ianya berubah ke arah formaliti apabila *al-Suffah* diadakan sebagai tempat belajar khusus yang bersambung dengan masjid. Menurut al-Faruqi *et.al* (1998), fasiliti tambahan ini mencetuskan pengajian secara tetap, rasmi dan sistematik. Al-Abrashi (1970) menyebut *al-suffah* ini sebagai institusi pendidikan formal yang terulung dalam sejarah pendidikan Islam. Aktiviti pengajian di sini dikendalikan sendiri oleh Rasulullah S.A.W (570-633M) di samping beberapa orang sahabat yang ditugaskan sebagai guru untuk mengajar ahli-ahli *suffah* diantaranya ialah Abdullah bin Al-Rawahah, Ubadah bin Al-Samit dan Abu Ubaydah bin Al-Jarrah (Ali Ayub, 1980). Kewujudan *As-Suffah* ini membuka ruang kelahiran institusi-institusi lain seperti *khan* dan *madrasah* pada abad ke 4H/10M. Pelbagai latar belakang masyarakat ketika itu datang belajar sehinggakan terdapat segolongan sahabat yang dikenali sebagai *ashab as-suffah*.

Peranan pemerintah boleh dilihat dengan jelas apabila masjid di kategorikan kepada 2 bahagian iaitu masjid umum dan masjid *jamek*. Kedua-dua jenis masjid ini mempunyai perbezaan yang tertentu seperti penyelenggaraan masjid dan pihak yang mengawal aktiviti selenggara, pembiayaan kegiatan dan aktiviti masjid, fungsi sosial, politik dan keluasan pengaruh yang tertakluk di bawah pengurusan pemerintah. Stanton (1990) mengatakan bahawa perbezaan antara masjid dengan *jamek* begitu ketara sekali. Perbezaan ini meliputi bidang tugas dan pentadbiran masjid yang diuruskan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) atau hak milik wakaf. Menurutnya pengurusan dan pentadbiran *jamek* di bawah kekuasaan kerajaan, manakala masjid adalah hak milik bukan kerajaan tetapi masih perlu kepada kebenaran pemerintah. Semasa pemerintahan Khalifah al-Mutiabillah (334-336 H/946-974 M) telah dibangunkan sebuah masjid *jamek* tetapi tidak mendapat perkenan Khalifah (Ibn al-Jawzi, 1992). Kenyataan A.Makdisi (1981) menyokong fakta Ibn al-Jawzi dengan memberi contoh pada zaman pemerintahan al-Qadir

(381-422 H/991-1031 M) telah memberi keizinan masjid ini untuk dinaik taraf kepada masjid *jamek*.

Fungsi utama masjid *jamek* adalah sebagai institusi pengajian menengah dan tinggi amat dipengaruhi oleh pemerintah. Tenaga pengajar yang bertugas dipilih dan dibayar gaji oleh pemerintah sendiri. Kebanyakan masjid dinamakan sempena dengan nama-nama guru yang mengajar di dalamnya. Sebagai contoh, Abdullah Al-Mubarak (726-797M) adalah salah seorang *tabiin* merupakan Imam Besar masjid yang telah dinamakan sempena nama beliau yang mengajar ketika itu dan merupakan antara tenaga pengajar di masjid *khan*. Masjid Al-Kisai merupakan masjid yang dinamakan sempena imam Al-Kisai yang mengajar tatabahasa Arab serta *filologi* (Goerge A. Makdisi, 1981).

Kewangan masjid bergantung kepada sistem wakaf dan sedekah serta lebih bebas melakukan aktiviti tanpa keterikatan. Fungsi masjid *jamek* sebagai institusi pendidikan peringkat menengah dan tinggi amat dipengaruhi oleh pihak pemerintah. (Nurazmallail, 2008). Tenaga pengajar yang mengajar di masjid *jamek* di pilih dan dibayar gaji oleh pemerintah membezakan dengan masjid biasa. Perkembangan masjid dari segi ketidakterikatan dan sumbangan masyarakat di dalam menjalankan fungsinya yang pelbagai menjadikan pusat pendidikan masjid ini terus ditambah baik dengan menjadikan *khan* sebagai suatu bentuk institusi tambahan terhadap masjid itu sendiri. *Khan* atau asrama, menyediakan tempat penginapan khas kepada penuntut ilmu yang jauh yang ingin mengikuti pengajian di masjid. Penyediaan *khan* ini memberi suatu impak baru dalam pengembangan pendidikan dan kepelbagaian fungsi masjid.

Kaedah pengajaran di masjid kebanyakannya menggunakan konsep *halaqah* dan sesi majlis satu hala, tetapi ia tidak semata-mata terhad di masjid sahaja. Pengkaji mendapati sebilangan besar daripada masjid-masjid dibina dan pegawai telah diberikan tugas untuk menyampaikan pendidikan berbentuk keagamaan atau subjek berbentuk *ulum aqliyyah*. Pendidikan Islam beberapa dekad pertama menjadikan masjid sebagai pusat

kegiatan agama dan pendidikan. Adanya prasarana serta institusi masjid tidaklah untuk sembahyang semata tetapi bertujuan sebagai tempat pengajaran agama, tempat bermesyuarat, tempat berkenalan dan bertanya khabar di antara satu sama lain (Muhammad Akhtar *et.al*, 2015).

Sistem pembelajaran di dalam masjid berbentuk *halaqah-halaqah* kecil mengikut mata pelajaran yang diajar oleh ulama-ulama yang dilantik oleh kerajaan dan berkembang dengan baik pada masa Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M). Kepesatan dan perkembangan ilmu menjadikan pelbagai bentuk pengetahuan kerangka keagamaan memonopoli sistem *halaqah*. Di dalam sesebuah masjid, terdapat beberapa *halaqah* dengan mata pelajaran pembelajaran berbeza seperti *nahu*, ilmu kalam, feqah diadakan serentak. Sebagai contoh kepelbagaian mata pelajaran yang diajar di *halaqah-halaqah* ilmu seperti yang diamalkan seperti di Masjid Al-Kasai dan Al-Manshur di Baghdad (Badri Yatim, 2013). Masjid adalah institusi pertama di dalam sejarah pendidikan Islam. Majlis yang berlangsung di dalam masjid adalah bukti bagaimana tujuan masjid ditubuhkan (Richard W. Buliet, 2012).

Muhammadullah Khalil (2005) memetik Maqrizi⁴³, ahli sejarah Mesir yang mengatakan bahawa terdapat beberapa pecahan di dalam masjid mengikut mata pelajaran yang diajar seperti *zawiyah*, tempat di mana *halaqah* undang-undang diajarkan. Dalam sesebuah masjid terdapat sehingga 8 *halaqah* *zawiyah* yang mengajar undang-undang. Beliau menambah terdapat juga sesi pengajaran Sains Islam. Goerge A. Makdisi (1981) turut menyokong hujah ini dengan menyatakan salah satu *zawiyah* ini dinamakan sempena nama *hujjatul* Islam, Imam Ghazali (1058-1111M) yang mengajar hukum feqah *Mazhab* As-Syafie setelah beliau meletakkan jawatan di Universiti Nazamiah di Baghdad pada tahun 488 Hijrah iaitu *Al-Ghazzaliyya*. Pendidikan sastera, serta mata pelajaran sains bermula pada masjid selain dari mata pelajaran Al-Quran dan Hadith. Lebih dari itu,

⁴³ Nasr Al Maqrizi meninggal pada 490H/1029M. Seorang ahli sejarah Mesir bermazhab As-Syafie. Dipetik daripada *Madrassa Education: Strength and Weaknesses*. Diterbitkan oleh Manak Publications, India.

masjid juga berkhidmat sebagai institusi yang berperanan seperti pusat politik dan Mahkamah Keadilan tempatan selain peranan asas sebagai tempat ibadah.

Masjid khan merupakan masjid yang dilengkapi dengan asrama di sebelahnya yang diperuntukkan bagi para penuntut ilmu yang datang dari pelbagai tempat. Kepesatan pembangunan berlaku pada abad ke 10. dari berbagai kota. Perkembangan masjid khan yang pesat terjadi pada abad ke-10. Menurut Makdisi (1981) lagi, Badr bin Hasanawaih al-Kurdi (m.1015) yang menjadi *gabenor* di beberapa wilayah mendirikan sekitar 3.000 masjid khan. Beliau menjelaskan bahawa Abu Ishak, seorang guru yang mengajar di Madrasah Nizhamiyah di Baghdad turut mengajar di masjid khan yang dihadiri oleh sepuluh atau dua puluh murid yang berguru kepadanya.

Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) mengambil cakna perihal masjid dan ulama yang berada di sesebuah masjid. Masjid As-Syafie (m.808M) di Jalan Saffron Baghdad, Masjid Qadi Abu Hassan Al-Qiyadi (m.856M) antara nama-nama yang diabadikan nama mereka mewakili masjid yang mereka curahkan ilmu dan khidmat bakti (Goerge A.Makdisi, 1981). Seorang pelajar ketika itu yang dirakam suratnya oleh Imam Ibnu Al-Jauzi (1116-1201M) sebagaimana yang dipetik oleh Goerge A. Maqdisi (1981) berkenaan Ali Al-Fariqi (m.528H/1134M) menceritakan tentang pembangunan pusat-pusat pengajian ketika itu. Ali Al-Fariqi adalah seorang pelajar yang merantau ke Baghdad mencari ilmu dengan berguru kepada Imam Syirazi (m.1292M) di dalam jurusan undang-undang, ketika ini Imam Syirazi masih belum lagi memegang jawatan sebagai Pengerusi Undang-Undang Mazhab As-Syafie di Madrasah *Nizamiya* di Baghdad pada tahun 1064M. Ali Al-Fariqi berkata:

Saya mengambil tempat kediaman di khan (asrama) yang menghadap Masjid Abi Ishaq (suku bab al-Maratib) di mana didiami Felo Sarjana dan pelajar-pelajar undang-undang yang menuntut di bawah arahannya. Apabila kami ramai, terdapat kira-kira dua puluh pelajar; apabila kami sedikit, sepuluh pelajar. Tuan

Abu Ishaq pernah mengajar kursus undang-undang, (ta'liqa) dalam tempoh empat tahun; supaya bila pelajar undang-undang itu telah belajar kursus tersebut sepanjang tempoh masa ini, tidak lagi perlu bagi dia untuk belajar di tempat lain. Beliau memberi kita pelajaran pada waktu pagi selepas selesai sembahyang dan satu lagi pada sembahyang isyak. Pada tahun 460 Hijrah (1064M), saya melintasi ke sisi Barat Baghdad bertemu Tuan Abu Nasr As-Sabbagh dan belajar undang-undang kerja ash-shamil di bawah arahannya; kemudian saya kembali ke Abu Ishaq berkhidmat kepadanya sehingga beliau meninggal dunia.

(Goerge A.Maqdisi, 1981:44)

Mengkaji *verbatim* Ali al-Fariqi ini, pemerintah Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) amat mementingkan prasarana dan keperluan pusat pembelajaran yang mana diperlukan oleh golongan pelajar. Begitu juga dengan tenaga pengajar yang berkaliber dilantik pemerintah untuk menjadi tenaga pengajar. Selain itu, sistem tradisi keilmuan yang diterapkan oleh kerajaan mencerminkan aspek kurikulum diletakkan di tempat yang sepatutnya.

4.2.1.3 Istana

Pengajaran dan pembelajaran di istana memainkan peranan yang amat besar fungsinya kerana melibatkan anak-anak khalifah di zaman pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) (Abdullah Ishak, 1995). Sesi persekolahan yang berlaku mempunyai misi dan visi untuk mempersiapkan diri anak-anak khalifah yang bertujuan untuk kepimpinan di masa hadapan, sebagai pengganti kepada khalifah yang ada (Ahmad Shalabi, 1954). Aspek kurikulum menjurus kepada bidang tugas sebagai pembesar negara agar mampu melaksanakan tugas-tugasnya setelah dewasa. Untuk itu, khilafah dan

keluarganya serta pembesar sudah diperkenalkan dengan lingkungan pengajaran dan pembelajaran yang diperlukan terhadap anak-anak serta tugas-tugas yang akan diteruskannya nanti. Kepelbagaian kurikulum untuk anak-anak disokong oleh Ibn Abd Rabbih (1999) dan al-Isfahani (1999) yang menjelaskan bahawa matapelajaran untuk umat Islam perlu kepada unsur-unsur kepelbagaian dan selaras dengan masa depan pelajar serta tugas yang mendepani mereka di masa hadapan.

Oleh kerana itu, mereka memanggil guru-guru khusus bertugas untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak mereka. Pendidikan di istana sedikit berbeza dengan masyarakat awam. Seperti yang telah pengkaji bahaskan, keadaan kurikulum di istana seperti yang telah diselaraskan oleh Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M) yang meminta Khalaf bin Ahmar (m.796M) iaitu salah seorang daripada guru anaknya tentang bagaimana acuan pendidikan yang khalifah inginkan (Ibnu Khaldun, 2002). Keterlibatan para pemerintah secara langsung memberi gambaran kebertanggungjawaban terhadap kemenjadian pelajar itu sendiri dan sistem kurikulum. Para guru yang bertugas disebut *muaddib*, membuat rancangan pelajaran mengikut garis panduan yang telah digariskan khalifah serta diselaraskan dengan tujuan yang dikehendaki. Mereka tinggal di istana agar pengawasannya kepada putera raja lebih sempurna (Ahmad Shalabi, 1954).

Beberapa nama guru yang mengajar di beberapa institusi sama ada di sekolah rendah dan pengajar yang diberikan gaji khas untuk mengajar anak-anak khalifah atau pegawai kerajaan berpangkat tinggi atau keluarga mereka, bahkan *profesor* daripada pendidikan tinggi turut diambil mengajar. Antara nama-nama tenaga pengajar ialah Ibnu Qutayba (m.889M), Abu 'Abd Al-Ral Al-Sulami, 'Abd Allah b Habib dan Rubay'a Al-Muqri Al-Kufi. Manakala Qadarite Ma'bad Al-Juhani (m.700M) yang merupakan seorang guru di Basra dan menjadi *tutor* swasta kepada Sa'id, anak kepada Khalifah 'Abd Al-Malik bin Marwan (646-705M) turut digajikan dan mengajar beberapa matapelajaran. Begitu juga dengan penyair tradisi Al-Dahhak bin Muzahim Al-Balkhi (m.723M) yang mempunyai sekolah sendiri yang mempunyai murid seramai 3,000 kanak-kanak pada sesi pengajaran dan pembelajaran yang diajarnya (Lawrence I. Conrad, 2012).

Sesetengah khalifah dan pegawai negeri yang hebat menjemput para ulama, ahli teologi, ahli hukum, penyair dan juru tatabahasa ke dalam istana dengan membuat pelbagai jenis kumpulan kajian, berada di bilik perbincangan khas, mengadakan sesi-sesi majlis ilmu. Mereka menganjurkan dan mengambil bahagian dalam perdebatan bukan sahaja para ulama, ahli teologi dan ahli hukum, tetapi juga kepada bukan umat Islam. Sesi perdebatan ini juga turut dihadiri bersama pakar lain, seperti ahli falsafah. Juru tatabahasa sekolah yang dikenali sebagai Al-Basra Al-Mubarrad (210-285H/826-898M) dari sekolah yang dikenali sebagai *Al-Kifa* dan Tha'lab (m.291H/904M) mengadakan perbincangan di istana Tahirid Muhammad b. 'Abd Allah. Al-Fath b. Khaqan b. 'Urtuj (m.247H/861M) yang bertugas sebagai imam dan kawan kepada Khalifah al-Mutawakkil (847-861M) adalah merupakan guru untuk sesi perbincangan majlis-majlis di istana (Richard W. Buliet, 2012).

4.2.1.4 Aktiviti di Padang Pasir

Kemasukan golongan bukan Arab akibat perluasan kuasa dan wilayah menyebabkan penggunaan Bahasa Arab semakin merosot kerana percampuran bahasa. Ahmad Shalabi (1954) mengatakan bahawa seluruh gurun Sahara di Tanah Arab pada abad ke 7 dan 8 merupakan sekolah seperti yang terdapat pada zaman sekarang. Pengkaji bersetuju dengan kenyataan dan pendapat Ahmad Shalabi kerana Imam Syafie mengukuhkan penguasaan Bahasa Arabnya dengan mempelajari dan mendiami di kawasan salah satu kaum di padang pasir (Ahmad Shalabi, 2003).

Penempatan puak-puak dan suku-suku tertentu yang tinggal di padang pasir ini amat mementingkan Bahasa Arab yang asli. Orang-orang Arab di padang pasir ini tetap mempertahankan keaslian dan kemurnian Bahasa Arab, bahkan sikap kepedulian mereka terhadap bahasa dapat diperhatikan berdasarkan kefasihan berbahasa dengan memelihara kaedah-kaedah berbahasa yang betul dan tepat. Disini tidak ada percampuran bahasa

akibat dari kemasukan bangsa-bangsa lain dan masih mengekalkan sumber Bahasa Arab asli dan murni. Oleh karena itu tidak hairanlah para khalifah menghantar anak-anak mereka ke perkampungan ini untuk mempelajari pula syair-syair serta sastera Arab dari sumbernya yang asli. Ramai ulama-ulama pergi ke perkampungan dengan tujuan untuk mempelajari bahasa dan kesusasteraan Arab yang asli lagi murni tersebut. Perkampungan ini menjadi sumber ilmu pengetahuan terutama bahasa dan sastra Arab dan berfungsi sebagai salah satu prasarana dan institusi pendidikan di zaman Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M).

Namun, akibat dari kemerosotan Bahasa Arab bagi penutur di kalangan masyarakat bandar dan kota, Ibn al-Nadim (1994) mengatakan bahawa penduduk di padang pasir menjadikan kesempatan ini sebagai punca pendapatan bagi mereka dengan mengajar Bahasa Arab kepada mereka yang berminat. Faktor bahasa ini dijadikan sebagai punca rezeki dengan mengajarkan Bahasa Arab yang betul kepada anak-anak penduduk kota yang mana bahasa mereka tidak lagi asli akibat percampuran bahasa.

Kenyataan ini turut disokong oleh Philip K. Hitti (1970) yang mencatatkan beberapa tokoh ulama dan anak-anak khalifah serta pembesar yang terlibat secara langsung dalam pendidikan di padang pasir ini. Sebagai contoh, ketika zaman pemerintahan *Saidina* Muawiyah (602-680M), anaknya iaitu Yazid (645-683M) turut dihantar ke suku kaum di padang pasir untuk belajar Bahasa Arab yang masih lagi tidak tercemar dengan percampuran bahasa. Ketika zaman pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) juga ada dinukilkan berkenaan perkara ini. Khalifah Umar (581-644M) pada sekitar tahun 638M, pada setiap Jumaat mengirinkan beberapa orang guru *qiraat* yang mendiami di pendalaman padang pasir ke beberapa masjid tujuan untuk mengajarkan bahasa yang betul kepada masyarakat.

4.2.1.5 Pasar dan Kedai buku

Institusi ini muncul sejak permulaan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) dan kemudiannya berkembang pesat dan meluas ke seluruh negara jajahan Islam. Sepanjang kejayaan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M), kedai-kedai buku berkembang dengan pesat seiring dengan pesatnya perkembangan ilmu pengetahuan serta perkembangan ekonomi yang menggalakkan rakyatnya berurus niaga dan membuka premis-premis perniagaan (Philip K. Hitti, 1970). Unikny, kedai-kedai ini tidak saja menjadi pusat pengumpulan dan penyebaran serta penjualan buku-buku sahaja tetapi juga menjadi pusat pembelajaran dengan lingkaran-lingkaran belajar berkembang di dalamnya.

Perkembangan ilmu pengetahuan dan kebudayaan Islam yang semakin pesat terus diikuti dengan penulisan kitab-kitab dalam berbagai cabang ilmu pengetahuan. Maka pusat jualan dan kedai-kedai buku turut dibuka dan menjadi tempat berjual beli pelbagai buku dan kitab-kitab. Ini menunjukkan proses perekonomian setempat turut berlaku kerana banyaknya permintaan berkaitan penulisan dari masyarakat. Pada awalnya kedai-kedai ini berfungsi sebagai tempat berjual beli buku dan kitab yang ditulis dalam perbagai ilmu pengetahuan yang berkembang pada masa itu, bahkan mereka turut membelinya dari para penulisnya kemudian menjualnya kembali kepada siapa yang berminat untuk membaca dan mempelajarinya.

Pemilik kedai buku biasanya berfungsi sebagai tuan rumah iaitu sebagai pemilik kedai, dan kadang-kadang berfungsi sebagai guru dalam lingkaran bulatan *halaqah* yang memimpin pengajian, sebahagian yang memiliki kedai buku adalah para ulama. Philip K. Hitti (1970) menyatakan perkembangan menarik ini mencerminkan bahawa proses keilmuan yang berlaku hampir meliputi pelbagai lapisan masyarakat. Hal ini menunjukkan betapa *komitednya* umat Islam masa itu dalam menuntut ilmu dan membawa pengetahuan diri ke tahap yang lebih baik dan tinggi.

4.2.1.6 *Kuttab*

Kuttab atau *Maktab* berasal dari perkataan asal Bahasa Arab, *kataba*, yang bererti menulis atau tempat menulis. Ramai ahli terminologi berbeza pendapat dengan perkataan dan maksud *kuttab* ini. Menurut pengertian kamus al-Marbawi, *maktab* ialah tempat memberi pelajaran dan *kuttab* ialah kanak-kanak yang mengikuti pelajaran. Namun, ahli terminologi sepakat untuk pengertian *kuttab* sebagai institusi pendidikan peringkat rendah. Di dalam *Ensiklopedia of Islam* (1991), perkataan *kuttab* dijadikan satu istilah bagi sekolah tradisional untuk mengajar kanak-kanak membaca dan menulis serta menghafaz Al-Quran, yang dikenali oleh sarjana Barat sebagai *Quranic School*. Philip K.Hitty (1970) turut menyokong *kuttab* sebagai sekolah di peringkat rendah dengan memetik kenyataan al-Jahiz (m.255H/869M) yang merupakan seorang sasterawan terkenal di zaman pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M).

Menurut catatan sejarah, *kuttab* telah ada sejak pra-Islam. Dikembangkan oleh pendatang ke tanah Arab yang terdiri dari kaum Yahudi dan Nasrani sebagai cara mereka mengajarkan *Taurat* dan *Injil*, falsafah, perdebatan, dan topik-topik yang berkenaan dengan agama mereka. Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) mengelolakan beranda-beranda masjid dijadikan sebagai *kuttab*, iaitu tempat belajar membaca dan menulis untuk kanak-kanak. Ketika ini, matapelajaran yang diajarkan adalah seperti al-Quran samada pelajaran isi al-Quran mahupun menghafalkannya selain dari belajar menulis dan membaca. Ibnu Khaldun (2002) menyatakan tempat pembelajaran bagi kanak-kanak perempuan di *kuttab* tersebut dipisahkan daripada kanak-kanak lelaki. Namun menurut Badri Yatim (2013), kanak-kanak perempuan yang pergi ke *kuttab* ini dikatakan tidak disenangi oleh sebahagian ulama ketika itu kerana dibimbangi dapat menimbulkan sesuatu hal yang tidak diingini berlaku. Kanak-kanak yang belajar di sini terdiri daripada golongan kaya dan miskin. Para guru yang mengajar tidak membezakan kanak-kanak ini bahkan untuk pelajar yang miskin diberikan pakaian dan makanan secara percuma.

Pada zaman Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M), menurut Ahmad Shalabi (1954), kurikulum yang dilaksanakan pada peringkat awal ialah semata-mata kemahiran membaca dan menulis. Manakala pada akhir abad pertama hijrah, kurikulum ditambah dengan pelajaran Al-Quran dan asas-asas ilmu agama disamping asas pengetahuan lain. membawa fakta berkenaan dengan perkembangan *kuttab* yang pesat sehinggakan penyertaan pelajar menghimpunkan ribuan pelajar seperti di *kuttab* milik Abu Qasim al-Balkhi (m.105H/723M) di Kufah yang mempunyai 3000 orang murid di sekolahnya (Ahmad Shalabi, 1954).

Ramai sarjana menyebut tentang perbezaan pendapat dengan kelahiran *kuttab*. Antaranya ada yang mengatakan *kuttab* telah ada sebelum kedatangan Islam lagi, dengan memberi contoh kaum Yahudi telah mengajar skrip-skrip Arab, menyifatkan *kuttab* adalah sekolah rendah untuk kanak-kanak ketika itu (Lawrence I. Conrad, 2012). Beliau juga menyebutkan Zaid bin Tsabit (612-637M) pernah memasuki *kuttab* di sekitar Yathrib. Ahmad Shalabi (1954) memetik catatan Ibnu Hawqal (m.367H/977M) ketika di Palermo, Sicilia menyatakan bahawa terdapat 300 orang guru di *kuttab*. Kepesatan infrastruktur dan prasarana yang dibina untuk tujuan keilmuan menunjukkan semangat kesepaduan dan iltizam para pemerintah untuk meninggikan martabat ilmu di sepanjang pemerintahan terbukti. Kenyataan ini membuktikan bilangan *kuttab* bukan hanya terdapat di wilayah Arab bahkan wilayah perluasan kekuasaan Islam turut disebarkan (Ahmad Shalabi, 1954).

Pendidikan yang berlangsung di *kuttab* masjid ini adalah unik kerana menggunakan sistem *halaqah*. Para guru kebiasaannya duduk mengajar di dinding-dinding masjid atau bersandar pada tiang-tiang masjid manakala para pelajar akan duduk di hadapan membentuk lingkaran dan lutut bersentuhan sesama mereka (Mehdi Nakoesteen, 2007). Kegiatan pengajaran dan pembelajaran ini dimulai dengan guru membaca doa belajar. Setelah itu, guru memberikan ulasan berkenaan dengan tajuk pembelajaran yang telah dipelajari sebelum itu. Pengkaji menyokong dan berpendapat teknik ini sangat berkesan di dalam mengembalikan ingatan pelajar terhadap apa yang

telah dipelajari. *Recall memory* ini bertindak menyusun maklumat-maklumat lama dan mengaitkan dengan pengajaran baru yang akan dilakukan. Di dalam matapelajaran tertentu, kaedah *imla'* digunakan dengan memberi penjelasan pada matapelajaran yang telah dipelajari sebelumnya berdasarkan tingkatan kefahaman pelajar. Sebelum mengakiri pengajaran, para guru akan membuat pemeriksaan catatan yang dibuat pelajar. Teknik soal jawab turut digunakan untuk menghurai kekusutan dan memberi penjelasan kepada para pelajar (Mehdi Nakoesteen, 2007).

4.2.1.7 Perpustakaan

Selama pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M), pertumbuhan perpustakaan dikatakan sangat mengagumkan dari segi bilangannya. Faktor ini terkait dengan perkembangan perpustakaan yang meningkat secara cepat hasil dari kesedaran masyarakat yang tinggi terhadap kepentingan keilmuan. Nakosteen (1964) mengatakan pada abad pertengahan ini pelbagai perpustakaan dibangunkan sehingga sukar untuk mengetahui bilangan secara tepat. Institusi ini didirikan di semua kota Islam untuk memenuhi tuntutan semangat keilmuan yang menjadi tradisi masyarakat ketika itu. Institusi yang paling gemilang sewaktu pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) dikenali sebagai *Bayt al-Hikmah*. Saad Daywashi (1972), Muhammadullah Khalil (2005) berpendapat *Bayt al-Hikmah* di Baghdad diasaskan oleh Khalifah Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) yang kedua iaitu Khalifah Abu Jaafar al-Mansur (136-158 H/754-775M).

Namun, menurut Salim Khan (1986), sebelum dikenali dengan *Bayt al-hikmah*, sejarah asal penubuhan bermula sebagai perpustakaan diraja Abbasiyyah yang dikenali sebagai *Dar al-Hikmah* ketika era pemerintahan Khalifah Abu Ja'far al-Mansur (754-775M). Era pemerintahan Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M), berlakunya penambahbaikan dari segi infrastruktur dan prasarana. Perubahan yang berlaku ini turut

diberi nama baru sebagai *Khizanat al-Hikmah* sehinggalah ditukar lagi nama menjadi *Bayt al-Hikmah*. Pada masa Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M), *Khizana Al-Himah* yang bermaksud khazanah kebijaksanaan yang berfungsi sebagai perpustakaan dan pusat penelitian buku-buku untuk penerbitan (Salim Khan, 1986).

Manakala para sejarawan berbeza pendapat tentang penubuhan *Bayt al-Hikmah* seperti Ibn al-Nadim (1994), Naji Ma'ruf (1969) yang berpendapat pembinaan *Bait Al-Hikmah* dibina pada zaman Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M). Philip K.Hitti (1970), Khalil (1926) pula berpandangan bahawa *Bayt Al-Hikmah* ini diasaskan oleh Khalifah al-Ma'mun (813-833M). Walau bagaimanapun, pada zaman Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) inilah penerusan prasarana dan institusi pendidikan diberi keutamaan dan obsesi penumpuan terarah kepada keilmuan boleh dibuktikan. Dari perpustakaan awam, dipertingkatkan kepada pusat kecemerlangan dan pusat penyelidikan (The Encyclopeadia of Islam, 1991).

Oleh kerana kepelbagaian fungsi diantaranya tempat mengumpul dan menyimpan buku, tempat membuat kajian-kajian ilmiah dan penyelidikan, menurut Yaqut (1980), perpustakaan juga merupakan salah sebuah institusi pembelajaran yang ulung di zaman pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M). *Bayt al-Hikmah* boleh dianggap sebagai universiti pertama di dunia Islam dan turut menjadi model kepada penubuhan prasarana universiti lain pada abad pertengahan dan dunia moden (Ahmad Shalabi, 1954; Khalil, 1926). Semasa pemerintahan Khalifah al-Ma'mun (813-833M), *Bait Al-Hikmah* telah dilengkapi dengan perpustakaan, pusat kegiatan penterjemahan, ruang belajar dan asrama bagi pelajar. *Bait Al-Hikmah* merupakan perpustakaan yang juga berfungsi sebagai pusat pengembangan ilmu pengetahuan.

Menurut Ahmad Shalabi (2003), perpustakaan dalam sejarah Tamadun Islam boleh dibahagikan kepada tiga jenis. Antara 3 jenis tersebut ialah yang pertama dikenali sebagai Perpustakaan umum. Perpustakaan ini terbuka kepada masyarakat umum yang

ingin menggunakan buku-buku. Biasanya adalah sebahagian daripada masjid dan madrasah. Antara contoh perpustakaan jenis ini ialah *Bayt Al-Hikmah* di Baghdad dan *Dar Al-'Ilm* di Kaherah.

Yang kedua merupakan perpustakaan separa umum. Perpustakaan jenis ini disediakan untuk sesetengah golongan sahaja seperti tokoh ilmuan terkenal dan golongan bangsawan. Antara contoh perpustakaan ialah Al-Nasir Ali Dinillah (929-961M) merupakan khalifah pertama di Kordova, perpustakaan Al-Musta'sim Billah (833-842M), khalifah ke 8 Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M). Manakala yang ketiga ialah perpustakaan peribadi. Perpustakaan yang dimiliki individu tertentu seperti perpustakaan Fath bin Khaqan (817-861M) yang merupakan seorang pegawai Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) yang terkenal bertugas di mahkamah ketika Khalifah al-Mutawakkil (847-861M) memerintah, perpustakaan Hunayn bin Ishak (809-873M) yang merupakan antara pegawai penerjemah di *Bayt Al-Hikmah* dan perpustakaan Mubashshir bin Fatik (1048-1049M).

Khalifah Jaafar al-Mansur (754-775M) mengambil banyak buku-buku dari Kerajaan Rom untuk dialih bahasa dan dibawa ke Baghdad. Beliau menjemput ramai sarjana ke *Bayt Al-Hikmah* dan diberi makanan, biasiswa dan penempatan. Khalifah Al-Mutazid Billah (892-902M) melantik sarjana dari kalangan jurusan seni dan diberi geran untuk menubuhkan sekolah. Masyarakat bebas untuk ke sekolah pilihan masing-masing (Muhammadullah Khalil, 2005).

Pada masa Khalifah al-Ma'mun (813-833M), institusi ini dikembangkan lagi dan diubah namanya menjadi *Bayt Al-Hikmah*. Buku-buku kuno yang didapati dari Parsi, Bizantium dan bahkan Etiopia dan India di simpan di *Bayt Al-Hikmah*. Sistem pengelasan buku-buku yang terdapat di perpustakaan ini turut menampakkan kemajuan yang amat membanggakan. Ini dibuktikan dengan kelahiran katalog lengkap seperti *al-Fihrist* yang disusun oleh Ibn al-Nadim dan kitab *Kasf al-Zunun'an Asami al-kutub wa al-Funun* oleh

Haji Khalifah. Menurut Hasan Asari (1994) lagi, pada zaman Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) ini, teknologi kertas telah memainkan peranan yang amat besar di dalam penghasilan buku-buku. Namun, sesuatu yang mahal bagi masyarakat biasa untuk memiliki sesebuah buku kerana mahal harganya.

Malah *Bait Al-Hikmah* tidak hanya berfungsi sebagai perpustakaan, tetapi juga sebagai pusat kegiatan pengajaran dan pembelajaran, sebagai pusat penyelidikan astronomi dan matematik serta pusat penterjemahan karya-karya asing ke dalam Bahasa Arab diketuai oleh penterjemah Hunayn bin Ishak (809-873M). Di *Bait Al-Hikmah* ini juga terdapat *observatorium*, sebagai pusat kajian astronomi untuk meneliti bintang-bintang di langit dan alam angkasa. Kepelbagaian fungsi tidak tertakluk hanya kepada kurikulum bahkan dari sistem dan pentadbiran pengurusan berbanding dengan institusi pendidikan traditional lain sezamannya.

Pada masa Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) ini, banyak melahirkan ulama-ulama baik di bidang-bidang hukum Islam malahan pakar-pakar ilmu *aqliyyah*. Dengan demikian kegiatan penterjemahan telah mampu melahirkan generasi-generasi pemikir dan penulis Muslim yang memecah peradaban dan kemajuan dunia. Mereka tidak hanya sekadar menterjemah, tetapi juga telah mengembangkannya dengan melakukan eksperimen dan ujikaji, pengamatan ilmiah dan mengasimilaskannya dengan ajaran-ajaran Islam sehingga menghasilkan karya-karya umat Islam yang murni dan asli, ditambah baik dari naskhah asal yang tidak ditunjang dengan ilmu wahyu.

4.2.1.8 Madrasah

Madrasah muncul sebagai institusi pendidikan yang ulung era pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) terutamanya pada Khalifah Harun al-Rasyid (786-

810M) di Baghdad. Ramai sejarawan menyebut Perdana Menteri ketika Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M) memerintah, iaitu Nizam al-Mulk (1018-1092M) telah memulakan langkah membina dan menaikkan nama madrasah yang dikenali sebagai Madrasah Nizamiyyah. Definisi madrasah adalah sekolah untuk mempelajari agama Islam⁴⁴. Manakala menurut Goerge A. Makdisi (1981) madrasah digambarkan dengan kurikulum yang diajarkan. Beliau turut memetik kenyataan sarjana seperti Nakosteen yang mengatakan madrasah sebagai universiti.

Namun, perkembangan institusi pengajian tinggi boleh dirumuskan bahawa madrasah adalah hasil perkembangan institusi pendidikan Islam. Kenyataan ini dinyatakan Imam al-Sayuti (1968) yang menyebut tentang Madrasah Nizamiyyah yang muncul di era pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) yang menjurus kepada pengajian ilmu tradisi Islam. Philip K. Hitty (1970) turut menyokong kenyataan ini dengan menyebut bahawa Madrasah Nizamiyyah merupakan sebuah institusi pendidikan berkait hukum sepanjang pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M).

Madrasah sebagai kesinambungan institusi Islam yang lain seperti *kuttab*, masjid dan perpustakaan. Dari sudut kurikulum pula, institusi madrasah berorientasikan pengajian feqah setelah berlangsungnya kegiatan keilmuan di masjid, istana, kedai buku dan *kuttab*. Ilmu-ilmu *naqliyyah* mendominasi mata pelajaran yang diajar di madrasah seperti juga institusi-institusi lain seperti masjid. Sepanjang pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M), Madrasah Nizamiyyah cukup terkenal sebagai institusi kelolaan kerajaan, berasal daripada masjid khan yang tertumpu kepada kurikulum perundangan dan hal ehwal feqah. Philip K. Hitty (1970) menyatakan institusi ini dibiayai oleh institusi wakaf kerajaan dan terikat dengan peraturan pihak pemberi wakaf. Nizam al-Mulk (1018-1092M) sebagai pemegang amanah yang mentadbir perjalanan Madrasah Nizamiyyah ini, Goerge A. Makdisi (1990) menyokong pernyataan Hitty dengan

⁴⁴ Cambridge Advanced Learner's Dictionary (2008) 3rd Edition, Cambridge University Press, Singapore. Edisi Ketiga halaman 861.

mengatakan para guru dan murid dibiayai di bawah sistem wakaf yang dikawal selia oleh kerajaan.

Institusi Madrasah Nizamiyyah di Baghdad ini terpisah dengan masjid (Ahmad Shalabi, 1954). Beliau mengatakan begitu kerana perbezaan yang wujud berkenaan madrasah di beberapa tempat yang masih mengekalkan institusi masjid juga sebagai madrasah. Namun, setelah kemunculan madrasah kelolaan kerajaan ianya menjadi suatu institusi yang terpisah dan unggul sebagai sebuah institusi belajar yang terpisah. Madrasah Nizamiyyah di Baghdad menyediakan pelbagai kemudahan dan kelengkapan seperti ruang belajar, perpustakaan dan tempat tinggal untuk staff dan pelajar yang mengikuti pengajian disini (Pinto, 1929). Kemudahan yang ditawarkan di Madrasah Nizamiyyah cukup lengkap untuk sesi pengajaran dan pembelajaran (Nakosteen, 1964). Goerge A. Makdisi (1990) dan Nakosteen (1964) bersepakat bahawa Madrasah Nizamiyyah adalah manifestasi kewujudan sebuah institusi pendidikan yang sistematik dan terpisah dari kebergantungan terhadap institusi lain seperti masjid.

Berkenaan dengan sistem kurikulum, Solihin (2017) menyatakan tidak ada dokumen lengkap bertulis yang mempunyai perincian tentang kurikulum madrasah. Ini adalah disebabkan 2 faktor utama iaitu yang pertama adalah kerana tidak wujud ikatan organisasi di antara satu madrasah dengan yang lain. Setiap madrasah bebas menentukan mata pelajaran dan sistem pengajarannya sendiri sesuai dengan keinginan pemberi wakaf yang mendermakan wang untuk kesinambungan dan proses pengajaran pembelajaran yang berlaku. Manakala yang kedua ialah kerana setiap *syekh* atau *mudarris* bebas memilih bidang yang dia ingin mengajar, hanya terikat dengan *waqfiyyah*, iaitu pendapatan dari tugas mengajar dibiayai oleh harta-harta yang diwakafkan oleh pewakaf atau dari madrasah tempatnya mengajar.

Menurut beliau lagi beberapa mata pelajaran yang diajar di madrasah adalah ilmu-ilmu agama seperti ilmu Al-Quran, Hadith, tafsir, feqah, *usul* feqah, ilmu kalam, dan ilmu-

ilmu berkaitan dengan agama Islam. Seterusnya ilmu-ilmu kesusasteraan dan ilmu bahasa diperlukan untuk membantu pengajian dan pembelajaran ilmu-ilmu agama juga diajarkan di madrasah, tetapi bukan menjadi sebahagian utama dari kurikulum. Manakala matapelajaran *nahu* adalah merupakan sebahagian dari kurikulum beberapa madrasah. Namun ianya bergantung kepada *mudarris* yang mengajarkan ilmu-ilmu agama.

Tenaga pengajarnya terdiri daripada para ulama besar pada masa tersebut. Kajian Nurazmallail *et.al* (2008) menyebutkan perantikan tenaga pengajar adalah dari kalangan ulama terkenal dan mempunyai pencapaian yang tinggi seperti Abu Ishaq al-Shirazi (m.476 H/1083 M), Imam Al-Ghazali (1058-1111M) dan al-Kiya al-Harrasi.

4.2.1.9 Hospital dan Sekolah Perubatan (*Madrasah At-Tib*)

Zaman berkembangnya keintelektualan dan kebudayaan Islam ini, Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) banyak membina infrastruktur dan prasarana untuk rakyat seperti hospital. Bukan sekadar berfungsi untuk menempatkan pesakit, malah menjadi tempat menimba ilmu juga. Peranan yang begitu penting turut meliputi pengajian ilmu sains khususnya ilmu perubatan (The Encyclopaedia of Islam,1991). Fungsi hospital zaman ini selain menempatkan pesakit, malah dikembangkan melalui fakulti dan pusat pengajian ilmu perubatan (Chejne Anwar G, 1974). Perkembangan dari sudut jumlah yang banyak di beberapa ibu kota seperti Baghdad menjadikan ilmu perubatan turut signifikan untuk dipelajari. Para doktor meluangkan masa mereka dengan mengajar ilmu-ilmu perubatan (Leiser, 1983). Menurut Ibn al-Nadim (1994), hospital terawal yang diketahui mempunyai kuliah perubatan diadakan di Hospital al-Ray, dimana kelas pengajaran dijalankan oleh Sarjana Islam terkenal pada waktu itu iaitu Al-Razi (864-930M), yang bertugas di hospital tersebut sebagai pengetua. Turut diwujudkan kepada para pelajar ruangan-ruangan tertentu di hospital yang dikhususkan untuk kuliah perubatan.

Ibnu Kathir (1992) menyebut Hospital al-Adudi disiapkan pembinaannya pada 368H/979M dan mendapat dana tahunan sebanyak 100,000 dinar. Di hospital ini fakulti perubatan berfungsi sebagai tempat kuliah dan hampir 24 doktor yang bertugas di awal penubuhan. Unit-unit seperti *fisiology*, *oftalmology*, dan *surgery* menjadi bidang kepakaran yang diajar. (The Encyclopediad of Islam, 1991). Hospital ini adalah yang paling terkenal dan terbesar pernah dibina di Baghdad serta menjadi tempat mendidik pelajar-pelajar yang mengambil jurusan perubatan. Mereka mengadakan berbagai penelitian dan kajian dalam bidang kedokteran dan ubat-ubatan. Malah hospital juga merupakan tempat pelajar-pelajar bidang perubatan membuat latihan praktikal (Zuhairi, 1997). Catatan Ibnu Batutah (1964) yang menceritakan ketika lawatannya ke Baghdad pada tahun 727H/1327M, hanya terdapat kesan tinggalan hospital yang telah rosak sahaja akibat dari serangan tentera Mongol yang membawa kemusnahan teruk kepada struktur asal bangunan hospital tersebut.

Sebuah *madrasah* perubatan di Baghdad dibina pada tahun 1236M oleh Khalifah Al-Mustansir (1226-1243M) (C.A. Qadir, 1988). Madrasah perubatan ini lebih tertumpu kepada sebagai sebuah fakulti pengajian perubatan sama seperti sekolah pengajian feqah, kuliah pengajian al-Quran dan kuliah pengajian Hadith yang terdapat di kompleks al-Madrasah al-Mustansyirah (Ali, 1978). Kitab '*al Daris fi Tarikh Al-Madaris*' karya Al-Nu'aymi (m.927H) menyentuh satu bab khusus yang diberi tajuk *Madaris At-Tibb* yang merujuk kepada madrasah perubatan yang terdapat di Syam pada abad ke tujuh, iaitu *Al-Madrasah Al-Dakhwariyyah*, *Al-Madrasah Al-Danisariyyah* dan *Al-Madrasah Al-Labbudiyyah Al-Najmiyyah* (Nurazmallail, 2008)

Nakosteen (1964) mengatakan institusi madrasah dikhususkan untuk pengajian perundangan dan ilmu yang berkaitan dengannya. Goerge A.Makdisi (1981) pula berpendapat ianya merupakan institusi yang mengajarkan fiqah, *usul* feqah dan hadith. Pendapat sarjana ini seolah menafikan keterlibatan sekolah perubatan yang ada semasa pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M). Kenyataan ini turut disokong oleh Leiser (1983) yang mendefinisikan *dars* sebagai pelajaran feqah dan madrasah sebagai

tempat ilmu feqah yang diajarkan. Para khalifah Abbasiyyah dan kerajaan juga sangat cakna akan kesihatan rakyat. Pertumbuhan prasarana seperti hospital tumbuh dengan begitu pesat. Pada waktu ini, hospital bukan sahaja berfungsi sebagai tempat merawat pesakit-pesakit, malahan antara lain sebagai tempat para pelatih bidang kedokteran membuat praktikum serta bidang farmasi yang mencari solusi untuk penyakit-penyakit (Zuhairini, 2004).

4.2.1.10 Balai Cerapan (*Observatori*)

Perkembangan ilmu Falak Syarie bermula sejak zaman Rasulullah S.A.W. lagi. Rasulullah S.A.W. dalam abad ketujuh Masehi lagi membawa pengertian dari Al-Quran yang menjelaskan bahawa masa bagi Allah S.W.T. adalah sama, iaitu tidak ada bahagia dan tidak ada celaka berkaitan bulan dan bintang serta mengajar tentang ayat-ayat al-Quran berkaitan alam dan cakerawala. Seterusnya adalah usaha-usaha gigih para cendekiawan Islam di dalam perkembangan ilmu astronomi. Seperti dijelaskan Islam sama sekali tidak mengesampingkan *ulum aqliyyah* kerana di dalam al-Quran turut menyebut tentang keberadaan ilmu bintang dan cekerawala.

Faktor ini menjadikan para sarjana Islam meneroka dan mengembangkan pelbagai dapatan ilmu ini samada dari segi pengiraan, alatan mahupun tempat cerapan bulan bintang yang dikenali sebagai Balai Cerapan atau *Observatori*. Penting untuk umat terkemudian mengetahui bahawa perkembangan astronomi moden adalah ekoran daripada apa yang telah diusahakan dan disarankan oleh pakar-pakar Islam sendiri. Salah satu faktor umat Islam terdahulu menempa sejarah kegemilangan adalah kerana mereka mempunyai kekuatan ilmu serta meletakkan keutamaan ilmu pada susunan yang tepat. Sudah tentu ilmu yang tertinggi adalah ilmu *tauhid*, dan diikuti ilmu feqah. Kedua-dua ilmu ini membawa insan mengenali Penciptanya dan seterusnya mengajar manusia tatacara bagaimana seseorang insan berhubung dengan Tuhannya dan juga antara insan

itu sendiri. Sesudah itu ilmu yang utama pula adalah ilmu yang mengajar insan bagaimana mengenali diri sendiri. Ilmu ini adalah ilmu yang berkaitan kedokteran dan perubatan. Seterusnya ilmu yang utama pula adalah ilmu yang mengajar insan mengenali alam sekeliling termasuk alam semesta.

Kamus Cambridge Oxford mendefinisikan *observatori* adalah bangunan yang di dalamnya terdapat saintis yang mengkaji planet, bintang dan cuaca. Observatori ataupun balai cerapan seperti mana yang terdapat pada masa kini. Ketika pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) terdapat balai cerap pertama yang dibina di Baghdad yang dikenali sebagai *Shammasiyyah* (The Encycloepedia of Islam, 1991). Institusi ini merupakan salah satu dari institusi yang dikhususkan untuk saintis mengkaji bidang-bidang sains terutamanya bidang astronomi. *Shammasiyyah* ini dibina oleh Khalifah al-Ma'mun (813-833M) dan mula digunakan pada tahun 828M (Ibn Sa'id, 1912).

Pengkaji berpendapat bahawa pemerintahan Khalifah Abbasiyyah (749-1256M) memainkan peranan yang penting di dalam meletakkan sesuatu asas keberadaan ilmu dimana sebagai contoh berkenaan dengan ilmu astronomi ini tingkatan dan keberadaan ilmu falak pada kedudukan yang ketiga selepas ilmu *tauhid* serta feqah, dan ilmu kedokteran. Peranan pemerintah pada ketika itu memberi gambaran bahawa astronomi tidak hanya dipelajari dan dilihat dari perspektif keperluan ibadat khusus sahaja tetapi lebih daripada itu. Pemerhatian yang jauh dan kecaknaan terhadap pendidikan selain *aqliyyah* membuka dimensi baru dan ianya adalah sebagai asas kepada perkembangan bidang-bidang sains lain seperti ilmu pelayaran, pengembaraan, ketenteraan, pemetaan dan sebagainya. Khalifah Jaafar al-Mansur (754-775M), sebagai contoh adalah seorang Khalifah Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) yang telah membelanjakan dana negara yang besar untuk memperkembangkan pengajian dan penyelidikan ilmu falak.

Puncak kecemerlangan perkembangan ilmu falak adalah ketika pemerintahan Khalifah al-Ma'mun (813-833M). Pada zaman inilah lahirnya konsep balai cerapan

astronomi atau *observatori*. Kajian astronomi dibuat secara sistematik dan natijahnya satu jadual kedudukan bintang-bintang diterbitkan yang dikenali sebagai Daftar Al-Makmun (Tables of Al-Makmun). Perbincangan balai cerap boleh dikategorikn kepada dua bahagian iaitu balai cerap sebagai institusi pendidikan yang melibatkan astronomi dan yang kedua adalah balai cerap yang tidak melibatkan aktiviti pendidikan. Sayili (1960) menyebut *observatori* di Baghdad, *Sharaf al-Daulah* sebagai *observatori* yang tidak berperanan sebagai institusi pendidikan astronomi tetapi hanya melibatkan program cerapan.

4.2.2 Standard Sistem Pendidikan, Kurikulum dan Kaedah Pendidikan

Bahagian ini membincangkan berkenaan dengan standard sistem tradisi keilmuan, kurikulum yang digunakan serta kaedah pendidikan yang diamalkan sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran sewaktu pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M). Aspek kurikulum akan menekankan penggunaan matapelajaran semasa di peringkat rendah, peringkat menengah dan peringkat tinggi. Manakala perbincangan dari sudut kaedah tertumpu kepada bagaimana teknik pengajaran yang diaplikasi semasa proses pengajaran berlangsung.

Di peringkat rendah, menengah dan peringkat tertinggi, pelbagai jenis mata pelajaran diajar oleh guru-guru kepada murid mengikut tahap dan peringkat. Asas yang diletakkan oleh acuan pendidikan terutama di peringkat rendah mengutamakan ilmu-ilmu Al-Quran sebagai teras dan wajib bersekali dengan pelajaran wajib lain dalam Islam. Sebagaimana Allah berfirman dengan tujuan penciptaan manusia adalah untuk beribadah semata-mata kepada Allah, sayugia palarasan kurikulum pendidikan adalah berdasarkan kerangka keagamaan tanpa membuang ilmu-ilmu keduniaan seperti teknologi, kejuruteraan dan mekanikal yang berfungsi sebagai alat membantu manusia menjalani kehidupan dengan lebih baik.

Agama berfungsi sebagai benteng yang menghalang manusia melakukan sesuatu perkara yang buruk. Peranan agama sebagai pencegah yang didasari oleh keperluan dan kewajipan pelajaran Al-Quran, *tauhid* dan keagamaan yang diwajibkan ini membendung perilaku yang menjurus ke arah keburukan. Sepanjang proses pendidikan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M), elemen al-Quran dan As-Sunnah adalah asas kepada penggerak dan pencetus serta pendorong umat Islam agar memperkembangkan ilmu budaya Islam dalam pelbagai bidang. Ini dipelopori dengan pengajian, pembelajaran di peringkat awal persekolahan lagi yang telah menekankan dengan penerapan al-Quran. Ia juga berperanan dalam memotivasikan umat Islam agar berusaha meneroka dan membongkar pelbagai lapangan keilmuan yang merangkumi ilmu berteraskan akal, sains tabii dan sains berbentuk teknikal yang pada peringkat awal perkembangannya adalah melalui terjemahan karya-karya asing ke dalam Bahasa Arab.

Sistem dan kurikulum pendidikan semasa Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) berada di tangan ulama, atau dalam kalangan ilmuan setempat yang diterima autoritinya berdasarkan pengetahuan mereka dan ketinggian keilmuan dalam hal keagamaan untuk menentukan apa yang sepatutnya diajarkan, dan bukan ditentukan oleh struktur pemerintahan khalifah yang berkuasa (Charles Michael Stanton, 1990). Menurut Nurmazlullail (2008) yang memetik pandangan dan penelitian Hisam Nashabe tentang kenyataan yang diambil dari *Madrasah Al-Mustansiriyah* menegaskan bahawa negara melakukan pengawalan terhadap pengaruh-pengaruh yang ditimbulkan oleh madrasah ini bahkan juga melakukan pemantauan dari segi kaedah pengajaran.

Pengkaji berpendapat khalifah memainkan peranan dengan menetapkan struktur kurikulum secara umum untuk dijalankan oleh institusi-institusi pendidikan di kalangan masyarakat kerana terdapat kenyataan antaranya terdapat guru-guru yang dilantik pemerintah diberikan imbuhan. Suwendi (2001) berpendapat sistem pendidikan yang dijalankan oleh madrasah memiliki kepentingan-kepentingan tertentu, baik kepentingan mazhab, teologi, atau kepentingan politik. Bahkan, dalam pendidikan waktu itu, terdapat madrasah dibangunkan atas dasar wakaf seseorang yang dalam kebiasaannya mempunyai

tujuannya masing-masing. Pendapat ini turut dirujuk kepada kenyataan Goerge A. Makdisi (1981) yang menyebut tentang harta waqaf yang dibelanjakan untuk masjid *khan*.

Pandangan Mahmud Yunus (1989) berkenaan dengan 4 tujuan pendidikan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) boleh disimpulkan sebagaimana berikut. Yang pertama ialah bertujuan keagamaan dan akhlak sebagai kesinambungan apa yang diajar sejak zaman Rasullullah S.A.W (570-633M). Anak-anak diajar membaca dan menghafal Al-Quran, kerana kepentingan Al-Quran dan kesan kepada individu serta masyarakat. Begitu juga mereka diajar ilmu tafsir, Hadith dan sebagainya adalah kerana tuntutan agama.

Yang kedua ialah dengan tujuan kemasyarakatan. Masyarakat perlu kepada ilmu dan keperluan belajar dan menuntut ilmu, agar dapat mengubah dan memperbaiki masyarakat, dari masyarakat yang penuh kejahilan menjadi masyarakat yang bersinar ilmu pengetahuan, dari masyarakat yang mundur menjadi masyarakat yang maju dan makmur. Yang ketiga kerana kepentingan ilmu. Cintakan ilmu pengetahuan serta ingin mendalami ilmu pengetahuan. Merantau ke luar mencari guru-guru dan ilmu ke negara Islam untuk menuntut ilmu tanpa mempedulikan susah payah dalam perjalanan. Tujuan mereka tidak lain untuk memuaskan jiwa yang dahagakan ilmu pengetahuan. Keempat ialah tujuan kebendaan. Mereka menuntut ilmu supaya mendapat penghidupan yang lebih baik, pangkat dan kemegahan serta kekuasaan.

Menelusuri wilayah jajahan Khilafah Abbasiyyah (749-1256M) yang lain seperti di Andalus, kajian mendapati di sekolah rendah menitikkan pembelajaran Al-Quran. Ini termasuklah menulis dan membaca Al-Quran diterapkan seawal sekolah rendah. Di samping itu, menulis surat, puisi, karangan dan tatabahasa Arab ditekankan termasuk seni kaligrafi dalam aktiviti kurikulum. Dari segi bahan bantu pembelajaran, untuk menulis dan ditulis pada kayu licin, mereka menggunakan pena dan dakwat yang boleh di padam menggunakan kain kesat. Guru-guru yang mengajar tidak mempunyai elaun dan gaji yang

tetap kerana dibayar elaun secara sukarela oleh murid-murid yang belajar (Mahayuddin Haji Yahya, 2012). Kenyataan ini agak berbeza daripada dapatan beberapa sarjana yang mengatakan bahawa guru-guru dibayar gaji serta diberi elaun oleh pemerintah. Antara yang berpendapat bahawa gaji guru dibayar oleh Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) ialah Goerge A. Makdisi (1981). Pengkaji berpendapat bahawa dan menyokong pertanyaan bahawa gaji dibayar oleh pemerintah kerana terdapat bukti yang jelas perlantikan guru dipilih oleh pihak berkuasa. Namun tidak menolak pendapat bahawa gaji guru tidak dibayar kerana terdapat juga kenyataan yang menyatakan ada guru-guru yang mengajar secara sukarela dan diberi elaun secara wakaf dan tidak tetap.

Untuk peringkat yang lebih tinggi, Al-Quran masih lagi dijadikan sebagai teras kurikulum. Namun, bidang keagamaan dan teologi masih diberikan ruang yang luas untuk dipelajari dan sebagai subjek utama. Mata pelajaran seperti falsafah, *nahu* dan saraf, puisi, tatabahasa Arab, sejarah dan geografi serta *leksikografi* juga ditekankan (Chejne Anwar G, 1974). Azam Hamzah (1999) mengatakan penekanan sistem pendidikan masyarakat Islam adalah jelas iaitu tiada pemisahan di antara pelajaran keagamaan dan pelajaran kemasyarakatan. Secara khususnya tidak wujud dua kurikulum, tiada pemisahan di antara keduanya, bahkan sistem pendidikan bersepadu ini melahirkan cendekiawan dan sarjana Islam yang mahir kedua-dua bidang ilmu sama ada ilmu duniawi mahupun *ukhrawi*.

Sikap yang menjadi pegangan bagi para penuntut ialah mencari ilmu. Pada zaman ini, para sarjana baik di bidang keagamaan mahupun ilmuan duniawi menjadikan kembara ilmiah sebagai satu cara mengabdikan diri terhadap ilmu serta pengorbanan mencari ilmu sebagai sebahagian dari tujuan kehidupan. Mereka mencari guru, kebebasan memilih sumber ilmu di merata-rata wilayah Islam seperti Baghdad, Iskandariah, Qayrawan, Kufah serta Basrah. Di sebelah Barat jajahan, mereka mencari ilmu sehingga ke Kordova, Seville mahupun Saragossa.

Mereka dengan jitu mencari ilmu sehingga diakui guru sama ada dengan pemberian diploma dan ijazah setelah tamat pengajian (Chejne Anwar G, 1974). Cendekiawan Islam Sepanyol, yang berada di bawah naungan kerajaan, merantau ke Madinah, Baghdad, Damsyik, dan di tempat lain di Timur, bahkan ke Transoxiana dan China dalam usaha belajar dan mencari ilmu pengetahuan (Amir Hassan Siddiqi, 1967). Masyarakat Islam menunjukkan usaha mencari ilmu yang sangat hebat dan tiada mengenal erti berputus asa dengan meneroka segenap ceruk dan pelosok dunia mencari pengetahuan untuk disebarluaskan suatu hari nanti apabila telah diiktiraf keilmuan mereka oleh sistem pendidikan dan guru.

4.2.2.1 Kurikulum

Kurikulum yang mendasari proses pengajaran dan pembelajaran dibahagikan kepada tiga peringkat sebagaimana dibincangkan di atas. Perkembangan dan tahap pendidikan berada pada tiga peringkat iaitu pertama pada peringkat rendah iaitu sekolah rendah atau *kuttab*. Kedua pada peringkat Menengah iaitu sekolah menengah atau *madrasah*/masjid dan ketiga pada peringkat tinggi.

Keabsahan pendekatan pendidikan melalui kurikulum ini diperjelaskan dengan biografi pendidikan tokoh-tokoh dan perkembangan institusi pendidikan yang wujud sepanjang tempoh kajian. Institusi yang bersifat umum seperti rumah-rumah guru dan ulama sebagai pusat pembelajaran sehinggalah institusi khusus seperti *kuttab*, masjid dan *madrasah* telah berkembang. (Solihin, 2017). Badri Yatim (2013) membahagikan institusi-institusi pendidikan ini kepada dua bahagian utama iaitu peringkat pertama berdasarkan kepada *Maktab/Kuttab* dan masjid. Institusi pendidikan di peringkat paling rendah yang merupakan tempat pengajaran dan pembelajaran untuk peringkat awal umur. Di sini para pelajar mengenal dan memahami peringkat awal bacaan dan huruf termasuk peringkat awal mengenal matematik dan penulisan.

Secara nyatanya, di peringkat ini adalah permulaan atau tempat pengajian asas termasuk pengenalan dasar-dasar ilmu agama. Peringkat kedua pula ialah berdasarkan kepada para pelajar yang ingin memperdalam ilmunya, akan keluar daerah masing-masing mencari guru dengan niat menuntut ilmu kepada seseorang atau beberapa orang ahli dalam bidangnya masing-masing. Sistem tradisi keilmuan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) adalah berdasarkan kepada standard-standard tertentu. Menurut Goerge A. Makdisi (1980) sistem dan standard terbahagi kepada dua jenis iaitu institusi inklusif dan institusi eksklusif. Penjelasan beliau pada institusi inklusif adalah terbuka kepada pengetahuan umum manakala eksklusif pula adalah tertutup kepada pengetahuan umum. Pendapat Harun Asrohah (1999) pula berdasarkan kepada kriteria hubungan institusi pendidikan dengan pengurusan negara yang berbentuk teokrasi iaitu institusi pendidikan formal dan institusi pendidikan tidak formal.

Disini secara jelas gambaran pengurusan terhadap struktur pengurusan institusi pendidikan formal diuruskan oleh pemerintah dan dibiayai oleh tabung kewangan negara manakala institusi tidak formal dikawal selia oleh harta-harta wakaf yang *diinfaq* oleh golongan kaya dan kecaknaan masyarakat yang menyumbang. Terdapat sekitar 30,000 buah masjid di Bagdad berfungsi sebagai institusi pendidikan dan pengajaran pada peringkat kanak-kanak. Mehdi Nakosteen (2007) turut memberi pendapat bahawa perkembangan pendidikan pada masa Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) dibahagikan kepada 2 tahap tertentu iaitu fasa pertama (abad ke 7-10M) dan fasa kedua (selepas abad ke 11M).

4.2.2.1.1 Pendidikan Peringkat Rendah

Secara khususnya, *kuttab* dikenali sebagai institusi untuk peringkat rendah. Kurikulum sekolah rendah meliputi Al-Quran dan pendidikan agama sebagai teras mata pelajaran dan menjadi keutamaan. Selain itu, pengajaran membaca dan menulis, syair

merupakan sebahagian dari mata pelajaran yang diajar termasuk *nahu*, bercerita serta berenang. Di istana, anak-anak khalifah serta anak-anak para pembesar negara mempunyai tambahan mata pelajaran tertentu seperti *khitabah* (pidato), sejarah, cerita perang, akhlak dan cara-cara pergaulan, di samping teras mata pelajaran termasuk syair dan feqah. (Solihin, 2017).

Sebagaimana yang dicatat oleh Ibnu Khaldun (2002) di dalam *Muqaddimah*, Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M) telah menggariskan beberapa kaedah pengajaran dan pembelajaran yang seharusnya diajar kepada anaknya di samping beberapa mata pelajaran wajib. Penulis bersetuju dengan pernyataan mata pelajaran yang disebutkan. Ini jelas menunjukkan anak-anak khalifah dan pembesar-pembesar negara telah diberi bayangan bagaimana mereka diasuh untuk mengendalikan urusan-urusan kerajaan pada suatu waktu nanti. Penambahan aktiviti di istana melibatkan cara bergaul, protokol-protokol yang perlu dipelajari malah aspek pemerintahan dan ketenteraan.

Di peringkat rendah atau *kuttab* ini, antara mata pelajaran yang ditawarkan di peringkat ini ialah membaca Al-Quran dan menghafalnya, feqah dan kewajipan amalan Agama Islam seperti cara berwuduk, solat, puasa, menulis, sejarah kisah atau riwayat sejarah Islam, membaca atau menghafal syair-syair, matematik, *Nahu* dan kesusasteraan bahasa, adab dan geografi (Syeikh Syaltut, 1981; Goerge A.Makdisi, 1990).

Namun, jangka masa pembelajaran di peringkat *kuttab* ini tidak dapat dipastikan berapa lama seseorang murid berada di sesuatu *kuttab* dan tidak dapat dipastikan berapa dan di mana berakhirnya seseorang pelajar itu boleh meneruskan pembelajaran. Lamanya belajar pada masa ini tidaklah sama antara satu murid dengan murid yang lain. Ini kerana ianya dipengaruhi oleh tahap kecerdasan dan kemampuan murid-murid tersebut dalam menyerap dan menerima pelajaran. Selain itu sistem yang digunakan tidak seperti sistem pada zaman sekarang, tetapi pada umumnya setiap murid menyelesaikan pendidikan peringkat *kuttab* ini selama 5 tahun.

Mahmud Yunus (1989) berpendapat bahawa dari segi masa dan waktu, pengajaran dan pembelajaran di *kuttab* bermula seawal pagi sehinggalah ke waktu Asar, bermula pada Hari Sabtu sehinggalah hari Khamis. Pembahagian masa pengajaran dan pembelajaran adalah bermula dari waktu pagi hinggalah menjelang waktu Asar. Setiap hari waktu pengajaran dan pembelajaran dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu pada bahagian pertama pelajaran Al-Quran dimulai dari pagi hingga waktu dhuha, seterusnya pelajaran menulis dimulai pada waktu dhuha hingga waktu Zuhur. Setelah itu anak-anak dibolehkan untuk makan dan rehat. Dan bahagian seterusnya ialah pelajaran ilmu lain, seperti *nahu* Bahasa Arab, syair, matematik. Dimulai setelah Zuhur hingga Asar. Sementara hari Jumaat dan setiap tanggal 1 Syawal serta tiga hari raya *Idul Adha* dijadikan hari cuti.

Dapatan Serli Mahroes (2015) menyebut bahawa pembahagian waktu belajar bagi peringkat rendah ini dibahagikan kepada dua iaitu waktu pagi sebelum Zuhur dan disambung Zuhur sehingga Asar. Bermula pada pagi hari sehingga ke waktu *dhuha* adalah waktu pengajaran dan pembelajaran Al-Quran manakala dari waktu dhuha ke waktu Zuhur pula diperuntukkan kepada aktiviti dan pengajaran bertulis. Ini kerana pada waktu Zuhur adalah dikira waktu rehat untuk sembahyang dan para pelajar dibenarkan untuk pulang ke rumah untuk makan tengah hari. Selepas itu, para pelajar perlu kembali ke sekolah untuk meneruskan pembelajaran *nahu*, Bahasa Arab, syair, matematik dan sejarah.

Pada tahap sekolah rendah ini, sesi pengajaran dan pembelajaran agak terhad dari segi infrastruktur iaitu tanpa bangku, meja, dan papan tulis. Guru mengajar murid-muridnya dengan berganti-ganti satu persatu dengan kaedah pengulangan dan hafalan. Begitu juga tidak ada standard buku yang dipakai. Guru-guru menggunakan kaedah pengulangan hafalan Al-Quran di depan murid dan murid mengikutinya yang kemudiannya perlu dihafal bacaan-bacaan tersebut. Bahkan hafalan itu tidak terbatas pada mata pelajaran Al-Quran atau Hadith sahaja, tetapi juga pada ilmu-ilmu lain seperti syair. Guru mengungkapkan syair dengan lagu yang paling mudah sehingga murid mampu menghafalnya dengan cepat (Solihin, 2017). Ini turut membantu penguasaan Bahasa Arab

pelajar. Kaedah ini turut menjadi ikutan di peringkat pendidikan moden hari ini. Penggunaan alunan ritma dan lagu mempercepatkan kadar ingatan terhadap sesuatu bahan yang dihafal.

Berkenaan dengan tahap sekolah rendah ini, terdapat contoh perbualan seorang ibu dengan Al-Mufadhal bin Yazid. Naratif ini menjadi sumber *verbatim* yang memberi gambaran jelas tentang keabsahan pendidikan di peringkat sekolah rendah. Al-Mufadhal bin Yazid menceritakan bahwa pada suatu hari dia berjumpa seorang kanak-kanak lelaki dari keturunan Badwi. Tertarik dengan kanak-kanak itu lalu beliau bertanya pada ibunya. Ibunya berkatanya:

“...apabila ia sudah berusia lima tahun saya akan menyerahkannya kepada seorang muaddib (guru), yang akan mengajarkannya menghafal dan membaca al-Quran dan syair. Dan apabila dia sudah dewasa, saya akan menyuruh orang mengajarnya menunggang kuda dan mempelajari senjata kemudian dia akan mundar-mandir di lorong-lorong kampungnya untuk mendengarkan suara orang-orang yang minta pertolongan...”

(Zuhairini, 2004).

4.2.2.1.2 Pendidikan Peringkat Menengah atau *madrasah*

Mata pelajaran yang menjadi kelaziman di tahap menengah di antaranya berdasarkan senarai di bawah. Institusi-institusi yang terlibat adalah di masjid, *madrasah* dan perpustakaan. Di peringkat menengah ini, antara mata pelajaran yang ditawarkan di peringkat ini ialah Al-Quran dan tafsir, Bahasa Arab dan kesusasteraan, Feqah, Hadith,

Nahu/saraf/balaghah, ilmu-ilmu umum, *mantik*, ilmu falak, Tarikh (sejarah), ilmu-ilmu alam, perubatan, muzik dan *leksikografi* (Syeikh Syaltut, 1981; Goerge A.Makdisi, 1990).

Selain mata pelajaran tersebut, terdapat juga mata pelajaran yang bersifat spesifik bagaimana untuk menjadi juru tulis. Selain daripada mempelajari Bahasa Arab, murid di sini juga harus belajar bagaimana menulis surat menyurat, berpidato, perbincangan, berdebat serta khat. Menurut Suwendi (2001), kaedah pengajaran disesuaikan dengan mata pelajaran yang bersangkutan dan dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama, kaedah pengajaran di dalam bidang keagamaan yang diterapkan pada mata pelajaran seperti feqah, nahu, teologi, menulis, *arudh* dan sejarah. Kedua, kaedah pengajaran bidang intelektual merangkumi olahraga, ilmu-ilmu tambahan, falsafah, kedokteran, muzik yang telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Arab dan ilmu-ilmu bahasa dan keagamaan yang lain.

Para pelajar menghabiskan masa selama beberapa tahun di *kuttab*, mereka melanjutkan ke peringkat pendidikan yang lebih tinggi iaitu di masjid. Di masjid ini, ada dua peringkat iaitu peringkat menengah dan peringkat tinggi. Yang membezakan di antara pendidikan ialah kualiti guru yang menjadi tenaga pengajar. Perbincangan ini diakui oleh Solihin (2017) yang menyebut bahawa pada peringkat menengah, kebiasaannya guru belum mencapai status ulama besar, sedangkan pada pengajian tinggi, para pengajarnya adalah ulama yang memiliki pengetahuan yang mendalam dan integriti kesolehan dan kealiman yang diakui oleh masyarakat. Pada institusi pendidikan *kuttab* dan masjid pada peringkat menengah, kaedah pengajaran dilakukan secara seorang demi seorang. Manakala pendidikan di masjid peringkat tinggi dilakukan dalam salah satu *halaqah* yang dihadiri oleh para pelajar secara bersama-sama.

4.2.2.1.3 Pendidikan Peringkat Tinggi

Pada perguruan tinggi ini terdapat dua jurusan iaitu jurusan ilmu-ilmu agama dan bahasa serta sastera Arab, yang disebut juga ilmu-ilmu *naqliyyah*, meliputi seperti tafsir Al-Quran, Hadith, feqah dan *usul feqah*, *nahu*, balaghah Bahasa Arab dan kesusasteraan. Manakala jurusan ilmu-ilmu umum, yang disebut sebagai ilmu *aqliyyah* meliputi *mantik*, ilmu-ilmu alam dan kimia, ilmu-ilmu pasti, ilmu ukur dan ilmu falak, ilmu *Ilahiyah* (falsafah ketuhanan), ilmu haiwan dan ilmu tumbuh-tumbuhan serta kedokteran (Syeikh Syaltut, 1981; Goerge A.Makdisi, 1990; Mahmud Yunus, 1989).

Sehubungan itu juga, Syeikh Syaltut (1981) dalam *mukaddimah* tafsirnya, turut mengemukakan cabang-cabang ilmu berikut yang terhasil dan terkandung dalam pengajian Islam sejak kebangkitan awal Islam dan seterusnya menjadi tradisi hingga ke Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M). Antara mata pelajaran yang ditawarkan di peringkat ini ialah seperti *nahu* dan kesusasteraan Arab, bacaan Al-Quran (*tajwid* dan *qira'at*), tafsir Al-Quran, Feqah, *usul* Al-Din, ilmu kalam, sejarah, perancangan bandar dan wilayah (pentadbiran), astronomi, perubatan serta sains haiwan (zoologi) dan Sains Tumbuhan (botani).

Bagi yang telah menamatkan pendidikan akan diberikan ijazah. Ijazah yang diberikan berbentuk lisan atau dalam bentuk tulisan. Dengan diberikan ijazah bererti seseorang pelajar yang telah diakui gurunya diperbolehkan meriwayat atau menyampaikan pelajaran kepada orang lain. Kebiasaannya pengajaran dan pembelajaran berkaitan ilmu-ilmu *naqli* turut diajarkan pada peringkat pengajian tinggi. Memetik Nurazmallail et.al (2008) yang menyebut bahawa Ibnu Sina (981-1037M), sebagaimana diterangkan dalam karya-karya *Thabaqat Athibba*⁴⁵, setelah Ibnu Sina (981-1037M) menamatkan pendidikan peringkat menengah pada usia 17 tahun dan menyambung lagi

⁴⁵ *Thabaqah Attibba* ialah buku biografi Ilmuan Islam aliran *aqliyyah* terdapat pada siri *thabaqat-thabaqat* ahli sejarah.

pelajaran selama 5 tahun, beliau mengulang dengan membaca *mantiq* dan falsafah kemudian ilmu-ilmu umum dan ilmu-ilmu *aqliyyah*.

Kemudian beliau mengkaji ilmu ketuhanan dengan membaca kitab *Ma Wara Al-Thabi'ah* berkisar tentang metafizik karya Aristotle, juga karya-karya Al-Farabi. Suwendi (2001) menambah bahawa Ibnu Sina (981-1037M) mendapat kesempatan membaca di perpustakaan *Al-Amir*, seperti buku-buku kedokteran, Bahasa Arab, syair, feqah, dan sebagainya. Segala buku-buku itu dibacanya sehingga mendapat hasil yang memuaskan. Ibnu Sina (981-1037M) menyelesaikan pengajian disana dalam usia 18 tahun. Kajian mendapati bahawa kitaran pembelajaran sebagaimana pola pembelajaran Ibnu Sina (981-1037M) di zaman Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) adalah hampir serupa kepada semua pelajar. Ianya bermaksud permulaan di peringkat rendah, diteruskan di menengah dan menghabiskan pelajaran sebelum usia 20 tahun menjadi rutin dan amalan para penuntut ilmu pada waktu ini (Suwendi, 2001).

4.2.2.2 Pendekatan dan Kaedah Pendidikan

Istilah pendekatan atau kaedah dirujuk juga sebagai kaedah, strategi, atau teknik. Kamus Cambridge⁴⁶ menyatakan kaedah diertikan sebagai sesuatu cara untuk berbuat sesuatu manakala pandangan Zuhairi (1997) berkenaan kaedah adalah cara untuk mencapai tujuan pendidikan yang ditetapkan atau cara yang tepat dan cepat untuk meraih tujuan pendidikan sesuai dengan keperluan. Kaedah juga dapat di istilahkan sebagai cara yang digunakan oleh pendidik dalam menyampaikan mata pelajaran dengan menggunakan penyampaian tertentu, seperti ceramah, perbincangan serta penugasan.

⁴⁶ Cambridge Advanced Learner's Dictionary (2008) 3rd Edition, Cambridge University Press, Singapore mendefinisikan *kaedah* sebagai *a particular way of doing something* manakala *methodology* ditakrifkan sebagai *a system of ways of doing, teaching or studying something*. Rujuk selanjutnya di halaman 897.

Pengkaji mendapati kaedah pendidikan dan pengajaran yang digunakan boleh dikategorikan sebagaimana berikut seperti kaedah lisan yang merupakan pendekatan yang penting sebagai bentuk komunikasi pengajaran dan pembelajaran. Bentuk-bentuk kaedah antaranya seperti penyalinan semula, ceramah, pembacaan, dan bersoal jawab. Kaedah penyalinan semula iaitu guru menyebut sesuatu perkataan atau ilmu dan ditulis atau disalin semula oleh para pelajar adalah kaedah penyampaian pengetahuan yang diguna pakai kerana dengan kaedah ini, murid mempunyai catatan-catatan yang akan dapat membantu ketika lupa. Kaedah ini dianggap penting pada masa ini kerana buku-buku bercetak masih tiada seperti masa sekarang. Kaedah ceramah disebut juga sebagai kaedah mendengar disebabkan guru menjelaskan isi pengetahuan dengan hafalan, sedangkan murid mendengarnya. Kaedah pembacaan biasanya digunakan untuk belajar membaca, pengulangan bacaan guru diikuti dengan bacaan murid.

Kaedah yang kedua ialah kaedah menghafal, merupakan ciri umum pendidikan pada masa ini. Murid-murid harus membaca secara berulang-ulang pelajarannya sehingga pelajaran tersebut melekat dalam ingatan mereka. Konsep mengulang-ulang pelajaran dapat mengaktifkan dan mengkonseptualisasikan pelajaran yang dihafalnya supaya murid dapat membalas soalan guru, memberi hujah bila berdiskusi atau memunculkan idea dan sesuatu ilmu yang baru. Seterusnya kaedah tulisan, iaitu menyalin semula karya-karya dan tulisan daripada buku. Ianya dianggap sebagai kaedah yang penting pada masa ini. Proses ini menyebar luaskan karya-karya ilmunan kepada masyarakat (Mahmud Yunus, 1989).

Teknik penyampaian guru banyak menggunakan model *halaqah*. *Halaqah* bermaksud kumpulan bulatan yang dibentuk manusia dengan tujuan pendidikan. Menurut sebuah portal⁴⁷, istilah *halaqah* dimaksudkan dengan lingkaran, menggambarkan sekelompok kecil Muslim yang membuat perjumpaan berkumpulan di waktu yang telah ditetapkan bertujuan mempelajari dan mendalami ajaran Islam. *Halaqah* disebut juga dengan *mentoring*, *ta'lim*, *tarbiyah* yang terdiri daripada sekumpulan orang yang ingin

⁴⁷ <https://hidupbermatlamat.wordpress.com/2008/05/08/apa-itu-halaqah>. Di akses pada 16/3/2018

mempelajari dan mengamalkan Islam secara serius yang diketuai oleh seorang *murobbi* atau *naqib*⁴⁸. Model *halaqah* sering kali digunakan oleh para guru dalam menyampaikan sesi pengajaran dan pembelajaran terutama di institusi masjid. Menurut Goerge A. Makdisi (1990), seseorang guru pada dasarnya mengajar bukan sahaja satu subjek mata pelajaran, bahkan merangkumi kesemua *ulum naqliyyah* jika guru tersebut seorang ulama besar yang terkenal dengan keilmuan dan kredibilitinya.

Sebelum guru menyampaikan mata pelajaran, guru tersebut terlebih dahulu menyusun *ta'liqah*⁴⁹. *Ta'liqah* ialah isi kandungan dan huraian yang disusun oleh guru-guru berdasarkan catatan pengkuliannya ketika masih bergelar seorang pelajar (Goerge A. Makdisi, 1990). Kebiasaannya nota dan isi pelajaran sesuatu mata pelajaran diambil dari hasil pembacaan dan pendapatnya tentang mata pelajaran yang bersangkutan. *Ta'liqah* mengandungi perincian-perincian mata pelajaran dan dapat disampaikan untuk jangka waktu 4 tahun. Para pelajar menyalin *ta'liqah* itu dalam proses *dictation*⁵⁰ sebagaimana berikut iaitu kaedah ceramah. Kaedah ini ialah di mana guru menyampaikan mata pelajaran kepada pelajar dengan kaedah pengulangan sehingga pelajar mampu menghafal apa yang diajarkan oleh guru. Kaedah ini terbahagi kepada dua cara, kaedah penyalinan semula dan kaedah bertanyakan soalan kepada guru.

Yang kedua ialah kaedah perbincangan. Kaedah ini digunakan untuk menguji hujah yang diajukan sehingga dapat jawapan. Yang ketiga ialah kaedah pengajaran jarak jauh. Kaedah ini merupakan salah satu kaedah yang digunakan oleh para pelajar yang menanyakan sesuatu masalah kepada guru yang jauh secara bertulis, lalu guru itu memberikan jawapan secara bertulis juga. Manakala seterusnya kaedah *rihlah ilmiah*. Kaedah ini dilakukan oleh para penuntut ilmu baik secara peribadi mahupun secara

⁴⁸ Guru atau ketua kepada halaqah yang bertindak sebagai pemberi ilmu atau pengerusi *halaqah*

⁴⁹ *Ta'liqah* menurut pengarang ialah nota atau isi pelajaran. Goerge A. Maksidi. 1990. *The Rise of Hunanisme in Classical Islam and The Cristian west*. Edinburgh University Press menyebut tentang *ta'liqah* pada halaman 170

⁵⁰ Cambridge Advanced Learner's Dictionary (2008) 3rd Edition, Cambridge University Press, Singapore mendefinisikan *dictation* sebagai *when someone dictates something for someone else to write down*. Rujuk selanjutnya di halaman 388.

berkumpulan dengan cara bermusafir mencari guru atau mendatangi guru yang biasanya berjarak jauh untuk mencari dan berdiskusi tentang sesuatu ilmu. Guru yang dicari biasanya adalah guru yang dianggap memiliki keahlian dan keilmuan dalam bidangnya (Suwendi, 2001).

Pada peringkat pengajian tinggi, pelajar yang telah menamatkan pendidikannya diberikan ijazah melalui pengakuan lisan guru atau kebenaran bertulis. Pelajar akan melalui proses *munaqashah*⁵¹ dahulu. Proses ini berlaku dengan cara seperti ujian lisan serta diberi persoalan-persoalan yang perlu dijawab. Dengan diberikannya ijazah, bererti pelajar tersebut diakui untuk meriwayatkan atau menyampaikan pelajaran kepada yang lain.

Perkembangan pendidikan yang pesat tumbuh bermula dengan Bahasa Arab sebagai bahasa ilmu ketika itu yang menjadi bahasa pertuturan. Perkembangan Bahasa Arab turut menyebabkan berlakunya pelbagai kemajuan dari aspek pengurusan kenegaraan dan perhubungan antarabangsa serta penterjemahan karya-karya luar ke dalam Bahasa Arab (Glen M.Cooper, 1997). Faktor ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian penting iaitu dengan kewujudan asimilasi antarabangsa diantara Arab dengan bangsa-bangsa lain yang lebih dahulu mengalami perkembangan dalam ilmu pengetahuan. Pada zaman pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M), akibat perluasan kuasa dan penaklukan, bangsa-bangsa bukan Arab ramai yang memeluk Islam. Faktor ini menyebabkan berlakunya asimilasi bangsa secara efektif dan bernilai. Percampuran bangsa atau asimilasi antara bangsa ini mempertingkatkan dan meninggikan lagi peradaban pendidikan dengan berlakunya pertukaran ilmu pengetahuan, bahasa dan budaya. Kemasukan bangsa seperti Parsi mengembangkan lagi perkembangan ilmu pengetahuan sedia ada di dalam masyarakat Islam.

⁵¹ Proses mendefinisikan atau menjelaskan sesuatu makna terutama di bidang feqah

Penelitian pengkaji mendapati terdapat pengaruh Parsi yang sangat kuat di bidang pemerintahan, di samping banyak berjasa dalam perkembangan ilmu, falsafah, dan kesusasteraan. Manakala pengaruh India dapat dilihat di dalam bidang perubatan dan kedokteran, ilmu matematik, dan astronomi. Sedangkan pengaruh Yunani masuk ke dalam banyak bidang ilmu terutama falsafah. Akibat berlakunya asimilasi ini dan Islam sebagai *added value* telah melonjakkan bidang pendidikan ke suatu tahap yang lebih jauh ke hadapan. Gerakan penterjemahan turut berlaku dalam tiga fasa. Pertama, bermula pada pemerintahan Khalifah Jaafar al-Mansur (754-775M) hingga Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M) (David C. Lindberg, 1978). Pada fasa ini yang banyak diterjemahkan adalah karya-karya dalam bidang astronomi dan *mantiq*. Fasa kedua berlangsung bermula masa Khalifah al-Ma'mun (813-833M) hingga tahun 913M. Buku-buku yang banyak diterjemahkan ialah dalam bidang falsafah dan kedokteran. Fasa ketiga berlangsung setelah tahun 300H/900M, terutama setelah adanya pembuatan kertas, bidang-bidang ilmu yang diterjemahkan semakin meluas (Mehdi Khan Nakosteen, 1964).

Pengaruh dari kebudayaan bangsa yang sudah maju, terutama melalui gerakan terjemahan, bukan saja membawa kemajuan di bidang ilmu pengetahuan umum tetapi juga ilmu pengetahuan agama. Suwendi (2001) menjelaskan dalam bidang tafsir, kaedah penafsiran yang dikenali sebagai *tafsir bi Al-ma'tsur* merupakan tafsiran yang diinterpretasi dengan mengambil interpretasi dari Rasulullah S.A.W dan para sahabatnya. Kedua, *tafsir bi Al-ra'yi* iaitu kaedah rasional yang lebih banyak bertumpu kepada *ijtihad*, pendapat dan fikiran daripada Hadith dan pendapat sahabat dan ulama. Kedua-dua kaedah ini berkembang pada masa pemerintahan Abbasiyyah, akan tetapi jelas sekali bahawa tafsir dengan kaedah *bi Al-Ra'yi* sangat dipengaruhi oleh perkembangan pemikiran falsafah dan ilmu pengetahuan, hal yang sama juga terlihat dalam ilmu feqah, dan ilmu teologi berlandaskan falsafah dan perkembangan logik akal di kalangan umat Islam yang mempengaruhi perkembangan dua bidang ilmu tersebut (Suwendi, 2001).

4.3 Kejayaan Tradisi Keilmuan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M)

Pengkaji berpendapat faktor-faktor kejayaan sistem pendidikan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) turut diiringi oleh beberapa sebab yang menjadi pemangkin kepada kejayaan struktur pendidikan yang menjadi acuan dan atmosferanya. Islam adalah faktor utama memacu perubahan mendadak ini suatu yang tidak dapat disangkal sama sekali. Datangnya Islam melalui lisan Rasulullah S.A.W sedari awal mampu merubah keadaan kegelapan masyarakat Arab *jahiliyyah* kepada cahaya kebenaran. Perubahan ini turut memacu peradaban, membimbing kebenaran, penyuluh kehidupan, membawa kejayaan dan membuka ruang yang tertutup selama ini. Aspek pendidikan seperti mana yang dibincangkan turut menjadikan Islam sebagai nadi penggerak kepada pendidikan.

Para pemerintah juga turut memainkan peranan yang signifikan mencorakkan kejayaan pendidikan. Intipati, jalan, sumber dan matlamat digarap dengan baik menghasilkan kejayaan yang besar menatijahkan sebuah peradaban yang meminkan peranan merubah keadaan dunia masih diperkatakan sehingga ke hari ini. Sebagai contoh, Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M) serta Khalifah al-Ma'mun (813-833M) mempunyai obsesi yang kuat terhadap bidang keilmuan. Dorongan dalaman ini menerbitkan kesan langsung untuk melihat dan memacu pertumbuhan sektor pendidikan seiring dengan sektor lain di dalam menjana sebuah khilafah Islam yang terbaik serta dikenang sepanjang masa.

Begitu juga dengan penglibatan para ilmuan dan ulama. Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) melahirkan ramai sekali ilmuan-ilmuan Islam yang turut memberi kesan langsung kepada perubahan dan kejayaan sektor pendidikan. Para ulama ini memberi kuliah-kuliah di institusi yang dibincangkan tanpa penat dan jemu menjadikan masyarakat turut terkena tempias dengan pelbagai majlis ilmu. Perkembangan sihat ini melahirkan para sarjana Islam di bidang-bidang *ulum aqliyyah* yang menguasai *ulum naqliyyah* yang

memacu pertumbuhan sektor pendidikan lantas memberi kesan langsung terhadap perubahan landskap Eropah dengan terjadinya *Renaissance*.

Tidak terhenti setakat itu, buku-buku, teori-teori dan kajian-kajian sarjana Islam membuka ruang manfaat yang luas kepada dunia hari ini dengan pelbagai penciptaan inovasi dan alatan-alatan perubatan, mekanikal dan teknologi. Seiring dengan perkembangan ekonomi, prasarana pendidikan turut aktif dibangunkan dengan binaan-binaan yang terserlah keutuhannya. Banyak sekali institusi-institusi pengajian dinaikkan taraf dan dibina demi memenuhi kehendak dan keperluan peningkatan kepada pencapaian pendidikan.

Usaha pemerintah mengadakan pelbagai inisiatif prasarana menjadikan kota-kota besar seperti Baghdad menjadi tumpuan para pelajar dan anggota masyarakat datang untuk menimba ilmu pengetahuan dan mencari peluang kehidupan yang lebih baik. Tertubuhnya prasarana peringkat tinggi seperti *Bait Al-Hikmah* menjadikan usaha pendidikan untuk menerajui kecemerlangan semakin menyerlah dengan adanya aktiviti penterjemahan merancakkan serta melonjakkan lagi sektor pendidikan.

4.3.1 Islam Sebagai Pemacu Perubahan Pendidikan

Islam sebagai addin yang syumul merupakan faktor yang mendorong perubahan terhadap pendidikan itu sendiri. Tidak dapat dinafikan sumber utama di dalam Islam adalah Al-Quran. Sumber wahyu utama Islam ini adalah lengkap dan menjadi panduan kepada seluruh umat manusia. Ahmad Shalabi (1954) menyebut bahawa ajaran agama Islam itu sendiri yang menggalakkan budaya membaca di kalangan penganutnya. Hasan Langgulung (1998) turut menyokong dengan menyatakan kesedaran dari agama ini melahirkan umat yang mahu kepada keilmuan, mendorong untuk menghasil, mengeluarkan

dan mengumpulkan bacaan untuk umat seterusnya. Teras kependidikan yang tercatat di dalam Al-Quran banyak sekali diberi peringatan dan panduan di dalam mencorakkan kehidupan berlandaskan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Turut disentuh kesepaduan ilmu wahyu dan akal, hubungan ilmu sains dan Al-Quran sebagai panduan dan garis sempadan.

Penafsiran Mahmud Syaltut (1981) tentang al-Quran dan al-Sunnah sebagai pencetus pelbagai cabang keilmuan boleh dikaji pada mukaddimah tafsir beliau. Beliau mengatakan bahawa cabang-cabang ilmu yang dilahirkan oleh kedua-dua sumber ajaran Islam sejak awal kebangkitan Islam antaranya *nahu*, Bahasa Arab, kesusasteraan Bahasa Arab, bacaan dan tafsir al-Quran, feqah dan *usuluddin*, ilmu kalam, sejarah, perancangan dan pentadbiran bandar dan wilayah, astronomi, perubatan, sains haiwan dan sains tumbuhan. Pandangan ini memperlihatkan bahawa betapa Islam datang kepada manusia menjadi penyuluh kehidupan amatlah lengkap dan relevan sepanjang zaman. Turut menyokong pernyataan ini adalah kajian tentang pengkhususan ayat-ayat al-Quran terhadap bidang-bidang tertentu. Sebagai contoh peranan yang dimainkan Al-Quran yang menggerakkan perubahan ke arah percambahan ilmu, Zetty Nurzuliana Rashed, *et.al* (2016) memetik Salleh (2008) yang menyenaraikan contoh ayat-ayat Al-Quran serta bilangan ayat yang memerihalkan kepada bidang-bidang sains tertentu.

Antaranya ialah 11 ayat mengenai kimia, 24 ayat mengenai sains pemakanan, 25 ayat mengenai asal usul kejadian manusia dan makhluk, 27 ayat mengenai sains sosial, 41 ayat mengenai kejuruteraan, 60 ayat mengenai bumi, 69 ayat mengenai ransangan membuat kajian, 73 ayat mengenai Matematik, 90 ayat mengenai pertanian, 113 ayat mengenai astronomi, 140 ayat mengenai geografi, 144 ayat mengenai fizik, 271 ayat mengenai perubatan dan 283 ayat mengenai biologi. Di dalam Al-Quran sendiri mengandungi pelbagai disiplin ilmu pengetahuan yang menjadi pencetus kepada kemajuan dan penggerak kemajuan kehidupan. Oleh itu, para sarjana Islam merealisasikan ajaran yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W lalu diasimilisasikan dengan kajian ilmu akal menatijahkan pelbagai ilmu pengetahuan baru.

Pengkaji berpandangan bahawa keyakinan terhadap Al-Quran yang menerapkan pelbagai disiplin ilmu merupakan pendorong, penggerak serta pencetus terawal umat Islam dalam memperkembangkan ilmu-ilmu *aqliyyah* dan budaya Islam. Kenyataan ini disokong oleh Syed Hussein Nasr (1968) dengan mengatakan, kepelbagaian disiplin yang diterapkan Al-Quran telah memotivasikan umat Islam agar berusaha meneroka dan mengkaji pelbagai lapangan keilmuan berteraskan acuan akal, sains *tabii* dan sains sosial. Epistemologi pendidikan bersumber Islam yang tidak menolak antara ilmu keagamaan seperti ilmu feqah, ilmu tasawuf dan ilmu keduniaan seperti ilmu sains, teknologi, ilmu kedokteran, sains angkasa dan sebagainya menjadikan para sarjana Islam mengasimilasi dan mengintegrasikan pelbagai jenis ilmu yang menghasilkan keputusan melangkaui zaman. Syed Hussein Nasr (1968) menjelaskan sumber keutuhan tradisi keilmuan Islam terdiri daripada kekuatan ajaran Islam yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah dan pertembungan antara tamadun lain yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam menyerlahkan sifat keterbukaan Islam di dalam membangunkan ketamadunan dan melahirkan tradisi keilmuan yang cemerlang.

Dalam konteks Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M), usaha berterusan pemimpin menjadikan ajaran Islam terus diletakkan di hadapan diterjemah melalui prasarana-prasarana yang senantiasa dipertingkatkan dari segi bilangan dan keupayaan sesi pengajaran dan pembelajaran. Pemeraksanaan matapelajaran berbentuk *naqliyyah* sama sekali tidak dipinggirkan malahan terus diperkasakan dengan pertumbuhan sekolah dan bilangan ulama dan guru agama bertambah. Kekuatan ekonomi menjamin kebajikan para guru ini dengan imbuhan gaji diberi kerana mengajar ilmu-ilmu di sekolah dan masjid. Walaupun terdapat perselisihan pendapat yang kontra dari sudut aliran pemahaman *tauhid* dan perbezaan mazhab, Islam tetap diletakkan di tempat yang paling tinggi dan teratas.

Islam menyediakan ruang yang luas buat ummat meneroka kepelbagaian bidang keilmuan termasuk sains dan teknologi. Ummat kini perlu kembali kepada ajaran al-Quran dan tuntutan sebenar ajarannya untuk kembali mencapai kegemilangan seperti mana yang telah ditonjolkan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M). Anggraheni *et.al* (2020)

menyatakan kajian *literatur* yang dilakukan beliau menunjukkan bahawa kegemilangan masyarakat Islam dan kemuncak ketamadunan tidak dapat dipisahkan dari peranan pendidikan yang berlandaskan nilai-nilai al-Quran, malah pendidikan berdasar al-Quran turut sama menatijahkan keputusan serentak dalam melahirkan generasi akhlak yang juga mahir dalam ilmu duniawi. Oleh kerana itu, adalah mustahak untuk menghidupkan semula nilai-nilai Islam dalam pendidikan pada era modenisasi. Selaras dengan saranan ini diharapkan dapat menghasilkan generasi yang terpuji dan unggul dalam sains dan teknologi tanpa meminggirkan ajaran Islam yang tersemat kukuh pada diri masyarakat Islam.

4.3.2 Peranan Pemerintah dan Sumbangan Ulama terhadap Pendidikan

Di dalam struktur organisasi kenegaraan, pihak pemerintah mempunyai kuasa *legislatif*⁵² yang berkuasa mencorak kemajuan dan kemunduran sesuatu arah mengikut apa yang dikehendaki. Begitulah juga berkenaan dengan pembinaan insan dan warganegara melalui kependidikan, pihak pemerintah mempunyai aspirasi yang jelas untuk membawa halatuju tersebut. Peranan dan sokongan mereka terhadap bidang keilmuan dilihat penting dan menjadi rujukan bagi wilayah-wilayah Islam yang lain.

Penelitian pengkaji mendapati bahawa sejarah mengungkapkan para *Khilafah*, *wazir-wazir* serta pembesar-pembesar negara turut terlibat secara langsung, serta menjadi penaung bagi kegiatan keilmuan dan pendidikan negara (Bammate, 1981). Selain minat dan kecenderungan terhadap keilmuan, penglibatan mereka juga mempengaruhi sokongan para ulama dan cendekiawan Islam terhadap pemerintahan dan organisasi bernegara. Merujuk kepada pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M), Fadzlullah Hj. Shuib

⁵² Cambridge Advanced Learner's Dictionary (2008) 3rd Edition, Cambridge University Press, Singapore mendefinisikan legislatif sebagai *relating to laws or the making of laws*. Rujuk halaman 819.

(1995) memetik beberapa pandangan dari ahli sejarah seperti Haji Khalifah, Reynolds Nicholson, ‘Umar Farukh, Tawfik Tawil, Philip K.Hitty dan Ahmad Shalabi sependapat mengatakan bahawa di antara era pertama pencetus kebangkitan keintelektualan Islam Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) berlaku di antara tahun 754M sehingga 847M.

Perkembangan ini berlaku bukan hanya di Baghdad sahaja, malahan juga berlaku di wilayah lain termasuk di Andalus, Mesir, Parsi, Afganistan serta Afrika Utara (Fadzlullah Hj. Shuib, 1995). Bammate (1981) turut mengakui dan mengatakan bahawa zaman kecemerlangan dan ketamadunan Islam yang paling cemerlang tanpa sebarang keraguan sama sekali ialah ketika era pemerintahan Khalifah Abbasiyyah di Baghdad (750-1248M) dan kerajaan autonomi kecil di Sepanyol iaitu Umayyah Sepanyol (755-1492M) yang masih bernaung kepada Khilafah Abbasiyyah (749-1256M).

Pelbagai kejayaan yang diteroka baik dari segi pendidikan, perdagangan serta hal ehwal pentadbiran menjadi penanda aras kepada negara lain bagaimana memerintah dengan acuan Islam mendominasi bentuk dan suasana. Bammate (1981) turut merujuk pernyataan Gustave Le Bon, penulis berkelahiran Perancis yang berkata pada ketika zaman Eropah berada di dalam kegelapan cengkaman institusi gereja dan *barbarisme*⁵³, kota-kota masyarakat Islam iaitu Baghdad dan Cordova, dua kota besar keintelektualan Islam di mana masyarakatnya berpegang teguh dengan Islam, diakui menjadi pusat ketamadunan yang menerangi seluruh dunia, dengan pelbagai kemajuan, pencapaian dan kecemerlangan mereka (Bammate, 1981).

Takiruddin Hassan (2012) memetik pandangan Ahmad Shalabi tentang pemerintahan Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M) sebagai pemerintahan yang penuh dengan obsesi ke arah pendidikan untuk umat sejagat. Usaha Khalifah Harun al-Rasyid

⁵³ Cambridge Advanced Learner’s Dictionary (2008) 3rd Edition, Cambridge University Press, Singapore mendefinisikan sebagai *extremely cruel and unpleasent behavior*. Pengkaji menggambarkan suasana pada ketika itu memperlihatkan kekejaman dan keganasan melibatkan tingkahlaku yang berlawanan dengan fitrah manusia biasa yang tidak dipagari dengan amalan keagamaan. Rujuk di halaman 105.

(786-810M) turut diteruskan oleh anaknya Khalifah al-Ma'mun (813-833M) yang mempelbagaikan cabang bidang keilmuan. Faktor seperti penterjemahan karya dari Yunani, China dan India memberi impak yang sangat ketara ke arah pertambahan keilmuan. Sewaktu era pemerintahan Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M) muncul ramai sekali ulama seperti pengasas mazhab yang terkemuka di dalam Islam seperti Imam Malik bin Anas, Imam As Syafie dan Imam Ahmad Bin Hambal. Kesemua tokoh ini sempat berada sewaktu Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M) memerintah Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) (Takiruddin Hassan, 2012).

Gerakan membangun ilmu secara besar-besaran dirintis oleh Khalifah Jaafar al-Mansur (754-775M) setelah mendirikan kota Baghdad sebagai ibukota negara pada 762M. Khalifah Jaafar al-Mansur (754-775M) telah meminta tokoh-tokoh ilmuan Parsi yang baru memeluk Islam seperti Al-Fazari (m.806M) dan Ali Ibnu Isa (940-1010M) untuk menterjemahkan karya-karya Bahasa Parsi dalam bidang astrologi yang sangat berguna bagi kabilah-kabilah perdagangan baik melalui darat mahupun laut (Bammate, 1981). Mengambil contoh kewibawaan pemerintahan Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M) yang jelas memainkan peranan yang besar dalam mengembangkan ilmu pengetahuan pada zaman pemerintahannya, banyak memberi impak kepada pertumbuhan pendidikan. Suasana ini merangkumi perkembangan dan kegiatan *intelektualisme*⁵⁴ berlaku dalam beberapa peringkat iaitu pembukuan, penyusunan semula ilmu pengetahuan dan penterjemahan. *House of Wisdom* atau *Bait Al-Hikmah* menjadi antara prasarana pemangkin yang dicetuskan pemerintah yang bertujuan membawa perubahan ke suatu tahap yang baru dengan peranan besar yang disertakan dan fungsinya (Harun Asrohah, 1999).

Era pemerintahan Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M), berlaku kepesatan perkembangan perdagangan dan ilmu pengetahuan yang pelbagai bidang ilmu selama 23

⁵⁴ Cambridge Advanced Learner's Dictionary (2008) 3rd Edition, Cambridge University Press, Singapore mendefinisikan sebagai *usually disapproving; to think about or discuss a subject in a detailed and in intellectual way*. Sesuatu ruang diskusi yang mengembangkan idea dan nilai kefahaman sesuatu subjek dengan cara keilmuan. Rujuk halaman 751.

tahun memerintah (Takiruddin Hassan, 2012). Mengikut sejarah, kota Baghdad menjadi tumpuan para pedagang dan kemasukan para pedagang terus bertambah. Philip K. Hitty (1970) menyebut tentang para pedagang Melayu dari Kepulauan Melayu pernah berdagang di Baghdad sekitar abad ke 11 yang membawa barang dagangan dari kepulauan Melayu untuk diperdagangkan pada zaman Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M).

Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M) dan anaknya Khalifah al-Ma'mun (813-833M), dinobatkan sebagai penaung bagi seni dan Matematik (Magdi Yacoub, 2018). Ketika tempoh pemerintahan mereka, gerakan penterjemahan falsafah, budaya dan perubahan warisan sangat hebat di dunia Arab. Mereka adalah pelopor dan menyumbang kepada pembaharuan baru kegiatan intelektual di Timur Tengah, Afrika Utara dan Asia Tengah. Ia merupakan sumbangan yang besar ke tahap penting sejarah perubahan dan penjagaan kesihatan. Khalifah al-Ma'mun (813-833M) memberi tumpuan yang bersungguh terhadap *Bait Al-Hikmah* atau rumah ilmu pengetahuan dengan menghantar para pakar ke luar negara bagi mencari buku-buku untuk diterjemahkan dan di simpan di *Bait Al-Hikmah*.

Tacker Spink (1976) menjelaskan bahawa pada zaman Khalifah al-Ma'mun (813-833M) adalah zaman yang terbaik yang pernah dicapai di sepanjang pemerintahan *Khilafah* Islam. Di era Khalifah al-Ma'mun (813-833M), legasi kepimpinan yang mencintai pendidikan diteruskan. Konsep mengasimilasikan ilmu pengetahuan dan perkembangan *ulum aqliyyah* menyemarakkan lagi dapatan dan kemajuan ilmu pengetahuan. Kecenderungan Khalifah al-Ma'mun (813-833M) terhadap ilmu pengetahuan sehingga dikatakan khalifah sendiri adalah seorang ulama dan berintelekt tinggi yang diasuh oleh Fudail bin Sahl yang merupakan perdana Menteri lantikan Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M) (Takiruddin, 2012). Imam al-Sayuti juga memetik bahawa Khalifah al-Ma'mun (813-833M) sendiri adalah seorang *Al-Hafiz*.

Pendapat pengkaji bahawa kemajuan ilmu pengetahuan ini benar-benar mengejutkan dunia Eropah yang masih jauh ketinggalan dengan terciptanya pelbagai barangan sains, *mekatronik* dan sistem yang berfungsi memudahkan hidup manusia. Nama-nama besar seperti Ibnu Sina (981-1037M) telah memberi kesan besar kepada peradaban dunia keilmuan Islam hasil dari asimilasi ilmu Islam dan gabungan ilmu *aqliyyah* yang membuahkan kesan yang hebat. Kemasukan buku-buku luar terutamanya dari Greek, dan juga India telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Arab lalu memperkembangkan lagi bidang keilmuan (Goerge A. Makdisi, 1990).

Kesinambungan corak pemikiran pemerintahan yang berusaha memperkaya dan memperbanyakkan bidang keilmuan dengan gerakan penterjemahan mencapai kemuncaknya pada masa Khalifah al-Ma'mun (813-833 M) (Glen M.Cooper, 1997). Gerakan penterjemahan ini menjadikan pendidikan semakin rancak dan marak serta membuka mata umat Islam ketika itu terhadap kepentingan ilmu. Pengkaji berpendapat karya-karya yang diterjemahkan telah diasimilasikan dengan penambahan sesuai acuan agama Islam. Faktor ini menjadikan sesuatu bidang ilmu itu lebih luas serta diperkaya.

Khalifah al-Ma'mun (813-833M) ialah seorang yang amat meminati bidang pendidikan seperti Matematik. Ketika pertembungan di antara tentera Islam melawan Byzantium, Tentera Islam telah menangkap seorang askar Byzantium yang sangat pandai Matematik. Tawanan askar ini memberitahu bahawa beliau belajar dengan gurunya, Leo seorang ahli akedemik pada waktu itu. Maka Khalifah al-Ma'mun (813-833M) teringin membawa Leo ke Baghdad sehingga sanggup meminta kepada Maharaja Byzantium untuk menukarkan Loe dengan longgokan emas jika dapat membawa Leo tersebut ke Baghdad untuk tujuan pendidikan (Glen M.Cooper, 1997).

Oleh sebab Leo menolak, Khalifah al-Ma'mun (813-833M) menulis permasalahan matematik untuk diselesaikan oleh Leo. Walau bagaimanapun, ada ahli sejarah yang menolak fakta berkenaan. Asas penolakan ialah kerana ketika pemerintahan Khalifah al-

Ma'mun (813-833M) sudah terdapat pakar Matematik dan Algebra iaitu al-Khwarizmi (770-840M). Dengan pendedahan yang disebut oleh Glen M.Cooper ini, ianya menunjukkan lagi bahawa Khalifah al-Ma'mun (813-833M) adalah seorang yang sangat mementingkan pendidikan dan meletakkan pendidikan ke tahap yang sangat tinggi. Obsesi pendidikan yang tersemat di pemikiran pemerintah Khalifah al-Ma'mun (813-833M) turut membawa kepada penterjemahan buku tentang ketatanegaraan dan politik serta moral seperti *Kalila wa Dimma* dan *Shindhind* di dalam bahasa Parsi lalu diterjemahkan ke dalam Bahasa Arab. Selain itu, manuskrip Bahasa Yunani seperti *Logika* karya Aristotle, *Almagest* karya Ptolemy, *Arithmetic* karya Nicomachus dan *Gerasa*, *Geometri* karya Euclid juga turut diterjemahkan (Glen M.Cooper, 1997).

Peranan para pemerintah dan ulama sangat jelas disepakati dan digembelingkan usaha mereka. Sebagai contoh ulama seperti Imam Syafie (767-820M) yang bertugas mengajar tafsir Al-Quran, Hadith, falsafah, tatabahasa dan syair. Sementara Ibnu Jarir al-Tabariy (838-923M) mengajar syair di Masjid Amar. Sementara Al-Jubai bertugas sebagai pensyarah falsafah di Masjid Bashra. Di pihak pemerintah, keilmuan terhadap anak mereka turut dititikberatkan. Pengajaran dan pembelajaran anak-anak putera khalifah di istana adalah ciri warisan kebudayaan pada masa itu. Khalifah memberi pertanggungjawaban mereka kepada para sarjana dari semua jenis disiplin ilmu, khususnya kepada ahli filologi dan tradisional, termasuk juga kepada penyair dan pemuzik.

4.3.3 Sokongan Masyarakat Terhadap Perkembangan Aktiviti Keilmuan

Islam sebagai agama yang menitikberatkan keilmuan merangsang masyarakat untuk bergerak ke arah kecelikan maklumat dan pengetahuan. Selain itu, peranan pemerintah yang mengutamakan institusi, obsesi dan fokus kependidikan memainkan peranan terhadap gerakan kemajuan pendidikan masyarakat. Seterusnya, masyarakat telah

menyedari hakikat keperluan ilmu pengetahuan lalu merencanakan penyebarannya. Antara aspek perkembangan kegiatan keilmuan terhadap masyarakat pada zaman Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) ini boleh dibahagikan kepada dua tahap iaitu (Adian Husaini, 1986) pada tahap proses penyerapan dan pemindahan ilmu-ilmu klasik.

Di awal permulaan ke arah mendominasi kepelbagaian keilmuan dan percambahan inovasi terhadap pendidikan keintelektualan, aktiviti penterjemahan awal iaitu adaptasi keilmuan di bidang sains dan falsafah menggalakkan masyarakat untuk menimba ilmu terutama setelah berlakunya penterjemahan ke dalam Bahasa Arab. Proses transformasi dari sumber luar dialih bahasa ke Bahasa Arab adalah langkah awal para sarjana Islam meletakkan batu asas di dalam melonjakkan bidang keintelektualan dan perkembangan masyarakat. Manakala tahap kedua ialah ketika era kelahiran dan kebangkitan intelektual Muslim. Pada era Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) ini adalah di antara tahun-tahun keemasan keintelektualan para sarjana Islam mendominasi serta mencetus fenomena kebangkitan peradaban (Goerge A. Makdisi, 1990).

Bagi menyebarkan ilmu pengetahuan kepada rakyat, khalifah telah mendirikan pusat pengajian seperti sekolah, maktab dan universiti. Kemunculan pelbagai institusi pendidikan dalam sejarah ketamadunan Islam membuktikan perkembangan pesat aktiviti keilmuan berlaku (Syed Hussin Nasr, 1994). Secara tidak langsung perkembangan ini menampakkan bahawa sokongan dan dokongan masyarakat terhadap kegiatan keilmuan jelas berlaku. Gerakan yang dimainkan oleh para pemerintah, ulama yang menyebarluaskan ilmu menimbulkan minat mendalam segenap lapisan masyarakat untuk turut sama-sama menggali pelbagai keilmuan. Ajaran Islam melalui Al-Quran telah berjaya menyemai semangat ke dalam jiwa umat Islam untuk meneroka ilmu di samping menghidupkan semangat *universalisme*, *globalisme* dan *internasionalisme* di kalangan mereka. Sehubungan itu, usaha umat Islam mengadaptasi dan mengasilamilasi unsur-unsur tamadun lain ke dalam rangka tamadun Islam telah mengukuhkan lagi peradaban Islam (Syed Hussin Nasr, 1994). Sifat dan sikap keterbukaan budaya ilmu Islam ini

merupakan pra-syarat utama pembangunan dan perkembangan sains dan teknologi dalam era ketamadunan Islam.

4.3.4 Bahasa Arab Sebagai Bahasa Ilmu

Penggunaan Bahasa Arab sebagai bahasa komunikasi di bawah jajahan Khilafah Abbasiyyah (749-1256M) menjadikan bahasa ini dituturkan oleh hampir keseluruhan lapisan masyarakat. Antara faktor berkembangnya Bahasa Arab ini juga ialah perkaitan rapat dengan Agama Islam itu sendiri (Chejne Anwar G, 1974). Penurunan Al-Quran di dalam Bahasa Arab dan Bangsa Arab itu sendiri sebagai bangsa pilihan di dalam menyebarkan dakwah Islam menyebabkan interaksi dan komunikasi menjadi lebih mudah dan berkesan. Seiring dengan berkembangnya ajaran Islam, Bahasa Arab turut tersebar luas. Aktiviti penterjemahan karya-karya luar seperti Yunani dan India ke dalam Bahasa Arab yang meliputi pelbagai disiplin bidang dan cabang keilmuan merancakkan lagi Bahasa Arab sebagai bahasa penutur dan pengaliran ilmu melalui bahasa menjadi semakin hebat.

Bidang ilmu seperti pengajian agama, bahasa, sejarah, persuratan, geografi, perubatan, matematik, astronomi, falsafah dan puisi, yang memperincikan manifestasi bahasa dan perasaan orang-orang Arab sama ada sebelum atau selepas kedatangan Islam. Kegiatan pengalih bahasa ini berlaku ketika Eropah masih lagi berada pada zaman kegelapan. Kebudayaan yang tinggi ini mempengaruhi pemikiran dan kelangsungan cara hidup masyarakat Islam seterusnya (Chejne Anwar G, 1974). Pada waktu ini, Bahasa Arab merupakan bahasa ilmu pengetahuan kepada ketamadunan yang hebat. Juga merupakan bahasa rasmi negara pemerintahan Khilafah Abbasiyyah (749-1256M) yang digunakan untuk pentadbiran negara. Ini menjadi faktor galakan kepada masyarakat untuk mempelajarinya demi memenuhi penjawatan penting kerajaan. Bahasa Arab juga adalah

bahasa agama yang mempunyai perkaitan rapat dengan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran itu sendiri, Hadith dan ilmu-ilmu Islam yang lain.

Beberapa faktor tersebut menjadikan Bahasa Arab semakin diterima kerana keperluan memahami, penggunaan dan penguasaan bahasa tersebut (Osman Hj Khalid, 1987). Bagi yang bukan berbangsa Arab, mereka belajar sehingga mahir dan boleh membaca buku-buku Bahasa Arab untuk menimba pengetahuan terutamanya di permulaan kebangkitan Eropah. Seorang sarjana Inggeris mengatakan:

All talented young Christians read and study with enthusiasm the Arab books. They gather immense libraries at great expense: they despise the Christians literature as unworthy of attention. They have forgotten their language. For every one who can write a letter in Latin to a friend, they are a thousand who can express themselves in Arabic with elegance, and write better poems in this language than the Arabs themselves.

(Richard William Southern, 1962:21)

Kehadiran para pelajar dan sarjana luar ke negara-negara Islam bukan sekadar menimba ilmu bahkan mempelajari dan menguasai Bahasa Arab. Ini kerana Bahasa Arab telah menjadi bahasa ilmu dalam pelbagai disiplin bidang serta untuk menterjemah karya-karya Bahasa Arab ke dalam bahasa mereka (Harun Asrohah, 1990). Bermula dari aktiviti penterjemahan ke dalam bahasa lain menyebabkan ilmu-ilmu Islam dan karya umat Islam sedikit demi sedikit dikuasai dan dibawa pulang ke negara masing-masing. Seorang sarjana mengatakan:

Recensions and Latin translations were made of Arabic works on the natural sciences and of Greek scientific works taken over by the Arabs, thus

providing the Christian occident with its first perceptions of Arabic thought and an enhanced insight into the erudition of antiquity.

(Spuler Bertol, 1960:105)

Antara tokoh Bahasa Arab yang hebat pada zaman Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) ini ialah seperti Hunayn bin Ishak (809-873M). Pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma'mun (813-833M), khalifah sendiri telah melantik Hunayn sebagai sebagai pengarah pertama *Bayt al-Hikmah*, iaitu institusi penting yang menjalankan penterjemahan, penyelidikan dan inovasi daripada pelbagai cabang keilmuan pada zaman tersebut. Beliau sangat berminat dalam bidang penterjemahan terutama melibatkan karya-karya manuskrip sains dan perubatan Yunani (Harun Asrohah, 1990). Hal ini ditambah dengan kebolehan dan keistimewaan Hunayn yang dapat menguasai empat bahasa iaitu Arab, Syria, Yunani dan Parsi dengan amat baik. Oleh yang demikian, beliau banyak menghasilkan pelbagai karya dan buku-buku yang bermutu serta digunakan sehingga sekarang.

4.3.5 Aktiviti Penterjemahan dan Penulisan Ilmiah

Zaman Keemasan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) telah mencapai kemuncaknya di dalam tiga bidang besar. Harun Asrohah (1990) membincangkan tiga kegiatan tersebut iaitu penyusunan buku-buku ilmiah, pengaturan kembali ilmu-ilmu Islam secara lebih sistematik, dan aktiviti penterjemahan dari bahasa asing ke dalam Bahasa Arab antara 3 faktor kejayaan intelektual zaman keemasan Islam ini. Walzer (1962) mengakui pertembungan ilmu di antara tamadun yang berlainan telah mengembangkan dan mempercepatkan kitaran ilmu oleh Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) berlaku dengan pesat.

Goerge A. Makdisi (1990) menyebut peranan yang dimainkan pemerintah seperti pada waktu pemerintahan Khalifah Harun al-Rasyid (786M-809M) dan anaknya Khalifah al-Ma'mun (813-833M), banyak sekali buku-buku falsafah dihasilkan dan penterjemahan karya-karya falsafah Yunani dialih bahasa ke dalam Bahasa Arab giat dijalankan. Antara Sarjana Muslim yang memainkan peranan penting membuka jalan kepada ilmu falsafah ialah Al-Kindi. Di dalam bidang keilmuan falsafah, al-Kindi menjadi pelopor kepada umat Islam di Timur dan permulaan kegiatan falsafah Barat mula diketengahkan. (Oemar Amin Hoesin, 1959).

Penelitian pengkaji mendapati bahawa dari segi terjemahan karya *aqliyyah* dari tamadun lain, pengambil alihan karya-karya luar di atas inisiatif pemerintah dan kecaknaan khalifah membentuk halatuju masa hadapan sangat dikagumi pemikirannya. Sarjana Islam mengambil manfaat dari karya luar lantas mengubah, menganalisa, mempelajari serta mengasimilasi ilmu-ilmu tersebut dengan neraca dan timbangan kerangka keagamaan menatijahkan karya-karya ini lebih baik dari segi dapatan, teori, kajian dan spesifik. Pergerakan terjemahan telah bermula dalam dua manuskrip, satu matematik dan astronomi lain, dibawa masuk oleh Khalifah Abu Ja'far al-Mansur (754-775M) dari India manakala sains, falsafah serta astronomi dibawa masuk dari Yunani.

Penggunaan kertas secara besar-besaran yang dipelopori oleh masyarakat Arab amat membantu dalam menggalakkan kerja penterjemahan. Menurut Goroni (2005) beliau mengatakan bahawa hal ini dikukuhkan lagi dengan bukti penemuan kilang-kilang kertas yang dibina di Samarkand pada tahun 751M dan di Baghdad pada tahun 793M dibawah pemerintahan Khalifah Harun al-Rasyid (786M-809M). Para penterjemah karya-karya *aqliyyah* ini terdiri daripada sarjana sains yang menterjemahkan manuskrip lama daripada pelbagai bahasa seperti Yunani, Parsi, Sanskrit dan Syria ke dalam bahasa Arab (Goroni, 2005).

Di antara tokoh-tokohnya ialah doktor peribadi kepada Khalifah al-Mu'tasim (794-842M), iaitu Salmawayh bin Bunan (m.840M). Selain itu, nama lain adalah seperti Jurjis bin Jibra'il bin Bakhtiashu' (m.771M) yang merupakan individu yang bertanggungjawab mengendalikan hospital di Jundishapur dan dilantik sebagai doktor peribadi kepada beberapa orang Khalifah Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) (Nurazmalullail Marni *et. al*, 2008). Nama-nama besar lain yang terlibat secara langsung dalam aktiviti penterjemahan ini adalah seperti Yahya bin Batriq (796-806M), Ibn Sahda (m.800M) dan Ayyub alRuhawi (760-835M). Namun, tokoh paling terkemuka dalam aktiviti penterjemahan ini ialah Abu Zayd Hunayn bin Ishaq al-'Ibadi atau Hunayn bin Ishak (809-873M). Beliau amat dikenali dalam kalangan sarjana timur dan barat atas sumbangan dan ketokohnya membangunkan tamadun Islam pada era pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) walaupun beliau sendiri adalah bukan seorang penganut Agama Islam (Nurazmalullail Marni *et. al*, 2008).

Proses penterjemahan berlaku adalah melalui dua saluran utama. Satu adalah hasil kedatangan pelajar dan sarjana Eropah yang belajar di kolej dan universiti Islam di Sepanyol, Sisilia dan Itali Selatan. Yang kedua bermula dari hubungan langsung sarjana Latin dengan buku-buku Muslim asli dan terjemahan. Pengalihan bahasa ini berlaku dari Bahasa Arab ke Bahasa Latin serta bahasa Eropah lain (Mehdi Khan Nakosteen, 1964). David C. Lindberg (1978) mengatakan bahawa di dalam banyak hal Sepanyol sangat sesuai sebagai pusat penterjemahan Arab-Latin. Muslim Sepanyol yang bertapak di Andalus memiliki budaya Arab yang cemerlang, mengandungi banyak teks Arab untuk terjemahan dan melakukan terjemahan Yunani, karya-karya ahli matematik yang hebat, ahli astronomi dan pakar perubatan Timur Arab, dan karya saintifik.

Kemahuan dan kehendak terutamanya yang datang dari tentera Kristian disertai dengan keinginan untuk mengasimilasikan budaya umat Islam yang unggul, raja-raja dan paderi memberi galakan dan biasiswa untuk menggalakkan terjemahan yang bermanfaat kepada mereka dan aktiviti ini berkolaborasi di antara ulama Muslim, Yahudi dan Kristian. Menurut Hill Donald R. (1993), banyak terjemahan telah mula diterbitkan dari

Bahasa Arab ke dalam Bahasa Ibrani sebelum diterjemahkan ke dalam Bahasa Latin. Sepertimana terjemahan di Baghdad yang berlaku, juga dari Bahasa Yunani ke dalam Bahasa Arab melalui medium Syria (Hill, Donald R., 1993). Penterjemahan Bahasa Arab ke Bahasa Latin terjadi berdasarkan kepada beberapa sumber sarjana. W. Montgomery Watt (1972) mengatakan antaranya ialah salah seorang sarjana Kristian yang bernama Gelbert of Aurillac (945-1003M) yang merupakan seorang sarjana dari Perancis. Beliau mempelajari ilmu matematik dan astronomi Islam. Secara tidak langsung, pembelajaran Bahasa Arab beliau juga berlaku kerana sumber-sumber pelajaran ini adalah di dalam Bahasa Arab.

Seorang rahib yang berasal dari Afrika Utara iaitu Constantine the African juga merupakan seorang penterjemah karya Islam. Merupakan seorang pengembara dan menterjemah karya-karya perubatan Greek-Arab daripada Bahasa Arab kepada Bahasa Latin semasa pengembaraannya di sebelah Timur (P.M. Holt *et al*, 1970). Constantine telah meninggalkan bandar Carthage iaitu tempat tinggal beliau selama tiga puluh sembilan tahun demi mencari dan mendapatkan ilmu di sebelah Timur. Beliau mempelajari tatabahasa, dialektik, geometri, aritmetik, astronomi, ilmu tilik atau *necromancy* dan muzik orang Chaldean, Arab Islam, Parsi, Mesir dan India (David C. Lindberg, 1978). Menurut P.M. Holt *et al*, (1970), beliau menyenaraikan karya-karya penterjemahan Constantine di antaranya seperti *Zad Al-Musafir* dan beberapa karya lain Ishaq Al-Israili, Hunain Ibnu Ishaq's *Isagoge to Galen's Tegni* dan *Liber de Oculis*, tiga karya Hippocrates iaitu *Aphorisms*, *Prognostica* dan *Regimen* serta komentar tentang Galen bertajuk *The Pantegni* oleh Ali Ibnu Abu al-Abbas dan karya bertajuk *Kamil Al-Sina Al-Tibbiyya* oleh Ali bin Abbas Al-Majusi.

Pada abad ke 12M adalah merupakan antara abad kemuncaknya aktiviti penterjemahan berlaku. Kegiatan ini bukan sahaja berlaku kepada subjek atau bidang tertentu seperti bidang perubatan dan astronomi, tetapi juga melibatkan falsafah dan kajian saintifik. Kegiatan ini melangkaui sempadan geografi dan terus berkembang luas di

seluruh Eropah (David C. Lindberg, 1978). Tempoh yang hebat untuk penyebaran sains Islam di Barat adalah abad ke-12 dan awal abad ke-13.

Robert of Chester, seorang Inggeris juga merupakan penterjemah karya-karya sarjana Islam yang meminati bidang matematik, astronomi dan kimia. Pada tahun 1147M beliau kembali ke England dan meninggal dunia disana pada tahun 1150M. Beliau menterjemah karya Al-Kindi yang dinamakan sebagai *Judicia* dan terjemahan Al-Quran. Terjemahan Al-Quran ini dilakukan pada tahun 1141M sehingga ke 1143M. Pada 11 Februari 1144M, Robert telah menterjemah ilmu kimia yang diberi judul *Liber de Compositione Alchemiae*, karya asal Khalid Ibnu Yazid seorang sarjana Islam abad ke 7M.

Dominicus Gundissalinus yang merupakan timbalan paderi besar *Cuellar* bekerjasama dengan sarjana Yahudi bernama Avendauth menterjemah *Avicenna's De Anima* karya Ibnu Sina (981-1037M). Pelbagai judul terjemahan yang dikaitkan dengan mereka seperti *Avicenna's Fons Vitae* dan *Al-Ghazali (1058-1111M) 's Aims of the Philosophers*. Kitab *Ihsa Al-Ulum* oleh Al-Farabi yang diterjemah beliau diberi nama *De Divisione Philosophiae, Arabic Euclid* dan *Treatise De Immortalitate Animae*. Mehdi Khan Nakosteen (1964) mengatakan selain karya terjemahan, Dominicus juga menghasilkan karya-karya sendiri berkaitan falsafah berdasarkan pengetahuan luas beliau terhadap ilmu pengetahuan Arab, Yahudi dan Kristian. Rudolf of Bruges yang berasal dari Barat Laut Belgium dikenali juga sebagai penterjemah karya-karya Islam pada abad ke 12M. Karya terjemahan beliau seperti tentang astrolab oleh Maslama Ibnu Ahmad Al-Majriti. Karya Al-Battani, Thabit Ibnu Qurra, karya Al-Qabisi, buku karya Maslama Ibnu Ahmad Al-Majriti dan karya Ibnu Abi Ar-Rijal juga telah diterjemah dari Bahasa Arab.

Seperti karya-karya yang lain, buku-buku terjemahan ini diulang cetak selama beberapa tahun dan dialih bahasa ke dalam pelbagai bahasa. Penterjemahan di bidang perubatan pula bertajuk *Epistola Aristotelis ad Alexandrum de Conservatione Corporis*

Humani. Sebelum itu, karya Syaikh Abd Kadir Jailani iaitu *Sirr Al-Asrar* di dalam Bahasa Arab dan *Secretum Secretorum* juga turut diterjemahkan. Karya sarjana Islam yang lain seperti Qusta Ibnu Luqa bertajuk *Kitab Al-Fais Bain Al-Ruh wan Nafs*, karya Al-Farabi bertajuk *Kitab Ihsa Al-Ulum*, karya Ibnu Sina (981-1037M) bertajuk *Kitab As-Shifa*, karya Ibnu Gabirol bertajuk *Yanbu Al-Hayat* dan karya Al-Ghazali (1058-1111M) iaitu *Maqasid Al-Falasifa* (Mehdi Khan Nakosteen, 1964).

Karya terjemahan yang paling penting kepada Eropah ialah bidang aritmetik Islam iaitu *Al-Farghani's Astronomi* (1134-1135M) yang dianggap sebagai kemuncak permulaan tradisi Barat di dalam kemajuan ilmu. Penterjemahan oleh John of Seville ini terhadap karya-karya sarjana-sarjana Islam membuka ruang yang luas dan memberi pendedahan yang nyata kepada dunia sehingga mempengaruhi penubuhan sekolah-sekolah di Barat (George Sarton, 1975).

4.3.6 Kestabilan Politik dan Dasar Hubungan Diplomatik

Jalinan kerjasama melalui hubungan diplomatik ataupun perhubungan damai ini mengukuhkan lagi kerjasama di antara negara-negara terlibat, melibatkan perjanjian keselamatan dan pertukaran manfaat pendidikan. Imamuddin S.M (1961) mengatakan Kerajaan Islam di Sepanyol banyak menjalinkan hubungan diplomatik ini dengan negara-negara seperti utusan Raja Theophilus dari Kerajaan Konstantinople. Juga menjalinkan hubungan dengan kerajaan Navarre yang terletak di bawah kekuasaan Kerajaan Perancis. Kata sepakat telah dicapai dengan termeterinya perjanjian bahawa Kerajaan Islam akan melindungi dari pencerobohan asing manakala Kerajaan Navarre akan menolong tentera Islam menyeberangi pergunungan Pyrennes untuk menawan Perancis (Imamuddin S.M, 1961).

Maharaja Byzantine iaitu Constantine VIII Porphyrogenitus menghantar utusan diplomatik pada September 949M. Di Itali, juga saling berhubungan secara diplomatik antara kedua negara ini dengan perjumpaan dengan wakil Raja Itali iaitu Liutprand of Cremona. Perwakilan ini bersetuju untuk menjalinkan hubungan diplomatik sehingga akhir abad ke 10 (Joseph F.O Callaghan, 1975). Rombongan kehormat turut disertai oleh Raja Ukoh Bago kerajaan kecil Franks yang terletak di sebelah pergunungan Pyrennes dan Kaldoh di sebelah Timur Perancis. Begitu juga dengan hubungan diplomasi bersama Raja Itali iaitu Hugh Of Arles dan Raja German ketika itu iaitu Otto The Great yang diwakili oleh Recemund. Sebaliknya utusan kerajaan Islam ke negara luar seperti Queen Tota di Navarre dan Raja Ordono di Leon juga giat diteruskan (Joseph F.O Callaghan, 1975).

Kegemilangan kerajaan Islam telah memberi kesedaran kepada kerajaan di Eropah agar meningkatkan negara ke tahap yang lebih baik. Atas kecenderungan itu, Raja Philip telah menghantar dutanya untuk mempelajari dan mengkaji sistem undang-undang dan pengurusan pentadbiran yang dijalankan. Raja German diwakili menterinya bernama Wellmin, dan juga King Goerge iaitu Raja England menghantar perutusan untuk menimba ilmu pengetahuan terutamanya berkaitan sains (Mustaffa Hj Daud, 1999).

4.3.7 Ekonomi dan Kewangan Mengukuhkan Sektor Pendidikan

Ramai sarjana di dalam buku-buku berkaitan ekonomi dan perdagangan meletakkan kekayaan dan kesepaduan ekonomi yang dijalankan telah membuahkan hasil kepada negara demi meningkatkan prasarana di dalam negara. Menurut Fisher (1958), jajahan Islam di beberapa negeri mempunyai bidang perekonomian yang aktiviti berkaitan pengeluaran tertentu di setiap kawasan.

Mineral resources-gold, silver, iron, lead, tin, copper and mercury were also exploited, as the basis of an important manufacturing industry. Toledo become a leading European center of fine steel making for arms and armour (by hand, of course, and in small quantities) and was especially noted for its damascene work (i.e. inlay of gold and silver on other metal originally developed in Damascus). Papermaking was introduced from southwest Asia, for the first time in Europe, and proved a most important faktor in the intellectual predominance of Muslim Spain. Textiles (in cotton, merino wool, silk and mohair), glassware and pottery were also important products of Moorish Spain...with this basis; a flourishing export trade was carried on from Seville, Cadiz, Malaga and Jaen. Spanish products were greatly prized in not only Europe and the Moslem world of Asia, but also beyond in India, China and Russia.

(W.B. Fisher, 1958:61)

Philip K. Hitti (1956) menegaskan bahawa pengeluaran produk dan makanan untuk kegunaan rakyat jajahan kerajaan Islam adalah mencukupi untuk kegunaan dan permintaan di kalangan rakyat. Pelbagai aktiviti *eksport* dan *import* berlaku yang menunjukkan bahawa perdagangan dan perniagaan yang berlaku begitu rancak sekali. Ini sekaligus meningkatkan produktiviti dan pendapatan negara serta menyumbangkan keuntungan kepada negara. Pelbagai negara yang terlibat menjelaskan perkaitan yang luas dan rangkaian kerjasama yang erat di dalam meningkatkan aliran kewangan negara.

The industrial and agricultural products of muslim Spain were more than sufficient for domestic consumption. Seville one of the greatest of its river ports, exported cotton, olives and oil; it imported cloth and slaves from Egypt and singing girls from Europe and Asia. The exports of Malaga and Jaen included saffron, figs, marble and sugar. Through Alexandria and Constantinople Spanish, products

found markets as far away as India and Central Asia. Especially active was the trade with Damascus, Baghdad and Makkah.

(Philip K.Hitti 1956:529)

Philip K.Hitty (1956) yang memetik kata-kata Vasilliev menceritakan berkenaan dengan kehadiran para pedagang-pedagang Arab di Negara Rusia pada abad ke 10M, pengarang menyatakan bahawa Empayar Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) yang luas ini menjadi jiran terdekat kepada Rusia. Imamuddin, S.M. (1961) menegaskan bahawa faktor ini menyebabkan para pedagang Arab yang berada di Timur mempunyai banyak kelebihan dan peluang untuk menjalankan perdagangan dan perniagaan dengan Rusia jika dibandingkan dengan para pedagang Arab yang berada di sebelah Barat.

Kenyataan Philip K.Hitty (1956) ini berikutan terjumpanya duit syiling Arab di negara tersebut. Bukti ini menunjukkan bahawa para pedagang Arab telah menjalankan aktiviti pemerdagangan sehingga ke Rusia. Perhubungan melalui perdagangan dan perniagaan terjalin secara baik di antara negeri dan negara di bawah penguasaan pemerintahan Islam. Tidak hanya bertumpu kepada sebelah Timur, aktiviti ini berjalan juga ke negara-negara seperti China dan India. Pelabuhan-pelabuhan yang sibuk seperti di Adan dan Basrah, di Syria atau di Mesir, barang dagangan juga dibawa ke India dan China untuk pasaran disana dan membawa balik barangan.

Muhammad b. Mu'awiyah b. 'Abd Al Rahman b. Ishaq adalah antara contoh pedagang Islam yang menjalankan perniagaan *eksport* dan *import*. Imamuddin S.M. (1963) mencatatkan bahawa pedagang ini melakukan perjalanan perniagaan ke negeri-negeri Islam seperti Mesir, Mekah, Baghdad, Kufah, Basrah dan Aballah. Bukan hanya perniagaan yang dijadikan tujuan, malah mengikuti pelbagai kuliah dan pengajian para sarjana dan ulama di tempat yang beliau pergi. Setelah itu, beliau memasuki India untuk

tujuan perniagaan. Diberitakan bahawa keuntungan hasil daripada perniagaan di India tersebut sehingga tiga puluh ribu dinar.

Salah satu wilayah jajahan Islam seperti di Byzantium, Imamuddin S.M (1963) dalam kajiannya menyebut perkataan Charles Diehl yang berkata kekayaan yang didapati sangat banyak. Keadaan di antara Timur dan Barat semua laluan komersial di dunia, Constantinople adalah pusat komersil yang hebat, di mana orang-orang itu berkumpul dan bertukar-tukar semua barangan dunia. Jika dikira bahawa dalam negara saja pendapatan dari pasaran dan tugas khusus adalah 7,300,000 syiling emas bersamaan dengan lebih dari 500 juta syiling emas hari ini.

Kenyataan di atas turut disokong oleh William C. Atkinson (1960) dengan mengatakan aktiviti perdagangan yang berlaku adalah sangat baik dan makmur yang merangkumi perlombongan emas dan perak, tenunan bulu dan sutera, pembuatan kertas, yang diperkenalkan ke Eropah oleh orang Arab, penghasilan kaca turut dicipta di Kordova pada abad ke 9M, kerja logam, seramik dan kulit. Kemasyhuran produk-produk ini dieksport jauh dan urusan mengendalikan perdagangan berkembang yang mengakibatkan berkembangnya armada perdagangan yang besar terutama di Seville, Malaga dan Almeria.

Para pedagang membawa hasil dagangan ke selatan Afrika, lebih jauh ke Timur Ehipto dan Byzantium, hasilnya produk Andalus menjadi terkenal di Asia Tengah dan India. Dengan hubungan Mekah, Baghdad dan Damsyik masih dekat, sebagai balasan perdagangan menjadi rancak di antara ketiga-tiga negara ini. Eksport dan import adalah satu-satunya sumber pendapatan negara terbesar di bawah Abd Rahman III, di mana Andalus adalah salah satu kawasan terkaya dan paling padat penduduk di Eropah (William C. Atkinson, 1960).

4.4 Kesan Perkembangan Ilmu Terhadap Eropah

Kesan tradisi keilmuan terhadap Eropah memfokuskan kepada beberapa dapatan penting berkenaan dengan kesan akibat tradisi ilmu bawaan Islam khususnya terhadap Eropah. Pengkaji berpendapat kesan langsung ini memberi nilai yang signifikan kepada dunia Barat di dalam membentuk, mencorak dan mengadaptasikan corak kependidikan acuan Islam sebagaimana yang ditunjukkan oleh legasi Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M). Sesi perbincangan tertumpu kepada Sarjana Muslim yang memacu perubahan sektor pendidikan melalui pencapaian luar biasa para Sarjana Muslim. Ianya membentuk suatu *benchmarking* baru kepada Eropah.

Imamuddin S.M. (1963) menyebutkan perkembangan tradisi keilmuan di dunia Timur membawa perubahan bukan sekadar kepada ilmu-ilmu tertentu, bahkan acuan falsafah Islam turut mempengaruhi pemikiran para Sarjana Barat yang mengambil falsafah dari Sarjana Muslim sebagai aliran baru memacu perubahan di Eropah. Kesemua aspek perbincangan yang pengkaji nyatakan turut membawa kepada kesan besar kepada Eropah dengan gerakan *Renaissance* sebagai simbol kebangkitan mereka mengolah kehidupan baru. Sumbangan Tamadun Islam amat besar kepada peradaban dunia. Pembentukan peradaban melalui pembentukan akidah manusia berdasarkan kepercayaan kepada Allah, Al-Quran, Hadith dan Sunnah menjadi pedoman dan sumber perundangan umat Islam adalah antara jasa terbesar Tamadun Islam kepada dunia dan manusia (Imamuddin S.M. 1963).

Pandangan pengkaji terhadap akidah dan *syariah* Islam adalah bersifat *universal* tanpa mengira batas bangsa, kaum atau geografi serta tidak menjejaskan adat, budaya dan cara hidup masyarakat setempat. Kemunculan pelbagai bentuk kerajaan Islam seperti Kesultanan Delhi Mughal di India serta penerimaan Islam secara meluas di China adalah kesan langsung bawaan *syahadah* kepada tamadun lain. Perkembangan bidang pendidikan merupakan sumbangan terbesar Islam melalui pembentukan kurikulum yang memberi

penekanan bukan sahaja kepada agama malah sains, matematik, geografi, sejarah dan teknologi.

4.4.1 Sarjana Muslim Pencetus Peradaban Eropah

Sarjana Islam mengevolusikan dapatan dan kajian ilmu-ilmu dari tamadun lain dengan menambah nilai terhadap penerokaan ilmu-ilmu Islam melalui kajian Al-Quran dan mengubahsuaikan mengikut sempadan yang digariskan Islam. Bukan sekadar berteori terhadap sesuatu ilmu, bahkan mempraktikkan dan memberi tumpuan yang sepenuhnya terhadap sesuatu ilmu itu. Sebagai contoh, bidang seperti sains tulen ini memerlukan teori untuk dikembangkan sebelum mendapat sesuatu penghasilan, maka para sarjana Islam langsung melakukan dapatan kajian dengan menjalankan uji kaji terhadap teori (Wan Fuad Wan Hassan, 1996).

Selain sains, sarjana Islam banyak meneroka pelbagai ilmu seperti astronomi dan matematik, bahkan mempelopori dan mengembangkan bidang ilmu perubatan, kimia, fizik, sains botani dan zoologi. Pandangan pengkaji bertepatan dengan pendapat Syed Hussin Nasr (1968) yang mengatakan bahawa sains Islam datang dari kesatuan antara semangat yang dikeluarkan dari wahyu Al-Quran dan ilmu-ilmu yang sedia ada dari pelbagai tamadun yang diwariskan oleh Islam dan yang *ditransmisikan* melalui kekuatan *spiritual* menjadi suatu bahan baru, sekali gus berbeza dari berterusan dengan apa yang telah ada sebelum itu. Sifat antarabangsa dan kosmopolitan Tamadun Islam, berasal dari sifat sejagat wahyu Islam dan digambarkan dalam penyebaran geografi dunia Islam (Syed Hussin Nasr, 1968).

Menurut Amir Hassan Siddiqi (1967) sumbangan paling penting umat Islam dalam sejarah sains adalah pengenalan kaedah *induktif*, kaedah pemerhatian dan percubaan yang

tidak diketahui oleh orang Yunani dan umat Islam menyebarkan ke Eropah pada zaman pertengahan dan kini membentuk asas sains moden. Pecahan kepada ilmu sains iaitu ilmu astronomi antara ilmu paling awal yang diteroka dan dikuasai sarjana Islam. Ilmu astronomi ini adalah ilmu sains yang paling berkembang maju di dalam sejarah ilmu sains Islam. Ini kerana antara faktor yang menjadikan sebegitu maju kepada umat Islam ialah untuk menentukan arah kiblat dan waktu sembahyang, kiraan dalam menentukan permulaan puasa, pelayaran dan perdagangan.

A) Sarjana Muslim bidang Astronomi

Abu Jaafar Muhammad Ibnu Musa al-Khwarizmi (770-840M) merupakan sarjana astronomi Islam yang terawal membina takwim bertujuan meramal kedudukan planet dan bintang (Salma Khadra Jayyusi, 1992). Takwim ini berdasarkan kepada *Siddhanta Hindu*. Beliau juga menulis berkenaan astrolab Yunani. Walaupun begitu, beliau telah mengubahsuai sepenuhnya dan sehingga dikenali sebagai ciptaan asli sarjana Islam. Karya al-Khwarizmi (770-840M) mempengaruhi sarjana Eropah untuk diterjemah ke dalam Bahasa Latin oleh Adelard of Bath dan seterusnya oleh Herman dan Robert of Chester (Mehdi Khan Nakosteen, 1964). Selain al-Khwarizmi (770-840M), Abu Abdullah Al-Battani (858-929M) merupakan ahli astronomi Islam yang begitu besar sumbangannya di bidang ini berdasarkan karya takwim bertajuk *Kitab Al-Zij*. Beliau juga memperkenalkan fungsi *sinus* dan *kosinus* yang lebih tepat berbanding kaedah perentas Yunani.

Kaedah ini menjadi ikutan para sarjana Eropah pada abad ke 17M di mana ahli astronomi Eropah seperti Copernicus, Kepler, Tycho Brahe dan Galilio mengambil kaedah Al-Battani (858-929M) sebagai rujukan dan memperluaskan kegunaan di Eropah. Kejayaan besar Al-Battani (858-929M) juga ialah membuat cerapan yang tepat, menemui pergerakan dan laluan matahari. Plato of Tivoli telah menterjemah jadual astronomi ini dengan memberi tajuk *De Scintia Stellarum* pada 1145M, Robert of Chester juga

menterjemah pada tahun 1149M diikuti pula oleh Alfonso X. Karya ini dijadikan rujukan oleh sarjana Barat sehinggalah Eropah mencapai Zaman *Renaissance* (Wan Fuad Wan Hassan, 1996)

Ramai sarjana Islam muncul pada zaman keemasan Islam ini terutama di bidang astronomi. Nama-nama besar sarjana Islam seperti Abu Sahl Al-Kuhi (940-1000M) dan Abd Rahman Al-Sufi (903-986M) turut menyumbang hasil kajian mereka. Karya mereka diterjemah ke dalam Bahasa Inggeris bertajuk *Figures of Stars* dianggap oleh Goerge Sarton sebagai karya paling agung di dalam sejarah astronomi Islam. Menurut Mehdi Khan Nakosteen (1964), pada abad ke 11M merupakan zaman kemuncak ahli-ahli astronomi Islam dilahirkan. Al-Biruni (973-1048M), Ibnu Yunus (950-1009M) dan Al-Zarqali (1028-1087M) adalah nama-nama sarjana yang menyumbang kepada zaman keemasan Islam. Karya-karya sarjana Islam ini diterjemah dan disebarkan kepada dunia mereka. Al-Zarqali (1028-1087M) menghasilkan jadual astronomi yang diterjemah semula oleh Jacob ben Mahir dan John of Brescia yang diberi judul *Saphae Arzachelis*. Berlakunya penyebaran karya ini telah memberi impak kepada Latin di dalam meningkatkan pengetahuan dan kecenderungan pendidikan. Tokoh-tokoh astronomi sarjana Islam ini kesemuanya mendapat didikan pendidikan ketika pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M). sudah tentu penghasilan tokoh-tokoh ilmuan sebegini rupa datang dari latar belakang pendidikan yang hebat. Malah *outcomes* sebegini rupa berhubung kait dengan aspek pendidikan yang mapan dan bersistematik.

Bermula pada abad ke 13M, para sarjana-sarjana Eropah mula mengambil peranan di dalam mengembangkan ilmu-ilmu astronomi Islam ini. Di Eropah, Maharaja Alfonso the Wise (1223-1284M) dari Castile memainkan peranan yang besar dalam membantu menyebarkan ilmu ini dengan mengadakan takwim khas dikenali sebagai *Takwim Alfonso* berdasarkan idea-idea takwim Islam (Wan Fuad Wan Hassan, 1996). Sumbangan sarjana Islam juga ialah dengan memperkenalkan konsep balai cerap, *astrolab* serta jadual bulan dan bintang. Pada tahun 1259M, balai cerap pertama yang dibina sarjana Islam ialah di Maraghah, selatan Tabriz di bawah pemantauan Al-Tusi (1201-1274M). Balai cerap

ini menjadi *benchmarking* dan model kepada balai cerap di Eropah (Shaharir Mohamad Zain, 2000).

Al-Bitruji (m.1204M) merupakan seorang sarjana Islam di dalam bidang astronomi yang banyak mempengaruhi pemikiran sarjana Barat melalui bidang astronomi. Karya beliau dikembangkan sarjana Barat dalam usaha pengkajian dan diguna pakai seperti yang ditunjukkan pada karya *Planetary Theory* oleh Al-Bitruji (m.1204M). Pada tahun 1217M, Micheal Scot merupakan sarjana yang bertanggungjawab menterjemah karya ini dan telah diterbitkan di Eropah. Sistem Al-Bitruji (m.1204M) diterima oleh William of Auvergne dan disebar luaskan oleh Robert Grossetese, Albert The Great dan St. Thomas.

Pada tahun 1267M, karya seorang lagi sarjana Islam di bidang astronomi yang banyak memberi kesan kepada Eropah ialah Abu Ali Hassan Ibnu al-Haitham atau dikenali di Barat sebagai Al-Hazen (965-1040M). Karya beliau diterjemah ke Bahasa Latin bertajuk *Astronomical Summary*. Banyak konsep di dalam buku ini mematahkan hujahan dan teori Ptolemy dengan banyak menyentuh tentang *eccentric* dan *epicycle* di dalam sistem *sfera* yang padat (Azizan Baharuddin, 1986). Karya astrologi Al-Zarqali (1028-1087M) bertajuk *Toledan Tables* turut dijadikan rujukan mereka berkaitan perkiraan tepat bagi ramalan astrologi. Ibnu Bajjah (1095-1138M) mengemukakan teori *Avempace* telah mempengaruhi pemikiran sarjana Barat iaitu Galilio. Pengaruh dan kesan langsung dari dapatan ini menatijahkan idea-idea baru berkenaan hukum-hukum pergerakan moden oleh Galilio.

Bukti penggunaan formula Ibnu Bajjah (1095-1138M) oleh Galilio didapati dari buku beliau yang berjudul *Pisan Dialogue*. Teori yang diadaptasi oleh Galilio ini yang bersandarkan kepada teori Ibnu Bajjah (1095-1138M) berlawanan dengan dapatan yang pernah dikemukakan oleh Aristotle dan turut disokong oleh sarjana Barat lainnya seperti St. Thomas dan Duns Scotus (Azizan Baharuddin, 1986). Sarjana Islam turut memberi

sumbangan yang amat besar terhadap kemajuan dan peradaban Eropah dan Barat melalui bidang fizik terutamanya ilmu optik moden pada abad ke 11M. Peranan yang dimainkan sarjana Islam mengolah, menolak, mengkaji dan memperbaharui dapatan rumusan-rumusan teori Yunani terutamanya menghasilkan dapatan yang lebih tepat. Dari segi peralatan astronomi para sarjana Islam juga menghasilkan peralatan-peralatan yang sistematik.

Antara peralatan tersebut ialah *astrolab* yang mempunyai 3 jenis iaitu jenis satah, memanjang dan sfera. *Astrolab* memanjang dikenali dengan nama *Staf al-Tusi* yang digunakan untuk mengukur jarak dan sudut. Sehingga kini *Astrolab* jenis sfera ciptaan sarjana Islam masih di simpan di Universiti Oxord. Antara kesan dan bukti pengubahan ilmu yang terjadi di antara bahasa dan bangsa, banyak sekali istilah-istilah Bahasa Arab berkaitan astronomi ini diguna pakai sehingga hari ini. Tidak sedikit sumbangan para Sarjana Islam terhadap keilmuan astronomi kepada Barat.

B) Sarjana Muslim bidang Matematik

Pengaliran ilmu ke dunia luar tidak terhad hanya kepada ilmu astronomi Islam sahaja, bahkan ilmu matematik juga membuka ruang yang begitu luas buat sarjana Barat mengambil manfaat dari ilmu Islam. Pengaliran ilmu matematik ke Eropah berlaku sekitar abad ke 10M. Bidang ilmu matematik yang diperkenalkan oleh sarjana Islam adalah seperti algebra, sistem angka dan trigonometri. Walaupun pada asalnya angka-angka ini berasal dari Hindu tetapi sistem penomboran yang digunakan hari ini adalah sumbangan besar sarjana Muslim seperti al-Khwarizmi (770-840M) yang menambah angka sifar dan memperkenalkan operasi matematik yang lebih mudah ke dalam sistem penomboran (R.M.Savory,1976) manakala simbol angka sifar dibuat oleh Mohamad Ben Ahmad pada 976M (Haidar Bemmate, 1981).

Arabic numerals atau angka Muslim ini dikenali berdasarkan sejenis sistem angka bersandarkan kepada kedudukan dan bernombor sifar (Shaharir Mohamad Zain, 2000). Operasi Matematik yang menggunakan operasi seperti hari ini menjadikan inovasi dari sarjana Muslim lebih terkehadapan dan lebih baik berbanding angka Romawi atau angka Latin yang digunakan di negara-negara Kristian ketika itu. Di Eropah, pada abad ke 13M barulah simbol-simbol ini digunakan. Gerbert Aurillac merupakan sarjana Eropah yang pertama sekali membawa angka Muslim ke Eropah (Norman Daniel, 1975).

Pada awalnya, penerimaan terhadap sistem angka Muslim tidak diterima dan tidak dipedulikan di Barat pada abad ke 13M sehinggalah ia diterjemah ke dalam Bahasa Latin. Buku sistem angka Muslim ini ialah *Al-Jam wa Al-Tafriq bi hisab Al-hind* atau Tolak Tambah dalam Ilmu Hisab Hindu (Wan Fuad Wan Hassan, 1996). Sistem aljabar yang dicetuskan oleh al-Khwarizmi (770-840M) juga merupakan satu cabang penting kepada dunia. Ilmu aljabar ini tersebar luas di Eropah setelah bukunya diterjemah ke dalam Bahasa Latin pada tahun 1145M oleh Robert of Chester bertajuk *Liber Algebras et Almucabala* (Charles Homer Haskin, 1965). Gerald of Cremona turut menerbitkan buku ini buat kali kedua yang diberi tajuk *De jebra et Almucabala* (Hill Donald R., 1993). Fibonacci dan Abraham bar Hiyya turut memperkenalkan ilmu algebra melalui karya penulisan mereka di dalam bahasa Hebrew yang kemudiannya diterjemahkan pula oleh Plato of Tivoli ke dalam Bahasa Latin pada tahun 1145M (Mehdi Khan Nakosteen, 1964). Di dalam bidang ilmu matematik ini ternyata kemampuan dan penerokaan sarjana Islam seperti al-Khwarizmi (770-840M) ini jauh mengatasi para sarjana Barat.

C) Sarjana Muslim bidang Perubatan

Sarjana Islam yang meninggalkan jasa besar terhadap dunia perubatan antaranya ialah Ibnu Sina (981-1037M) dan Al-Razi (864-930M). Banyak karya-karya sarjana ini dialih bahasa oleh ramai sarjana Barat demi merungkaikan rahsia dan penemuan-

penemuan terhadap penyakit. Antaranya sarjana Barat seperti Al-Khatib of Grenada (1313-1373M) meneruskan usaha menterjemah karya sarjana Islam ini antaranya menghasilkan ensiklopedia perubatan yang akhirnya menjadi rujukan utama di sekolah-sekolah perubatan Eropah (Mehdi Khan Nakosteen, 1964).

Menyebut tentang kesan pengaliran ilmu-ilmu yang dibawa sarjana Islam seperti Al-Razi (864-930M) ini amat banyak sekali. Sebagaimana penemuan berkenaan penyakit campak, ianya membolehkan menjadi rujukan utama ahli-ahli perubatan Barat sehinggalah diterbitkan karya Al-Razi (864-930M) beberapa kali sehinggalah abad ke 18M (Howard R. Tuner, 1997:135). Pelbagai buku-buku berkaitan perubatan yang dihasilkan sehingga hampir 200 buku berkenaan pelbagai kaedah, cara serta penyembuhan tentang sesuatu penyakit. Antara buku Al-Razi (864-930M) yang menjadi rujukan pelbagai pihak ialah seperti Kitab *Al-Hawi*, Kitab *Al-Mansur* dan Kitab *Al-Asrar*. Kitab *Al-Asrar* ini diterjemahkan ke dalam Bahasa Latin pada tahun 1187M oleh Gerald of Cremona yang mana menjadi rujukan utama berkenaan kimia sehingga abad ke 14M. Kitab *Al-Hawi* juga beberapa kali diterbitkan dari abad ke 12M hinggalah ke abad 17M yang menjadi sumber rujukan utama sarjana Barat (Ismail Saad, 1992).

Ibnu Sina (981-1037M) atau Avicenna panggilan di Barat merupakan sarjana Islam di dalam bidang perubatan dan falsafah yang terkenal dan menyumbang kepada peradaban dunia. Beliau sangat dihormati di atas keilmuan dan kehebatan dalam bidangnya. Kehebatannya terserlah melalui penghasilan karya agung beliau iaitu *Qanun Fi Tibb* yang mempunyai 5 jilid yang saling berkaitan seperti bidang fisiologi, kebersihan, patologi, terapeutik dan *materia medica* (Haidar Bammate, 1981).

Isi kandungan yang terdapat di dalam buku ini antaranya ubat-ubatan mudah, jenis-jenis penyakit pada anggota dalaman pada tubuh serta penyakit-penyakit yang mudah merebak, mengkaji penyakit anjing gila serta cara perawatannya di dalam bab VI, Jilid IV (Wan Fuad Wan Hassan, 1996). Karya agung Ibnu Sina (981-1037M) ini diiktiraf oleh

sama ada sarjana Islam malah sarjana Barat turut mengiktiraf nilai kandungannya. Isi kandungannya dijadikan teks perubatan bukan sahaja di negara Islam malah dipelajari di univerti di Perancis dan Itali lebih enam ratus tahun lamanya. Gerald of Cremona adalah sarjana Barat yang bertanggungjawab menterjemah karya ini ke dalam Bahasa Latin (Mehdi Khan Nakosteen, 1964). Pada abad ke 15M, ketinggian ilmu dan nilai yang terdapat pada buku *Qanun At-Tib* disunting sebanyak 15 kali ke dalam Bahasa Latin dan sekali di dalam Bahasa Hebrew.

Abu Walid Mohammad Ibnu Rushd (1128-1198M) atau dikenali sebagai *Aveeroes* di Barat merupakan sarjana Islam yang juga banyak menyumbang kepada peradaban dunia pengetahuan dan ilmu. Pelbagai komentar berkenaan karya-karya sarjana lain seperti Kanun Perubatan Avicenna, karya Galen *The Riad*, racun dan penyakit demam. Karya agung beliau di antaranya bertajuk *Al-kuliyah fi Al-Tibb* yang mengandungi berkenaan penyakit campak dan retina mata. Teori Ibnu Rushd (1128-1198M) berkenaan panyakit campak hanya berlaku sekali sahaja untuk setiap orang seumur hidup masih kekal hingga sekarang (Amir Hasan Siddiqi, 1967). Karya Ibnu Rushd (1128-1198M) telah diterjemah ke Bahasa Latin oleh Bonacossa dan diterbitkan di Venice buat pertama kalinya diikuti oleh pelbagai negara-negara Eropah yang lain. Karya ini digunakan sebagai buku teks di pusat pengajian tinggi di Eropah semasa zaman *Renaissance*.

Begitu juga dengan sarjana Islam yang dikenali sebagai Abu Marwan Ibnu Zuhr (1091-1162M) atau *Avenzoar*, ahli perubatan yang banyak memberi sumbangan di dalam bidang perubatan dengan menghasilkan 6 buah buku perubatan seperti *Al-Taysir fi Murawah wa al-Tadbir*. Fokus buku ini adalah berkaitan beberapa penyakit seperti *Itch-mite* atau *scabies*, *perikarditis*, penyakit telinga tengah, batu karang, *trakeotomi* dan sarap tiruan melalui mulut atau *anus* serta kepentingan teknik-teknik di dalam bidang perubatan (Donald Campbell, 1926, vol 1).

Abu Qassim Khalaf Ibnu Abbas Al-Zahrawi atau *Abulcasis* (936-1013M) merupakan pakar pembedahan Islam yang sangat disanjung. Beliau juga merupakan pakar bidang perubatan dan seorang ahli farmasi yang banyak melakukan ujikaji untuk menghasilkan ubat-ubatan. Kitab perubatan yang terkenal ialah *Al-Tasrif Liman Ajiza Al-Tali'* atau dikenali juga dengan nama *Kitab Al-Zahrawi* atau *Kitab Al-Tasrif* (Donald Campbell, 1926, *vol. 1*). Beliau mengarang kitab ini yang berhalaman 1500 dengan 30 bahagian membincangkan peralatan pembedahan, seni amalan perubatan dan kaedah rawatan *kauteri* bagi menghalang pendarahan. Kaedah yang dipelopori beliau digunakan secara meluas oleh doktor-doktor di Eropah sehinggalah abad pertengahan. Ramai lagi sarjana Islam membawa input yang sangat baik seperti Ibnu Nafis (1213-1288M) yang mengarang buku mengenai teknik-teknik pembedahan dan perawatan selepas pembedahan bertajuk *Al-Shamil fil-Sinaat Al-Tabbiyyah*.

Sarjana Islam di bidang kimia seperti Zakaria Al-Razi (864-930M) atau dikenali sebagai *Rhazes* di Barat merupakan antara pelopor ilmu kimia bereksperimen. Sumbangan terhadap dunia keilmuan dengan penjelasan terhadap kaedah *pengkalsinan*, pelarutan, penyejatan, penghabluran, pemejalwapan, penurasan dan *amalgamasi*. Al-Razi (864-930M) menyiapkan sebuah kitab manual berkenaan kaedah dan amali kimia yang diberi judul *Sirr Al-Asrar* (Wan Fuad Wan Hassan, 1996). Selain itu, kitab *Al-Hawi* menghuraikan cara penghasilan asid sulfurik dan alkohol melalui kaedah penyulingan dan penapaian kanji dan gula (Haidar Bammate, 1981).

Sarjana Islam terkemuka lain di bidang kimia termasuk Jabir Ibnu Hayyan atau dikenali sebagai *Geber* (738-813M) memberikan sumbangan yang besar kepada Eropah. Beliau menghasilkan ensiklopedia saintifik yang memberi pengaruh yang besar dan sumber rujukan utama baik di Timur dan di Barat (S.I.Poeradisastra, 1981). Jabir Ibnu Hayyan (738-813M) menghasilkan karya-karya yang bermutu tinggi sebanyak 500 buah sama ada berbentuk penulisan dan kitab-kitab di dalam bidang kimia ini, tetapi hanya sedikit sahaja yang dapat diketahui sehingga kini (Nasim Butt, 1991).

D) Sarjana Muslim bidang Kimia

Teori Jabir Ibnu Hayyan (738-813M) berkenaan dengan unsur-unsur logam jauh mengatasi ketepatan dari teori yang dikemukakan oleh Aristotle. Hasil daripada teori yang mengagumkan ini, Barat telah mengambil inisiatif untuk melakukan sedikit perubahan dan mengambil pakai kajian yang telah dilakukan Jabir Ibnu Hayyan (738-813M) di negara Barat sehingga ke kurun 18M. Begitu juga dengan yang membicarakan tentang ilmu optik dan ilmu cahaya dengan menghasilkan sekitar 200 karya-karya ilmiah (Azizan Baharudin, 1986).

Ibnu Haitham (965-1040M) turut menyangkal teori Euclides dan Plotimus berkaitan penglihatan yang timbul daripada benda yang dilihat dan bukan dari mata yang melihat. Eksperimen yang dijalankan Ibnu Haitham (965-1040M) membuktikan pelbagai teori sebelum ini tidak tepat dan membuktikan wujudnya refleksi cahaya dan refraksinya. Banyak kajian-kajian beliau seperti graviti bumi, kepadatan dan berat bahan turut dijalankan. Seorang sarjana Inggeris iaitu Tarricelli hanya dapat membuktikan dapatan Ibnu Haitham (965-1040M) selepas 5 abad berlalu (Haidar Bammate, 1981). Teori-teori Ibnu Haitham (965-1040M) digunakan secara meluas di Eropah dan diterjemahkan segala hasil kerja beliau.

Karya-karya ini menjadi rujukan dan mempunyai pengaruh yang besar di dalam pendidikan dan penyelidikan menjadi rujukan utama kepada sarjana Barat seperti Leonardo da Vince. Menurut Azizan Baharudin (1986), teori *avempace* oleh Ibnu Bajjah (1095-1138M) telah mempegaruhi Galilio Galilie iaitu seorang sarjana fizik mendapat idea mengenai hukum pergerakan moden dan sekali gus menyangkal teori-teori yang dikemukakan oleh peradaban Yunani terutamanya oleh Aristotle. Galilio menggunakan teori Ibnu Bajjah (1095-1138M) di dalam bukunya bertajuk *Pisan Dialogne*. Di awal kebangkitan *Renaissance* Eropah, hasil kajian ini dijadikan rujukan penting kerana ianya disokong oleh sarjana-sarjana mereka seperti St. Thomas dan Duns Scotus selama

beberapa abad selepasnya (Azizan Baharudin, 1986). Sarjana Barat, A Hamblodt yang mengatakan:

It is the Arabs who should be regarded as the real founders of physics

(Haidar Bammate, 1981:25)

E) Sarjana Muslim Bidang Botani

Pengetahuan para sarjana Islam tidak terhad hanya kepada bidang ilmu pengetahuan sebagaimana kajian seperti di atas sahaja, tetapi ia turut merangkumi subjek dan pelajaran berkaitan alam sekitar yang disebut ilmu botani, ilmu-ilmu zoologi, ilmu falsafah serta termasuk teknologi. Ilmu-ilmu botani dikuasai oleh para sarjana Islam meliputi teori dan praktikal berkenaan pertanian dan perkebunan. Asas kepada ilmu botani ini berkisar kepada tumbuh-tumbuhan serta yang berkaitan seperti perbezaan jantina jenis-jenis pokok, sains pertanian, kandungan dan zat tanah yang sesuai termasuk teknik penanaman, pembiakan dan pengeluaran hasil pokok. Para sarjana Islam yang terkenal di bidang botani ini di antaranya ialah Abu Ubaid Al-Bakri Ibnu Hajjaj dan Abu Zakaria Yahya Ibnu Muhammad Ibnu Al-Awwam.

Abu Zakaria telah menghasilkan beberapa buah buku berkenaan ilmu botani ini pada awal abad ke 11M lagi dengan menghasilkan buku seperti Kitab *Al-Filahah*. Buku ini mempunyai 34 bab yang mana secara keseluruhannya membincangkan tentang 585 jenis tumbuh-tumbuhan serta cara menanam 50 jenis pokok buah-buahan. Tidak sekadar menceritakan tentang pokok sahaja, Abu Zakaria turut membuat kajian dan mengembangkan secara praktikal bagaimana untuk mencantum dan mengetut pokok,

mengkaji dan memberi penerangan berkaitan dengan sifat tanah dan sifat baja termasuk membincangkan berkaitan jenis-jenis penyakit pokok (Amir Hassan Siddiqi, 1967).

Ramai lagi sarjana Islam berkaitan botani ini yang memberi dan membuka laluan kepada ilmu pengetahuan *global* seperti Abu Jaafar Ahmad Ibnu Muhammad Al-Qurtubi (1214-1273M). Pengetahuan beliau hasil percaknaan ilmu banyak merungkaikan sains pertanian yang memberi mesej penting bahawa Islam tidak hanya pada ilmu-ilmu ukhrawi sahaja. Karya-karya beliau antaranya ialah *Al-Adwiyah Al-Mufradah*.

F) Sarjana Muslim Bidang Zoologi

Di dalam bidang zoologi pula, ramai sarjana Islam terkenal dengan keilmuan dan penghasilan buku-buku berkaitan zoologi ini. Ilmu-ilmu zoologi berkaitan dengan haiwan dan perkara yang berkaitan dengan haiwan. Sebagai contoh, sarjana Islam yang bernama Abu Uthman Amr Ibnu Bahr Al-Jahiz (776-868M). Kitabnya berkaitan haiwan yang terkenal adalah Kitab *Al-Hayawan* yang merungkaikan prinsip-prinsip teori evolusi moden, sifat dan psikologi binatang (Wan Fuad Wan Hassan, 1996). Ibnu Jawa Liqi menulis berkaitan kuda, Al-Marwazi (770-874M) menulis berkaitan sifat-sifat binatang dan Ibnu Bajjah (1095-1138M) menulis tentang aktiviti memburu binatang (Azizan Baharuddin, 1986). Selain dari itu, sarjana Islam juga mengusai ilmu-ilmu falsafah yang membicarakan sesuatu perkara melalui pemikiran logik, metafizik dan penghuraian sesuatu perkara berdasarkan akal.

G) Sarjana Muslim Bidang Falsafah

Ilmu falsafah berakhir ketika era Aristotele (322-384SM) yang merupakan sarjana falsafah Yunani yang amat terkenal pada zaman tersebut sehinggalah kemunculan Abu Yusuf bin Ishak atau Al-Kindi (806-873M) selepas 1122 tahun kemudian. Di antara sela masa ini, tidak terdapat mana-mana sarjana Barat yang muncul membicarakan berkaitan falsafah. Bagi pengkaji, akar dan tunjang ilmu falsafah secara literalnya diambil dari falsafah Yunani, tetapi apabila para sarjana falsafah Islam mengambil manfaat tersebut lalu dihuraikan secara kerangka keagamaan yang tidak merubah dasar ajaran. Ia berhasrat untuk menghuraikan kekusutan akibat kecelaruan pemikiran yang terdapat di kalangan rakyat yang dipengaruhi kedangkalan ilmu dan persoalan logik semata.

Al-Kindi (806-873M) memulakan kegiatan falsafahnya dengan merujuk kepada buku-buku Plato dan Aristotele. Pada waktu pemerintahan Khalifah Harun al-Rasyid (786-810M) dan anaknya Khalifah al-Ma'mun (813-833M) banyak sekali buku-buku falsafah dihasilkan dan penterjemahan karya-karya falsafah Yunani dialih bahasa ke dalam Bahasa Arab giat dijalankan. Peranan Al-Kindi (806-873M) di dalam keilmuan falsafah menjadi pelopor kepada umat Islam di Timur dan permulaan kegiatan falsafah Barat mula diketengahkan.

Selain Al-Kindi (806-873M), sarjana seperti Abu Nasr Muhammad bin Muhammad Tharkan atau dikenali dengan Al-Farabi (870-950M) juga merupakan tokoh dalam bidang falsafah. Di Barat Al-Farabi (870-950M) dikenali dengan panggilan *Al-Pharabius*. Begitu juga Ibnu Rushd (1128-1198M) merupakan sarjana Islam yang banyak menghasilkan karya-karya falsafah yang diterjemah bukunya dan dijadikan rujukan oleh para sarjana Barat.

Penghasilan karya-karya falsafah menerusi kaca mata Islam ini dikembangkan dengan penterjemahan oleh sarjana-sarjana Barat. Faktor ini menjadikan pengaliran ilmu-ilmu Islam ini dipermudahkan dan tersebar melalui peredaran dan perantaraan para sarjana Barat itu sendiri. Pembuktian berlakunya pengaliran ilmu falsafah Islam ke peradaban Barat ialah apabila penemuan penggunaan teks *Organon* Aristotles di Universiti Paris. Keseluruhan teks *organon* merupakan teks komentar falsafah Islam, bukan *organon* Aristotle yang asal (Oemar Amin Hoesin, 1959).

H) Sarjana Muslim Bidang Optik

Seperti mana Ibnu Haitham (965-1040M) ini, beliau turut menyangkal teori-teori optikal Euclid dan Ptolemy yang merupakan sarjana Greek yang hebat. Pandangan ahli sarjana Yunani ini mengatakan bahawa mata menerima imej daripada berbagai-bagai objek dengan menghantar sinaran penglibatan pada titik tertentu disangkal dan Ibnu Haitham (965-1040M) mengemukakan teorinya sendiri dan membuktikan bahawa bentuk objek yang dilihat itulah yang memancar ke retina mata setelah melalui kanta mata.

Tidak setakat itu, pemerhatian dan dapatan Ibnu Haitham (965-1040M) juga pada edaran dan putaran subjek-subjek pada lingkaran cahaya disekeliling matahari dan bulan, pelangi, bayang-bayang cermin sfera dan parabola (Ali Abdullah Al-Daffa', 1988). Roger Bacon adalah di antara sarjana Barat yang mengagumi hasil kerja Ibnu Haitham. Beliau banyak menggunakan idea-idea dan formula Ibnu Haitham (965-1040M) dan mengembangkan ilmu optik tersebut pada zamannya. Karya berkaitan optik oleh Ibnu Haitham (965-1040M) iaitu *Opticae Thesaurus* banyak digunakan sebagai rujukan oleh Roger Bacon.

Pada zamannya, terdapat seorang lagi sarjana yang bernama Grosseteste tetapi Roger Bacon lebih menyerlah dan lebih berjaya di dalam bidang optik di negaranya kerana hasil dari rujukan dan bacaannya terhadap karya Ibnu Haitham (965-1040M) berbanding Grossetete. Bukan sahaja mereka berdua yang meneliti karya Ibnu Haitham (965-1040M), malah Leonardo da Vinci serta Johann Kepler juga mengambil manfaat hasil sarjana Islam ini. Kebangkitan yang dibincangkan yang berlaku di Eropah adalah disebabkan pemerksaan umat Islam menggembeling pendidikan dan meletakkan tanda aras yang begitu signifikan terhadap kejayaan pendidikan. Pengkaji meringkaskan dapatan para ilmuan Islam yang menguasai kedua-dua aliran ilmu iaitu *aqliyyah* dan *naqliyyah* sebagaimana proses pendidikan yang berlaku berdasarkan jadual di bawah.

Jadual dibawah adalah ringkasan diantara nama-nama para sarjana Islam yang menyumbang pelbagai aspek keilmuan yang dimiliki mereka terhadap peradaban umat di dunia ini. Nama-nama para sarjana Islam yang disenaraikan adalah terdiri dari mereka yang masih sempat hidup di sepanjang pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M). Para sarjana ini menepati konsep dan objektif kajian yang membincangkan aliran *aqliyyah* yang turut menguasai ilmu *naqliyyah* sepertimana jadual di bawah.

Jadual 2: Senarai tokoh-tokoh Sarjana Islam sepanjang Pemerintahan Abbasiyyah.

Nama Tokoh	Gelaran di Barat	Bidang Kepakaran <i>Ulum Aqliyyah</i>	Tarikh (masihi)
Jabir Ibnu Haiyan	Geber	Kimia (Bapa Kimia)	803
Al-Asmai		Zoologi, Botani, Peternakan Haiwan	740 - 828
Al-Khwarizmi	Algorizm	Matematik, Astronomi, Geografi. (Algoritma, Bapa Algebra, kalkulus)	770 - 840
'Amr Ibnu Bahr Al-Jahiz		Zoologi, Kesusasteraan Arab, Logik, <i>Leksikografi</i>	776 - 868
Ibnu Ishaq Al-Kindi	Alkindus	Falsafah, Fizik, Optik, Perubatan, Matematik, Metalurgi.	800 - 873

Thabit Ibnu Qurrah	Thebit	Astronomi, Mekanik, Geometri, Anatomi.	836 - 901
'Abbas Ibnu Firnas		Mekanik penerbangan, Planetarium, Kristal tiruan.	888
Ali Ibnu Rabban Al-At-Tabariy		Perubatan, Matematik, Kaligrafi, Sastera.	838 - 870
Al-Battani	Albategnius	Astronomi, Matematik, Trigonometri.	858 - 929
Al-Farghani	Al-Fraganus	Astronomi, Kejuruteraan Awam.	860
Al-Razi	Rhazes	Perubatan (penemu ubat Cacar), Ophthalmologi, Kimia, Astronomi.	864 - 930
Al-Farabi	Al-Pharabius	Sosiologi, Logik, Falsafah, Sains Politik, Muzik.	870 - 950
Abul Hasan Ali Al-Masu'di		Geografi, Sejarah.	m.957
Al-Sufi	Azophi	Astronomi	903 - 986
Abu Al-Qasim Al-Zahravi	Albucasis	Pembedahan, Perubatan. (Bapa Pembedahan Moden)	936 - 1013
Muhammad Al-Buzjani		Matematik, Astronomi, Geometri, Trigonometri.	940 - 997
Ibnu al-Haitham	Alhazen	Fizik, Optiks, Matematik.	965 - 1040
Al-Mawardi	Alboacen	Sains Politik, Sosiologi, Perundangan, Etika.	972 - 1058
Abu Raihan Al-Biruni		Astronomi, Matematik. (Kiraan ukuran Bumi)	973-1048
Ibnu Sina	Avicenna	Perubatan, Falsafah, Matematik, Astronomi.	981 - 1037
Al-Zarqali	Arzachel	Astronomi (Pencipta Balai Cerap).	1028 - 1087
Omar Al-Khayyam		Matematik, Kesusasteraan.	1044 - 1123
Al-Ghazali	Algazel	Sosiologi, Theologi, Falsafah.	1058 - 1111
Abu Bakr Muhammad Ibnu Yahya (Ibnu Bajjah)		Falsafah, Perubatan, Matematik, Astronomi, Kesusasteraan, Muzik.	1106 - 1138
Ibnu Zuhr	Avenzoar	Pembedahan, Perubatan.	1091 - 1161
Al-Idrisi	Dreses	Geografi (Peta Dunia, Globe pertama dihasilkan).	1099 - 1166
Ibnu Tufayl, Abdubacer		Falsafah, Perubatan, Kesusasteraan.	1110 - 1185
Ibnu Rushd	Averroes	Falsafah, Undang-undang, Perubatan, Astronomi, Teologi.	1128 - 1198

Al-Bitruji	Alpetragius	Astronomi	1204
Ibnu Al-Baitar		Farmaci, Botani	1248
Nasir Al-Din Al-Tusi		Astronomi, Non-Euclidean Geometri.	1201 - 1274
Jalal Al-Din Rumi		Sosiologi	1207 - 1273
Ibnu Al-Nafis Damishqui		Anatomi	1213 - 1288

Ribuan tokoh yang dihasilkan adalah mahir dan pakar di dalam 2 cabang ilmu yang dinyatakan dan tiada pemisahan di antara ilmu ukhrawi dan duniawi. Pembuktian frasa yang disebutkan di atas ini juga antara lain seperti pemikiran serta falsafah yang digarap melalui ideologi berlandaskan Islam menjadikan tokoh-tokoh Islam yang mempunyai pemikiran yang jelas dalam merencanakan kehidupan yang lestari serta melangkaui jauh aliran pemikiran di waktu itu, yang meliputi pelbagai disiplin bidang dan jurusan di mana sehingga ke hari ini tinggalan kitab dan manuskrip mereka masih lagi dikaji. Pengkaji merasakan dan berpendapat bahawa kenyataan berkenaan semangat dan peradaban ilmu Islam ini amat di dasari oleh kerangka keagamaan.

4.4.2 Pencapaian Sarjana Muslim Merubah Kurikulum di Eropah

Perkembangan peradaban Islam melalui literasi keilmuan menyebabkan pengaliran ilmu yang berlaku menaikkan semangat ingin menimba ilmu di kalangan masyarakat Eropah. Sarjana Barat yang menyedari perubahan, peningkatan dan peradaban Islam menjadikan mereka berlumba-lumba datang ke negara-negara Islam untuk mendalami ilmu pengetahuan. Bukan sekadar itu, mereka membawa balik segala bidang keilmuan dan aspek penterjemahan yang dilakukan menjadi batu loncatan untuk mereka lebih berdaya saing dan ingin mengatasi pencapaian Umat Islam. Kesan daripada pengaliran ilmu-ilmu Islam ini ke Eropah dan Barat menatijahkan kepada kewujudan

pusat-pusat pengajian tinggi. Penubuhan universiti ini berlaku akibat kesan pengaruh pendidikan yang dibawa sarjana Islam mencetuskan pengaliran ilmu lalu merubah sistem pendidikan Eropah.

The first appearance of european universities coincided with the vast influx of translations, adaptations, and commentaries of Muslim works in Sciences, technology, philosophy, and theology. Indeed, these universities were brought about as a result of this wholesale importation, whereby not only Muslim creative works but also Greco-Hellenistic, Syriac-Zoroastrian, and Hindu materials reached the Latin world of the West through theses Arabic translations, commentaries, and adaptations. This inflow included also scientific and philosophic works which, although brought to Europe's attention through Latin versions of them as derived from Arabic translations, were being translated now directly from Greek

(Mehdi Khan Nakosteen, 1964:88)

Pertumbuhan universiti-universiti di Eropah khususnya adalah selari dengan aktiviti-aktiviti yang telah berlaku seperti penterjemahan karya-karya Islam, adaptasi keilmuan serta hasil penemuan para sarjana Islam terhadap bidang-bidang dan cabang keilmuan. Perkembangan pesat dari sudut penterjemahan memungkinkan pertumbuhan pesat sesebuah institusi pengajian tinggi sebagaimana yang disebutkan oleh W.B. Fisher:

From Spain, the idea of a university spread into southern Italy, where Moslem models were explicitly acknowledged

(W.B. Fisher, 1958: 62)

Kunjungan sarjana Eropah bertujuan menimba ilmu pengetahuan di pihak sarjana Islam menampakkan percambahan ilmu yang berlaku memberi gambaran jelas bahawa aspek-aspek peningkatan integrasi ilmu Islam diterima Barat sebagai pemangkin kepada perubahan yang berlaku. Mereka datang untuk mengambil manfaat dari keilmuan sarjana Islam untuk dibawa pulang. Sebagaimana yang dijelaskan oleh A. Guillaume:

Scholars from Europe visited Muslim Spain to learn philosophy, mathematics, astronomy and medicine. The oldest European university owe an enormous debt to those scholars who returned from Spain bringing with them the knowledge they had gained at the Arab universities of that country

(A. Guillaume, 1954: 85)

Perubahan mendadak akibat pengaliran ilmu dari Tamadun Islam melalui karya penterjemahan sarjana-sarjana Islam menyebabkan berlakunya perubahan perkembangan kurikulum di Eropah. Pertambahan ini melibatkan beberapa kurikulum baru yang dihasilkan sarjana Islam. Menurut Mehdi Khan Nakosteen (1964), antara cabang ilmu sains yang menjadi pertambahan kurikulum ialah seperti ilmu algebra, geometri, trigonometri, astronomi, kimia, kesusasteraan dan juga muzik. Pembentukan kurikulum baru ini berlaku serentak dengan penubuhan universiti-universiti Eropah pada abad ke 12 dan ke 13. Ilmu perubatan semakin aktif dipelajari dan dibangunkan kurikulumnya, di pertingkatkan dapatan teologi, konsep-konsep baru di dalam ilmu matematik serta perubahan ini meninggalkan kesan baru terhadap perubahan teologi dan mencetuskan kontroversi di bidang falsafah. Bidang pengembangan kurikulum ini selari dengan perkembangan keintelektualan yang berlaku (Mehdi Khan Nakosteen, 1964).

Subjek bagi zaman pertengahan di Eropah masih lagi tidak begitu lengkap dan terhad sumbernya. Perubahan yang berlaku berkisar kepada aliran sastera yang terdiri

daripada tiga aliran falsafah iaitu falsafah moral, falsafah semula jadi dan metafizik. Tetapi keperluan pada waktu itu dijadikan keutamaan setelah perkembangan sains berlaku seperti perubatan, undang-undang dan teologi turut di perembangkan. Astronomi satu lagi subjek yang diajarkan sebagai kurikulum baru yang digunakan sebagai ramalan untuk teori berkaitan ilmu astrologi. Buku-buku teks yang digunakan yang terdiri daripada buku Greek dan karya terjemahan Arab (David C. Lindberg, 1978).

Kurikulum yang berjalan menghasilkan keseragaman disebabkan pengaliran ilmu Greek dan Arab berlaku dengan masa yang pantas melalui kegiatan penterjemahan seawal abad ke 12M menerusi para sarjana-sarjana Eropah. Kemajuan yang pesat dari segi perpindahan ilmu dan penterjemahan yang berlaku bukan sahaja memberi kesan langsung kepada pembangunan prasarana seperti pusat-pusat pengajian yang berbentuk fizikal dan material, malah olahan sarjana Islam terhadap sesuatu bidang dan subjek itu turut mempengaruhi aliran pemikiran dan keintelektualan para sarjana Eropah dan Barat. Kesan serta pengaruh ke atas ruang pemikiran dan dapatan turut menjadikan hasil penemuan dan kajian sarjana Islam diterima dan diguna pakai ilmunya terutamanya di bidang sains tulen seperti astronomi, fizik, optik termasuk falsafah.

4.4.3 Pengaruh Falsafah Islam Terhadap Pemikiran Sarjana Eropah

Ibnu Tufayl (1110-1185M) merupakan sarjana Islam dalam berkaitan ilmu falsafah yang meninggalkan pengaruh yang besar kepada aliran pemikiran serta falsafah sarjana Barat. Karya beliau seperti *Hayy Ibnu Yaqzan* yang menceritakan tentang evolusi manusia dari saat dilahirkan sehinggalah kepada kedewasaan. Karya ini menjadi fenomena di kalangan rakyat mahupun para karyawan dan sasterawan di Andalus, Timur mahupun Barat kerana isinya yang mengandungi pelbagai implikasi falsafah yang senang diterima serta menjadi cerita rakyat turun temurun di kalangan masyarakat.

Menurut Azizan Baharudin (1986), karya Ibnu Tufayl (1110-1185M) ini yang membahagikan secara bertema menggunakan naratif penceritaan mempengaruhi karya-karya sarjana Barat yang mana mereka menjadikan Ibnu Tufayl (1110-1185M) sebagai rujukan di dalam menghasilkan sesuatu karya mereka. Ini dibuktikan dengan penghasilan karya Crition (1601-1655M) bertajuk *Baltasar Gracian* yang mempunyai naratif yang agak sama dari sudut tema dan pembahagian tema di mana beliau turut menceritakan tiga kejadian perkembangan manusia. Daniel Defoe (1600-1731M) yang menghasilkan karya bertajuk *Robinson Crusoe* turut mempunyai persamaan yang jelas dipengaruhi oleh karya Ibnu Tufayl (1110-1185M). Pada tahun 1719, Daniel Defoe menerbitkan karyanya setelah karya *Hayy Ibnu Yaqzan* diterjemah ke dalam Bahasa Inggeris.

Pengaruh ilmu falsafah dari sarjana Islam seperti Ibnu Sina (981-1037M), Al-Ghazali (1058-1111M) dan Ibnu Rushd (1128-1198M) terhadap sarjana Barat turut mencorakkan pemikiran mereka. Penggunaan aliran falsafah dan sistem teologi ini dengan segenap kebolehan intelektual terpaksa ditolak dari berkembang oleh Albertus Magnus (1193-1280M) dan Thomas Aquinas dengan mengkritik dan menyangkal aliran falsafah Islam. Ini kerana falsafah mereka berkisar hanya sekitar logik akal dan tidak kebergantungan kepada kepada metafizik secara *eterniti* (Mehdi Khan Nakosteen, 1964).

Sumbangan besar yang dimainkan oleh Ibnu Rushd (1128-1198M) di bidang falsafah ini sehinggalah dikenali *Aveeroism* dari abad ke 13M hinggalah ke abad 17M. Pada pertengahan abad ke 14M dan abad ke 15M, fahaman falsafah Ibnu Rushd (1128-1198M) telah meresapi dan melatari dasar kurikulum falsafah Barat apabila hampir semua pusat pengajian tinggi di Eropah menggunakan karya-karya Ibnu Rushd (1128-1198M) sebagai teks pengajian falsafah. Aliran ini sangat berpengaruh dan mempengaruhi ramai sarjana dan tokoh masyarakat Barat seperti St. Thomas Aquinas yang memperakui dan menjadikan Ibnu Rushd (1128-1198M) sebagai pengulas metafizik dan psikologi Aristotle yang terbaik malahan mendakwa ilmu logik yang didatangkan Ibnu Rushd (1128-1198M) adalah tiada tandingan oleh mana-mana sarjana (Azizan Baharudin, 1986).

Pengaliran ilmu dari Tamadun Islam kepada tamadun Eropah sepertimana berlaku di Sepanyol antara faktor yang menjadikan satu-satunya wilayah pemerintahan orang Islam di Eropah sebagai pusat pertembungan ilmu di antara Tamadun Islam dan kebangkitan Tamadun Eropah. Jika diamati dari beberapa sumber seperti M.A.J Beg (1983), beliau menyebutkan tentang peranan serta kesan di antara tanah jajahan Khilafah Abbasiyyah (749-1256M) seperti di Sepanyol memainkan peranan yang besar di sektor pendidikan yang membawa kepada kebangkitan di Eropah. Pengarang menegaskan bahawa Kordova merupakan pusat Tamadun Islam yang hebat di Eropah, bersaing dengan Baghdad di Timur tengah, dan Constantinople dari Bizantium. Orang-orang Arab mengasaskan bandar-bandar baru dan membangun kota lama di Sepanyol. Kota Cordova mereka adalah tempat khalifah, pusat pembelajaran dan juara tradisi Islam (M.A.J Beg, 1983).

4.4.4 *Renaissance* dan Kebangkitan Eropah

Pendapat Azizan Baharudin (1986) berkenaan dengan maksud *Renaissance* ialah suatu penemuan baru di bidang keilmuan dan proses penggunaan akal yang membawa kepada perubahan semenjak dari zaman Yunani. Peranan yang dimainkan oleh Tamadun Islam memberi ruang kebangkitan dan lonjakan perubahan kepada Eropah. Ianya menunjukkan bahawa proses pergerakan yang menunjukkan berakhirnya zaman pertengahan menuju zaman kemodenan (Azizan Baharudin, 1986).

Pengkaji berpendapat perhubungan di antara negara-negara luar memainkan peranan yang amat signifikan kepada Khilafah Abbasiyyah (749-1256M) di sepanjang pemerintahan. Perluasan kuasa dan tanah jajahan, aspek ekonomi dan perdagangan, malah sektor pendidikan turut memacu ke arah peradaban ke arah yang lebih baik. Di zaman perluasan pengaruh Islam yang kian berkembang semenjak era *Khulafa ar-Rasyidin*

seperti di Iraq, Syria dan Mesir, masyarakat Islam telah bertembung dan berinteraksi dengan pelbagai tamadun yang wujud di negara-negara tersebut. Di Iraq sebagai contoh, berlaku pertembungan dengan Tamadun Babylon dan Parsi. Di Mesir berlaku juga interaksi dengan tamadun Yunani dan Romawi (Abul-Fazl Ezzati, 1976).

Apabila pemerintahan Kerajaan Umayyah (661-750M) dan seterusnya Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) semakin meluas dan berkembang pengaruhnya, maka berlaku lagi pertembungan di antara Tamadun Islam dengan India dan China. Pada waktu ini, berlakulah pelbagai pertembungan tamadun dan interaksi di antara kerajaan dengan kerajaan termasuklah interaksi dan komunikasi di antara masyarakat amnya (Azizan Baharudin, 1986). Pengkaji berpendapat hasil dari faktor ini, turut mengakibatkan pengaliran ilmu di antara negara, pertukaran bahasa dan budaya, perdagangan dan perniagaan serta kerjasama dari sudut politik dan kuasa pemerintahan.

Penelitian pengkaji dari sudut geografi, dengan keberadaan umat Islam di Sepanyol, menjadi pemangkin kepada masyarakat Sepanyol khususnya menerima Islam, malahan menjadi pencetus kepada kebangkitan Eropah. Faktor utama ini adalah salah satu sebab menjadi permulaan kepada tamadun Eropah bermula. Keberadaan masyarakat Islam di Sepanyol dari segi geografi terutamanya menampakkan kedudukan yang jelas lebih baik sama ada dari segi binaan prasarana mahupun kewibawaan persoaliti sarjana Islam menunjukkan kegemilangan keintelektualan dan ketamadunan yang meningkat sedangkan masyarakat Eropah masih lagi berada di bawah cengkaman kegelapan yang disebut sebagai Zaman Kegelapan atau *The Dark Ages*.

Di abad ke 4M sehinggalah ke abad 12M, masyarakat Eropah terbelenggu dengan golongan *eklesiastik*⁵⁵ iaitu paderi atau ketua agama Kristian yang mendasari kehidupan mereka dengan perselisihan doktrin-doktrin dari isi dan tafsiran kitab Injil. Pengawalan

⁵⁵ Cambridge Advanced Learner's Dictionary (2008) 3rd Edition, Cambridge University Press, Singapore mendefinisikan *eklesiastik* sebagai *a Christian Priest or Official*. Maksud penulis di dalam perenggan ini ialah pengaruh yang di bawa oleh paderi yang membawa maksud perkaitan ajaran Kristian. Rujuk halaman 446.

kehidupan berpaksikan sumber-sumber ini mengawal, mengatur serta membina kehidupan masyarakat menatijahkan keputusan yang terkebelakang. Golongan-golongan ini mengambil kesempatan dengan menjual ajaran mereka dan mendewa-dewakan tokoh-tokoh tertentu (Abul-Fazl Ezzati, 1976). Faktor ini menjejaskan peranan yang perlu dimainkan ahli masyarakat, menjadikan kebuntuan pemikiran dan menghasilkan tindakan yang melampau batas ekoran kekangan dan ketidakbebasan menjalani kehidupan.

Ahli masyarakat menaruh kepercayaan kepada golongan *eklesiastik* yang mendominasi suasana kehidupan dengan menetapkan kebenaran hanya boleh didapati melalui kitab mereka semata-mata serta menafikan peranan akal sebagai alat mencapai kebenaran (Oemar Amin Hoesin, 1959). Ia turut dikenali dengan sela masa pertembungan atau konflik antara alasan dan kuasa di mana tahun-tahun ini merupakan zaman percanggahan pendapat di antara akal dan penguasaan pihak gereja. Dengan pengaliran keilmuan yang berlaku dari Tamadun Islam ke Eropah menjadi batu loncatan untuk Eropah keluar dari kepompong dan cengkaman zaman gelap.

Islamic centers of learning, specially the courts of Toledo, Cordova and Palermo, attracted Christian scholars in the waning years of the Middle ages. Muslim learning provided an impetus to the revivification of independent thinking in Southern Europe in the upper Middle Ages leading into the resaisance. There is no doubt that the influence of Islam was not restricted only to purely intellectual and scientific fields but was extended to ideology and theology and the flow of Islamic rational thinking in the field of religion

(Abul-Fazl Ezzati, 1976:95)

By the thirteenth century the great period of Arab science had passed, the Christian West, Profiting from the many Latin translations of Arab writings, began to take over where the Arabs had left off and to prepare for the Renaissance.

(Rene Taton, 1963:398)

Pada abad ke 10, bandar Cordova di Sepanyol mengatasi kemegahan Constantinople dengan hospital, universiti, masjid dan istana yang cantik binaannya, perpustakaan awam, tempat pemandian awam dan taman-taman yang indah. Kemudahan itu semua hadir di bandar-bandar utama Muslim Sepanyol, dan membantu mewujudkan persekitaran intelektual yang menghasilkan minda hebat di Andalusia (Chejne Anwar G, 1974). Ketika era pemerintahan Khilafah Abbasiyyah (749-1256M) berada di penghujung kejayaan, sedikit demi sedikit perkembangan sains Arab merosot di tanah Timur Islam, ianya semakin berkembang di tanah Barat iaitu di Sepanyol.

Menurut Philip K.Hitty (1970), Kota Kordova mengambil tempat Baghdad sebagai pusat pembelajaran, sementara Toledo dan Seville berkongsi sebagai bandar intelektual. Para sarjana Arab Sepanyol yang dibina di atas asas-asas yang dibentangkan oleh para ulama mereka di Iraq, Syria, Mesir dan Parsi meniti kejayaan dan zaman keemasan mereka meliputi kira-kira sebelas dan dua belas abad (Philips K. Hitti, 1970). Glen M.Cooper (1997) menyebut bahawa negara Barat amat terhutang budi kepada tokoh-tokoh sarjana Islam. Beliau menyarankan agar pihak Barat meraikan bahagian Bahasa Arab dan Islam yang telah berjasa buat mereka dan berpendapat bahawa proses sejarah penterjemahan dan pembahagian warisan intelek satu lagi budaya yang melibatkan hubungan kuasa yang mempengaruhi bagaimana budaya penerima menerima dan mengingati warisan budaya yang diterima.

Pada zaman pertengahan yang dikenali zaman keemasan Islam ini, ketamadunan yang dibawa Islam dan digerakkan masyarakat Islam telah menatijahkan sebuah peradaban yang baru dan jauh lebih baik dari sebelumnya. Nilai kehidupan yang dimiliki orang Islam menjadikan masyarakat Eropah membuka minda dan melihat kejayaan yang dipacu ini (Oemar Amin Hoesin, 1959). Maka dengan itu timbul keazaman di kalangan masyarakat Eropah untuk membebaskan diri dari sistem yang membelenggu serta

dikongkong *eklesiastik*. Para pelajar, para sarjana serta cerdik pandai Eropah mula mengunjungi negara-negara Islam untuk mendalami, mempelajari serta mempertingkatkan kemahiran diri dan mempersiapkan tahap keilmuan untuk melakukan perubahan. Gerakan keilmuan inilah yang merintis kepada berlakunya *Renaissance* (Rene Taton, 1963).

4.5 Kesimpulan

Pendekatan pendidikan di zaman Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) meniti kejayaan sistem tradisi keilmuan dan hasilnya melahirkan insan-insan pelajar yang seimbang di antara pelajar aliran *aqliyyah* yang turut menguasai aliran *naqliyyah*. Para pemerintah Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) telah menunjukkan komitmen yang terbaik di dalam memberi rangsangan dan sumbangan terhadap perkembangan tradisi keilmuan sepanjang pemerintahan mereka. Kejayaan yang terbukti telah diiktiraf dan dikenang sebagai Zaman Keemasan Islam yang menjadi penanda aras bagi sesebuah ketamadunan. Para pemerintah menikmati kelangsungan politik dan kestabilan kerajaan kerana didokong oleh para ilmuan dan segenap lapisan masyarakat yang sememangnya cinta dan dahagakan ilmu.

Dari sudut pendekatan pendidikan dan mata pelajaran, pendekatan pendidikan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) mementingkan sumber utama Al-Quran dan Hadith sejak dari sekolah rendah lagi atau kuttab. Kandungan kurikulum yang dititikberatkan pula adalah mengikut terma keseimbangan merangkumi ilmu *naqliyyah* dan ilmu *aqliyyah*. Aktiviti-aktiviti pendidikan seperti penterjemahan karya-karya tamadun luar dan pembukuan hasil kajian umat Islam antara ciri-ciri lain yang ketara pada sistem pendidikan.

Aktiviti ini membawa kepada tersebarnya ilmu pengetahuan dan permindahan maklumat berlaku. Kebanyakan karya terjemahan dan karya asal sarjana Islam ini digunakan sebagai teks utama di universiti-universiti dan menjadi rujukan para sarjana Eropah. Standard kurikulum yang diasaskan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) di dalam melahirkan para pelajar yang menguasai pelbagai bidang, faktor-faktor keteguhan yang dipamerkan, mengukuhkan daya saing dan jati diri para sarjana Islam memberi impak dan pengaruh besar kepada perubahan kehidupan masyarakat Eropah. Kemunculan pelbagai institusi pendidikan jelas membuktikan tentang perkembangan pesat aktiviti keilmuan dalam masyarakat Islam. Perkembangan ini menunjukkan minat yang mendalam masyarakat terhadap ilmu pengetahuan.

Keunggulan tamadun Islam dalam bidang sains dan teknologi pula jelas terserlah. Proses penterjemahan karya luar menatijahkan umat Islam menguasai semua bidang keilmuan, lalu menyumbang idea-idea baru, melakukan penambahbaikan terhadap karya tamadun luar serta memberi kritikan membina terhadapnya. Pertumbuhan institusi pendidikan yang bersistematik membuktikan ajaran Islam memartabatkan ilmu pengetahuan dan sentiasa menggalakkan umatnya menuntut ilmu. Selain rangsangan daripada al-Quran dan Hadist terhadap pembudayaan ilmu, factor lain termasuk naungan politik pemerintah, peranan golongan ulama serta proses penyerapan dan penyaringan budaya ilmu asing ke dalam budaya ilmu Islam turut membantu sehingga munculnya institusi pendidikan yang berkembang pesat.

Peranan pemerintah terhadap kegiatan intelektual dan perkembangan institusi pendidikan Berjaya membentuk suatu sistem pendidikan yang menggabungkan ilmu dari sumber wahyu dengan ilmu dari sumber akal. Sarjana Islam adalah lambang kesepaduan tradisi keilmuan yang dilalui. Hal ini jelas dilihat melalui latar belakang tradisi keilmuan dan sumbangan mereka. Kesungguhan menambahkan keilmuan, penguasaan dan kemampuan untuk menguasai pelbagai bidang ilmu pengetahuan menampakkan persaingan dan perlumbaan yang sihat di kalangan umat Islam menyumbang kepada kecemerlangan ilmu.

Tanpa peranan Islam yang menyediakan standard pendekatan tradisi keilmuan, menghasilkan faktor yang membawa kesan memberangsangkan, tidak mungkin Eropah akan berdiri dengan sendiri. Betapa pentingnya ketamadunan Islam hasil corak dan pemerintahan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) membuktikan bahawa segala ilmu pengetahuan yang dimiliki sarjana Barat adalah usaha gigih para sarjana Islam terdahulu. Kesan-kesan kejayaan ini juga merupakan batu loncatan kepada pihak Eropah khususnya di dalam menjadikan acuan dasar umat Islam sebagai model dan pendorong untuk mereka keluar dari kepompong kegelapan dan mencetuskan *Renaissance*.

BAB LIMA

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini akan membuat rumusan dan cadangan hasil kajian tesis. Kajian ini melibatkan sebuah kerajaan yang pernah membawa tradisi keilmuan ke puncak ketamadunan. Keterbukaan Islam yang tidak mengesampingkan ekologi keilmuan selagi mana ia tidak bercanggah dengan garis panduan Ilahi. Natijahnya mewujudkan pengolahan ilmu yang tiada sempadan, bersifat tidak menyempitkan lalu mendorong umat Islam berikhtiar dan berusaha merubah, mendorong umat Islam menguasai *ulum aqliyyah* dengan cemerlang dan gemilang sehingga aplikasi dan implikasi sains juga menjadi lebih realistik dan bukan sekadar retorik, selain turut menguasai *ulum naqliyyah*.

Sejarah mencatatkan bahawa perkembangan pesat bidang pendidikan berlaku setelah kedatangan Islam yang mendokong sepenuhnya nilai dan ketinggian ilmu. Ajaran ini membuktikan keupayaan, kecenderungan, kemantapan dari sudut kepentingan

pendidikan amat ditekankan dan berkesan dalam memandu kehidupan manusia. Pengkaji berpegang kepada kesepaduan dan integrasi yang menggabung jalin perkembangan sains dalam ketamadunan Islam. Ia terhasil daripada interaksi dan komunikasi mantap antara sumber agung ajaran Islam, *ulum naqliyyah* dan adaptasi sumber keilmuan keduniaan, *ulum aqliyyah*. Tradisi keilmuan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) secara umumnya menjadi suatu penanda aras, jajaran proses dan aktiviti yang membawa suatu paradigma perubahan, perkembangan dan penyebaran budaya, etika dan keintelektualan berdasarkan norma dan nilai sesebuah masyarakat.

Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) telah meletakkan acuan, literasi pendidikan yang dijalankan serta kurikulum secara sistematik dan tersusun. Tradisi keilmuan ini menampakkan kesinambungan bermula dari peringkat rendah, menengah dan seterusnya ke peringkat yang lebih tinggi. Akhirnya konteks kemenjadian pelajar aliran *aqliyyah* turut menguasai ilmu *naqliyyah*. Kejayaan sistem sebegini menatijahkan pembawaan pelajar yang tidak meminggirkan agama malah mereka menguasai kerangka keagamaan dengan mantap walaupun menjadi seorang jurutera yang hebat.

5.2 Rumusan

Penilaian terhadap sistem dan kurikulum berdasarkan peringkat pendidikan menjadi teras perbincangan penulisan tesis ini walaupun peringkat pendidikan tidak dapat dilihat dalam bentuk yang ada seperti sekarang. Namun kewujudannya dapat diperjelaskan melalui paparan biografi pendidikan dan perkembangan institusi pendidikan yang wujud sepanjang tempoh tersebut. Menerusi kajian ini, wujudnya tahap pendidikan berdasarkan klasifikasi yang dibincangkan iaitu peringkat rendah, menengah dan tinggi. Kajian mengenai sistem dan kurikulum dinilai dan diteliti menerusi pendidikan bersistematik yang tersusun mengikut peringkat pendidikan.

Di peringkat rendah, kurikulum yang digariskan pada zaman Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) menetapkan Al-Quran sebagai teks utama pengajaran dan pembelajaran di kelas. Penggunaan Bahasa Arab sepenuhnya memainkan peranan penting sebagai komunikasi berkesan selari dengan teks Al-Quran bagi memudahkan pengajaran dan pembelajaran. Sistem dan kurikulum berasaskan al-Quran dan al-Sunnah berjaya mempengaruhi kehidupan dan keperibadian. Paparan biografi menjelaskan terdapat tokoh yang menghafaz al-Quran dalam masa yang singkat dan pada usia muda telahpun menulis Hadith malah penguasaan pelbagai bidang ilmu secara mendalam sebelum menjangkau usia 15 tahun.

Mata pelajaran yang ditawarkan membuktikan wujudnya kesepaduan ilmu semasa pelaksanaan kurikulum. Kesan kecemerlangan intelektual masyarakat era kegemilangan mencetuskan gerakan untuk membina institusi yang lebih sistematik. Di peringkat rendah ini penumpuan pelajar lebih kepada isi Al-Quran itu sendiri selain daripada aktiviti hafazan. Sumber teragung tinggalan Rasulullah S.A.W ini mencambahkan dan bertindak sebagai pembuka ruang kepada kesemua bidang keilmuan baik *naqliyyah* mahupun *aqliyyah*.

Pembentukan sesebuah kurikulum pendidikan dapat menggambarkan kebudayaan dan matlamat sesuatu negara. Sebuah negara komunis akan melahirkan generasi yang berfahaman komunis dan sebuah negara sekular akan melahirkan rakyat berfahaman sekular. Begitu juga halnya dengan negara Islam di mana akan melahirkan rakyat dan pandangan berteraskan kerangka keagamaan. Bagi mencapai matlamat tersebut, pemerintah dan masyarakat perlu menggembeling tenaga ke arah mencapai pembentukan kurikulum dan sistem yang bersepadu. Semua pihak haruslah berganding bahu dalam mencorak masa depan anak bangsa yang seimbang.

Tidaklah mustahil bagi sebuah masyarakat dan negara Islam yang menyakini Islam sebagai tatacara kehidupan yang unggul dan sesuai dengan fitrah manusia tidak

berkemampuan untuk menghasilkan kurikulum yang bersepadu. Kurikulum yang di indoktrinasi daripada roh al-Quran dan al-Sunnah berupaya menjamin pembentukan peribadi dan watak yang sempurna bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat.

5.3 Cadangan

Sesuatu pendidikan yang menjana kecemerlangan amat berkait rapat dengan sistem dan kurikulum yang dilaksanakan. Aspek ini didasari oleh keseimbangan, kesepaduan, perancangan, pengurusan yang sejajar dengan tuntutan dan ajaran Islam itu sendiri. Pendekatan *Rabbani* yang menepati fitrah manusia telah membawa perubahan kepada masyarakat yang diasak perubahan dan kemajuan. Kemunculan dan perkembangan aktiviti pendidikan dilaksanakan dengan sempurna dengan kewujudan institusi-institusi yang dibangunkan. Dalam usaha pemerintah menjamin kelangsungan tradisi keilmuan secara berterusan, institusi pendidikan adalah pola rangkaian terpenting dan diberi keutamaan dalam Islam. Sistem dan kurikulum yang mewarnai kecemerlangan pendidikan adalah manifestasi pendidikan yang berpaksikan ketuhanan dan mengutamakan kesepaduan ilmu berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah.

Konsep pendidikan yang tidak memisahkan dengan kehidupan menyedarkan masyarakat peri pentingnya kehidupan beragama. Kepesatan perkembangan ilmu pada waktu ini menyaksikan berlakunya kesepaduan ilmu atau *integrated knowledge* dari sumber wahyu dan sumber akal. Penyerapan, penyaringan, asimilasi ilmu serta penambahbaikan terhadap budaya ilmu asing ke dalam ilmu Islam akhirnya membawa suatu paradigma baru yang membentuk halatujua yang lebih pragmatik yang turut menjadi penanda aras bagi tamadun lain.

Usaha ke arah kesinambungan pembudayaan ilmu turut melibatkan peranan dan dokongan secara langsung para ulama di dalam melaksana dan menjayakan tradisi

keilmuan ini. Keterlibatan ulama khususnya dalam menghasilkan karya-karya agung melonjakkan arus pendidikan yang dilaksanakan. Karya yang dihasilkan meliputi pelbagai bidang pengetahuan dan tidak hanya tertumpu kepada ilmu keagamaan sahaja. Kenyataan ini sekaligus menggambarkan bahawa sistem dan kurikulum pendidikan yang dilalui menepati citarasa dan bawaan ajaran Islam yang *syumul*.

Kurikulum seperti ini menatijahkan pembawaan akhlak dan adab selari dengan peningkatan ilmu. Menyedari hakikat sistem sekularisme dan dualisme dalam pendidikan yang diperkenalkan Barat gagal menyediakan pendidikan yang sewajarnya kepada individu dan masyarakat, amat perlu bagi umat Islam kembali kepada kitab suci al-Quran dan al-Sunnah Rasulullah S.A.W. sebagai sumber utama bagi menghasilkan teori pendidikan. Justeru, pandangan pengkaji adalah, kurikulum bersepadu setiap jenis ilmu pengetahuan samada berbentuk teori atau amali, keduniaan atau keakhiratan adalah perlu berintegrasi dan saling kait mengait. Kedua-dua jenis ilmu ini membekalkan unsur akidah, syariah dan akhlak yang saling mempengaruhi di samping bertujuan mencapai kebahagiaan di dunia.

Sebagai contoh, apabila berbicara soal pendidikan dalam konteks Negara Malaysia misalnya, model dan rujukan yang telah digariskan oleh Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) dalam membentuk sistem kependidikan, nilai dan jati diri rakyat dalam membina pendidikan negara bangsa tidak dijadikan sebagai asas dan sumber rujukan atau *benchmark*. Pengkaji mendapati, aspek dan hal ehwal teks dan konteks Al-Quran tidak dijadikan sebagai wadah utama secara menyeluruh di peringkat rendah, sama ada Al-Quran itu dijadikan subjek teras mata pelajaran, huraian berdasarkan sains dan amali malahan untuk dihayati isi kandung dengan sesi pengajaran dan pembelajaran serta penghafalan di peringkat usia yang masih muda.

Ini bermakna, konsep dan idealisma sekolah rendah perlu di pertingkatkan dengan mengubah isi kandungan mata pelajaran agar lebih mesra Al-Quran. Di peringkat

menengah pula, konsep sebagaimana yang dibincangkan wajar diteruskan dengan memberi lebih penekanan kepada Al-Quran sebagai isi mata pelajaran dan diskusi yang menjadi keutamaan, bukan sekadar menjadi hafalan semata-mata. Aliran pembentukan jati diri pelajar dalam menghasilkan seseorang seperti sebilangan tokoh yang dibincangkan, memerlukan perubahan yang ketara pada falsafah pendidikan, dirombak dan dilakukan *tajdid* kepada isi kandungan atau *silibus* dan mata pelajaran yang berkaitan.

Oleh itu, satu penyelidikan yang bertujuan untuk mengetahui bagaimana pendekatan Kerajaan Abbasiyyah (749-1256M) dalam menghasilkan golongan ini haruslah dilaksanakan dan digabungjalinkan dengan beberapa pendekatan acuan abad ke 21 yang ingin diterapkan kementerian tidak sama sekali ditinggalkan. Sukatan pelajaran yang dihasilkan perlu dinilai secara menyeluruh dan diberi nilai tambah secara berkesan. Segala ilmu di dalam Al-Quran perlu diintegrasikan dengan ilmu duniawi supaya perkhabaran yang jelas dapat ditonjolkan. Daripada nas Al-Quran tersebut huraian yang bersandar kepada Hadith Rasulullah S.A.W perlu dititikluaskan menjadi percambahan idea dan ilmu yang berkesan.

RUJUKAN

- A. Guillaume (1954). *The Legacy of Islam*. London: Oxford University Press.
- Abbas M. Shariff (2010). *Kegemilangan dan Kemerosotan Umat Islam Dalam Usaha Membina Masyarakat Berfikir*. Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang, Singapura.
- Abd ar-Rahman bin Muhammed ibn Khaldun (2002). *The Muqaddimah*. (terj:Frank Rosenthal 1993). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd Rahman bin Hj Abd Ghani, Mustafa bin Abdullah, (2002). Pembaharuan dalam Mashaf Rasm ‘Uthmani: Suatu Sorotan Sejarah. *Jurnal Usuluddin, Bilangan 16, 105-118*. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/download/4062/1930>
- Abdul Halim Mat Diah (2007). *Pembinaan Modal Insan Menurut Bimbingan al-Quran*. (Kertas Kerja Konvensyen al-Quran di Kompleks Persekutuan Kota Kinabalu, 30 Jun 2007).
- Abdullah bin Ishak (1995). *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Abdullah (2007). *Sejarah dan Tamadun Islam*. Kedah: Pustaka Darusalam.
- Abdurrahman, Dudung (2002). *Sejarah Peradaban Islam Dari Masa Klasik Hingga Moden*. Yogyakarta: LSFI.
- Abul-Fazl Ezzati (1976). *An Introduction To The History of The Spread of Islam*. London: News and Media Ltd.
- Abuddin Nata. (2011). *Sejarah Pendidikan Islam*. Jakarta: Kencana.
- Ahmad Amin (1969). *Zuhr al-Islam*. Juz 1. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Arabiy.
- Ahmad Kilani Mohamed (2003). *Pengurusan Pendidikan Di Sekolah Huraian Menurut Perpektif Islam*. Penerbit UTM.
- Ahmad Shalabi (2003). *Sejarah dan Kebudayaan Islam 3*. (terj: Muhammad Labib Ahmad). Jakarta: Pustaka Al-Husna Baru.
- Ahmad Shalabi (1954). *History of Muslim Education*. Beirut: Dar al-Kashshaf.
- Ahmad Shalabi (1945). *Tarikh al-Tarbiyyah al-Islamiyyah*. Beirut: Dar al-Kashshaf.

- Ahmad Y. Al-Hassan (1994). The Arabic Origin of Jabir's Latin Works. *Journal for The History of Arabic Science Vol. 10: 5-11.*
- Ali Ayub (1980). *Crisis in Muslim Education: Dichotomy of Traditional and Modern System.* Bangladesh: Dacca.
- Ali, Said Ismail, (1978). *Ma'ahid al-Ta'lim al-Islami.* Kaherah: Dar al-Thaqafah li al-Tiba'ah wa al-Nashr.
- Alias Azhar (2010). Faktor Pembangunan dan Kemunduran Pengajian Sains Islam Silam. *Jurnal Hadhari Bilangan 3, 43-48.*
- Al-Abrashi, Muhammad Atiyyah (1970). *Dasar-dasar Pokok Pendidikan Islam.* (terj: H. Bustani A.Ghani). Jakarta: Bulan Bintang.
- Al-Daffa' Ali.A (1988). *Sumbangan Islam Dalam Bidang Matematik,* (terj: Amin Senin). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Faruqi, Ismail Raji dan Lois Lamnya (1998). *Atlas Budaya Islam.* (terj: Ilyas Hasan). Bandung: Penerbit Mizan.
- Al-Isfahani (1999). *Muhadarat al-Udaba' wa Muhawarat al-Syu'ara' wa al-Bulagha'* (Sunt; 'Umar al-Tiba'). Beirut: Dar al-Arqam.
- Al-Khudri, Muhammad Bik (1970). *Muhadarat al-Umam al-Islamiyyah.* Kaherah: Maktabat al-Tijariyyah al-Kubra.
- Al-Tawil, Tawfiq (1968). *Al-Arab wa al-'Ilm fi 'Asr al-Islam al-Dhahabi.* Kaherah: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah.
- Al-Sayuti, Jalaluddin (2015). *Tarikh Khulafa'* (terj: Syaikh Muhammad Ahmad Muhammad Isa). Jakarta: Pustaka As-Sunah Jakarta.
- Al-Quran al-Karim Mashaf 'Uthmani. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Quran* (1992). Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Amini Amir Abdullah (2001, Mei). Sumbangan Tamadun Islam Kepada Ilmu Pengetahuan. *Majalah Muslimah, 35(5), 44-45.*
- Anggraheni, R., & Astuti, R. D. (2020). Revitalisasi Nilai-Nilai Islami dalam Edukasi guna Mempersiapkan Generasi Menuju Era Society 5.0 Sebagai Bagian dari Strategi Rekonstruksi Kejayaan Peradaban Islam. *Prosiding Konferensi Integrasi Interkoneksi Islam Dan Sains, 2, 31-34.* Retrieved from <http://sunankalijaga.org/prosiding/index.php/kiiis/article/view/368>

- Atkinson. William C. (1960). *A History of Spain & Portugal*. Middlesex. Harmondsworth: Penguin Books Ltd.
- Atlas sejarah Islam, Cetakan 1* (2011). Dar Al Ilm., Jakarta: Kaysa Media, Depok.
- Azam Hamzah (1999). *Sejarah dan Tamadun Islam di Andalus*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizan Baharudin (1986). *Pengenalan Tamadun Islam di Andalus*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Badri Yatim (2013). *Sejarah Peradaban Islam*. Dirasah Islamiyah II. Jakarta: Rajawali Press.
- Bahrin, S. (2009). *Kajian pelaksanaan kurikulum j-QAF oleh guru pelatih Institut Pendidikan Guru Malaysia*. Kampus Kent, Tuaran, Sabah/Sabariah binti Bahrin. University of Malaya.
- Bammate.H. (1981). *Muslim Contribution To Civilization*. Lahore: Kazi Publications.
- Beg. M.A.J (1983). *Two Lectures on Islamic Civilization*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press
- Butt Nasim (1991). *Science and Muslim Societies*. London: Grey Seal Books.
- C.A. Qadir (1988). *Philosophy and Science in the Islamic World*. London: Routledge.
- Campbell Donald (1926). *Arabian Medicine and Its Influence on The Middle East* Volume I, London: Kegan Paul, Trench, Trubner&Co. Ltd.
- Cambridge Advanced Learner's Dictionary 3rd Edition (2008). Singapore: Cambridge University Press.
- Cates, Ward Mithcell (1990), *Panduan Amali untuk penyelidikan Pendidikan*. (terj: Syaharom Abdullah, Kuala Lumpur: DBP.
- Charles Homer Haskin (1965). *The Rise of Universities*. New York: Cornell University Press.
- Charles Michael Stanton (1990). *Higher Learning in Islam: The Classical Period A.D. 700–1300*. Savage, Maryland: Rowman & Littlefield.
- Chejne. Anwar G. (1974). *Muslim Spain, Its History and Culture*. Minnesota, University of Minnesota Press.
- Clement Huart (1903). *A History of Arabic Literature*. Cornell University Library Digitals Collections.

- Corbin, J. & Strauss, A. (2008). *The basics of qualitative research (3rd edition)*. Los Angeles: CA Sage.
- Crombie, A. (1952). *Augustine to Galileo, The History of Science A.D 400-1650*. London: William Heinemann Ltd.
- Daniel Norman (1975). *The Arabs and Medieval Europe*. London: Longman Group Limited and Librairie de Liban (Beirut).
- David C. Lindberg, (1978). *Science in the Middle Ages*. Chicago: University of Chicago Press.
- Demombynes, M.G (1961). *Muslim Institution*. London:Goerge Allen & Unwin.
- Desmond, S. (1968). *Early Islam*. Nederland: Time-Life International.
- Dr.H.Ah Zakki Fuad (2015). *Sejarah Peradaban Islam*. Surabaya: CV Indo Pramaha.
- Dr. Qais Faryadi. *An Islamic Perspective of Teaching Philosophy: A Personal Justification*. Faculty of Science and Technology Department of Computer Sciences, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- Dunlop.D.M. (1958). *Arabic Science in The West*. Karachi: Pakistan Historical Society Publication.
- Fadzlullah Hj. Shuib (1995). *Kecemerlangan Ilmu Dalam Sejarah dan Tamadun Islam, Penginstitusian Ilmu Pada zaman Abbasiyyah 750-1258M*. Kuala Lumpur: Pustaka Warisan.
- Farid Sami Haddad, (1994). Ibn Zuhr's Contribution to Surgery. *Journal For The History of Arabic Science Vol. 10: 69-79*.
- Farukh, Umar (1972). *Tarikh Al- Fikr Al- 'Arabi Ila Ayyam Ibn Khaldun*. Beirut: Dar Al- 'Ilm Li Al-Malayin.
- Fathurrohman, Muhammad (2017). *History of Islamic Civilization*. Yogyakarta: Garudhawaca
- Fisher, W.B. (1958). *Spain, A Geographical Background*. London: Chatto and Windus Educational Books Ltd.
- Fraenkel dan Wallen (2009). *How to Design and Evaluate Research in Education 7 Edition*. McGraw Hill Higher Education.
- G.Le Strange (1924). *Baghdad during The Abbasid Caliphates*. London: Muston Company, Oxford University Press.

- Ghazali Darusalam (2001). *Sumbangan Sarjana dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Glen M.Cooper (1997). *Galen, De Diebus decretoriis, from Greek into Arabic*. 1st Edition. Routledge, New York.
- Glen. M Cooper from Baghdad to Barcelona: The Anxiety of Influence in the Transmission of the Greek and Arabic Sciences.
<http://muslimheritage.com/article/transmission-greek-and-arabic-sciences>.
 Diakses pada 13/3/2018.
- Glyn Ford (1991). *Kelahiran Semula Sains Islam*. (terj. Rosnani Hashim & Abdul Karim Abdul Ghani). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Goerge A. Makdisi (1990). *The Rise of Humanisms in Classical Islam and the Christian West*. Edinburgh: Edinburgh Universiti Press.
- Goerge Makdisi (1981). *The Rise of Colleges Institutions of Larning In Islam and the West*. Edinburgh: Edinburgh Universiti Press.
- George Sarton (1975). *Introduction of History of Science*, Volume II. Carnegie Institution of Washington.
- Grant, Edward (1974). *Source Book in Medieval Science*. Cambridge Massachusetts: Harvard University Press.
- Gorini, Rosanna. (2005). The Process of Origin and Growth of the Islamic Medicine: The Role of the Translators. A Glimpse on the Figure of Hunayn bin Ishaq. *Journal of the International Society for the history of Islamic Medicine*, 4(7).
- Hairuddin Harun (1992). *Daripada sains Yunani kepada sains Islam: peranan dan proses penyerapan sains asing dalam pembentukan sains Islam klasikal*. Penerbit Universiti Malaya.
- HAMKA (2016). *Sejarah Umat Islam*. Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Harun Asrohah (1999). *Sejarah Pendidikan Islam*. Jakarta: Logos.
- Hasan Asari, (1994). *Menyingkap Zaman Keemasan Islam: Kajian atas Lembaga-Lembaga Islam*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Haskins, Charles Homer (1923). *The Rise of Universities*. New York: Cornell University of Texas Press.

Hasan Ibrahim Hasan, (1980). *Tarikh al-Islam, al-Siyasi wa al-Dini wa al-Thaqafi wa al-Ijtima'i* (Edisi ke.4). Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah.

Hassan Langgulung. 1991. *Asas-Asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.

Haykal, Muhammad Husain (1976). *The Life of Muhammad* (terj: Ismail Ragi A. al-Faruqi). USA: American Trust Publication.

Henry Smith Williams (1907). *History of The World*. Edinburgh: Morrison & Gibb.

Hill, Donald R. (1993). *Islamic Science and Engineering*. Edinburgh: Edinburgh University Press Ltd.

H.J.J Winter. (1952). *Eastern Science*. London: John Murray Ltd.

Holt, P.M, A. Lambton K.S & Bernard Lewis (1970). *The Cambridge History of Islam*, Volume 2B. Cambridge University Press.

Hsiung (2014). *What is Qualitative Analysis*. Lives and Legacies: A Guide to Qualitative Interviewing. <http://www.utoronto.ca/~pchsiung/LAL?analysis/introduction>. Diakses pada 15/7/2019.

<https://www.merriam-webster.com/dictionary/>

<https://hidupbermatlambat.wordpress.com/2008/05/08/apa-itu-halaqah>. Diakses pada 16/3/2018.

<http://ekamus.dbp.gov.my/>

<http://muslimheritage.com/article/transmission-greek-and-arabic-sciences>. Diakses pada 2/8/2018.

Ibn Abi Usaybi'ah, Abu al-'Abbas Ahmad, (t.th). *'Uyun al-Anba' fi Tabaqat al-Atibba'*. Kaherah: Matba'at al-Wahabiyyah.

Ibn Abd Rabbih, (1999). *Al-'Iqd al-Farid* (Edisi ketiga). Beirut: Dar Ihya al-Turuth al-'Arabi.

Ibn al-Nadim, Muhammad bin Abi Ya'kub Ishaq bin al-Nadim (1994). *Al-Fihrist*. Tunis: Dar al-Ma'rif.

Ibn al-Jawzi, Abu al-Faraj Abd Al-Rahman bin Ali bin Muhammad (1992). *Al-Muntazam fi Tarikh al-Umam wa Al-Muluk*. (Sunt. Muhammad Abd al-Qadir Ata, Mustafa Abd al-Qadir Ata. Beirut: Dar Al-Kutub al-Ilmiyyah.

- Ibn Batutah, Abu Abd Allah Muhammad bin Ibrahim al-Lawati, (1964). *Rihlat Ibn Batutah*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn Sa'id al-Andalusi, Abu al-Qasim Sa'id bin Ahmad bin Sa'id al-Andalusi, (1912). *Tabaqat al-Umam*. Beirut: Impremerie Carholique.
- Ibnu Kathir (1992). Abu Al Fida' Al Hafiz Ismail. *Al-Bidayah wa al-Nihayah*. Kaherah: Dar al-Hijrah.
- Ibnu Kathir (2005b). Abu Al Fida' Al Hafiz Ismail. *Sejarah Tamadun Islam Ibnu Kathir* (terj. Ahmad Nasir Mohd Yusoff, Haris Yunus). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibnu Khaldun (2002). *Mukadimah Ibnu Khaldun* (terj: Karya Terjemahan dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia 1993). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibnu Jarir al-Tabariy (1987) Abū Ja'far Muḥammad, *Tarikh ar-Rusul wa al-Muluk*. (terj: C.E.Bosworth 1987). State University of New York. State University of New York Press. VolumeXXXII.
- Ibnu Kathir, Abu Al Fida' Al Hafiz Ismail. *Tafsir Ibnu Kathir* (2005a). (terj: M.Abd.Ghoffar EM), Pustaka Imam As-Syafie, Muassasah Dar Al-Hilal Cairo.
- Ibrahim Mamat (2001), *Pengetua Sekolah: Menangani Isu dan Cabaran Kepimpinan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Imamuddin, S.M. (1961). *A Political History of Muslim Spain*. Pakistan: Najmah & Sons Ltd.
- Isam al-Din Muhammad 'Ali (1994). *Tarikh al-Falsafah al-Islamiyyah*. Iskandariah: Mansha'at al-Ma'arif.
- Ismail Saad (1992). *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Ilmu Perubatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jasmi, K. A. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif* in Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012 at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012. Organized by Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.
- John W. Creswell (2009). *Research Design, Qualitative, Quantitative and Mixed Method Approach, 3rd Edition*. Sage Publication, Inc.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (1979). *Kamus Dwi Bahasa*. Kuala Lumpur: Percetakan Titiwangsa Sdn. Bhd.

- Kementerian Pelajaran/Pendidikan Malaysia (KPM) Bahagian Pendidikan Guru (1996). *Pukal Latihan Kaedah Pengajaran Tatabahasa Arab*. Kuala Lumpur: KPM.
- Khalil A. Totah, (1926). *The Contribution of The Arabs Education*. Culombia University, New York: Bureau Of Publication, Teacher College.
- Khadra Jayyusi, Salma (1992). *The Legacy of Muslim Spain*. Leiden Netherlands: E.J.Brill.
- Kinnany (1980). *Producing Teachers for Islamic Education, Curriculum and Teacher Education*. Jeddah: King Abdul Aziz University.
- Laura Krefting (1991) Rigor in Qualitative Research: The Assessment of Trustworthiness. Research Article, Published Online: May 28, 2014. American Journal of Occupational Therapy, March 1991, Vol. 45, 214-222.
- Lawrence I. Conrade *et.al* (2012a). *Children in Islam: Concepts of Childhood in Medieval Muslim Society*. England: Ashgate Publishing Limited.
- Lawrence I. Conrade *et.al* (2012b). *Muslim Learning Institutions (The formation of the classical Islamic World; volume 43)*. England: Ashgate Publishing Limited.
- Lawrence I. Conrade *et.al* (2012c). *Education and Learning in the Early Islamic World*. England: Ashgate Publishing Limited.
- Leiser. G, (1983). Medical Education in Islamic Lands from The Seventh to The Forteenth Century. *Journal of The History of Medicine and Allied Sciences, Januari. Jilid 38(1)*
- Liya Khaulah Asy-Syaimaa' Hussain & Ahmad Faizuddin Ramli (2017). Contributions of Islamic Civilization to the Mathematics Development. Wawasan: *Jurnal Ilmiah Agama dan Sosial Budaya* 2, 2 (December): 199-208. Website: journal.uinsgd.ac.id/index.php/jw. ISSN 2502-3489 (online) ISSN 2527-3213 (print)
- M. J. L. Young, J. D. Latham, and R. B. Serjeant (1990). *Religion, Learning and Science in the `Abbasid Period*. New York: Cambridge University Press.
- Madkur, Ibrahim (1954). *Durus fi Tarikh al-Falsafah*. Kaherah: Matba'at Madkur.
- Mahayuddin Hj Yahaya (2006). *Tamadun Islam*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti.
- Mahayudin Yahaya dan Ahmad Jelani Halimi (1996). *Sejarah Islam*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Mahdi Shuid, Suzani Osman, Sazlina Othman (2008). *Sejarah Malaysia*. Selangor: Pearson Malaysia.

- Mahdi Zahraa (2003). Unique Islamic Law Methodology and the Validity of Modern Legal and Social Science Research Methods for Islamic Research, *Arab Law Quarterly* 18, no. 3/4, 224-225.
- Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid (2001). *Dinamisme Pengajian Syariah*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, halaman 7-8.
- Mahmud Yunus (1989). *Sejarah Pendidikan Islam*, cetakan 7. Jakarta: Hidakarya Agung.
- Mahmud, S.F. (1960). *A Short History Of Islam* Karachi: Oxford University Press.
- Mahroes, Serli (2015). Kebangkitan Pendidikan Bani Abbasiyyah Perpekstif Sejarah Pendidikan Islam. *Jurnal Tarbiyyah. Volume: 1 No: 1.*
<http://www.journal.uinsgd.ac.id>.
- Masri Singarimbun dan Sofyan Efendi (1995). *Metode Penelitian Survei*. Jakarta: LP3ES
- Mathew B. Miles, A. Micheal Huberman (1984). *Qualitative Data Analysis*. Beverly Hill: Age Publication.
- Marbawi, Muhammad Idris Abd Rauf al (t.t) *Qamus Idris al-Marbawi 'Arab Melayu*. Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi Wa Awladih.
- Maurice Gaudenfroy, *et.al* (1950). *Muslim Institutions*. William Brendon & Sons, Ltd. London.
- Mehdi Nakosteen (2007). *History of Islamic Origins of Western Educaion A.D 800-1350*. Colorado: University of Colorado Press.
- Micheal Cooperson (2004). *Classical Arabic biography Heirs of the Prophet in the Age of Al-Ma'mun*. Cambrigde University Press.
- Miles, M.B. dan Huberman (1994). *Qualitative Data Analysis*. London: Sage Publication.
- Mohd Liki Hamid (2005). *Pengajian Tamadun Islam*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Muhammad Akhtar & Khalid Jamil Rawat, (2015). A Historiography of the Educational System of the Muslims during the Umayyad's and the Abbasid's Period. *The Dialogue, Volume IV number 4*.
- Muhammad Nur Abdul Hafiz Suaid (2010). *Manhaj Tarbiyyah AnNabawiyyah* (terj: Siti Saujah Hj Mashuri dan To'at Amrullah Hj T.Syarfi). Selangor: Al Hidayah Publications.

- Muhammadullah Khalil Qasmi (2005). *Madrassa Education its Strength and Weakness*. 1st Edition. Makazul Ma'arif and Research Center. India.
- Muhd Yusof Ibrahim (1997). *Ilmu Sejarah: Falsafah, Pengertian dan Kaedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Musa, Muhammad Yusuf (1968). *Bayn al-Din Wa al-Falsafah Fi Ra'y Ibn Rush Wa Falasifah al-'Asr al-Wasit*. Cet. Ke-2. Kaherah: Dar Al-Ma'arif Bi Misr.
- Mustafa Suhaimi (1993). *Imam Ash'ariy Penyelamat Iktiqad Ahlussunnah Wal Jamaah*, K.Lumpur: Progressive Publishing House Sdn Bhd.
- Mustaffa Haji Daud, (1999). *Tamadun Islam (Edisi Maktab Perguruan)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Nasution S. (1998). *Metode Penelitian Naturalistik Kualitatif*. Bandung: Tarsito
- Naji Ma'ruf, (1969). *Asalat al-Hadarah al-Arabiyyah*. Baghdad: Marba'at al-Tadamun.
- Noraini Idris (2013). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Selangor: Mc Grow Hill Education (Malaysia) Sdn Bhd.
- Nurazmalullail Marni, Zulkifli Haron (2008). *Institusi Pengajian Syariah & Sains Era Kegemilangan Tamadun Islam*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- O'Callaghan, Joseph F. (1975). *A History of Medieval Spain*. London: Cornell University Press Ltd.
- Oemar Amin Hoesin (1959). *Filsafat Islam*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- O'Leary, D.L (1954). *Arabic Thought and its Place in History*. London: Routledge & Kegan Paul Ltd.
- Osman Bakar (1994). *Ilmu Tauhid Berasaskan Kajian Saintifik*. (terj: Ismail Ibrahim & Mohd Sahri Abdul Rahman). Kuala Lumpur: IKIM.
- Osman Haji Khalid (1987). *Kesusasteraan Arab Pada zaman Abbasiyyah, Andalus dan Zaman Moden*. Kuala Lumpur: Darul Nadwah, Muadzam Shah.
- Othman Talib (2016). *Zero Draft To Thesis: Edisi Bahasa Melayu*. Selangor: MPWS Rich Publication Sdn Bhd.
- Othman Talib (2017). *Aplikasi Penulisan Artikel Jurnal*. Selangor: MPWS Rich Publication Sdn Bhd.
- Othman Talib (2017). *Panduan Mudah Menulis Sorotan Literatur Kritia*. Selangor: MPWS Rich Publication Sdn Bhd.

- Oxford Advanced Learner's Dictionary 8th Edition (2010). Oxford University Express.
- Pinto, O (1929). *The Libraries of The Arabs During the Time of The Abbasides*. Islamic Culture 3.
- Philip K. Hitti (1956). *History of The Arabs, from the Earliest Times to The Present*. London: Macmillan & Co. Ltd.
- Philip K. Hitti (1970). *History of The Arabs*. London: McMillan Education Ltd.
- Philip K. Hitti (1973). *Capitals Cities Of Arabs Islam*. Minneapolis: University of Minnesota Press.
- Previte-Orton, C.W. (1953). The Shorter Cambridge Medieval History, Vol 1, *The Later Roman Empire to The Twelfth Century*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Professor Sir Magdi Yacoub, *1001 Cures Contributions in Medicine and Healthcare from Muslim Civilization*. <http://muslimheritage.com/article/1001-cures>. Diakses pada 14/8/2018.
- Rene Taton, (1963). *History of Science Ancient and Medieval Science From the Beginnings to 1450*. (terj: A.J Pomrans) New York: Basic Books Inc.
- Richard William Southern (1962). *Western Views of Islam in the Middle Ages*. Cambridge, Mass: Harvard University Press.
- Roucek, J.S dan Warren, R.L. (1986). *Sosiologi Suatu Pengenalan*. (Terj: Mohamad Hj. Yusuf. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rueben Levy (1929). *A Baghdad Chronicles*. Delhi University Library Cambridge.
- R.M.Savory (1976) *Introduction to Islamic Civilization*. London: Cambridge University Press.
- S. Waqar Ahmed Husaini (1986). Birth, Decline and Rebirth of Islamic Science and Technology: Indigenous Causes of Decline and Their Remedies. *MAAS Journal of Islamic Science Vol. 2 No.1 (Jan): 75-77*.
- Said Daywashi (1972). *Bayt al-Hikmah*. Baghdad: Muassasat Dar al-Kutub li al-Tibaah wa al-Nashr.
- Sajida (t.th). *Makalah Sejarah Pendidikan Islam pada masa Dinasti Abbasiyyah*.
- Salim Khan (1986). *Islamic Medicine*. Boston and Henley, London: Routledge and Kegan Paul.

- Salim TS Hassani, *et cl.* (2007). *1001 Inventions, Muslim Heritages in Our World*. Foundation for Science, Technology and Civilization.
- Sayid Fahman Rasyadi (2004). *Kamus al-Bayan Arab-Melayu Melayu-Arab*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.
- Sayili, Aydan (1960). *The Observatory of Islam*. Ankara:Publication of The Turkish Historical Society.
- S.F. Mason (1956). *Main Currents of Scientific Thought*. London: Routledge & Kegan Paul Ltd.
- S.I.Poeradisastra, 1981. *Sumbangan Islam kepada Ilmu dan Kebudayaan Moden*. Jakarta: PT Girimukdi Pasaka.
- Siddiqi, Amir Hassan (1967). *Studies In Islamic History*. Karachi: Jamiyatul Falah Publications.
- Siti Uzairah Mohd Tobi (2017). *Kajian Kualitatif dan Analisis Temu bual*. Kuala Lumpur: Aras Publisher.
- Shaharir Mohamad Zain, (2000). *Pengenalan Sejarah dan Falsafah Sains*. Bangi: Penerbit UKM.
- Spuler Bertold (1960). *The Muslim World, Part 1, The Age of The Caliphs*. Leiden, Netherlands: E.J. Brill.
- Solihin, M. (2017). Kurikulum Pendidikan Islam Klasik. *Nizham Journal of Islamic Studies, 1(2)*.
- Sufian Hussin (1996), *Pendidikan Di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suhirman Jayadi (t.th). *Kurikulum dan Institusi Pengajian Islam Periode Dinasti Abbasiyyah*.
- Sulaiman Nordin (1992). *Sains Falsafah Dan Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sulaiman Shamsuri (2009). *Research Methods for the Social Sciences Made Simple* 2nd Edition. Selangor: DSS Publishing Enterprise.
- Suwendi (2001). *Sejarah dan Pemikiran Pendidikan Islam*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.

- Syaltut, Mahmud (1981). *Tafsir al-Quran al-Karim*. Beirut & Kaherah: Dar Al-Syuruq.
- Syed Hussin Nasr, (1994). *Islam Dan Sains Moden*. Dlm. Baharudin Ahmad (pngr.). *Falsafah Sains Daripada Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Hussin Nasr, (1968). *Science and Civilization in Islam*. Cambrigde, Massachusetts: Harvard University Press.
- Tacker Spink, *Contribution To The History of Islamic Civilization*. Co. Calcutta.
- Takiruddin bin Haji Hassan (2012). *Pemerintahan Kerajaan Bani Abbasiyyah (132-656H=749-1258M)*. Johor Darul Takzim: Perniagaan Jahabersa.
- Tayeb El-Hibri (1999). *Reinterpreting Islamic Historiography Harun Ar Rasyid and the Narrative of the Abbasid Caliphate*. South Africa: Cambrigde University Press.
- Tamim Ansary, (2009). *Destiny Distrupted, History of The World Through Islamic Eyes*. Amerika: Public Affairs
- Thomas Davidson (1900). *The History of Education*. New York: Charles Scribner's Son.
- Thomas W. Arnold (1927) *The Cambridge Medieval History*. The Cambridge University Press: Cambridge University Press.
- The Encyclopaedia of Islam* (1991). New Edition. Leidin: E.J. Brill.
- Turner, Howard R (1997). *Science in Medieval Islam, An Illustrated Introduction*. Austin: University of Texas Press.
- T.S. Al Hasani (2007). *1001 Inventions Muslim Heritage In Our World, 2nd edition*. Foundation for Science and Civillazation, United Kingdom.
- W. Montgomery Watt (1972). *A History of Islamic Spain*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Walzer, R (1962). *Greek into Arabic*. Oxford: Bruno Cassirer Ltd.
- Wan Fuad Wan Hassan, (1996). *Ringkasan Sejarah Sains*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- William W. Brickman (2017), *Guide to Research in Education History*. Franklin Classics.
- Winarno Surakhmad (1980). *Penghantar Penelitian Ilmiah, Dasar, Metod dan Teknik*. Cetakan ke 7, Bandung: Tarsio.

- Yaqut al-Hamawi (1980). *Mu'jam al-Udaba'* (Edisi ke3). Beirut: Dar al-Fikr.
- Zetty Nurzuliana Rashed, Ab.Halim Tamuri, Mohd Izzudin Pisol, Mohd Faez Ilias, Siti Suhaila Ihwani (2016). Peranan Al-Quran Sebagai Sumber Ilmu Pengetahuan Dan Hubungannya Dengan Sains. *Proceeding of 5th International Conference on Islamic Education 2016 (ICIEd 2016), 5-7 Oktober 2016 bertempat di Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak, Kota Samarahan, Sarawak, anjuran Persatuan Intelektual Muslim Malaysia (PIMM), ISBN: 978-967-14229-2-2.*
- Ziauddin Sardar (1991). *Pendekatan Islam Dan Barat Terhadap Sains Dan Teknologi.* (terj: Rosnani Hashim & Abdul Karim Abdul Ghani). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zuhairi (1997). *Sejarah Pendidikan Islam.* Jakarta: Bumi Aksara.
- Zuhairini. (2004). *Sejarah Pendidikan Islam.* Jakarta: Bumi Aksara.
- Ziauddin Sardar (1980, Oktober). Can Science Come Back To Islam? *New Scientist*, 150 (2) 48-50.

**TRADISI KEILMUAN DALAM TAMADUN ISLAM
(132-654H/749-1256M): PENDEKATAN, FAKTOR DAN KESAN**

MOHD TAJUDDIN BIN ABD RAZAK

**Tesis dikemukakan dalam Memenuhi Syarat-syarat untuk Ijazah
Sarjana Sains Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan
Universiti Malaysia Terengganu**

Jun 2021

BIODATA

Mohd Tajuddin bin Abd Razak dilahirkan di Besut, Terengganu. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Mengabang Telipot dan Sekolah Menengah Kebangsaan (A) Tok Jiring. Mengambil faedah pengajian agama di beberapa buah pondok selama beberapa tahun. Melanjutkan pengajian Al Quran di Kolej Al Quran Terengganu. Mendapat tawaran melanjutkan pengajian di WolverHampton University di United Kingdom setelah mengambil HND. Mendapat segulung ijazah dengan kepujian di dalam bidang Kejuruteraan Perniagaan. Seterusnya mengambil Diploma Pendidikan Lepas Ijazah di Institut Pendidikan Sultan Mizan, Besut. Sekarang bertugas sebagai guru di sebuah sekolah di Kuala Nerus.

Sepanjang pengajian sarjana dalam bidang Falsafah dan Ketamadunan di Universiti Malaysia Terengganu, beliau terlibat dengan beberapa pembentangan di peringkat universiti. Antara jurnal penulisan beliau adalah “Instructional Methods and Subjects by Caliph Harun ArRasyid (786-810AD) Educational Speech: A Discussion” dan “Using Mobile Application Effects on Dialect Perception” telah diterbitkan di jurnal bertaraf Scopus.

DEDIKASI

Dengan nama Allah, Tuhan Yang Maha Pengasih, Lagi Maha Penyayang;

“Terima kasih Allah, kerana memberi kekuatan, motivasi dan tekad untuk menyelesaikan separuh perjalanan akademik saya ini”

Dedikasi yang teristimewa buat ibu tercinta, Hajjah Mariam Abdullah,
isteri dan anak-anak saya serta adik-beradik.

Untuk kesemua dedikasi, pengorbanan dan cinta yang tidak berakhir.

ABSTRAK

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Malaysia Terengganu sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Sains

**TRADISI KEILMUAN DALAM TAMADUN ISLAM (132-654H/749-1256M):
PENDEKATAN, FAKTOR DAN KESAN****MOHD TAJUDDIN BIN ABD RAZAK****JUN 2021****Penyelia Utama : Professor Asyraf Hj Ab. Rahman, PhD****Pusat Pengajian/Institut : Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan**

Islam sebagai *ad-deen* adalah bersifat menyeluruh dan merangkumi segenap aspek kehidupan manusia. Sejarah membuktikan bahawa sektor pendidikan di era Tamadun Islam (132-654H/749-1256M), telah memacu peradaban hingga ke peringkat yang tertinggi dan dikenali sebagai zaman keemasan Islam atau *The Golden Age Era*. Pada zaman tersebut, pendidikan dan tradisi keintelektualan dianggap sebagai kemuncak kejayaan yang memacu perubahan dunia pendidikan dalam sejarah peradaban. Acuan pendidikan yang baik telah melahirkan ramai sarjana Islam yang pakar dalam pelbagai disiplin keilmuan samada ilmu keduniaan mahupun keagamaan. Zaman kegemilangan ini turut menyokong kepada kemunculan ilmu dan penemuan baharu, selain mengembangkan tradisi keilmuan daripada tamadun-tamadun lain dengan mengasimilasi serta menambah baik sehingga mencetus perubahan lanskap dunia pengetahuan. Antara objektif kajian ini ialah menilai pendekatan pendidikan yang telah digunakan, memahami faktor-faktor yang membawa kejayaan kepada sistem pendidikan, serta menganalisis kesan tradisi keilmuan terhadap peradaban, kurikulum, pemikiran dan *Renaissance* di Eropah. Penulisan ini menggunakan pendekatan kualitatif merangkumi kaedah kepustakaan iaitu menganalisis data-data sekunder seperti buku-buku muktabar, tesis-tesis serta artikel-artikel berkait

dengan objektif kajian. Bagi mengukuhkan dapatan kajian, kaedah temubual tidak berstruktur turut dijalankan. Data-data dikumpul dan dianalisis secara deskriptif berdasarkan tema-tema utama. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tradisi keilmuan Islam dari aspek pendekatan pendidikan yang dilaksanakan baik di peringkat pemerintah, institusi-institusi pembelajaran, sistem pendidikan dan kurikulum serta kaedah pengajaran dan pembelajaran adalah saling berkait serta sangat signifikan. Faktor-faktor yang mempengaruhi kecemerlangan pendidikan bermula melalui perterjemahan karya-karya luar, pengurusan ekonomi dan kestabilan kewangan, tadbir urus yang mengutamakan sektor pendidikan, kestabilan politik dan pemartabatan bahasa Arab sebagai bahasa ilmu. Manakala aktiviti penterjemahan karya-karya sarjana Islam telah dikenalpasti sebagai faktor utama penyebaran tradisi ilmu ke Eropah. Hal ini telah membuka jalan kepada pertumbuhan infrastruktur pendidikan, pembangunan kurikulum, perkembangan falsafah pemikiran sehingga tercetusnya anjakan paradigma *Renaissance*.

ABSTRACT

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Malaysia Terengganu in fulfillment of the requirements for the degree of Master of Science

SCHOLARLY TRADITION IN ISLAMIC CIVILIZATION (132-654H/749-1256CE): APPROACHES, FACTORS AND EFFECTS

MOHD TAJUDDIN BIN ABD RAZAK

JUN 2021

Main Supervisor : Professor Asyraf Abdul Rahman, PhD
Faculty/Institute : Centre for Fundamental and Continuing Education

Islam as *ad-deen* is comprehensive and encompasses all aspects of human life. History attests to the education sector in the era of the Islamic Civilization (132-654H/749-1256CE), has spurred civilization to the highest level known as the golden age of Islam, or *The Golden Age Era*. During those times, education and intellectual tradition are considered to be the culmination of success driving the changing world of education in the history of civilization. A good education mould produces many Islamic scholars who specialize in various disciplines and fields of knowledge, both worldly and religious aspects. This golden age era also engages in the knowledge of science and promotes the emergence of new knowledge and discovery, as well as expanding knowledge of other civilizations by assimilating and enhancing the changing landscape of the scientific world. The objectives of this study are to assess the educational approaches that have been employed, to understand factors contributing to the success of the education system and to analyse the impact of the Islamic civilization on the Europe in term of civilization, curriculum, thought and Renaissance. This study uses a qualitative approach encompassing the library research by analysing secondary data from books, theses and articles related to the study objectives. To support the findings, un-structured interviews

are conducted. All the data were analysed descriptively based on the main themes. The findings of the study show that the educational approaches implemented whether on the part of the government, educational institutions, education system and curriculum as well as teaching and learning methods were closely interrelated and highly significant. Factors influencing the excellence of the educational approach begin with the translation of external works, economics management and financial stability, good governance that prioritizes the education sector, political stability and the promotion of Arabic language as the medium of instruction in the science tradition. The translation of Muslim scholars' works has also been identified as a key factor for the spread and development of knowledge to Europe, thus paving the way for the growth of educational infrastructure, development of curriculum and philosophy of thought leading to the birth of the Renaissance paradigm shift.

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya, kajian tesis ini telah berjaya disiapkan. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada Professor Mohd Asyraf bin Abdul Rahman, selaku penyelia yang telah banyak membantu dan memberikan tunjuk ajar, perhatian, semangat dan nasihat di dalam menjalankan kajian tesis ini.

Tidak lupa juga kepada Dr Rozaini binti Sulaiman yang telah membantu dalam menyiapkan kajian ini. Begitu juga kepada semua warga Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, para pensyarah serta kakitangan.

Jutaan kalungan kasih kepada keluarga tercinta yang tidak jemu memberikan nasihat, semangat dan sokongan fizikal serta mental sepanjang tempoh saya menyediakan tesis ini.

Sahabat-sahabat seperjuangan, Abedi, Yusaini Wi, rakan-rakan group CBBP-Unisza, terima kasih kerana memahami dan rakan-rakan sepengajian yang lain, terima kasih atas bantuan serta semangat yang telah dihulurkan.

KELULUSAN

Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Peperiksaan telah bertemu pada 25 Januari 2021 untuk melakukan pemeriksaan akhir Mohd Tajuddin bin Abd Razak, mengenai tesis Sarjana Sains bertajuk “**Tradisi Keilmuan Dalam Tamadun Islam (132-654H/749-1256M): Pendekatan, Faktor dan Kesan**” sesuai dengan peraturan yang disetujui oleh Senat Universiti Malaysia Terengganu. Jawatankuasa mengesyorkan agar calon diberikan ijazah yang berkaitan. Anggota Jawatankuasa Peperiksaan adalah seperti berikut:

Noor Rohana bin Mansor, PhD
Professor Madya
Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan
Universiti Malaysia Terengganu
(Pengerusi)

Ruzaini binti Sulaiman, PhD
Ketua Jabatan
Jabatan Kenegaraan dan Ketamadunan
Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan
Universiti Malaysia Terengganu
(Pemeriksa Dalaman)

RoZIAH bin Sidik @ Mat Sidek, PhD
Professor Madya
Pusat Kajian Bahasa Arab & Tamadun Islam
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
(Pemeriksa Luar)

Asyraf bin Haji Ab. Rahman,

PhD
Professor, Dekan
Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan
Universiti Malaysia Terengganu

Tarikh: